



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI SARAWAK**  
TAHUN 2010



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010  
**NEGERI SARAWAK**



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI SARAWAK  
TAHUN 2010

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



## KANDUNGAN

# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xiii
<b>BAHAGIAN I : AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI</b>	
Pendahuluan	3
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak Pengurusan Program Bantuan Rumah	3
Kementerian Kemudahan Awam Sarawak Dan Jabatan Kerja Raya Sarawak Projek Pembinaan Empangan Bengoh	28
Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak Sistem Maklumat Kerajaan Tempatan	42
Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan Dan Majlis Bandaraya Miri Pengurusan Kenderaan	50
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak Projek Perkhidmatan Pembetungan Di Sarawak	68
Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak Projek Tebatan Banjir	81
Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri	93
Lembaga Kemajuan Bintulu Pengurusan Projek Bintulu Waterfront Promenade	111
Lembaga Sungai-sungai Sarawak Pengurusan Bendungan Sungai	121
Jabatan Kerja Raya Sarawak, Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu dan LAKU Management Sdn. Bhd. Pengurusan Pengebilan Air	153
<b>BAHAGIAN II : PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
Pendahuluan	175
Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak Hornbill Skyways Sdn. Bhd.	175

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAHAGIAN III : PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	195
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009	195
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	202
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	202
<b>PENUTUP</b>	<b>209</b>



## KATA PENDAHULUAN

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak mendarahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2010 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Kementerian, 5 Jabatan, 7 Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

- Bahagian I** : **Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri**
- Bahagian II** : **Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**
- Bahagian III** : **Perkara Am**


3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 2010 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang didapati dalam Pengurusan Program Bantuan Rumah (PBR) ialah pembinaan rumah tidak mematuhi reka bentuk dan spesifikasi seperti yang ditetapkan Garis Panduan PBR, rumah tidak berkualiti; rumah telah dirobohkan tetapi pembinaan rumah baru belum dilaksanakan; bekalan elektrik belum disambung dan pemantauan program lemah. Bagi Projek Pembinaan Empangan Bengoh didapati penyiapan pembinaan Empangan Bengoh terjejas disebabkan kelewatan proses penempatan semula penduduk dan penyediaan Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh. Kelemahan yang didapati pada Pengurusan SMART 2000 pula ialah Modul *Building Tracking System* tidak digunakan; kebergantungan kepada vendor untuk perkhidmatan mengekstrak data; kawalan am dan kawalan aplikasi

tidak memuaskan; ujian sistem tidak dilakukan; amalan percubaan selari serta amalan sistem manual masih diteruskan dan server diletakkan di kawasan terbuka. Adalah didapati kelemahan pada Pengurusan Kenderaan ialah kawalan penggunaan, perolehan bahan api, penyenggaraan, pelupusan dan penyelenggaraan rekod adalah tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan manakala bagi Perkhidmatan Pembetungan kelemahan yang didapati ialah kos se *Population Equivalent* meningkat dan pelaksanaan Projek Loji Enapcemar Miri lewat daripada jadual. Sementara itu, adalah didapati bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu tidak disediakan dan komponen saluran pintasan banjir tidak dibina mengikut keperluan. Bagi Pengurusan Kuarters, tiadanya komunikasi dan koordinasi antara JKM, JKR dan JTS menyebabkan penggantian kuarters lewat disediakan dan pembangunan tapak asal kuarters belum dilaksanakan; struktur binaan konkrit kuarters tidak mengikut spesifikasi bangunan bertenikat; kepentingan Kerajaan Negeri tidak dipelihara bagi kuarters yang disewa; pelupusan kuarters mengambil tempoh yang lama dan penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan. Bagi Pengurusan Bintulu Waterfront Promenade, Lembaga Kemajuan Bintulu lewat membuat pembayaran balik premium tanah; kerja penyenggaraan *soft landscape* kurang memuaskan; promosi dan program/aktiviti berterusan belum dijalankan dan Bintulu Waterfront Promenade digunakan sebagai pelabuhan dan jeti pendaratan ikan oleh nelayan. Adalah didapati Pengurusan Bendungan Sungai Sarawak memberi kesan terhadap aktiviti perkapanan. Operasi pintu air bendungan serta *shiplock* melebihi had dan kos penyenggaraan meningkat. Pengurusan Pengebilan Air mempunyai kelemahan dari aspek sistem pembilan; polisi penukaran meter; pemotongan bekalan air dan pengurusan aduan. Manakala, Hornbill Skyways Sdn. Bhd. mempunyai kelemahan segi pengurusan kutipan caj penerbangan; penyenggaraan pesawat; kos operasi dan strategi pemasaran.

4. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 51 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

5. Saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan **“Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
1 Julai 2011



## **INTISARI LAPORAN**

## BAHAGIAN I – AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

### 1. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SARAWAK - Pengurusan Program Bantuan Rumah

1.1. Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat bertujuan untuk menyediakan kemudahan rumah kepada golongan miskin tegar dan miskin. PBR dilaksanakan dengan membina rumah baru atau membaik pulih rumah sama ada jenis rumah batu atau rumah kayu. Secara keseluruhannya, sejumlah RM219.02 juta atau 70.7% telah dibelanjakan daripada RM309.73 juta yang telah diperuntukkan untuk melaksana PBR di Negeri Sarawak bagi tahun 2008 hingga 2010. Hasil dari itu, sebanyak 11,274 unit atau 73.6% rumah daripada 15,312 unit rumah yang ditawarkan telah dibina dan dibaik pulih.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada umumnya bantuan yang diberi di bawah Program Bantuan Rumah telah dapat menyediakan kemudahan rumah kepada golongan miskin tegar dan miskin dengan memuaskan walaupun prestasi pencapaian pelaksanaan PBR keseluruhannya tidak mencapai sasaran iaitu menunjukkan aspek kewangan hanya 70.7% dan aspek fizikal hanya 73.6%. Bagaimanapun kelemahan yang diperhatikan berdasarkan sampel Audit adalah seperti berikut:

1.2.1. Kerja pembinaan rumah tidak berkualiti yang mana 101 daripada 254 unit sampel rumah yang dipilih tidak mematuhi reka bentuk dan spesifikasi sepenuhnya seperti yang ditetapkan Garis Panduan PBR mengikut tahun pelaksanaannya.

1.2.2. Tiga unit rumah bina baru belum dilaksanakan dan 79 unit rumah asal penerima PBR tahun 2009 telah dirobohkan tetapi pembinaan rumah baru belum dilaksanakan, kerja pembinaan 2 unit rumah baru belum disiapkan sepenuhnya dan 41 unit rumah penerima PBR tahun 2010 belum disambung dengan bekalan elektrik.

1.2.3. Tujuh unit rumah dibina tidak mematuhi Garis Panduan PBR.

1.2.4. Pemantauan program lemah.

1.3. Selepas teguran Audit, pihak Audit melaporkan bahawa langkah-langkah memperketatkan pemantauan dan mematuhi Garis Panduan PBR semasa telah diambil.

1.4. Bagi tujuan penambahbaikan terhadap program bantuan ini disyorkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak selaku penyelaras PBR mengambil langkah berikut:

1.4.1. Meningkatkan komunikasi dan koordinasi antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak, Pejabat Pembangunan

Negeri Sarawak, Pejabat Daerah, FELCRA, GIATMARA, Jabatan/Agensi Teknikal, Sarawak Energy Berhad, Lembaga Air dan kontraktor yang terlibat dengan pelaksanaan PBR.

1.4.2. Memastikan penyeliaan oleh Agensi pelaksana terhadap kerja kontraktor dipertingkatkan supaya pembinaan rumah dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, berkualiti dan dibayar dengan teratur.

1.4.3. Memastikan Garis Panduan PBR yang berkuat kuasa difahami oleh semua peringkat yang terlibat supaya pembinaan rumah adalah mengikut reka bentuk dan spesifikasi yang ditetapkan.

## **2. KEMENTERIAN KEMUDAHAN AWAM DAN JABATAN KERJA RAYA SARAWAK - Projek Pembinaan Empangan Bengoh**

2.1. Projek Pembinaan Empangan Bengoh dilaksanakan secara *Design and Build Negotiated* dengan kos sebanyak RM310.65 juta. Matlamat utama pembinaan empangan ini adalah sebagai takungan air untuk membekalkan air mentah ke Loji Rawatan Air Lembaga Air Kuching (LAK) di Batu Kitang sehingga tahun 2030. Projek ini telah dimulakan pada bulan Julai 2007 dan dijangka siap pada Disember 2010. Terdapat 4 buah kampung iaitu Kpg. Taba Sait, Kpg. Pain Bojong, Kpg. Rejoi dan Kpg. Semban, melibatkan 204 keluarga dan 1,595 orang di kawasan tadahan perlu dipindahkan sebelum pelaksanaan projek ini.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 terhadap Projek Pembinaan Empangan Bengoh di Kementerian Kemudahan Awam, Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak mendapati kelemahan seperti berikut:

2.2.1. Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh dan proses penempatan semula penduduk tidak dijalankan selari dengan kemajuan pembinaan Empangan Bengoh.

2.2.2. Pengujian dan penerimaan peralatan Mekanikal dan Elektrikal (M&E) tertangguh.

2.2.3. Implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri sebab kelewatan penyiapan Empangan Bengoh.

2.2.4. Penyenggaraan Jalan Bengoh/Danu kurang memuaskan.

2.3. Selepas teguran Audit, pihak Audit melaporkan bahawa kawasan penempatan semula penduduk sedang disediakan dari segi lot perumahan dan infrastruktur dan Jalan Bengoh/Danu juga telah dinaikkan taraf.

2.4. Sebagai langkah untuk memantapkan lagi prestasi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek pembangunan yang akan datang dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan ini tidak berulang, adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

2.4.1. Kementerian Kemudahan Awam hendaklah memastikan rancangan penempatan semula penduduk diberi perhatian agar projek tidak terjejas dan memberi implikasi kos keseluruhan projek.

2.4.2. Kerajaan Negeri perlu menimbang menubuhkan satu kumpulan pakar di bidang teknologi empangan yang akan menjadi pakar rujuk dalam pengurusan, pembinaan, penyenggaraan, hal alam sekitar dan juga dalam pengurusan kecemasan. Keperluan kepakaran ini penting memandangkan bilangan empangan bagi tujuan takungan air ataupun untuk menghasilkan hidro elektrik semakin bertambah di Negeri Sarawak.

### **3. KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN KESIHATAN AWAM**

#### **- Sistem Maklumat Kerajaan Tempatan**

3.1. Pada tahun 1996 hingga 2002, 19 Majlis Daerah telah membuat pembelian Sistem Maklumat Kerajaan Tempatan (SMART 2000) yang dibangunkan oleh PANSAR Sdn. Bhd. dengan menggunakan peruntukan sendiri dan mengikut keperluan semasa tanpa penglibatan daripada Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (UTMK). Pada tahun 2002, mesyuarat Majlis Sumber Teknologi Maklumat Sarawak (SITRC) telah bersetuju untuk membiayai SMART 2000 untuk 19 Majlis Daerah dan UTMK telah dilantik untuk menyelaras pelaksanaan sistem ini. Sehubungan itu, satu perjanjian telah dimeterai di antara Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA) dan PANSAR Sdn. Bhd. pada 30 Oktober 2003. Perjanjian tersebut bertujuan untuk melengkapkan sistem SMART 2000 dengan memasang modul yang belum dipasang di Majlis Daerah.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 terhadap SMART 2000 di KASKA, Majlis Daerah Samarahan, Bau, Serian, Subis, Limbang dan Lawas mendapati kelemahan seperti berikut:

3.2.1. Tiada langkah penambahbaikan diambil terhadap isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005.

3.2.2. *Building Tracking System* tidak digunakan.

3.2.3. Pihak Majlis masih terlalu bergantung kepada vendor dalam pengendalian sistem.

3.2.4. Kawalan Am dan Kawalan Aplikasi tidak memuaskan.

3.2.5. Ujian sistem tidak dilakukan, amalan percubaan selari dan amalan sistem manual masih diteruskan dan *server* diletakkan di kawasan terbuka.

3.3. Pihak Audit memaklumkan bahawa kajian untuk sistem baru sedang dijalankan dengan mengambil kira keperluan semasa.

3.4. Bagi meningkatkan pengurusan SMART 2000, KASKA disyorkan supaya mengambil langkah berikut:

3.4.1. Kajian semula secara menyeluruh patut dilakukan terhadap SMART 2000 agar mengambil kira maklum balas pengguna, penggunaan teknologi terkini dan integrasi antara modul.

3.4.2. Pembangunan sistem yang baru perlu melibatkan semua peringkat pengguna dari awal sehingga sistem diterima dan diluluskan.

3.4.3. Keperluan sumber manusia yang mahir dan terlatih dalam bidang ICT disediakan agar kebergantungan kepada vendor boleh dikurangkan.

#### **4. DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA, MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN DAN MAJLIS BANDARAYA MIRI** **- Pengurusan Kenderaan**

4.1. Sehingga akhir tahun 2010, 3 Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf bandar raya iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan Majlis Bandaraya Miri (MBM) memiliki 217 buah kenderaan pelbagai jenis yang terdiri daripada kereta salun, pacuan 4 roda, kenderaan utiliti pelbagai guna, lori, trak dan jentera berat. Kos perolehan kenderaan adalah sejumlah RM23.73 juta dan berusia antara satu hingga 26 tahun. Bagi tempoh 2008 hingga 2010, 3 PBT berkenaan telah membelanjakan RM9.87 juta daripada RM14.84 yang diperuntukkan untuk pengurusan kenderaan.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 terhadap pengurusan kenderaan di DBKU, MBKS dan MBM berdasarkan sampel Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

4.2.1. Mekanisme pemantauan dan lantikan Pegawai Pengangkutan dibuat tidak selaras dengan gred yang ditetapkan.

4.2.2. Buku Log Kenderaan dan rekod penyenggaraan kenderaan tidak diselenggara dengan sempurna dan tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.

4.2.3. Kenderaan tidak digunakan secara optimum di mana 58 atau 41.4% daripada 140 kenderaan diguna pada kadar kurang 30%.

4.2.4. Perolehan minyak tidak mengikut peraturan yang ditetapkan serta tiada pemantauan dibuat terhadap perolehan dan penggunaan minyak.

4.2.5. Pengurusan penyenggaraan kenderaan tidak memuaskan di mana jadual penyenggaraan pencegahan tidak dipatuhi, kos penyenggaraan yang tinggi sehingga ada yang melebihi kos perolehan dan pengurusan bengkel serta kebersihan persekitarannya perlu ditingkatkan.

4.2.6. Tindakan pelupusan 11 kenderaan yang telah lama rosak tidak diambil.

4.3. Selepas teguran Audit, pihak Auditi melaporkan bahawa Pegawai Pengangkutan yang sesuai telah dilantik, rekod penyenggaraan dan penggunaan minyak sedang dikemaskinikan serta tindakan pelupusan sedang dijalankan.

4.4. Bagi memastikan pengurusan kenderaan menjurus kepada amalan terbaik dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang, adalah disyorkan supaya langkah berikut diambil:

4.4.1. Jabatan Ketua Menteri, Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam serta Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan perlu meningkatkan penyeliaan, pemantauan dan kawalan

terhadap semua aspek pengurusan kenderaan serta memberi latihan yang sewajarnya kepada kakitangan.

4.4.2. Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam mengkaji keperluan kenderaan berdasarkan pendekatan *value management* dengan mengambil kira sama ada sesuatu aktiviti perlu dikontrakkan atau diswastakan agar Kerajaan lebih berjimat dan prestasi pengurusan kerja meningkat.

4.4.3. Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan perlu membuat analisis yang lebih teliti terhadap keperluan perolehan serta pengagihan kenderaan bagi memastikan tiada pembaziran berlaku dan penggunaan kenderaan adalah secara optimum.

## **5. JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN DI SARAWAK**

### **- Projek Perkhidmatan Pembetungan Di Sarawak**

5.1. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak (JPPS) ditubuhkan pada 1 Oktober 2007 untuk menguatkuasakan Ordinan Sistem Perkhidmatan Pembetungan 2005. Tujuan utama adalah untuk membolehkan Kerajaan Negeri membangun dan menyelaras Sistem Pengurusan Pembetungan Air dan Sisa Kumbahan untuk melindungi sumber air Sarawak daripada pencemaran. Di bawah RMKe-9, Kerajaan Negeri telah mendapat pinjaman sejumlah RM206.8 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan 7 projek di seluruh Negeri Sarawak. Kontrak Turnkey bagi Sistem Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching bernilai RM530 juta ditawarkan kepada Konsortium Kumpulan Nishimatsu-Hock Seng Lee secara rundingan terus. Projek Loji Rawatan Enapcemar Miri pula ditawarkan kepada *Eastbourne Corporation Berhad* dengan kos sejumlah RM15.78 juta.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati kajian kemungkinan serta perancangan dibuat dengan teliti serta terperinci dan tindakan telah diambil terhadap gangguan yang timbul disebabkan pelaksanaan projek. Bagaimanapun, didapati kelemahan seperti berikut:

5.2.1. Berlakunya peningkatan kos PE disebabkan pengurangan bilangan PE *connection*.

5.2.2. Pembinaan *Wetland Polishing Pond* yang bukan merupakan keutamaan melibatkan kos pembinaan serta kos penyenggaraan yang tidak dapat dipastikan.

5.2.3. Justifikasi dan impak menggugurkan pembinaan 5 *manholes* oleh pihak kontraktor seperti yang ditetapkan dalam kontrak belum dikemukakan dan Loji Rawatan Enapcemar Miri bertujuan merawat sisa air kumbahan dari seluruh Bandaraya Miri hanya mencapai kemajuan kerja 63.6% setakat April 2011 walaupun telah mendapat lanjutan masa sebanyak 5 kali.

5.3. Selepas teguran Audit, pihak Audit melaporkan bahawa tindakan akan diambil terhadap kontraktor bagi pembinaan Loji Rawatan Enapcemar Miri.

5.4. Bagi menambah baik pengurusan pelaksanaan projek, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak perlulah memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

5.4.1. JPPS perlu mengamalkan *value management* dalam proses perolehan dan pelaksanaan projek Sistem Pembetungan Bersepadu, Bandaraya Kuching dan Loji Rawatan Enapcemar Miri.

5.4.2. JPPS perlu memantau dengan rapi pelaksanaan projek Sistem Pembetungan dengan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor sekiranya syarat kontrak tidak dipatuhi.

5.4.3. JPPS perlu memastikan utiliti asas dan jalan masuk yang munasabah disediakan bagi melicinkan pelaksanaan projek dan operasi loji kelak.

## **6. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SARAWAK**

### **- Projek Tebatan Banjir**

6.1. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Sarawak bertanggungjawab untuk mengurus 26 Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Ke-II (PRE II) dengan peruntukan sejumlah RM437.81 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 terhadap projek tebatan banjir di JPS Sarawak, JPS Bahagian Kuching Dan Samarahan, JPS Bahagian Sibu dan Jabatan Hutan Sarawak serta Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (Lembaga) mendapatkan kelemahan seperti berikut:

6.2.1. Pelan induk tebatan banjir bersepadu tidak disediakan menyebabkan kesukaran untuk menentukan keutamaan dalam melaksanakan projek dan kos tinggi kerana dilaksanakan secara berasingan.

6.2.2. Komponen saluran pintasan banjir yang dibina dengan kos RM148.81 juta belum memberi sebarang impak dalam menangani masalah banjir kerana baru 2 kilometer sahaja dibina di bawah Fasa 1 berbanding 8 kilometer panjang keseluruhannya.

6.2.3. Laporan EIA lewat dikemukakan selama 589 hari kepada Lembaga kerana kontraktor gagal mengemukakan Laporan EIA yang lengkap.

6.2.4. Tiada tindakan susulan diambil terhadap *Environmental Monitoring Report* (EMR) apabila terdapat perubahan yang luar biasa dalam lingkungan had nilai pematuhan bagi sampel air yang diambil.

6.2.5. Bayaran tidak mengikut spesifikasi kontrak dan dokumen perjanjian sewaan belum dikemukakan untuk diaudit.

6.3. Pihak Audit memaklumkan peruntukan kewangan dan kajian adalah berdasarkan sektor dan wilayah mengikut agensi yang bertanggungjawab.

6.4. Bagi memastikan projek tebatan banjir dibuat dengan teratur, disyorkan supaya langkah berikut diambil:

6.4.1. Unit Perancangan Negeri hendaklah mengkoordinasi dan menyediakan Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu melibatkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam, Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak, Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan, Lembaga Sungai-sungai Sarawak, Lembaga dan Agensi utiliti lain secara holistik bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir pada masa hadapan.

6.4.2. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah mempraktikkan *value management* iaitu dengan mengkaji semula keutamaan kepada komponen projek yang boleh memberi kesan langsung berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

6.4.3. Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar perlu mengambil tindakan susulan terhadap EMR sekiranya terdapat perubahan yang luar biasa dalam lingkungan had nilai pematuhan sampel air yang diambil.

6.4.4. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memastikan pembayaran adalah berdasarkan kontrak utama dan dokumen perjanjian sewaan disertakan bagi tujuan pembayaran.

## **7. JABATAN KETUA MENTERI, JABATAN KERJA RAYA DAN JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK - Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri**

7.1. Sehingga akhir bulan Disember 2010, Kerajaan Negeri mempunyai 3,606 unit Kuarters Biasa Kerajaan dan daripada jumlah tersebut, 2,891 unit atau 80.2% didiami, 576 unit atau 16% kosong manakala 139 unit atau 3.8% dalam proses pelupusan.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2010 hingga Februari 2011 pada keseluruhannya mendapati penyediaan kuarters telah memberikan kemudahan dan keselesaan kepada penjawat awam. Bagaimanapun, pengurusan kuarters mempunyai kelemahan seperti berikut:

- 7.2.1. Penggantian kuarters lewat disediakan dan tapak asal kuarters belum dibangunkan.
- 7.2.2. Struktur konkrit kuarters tidak mengikut spesifikasi binaan bangunan bertingkat.
- 7.2.3. Kepentingan Kerajaan Negeri tidak dipelihara bagi kuarters yang disewa daripada pihak swasta.
- 7.2.4. Perjanjian penyewaan belum disediakan.
- 7.2.5. Baik pulih bekas kuarters belum selesai.
- 7.2.6. Pelupusan kuarters mengambil tempoh yang lama.
- 7.2.7. Tunggakan sewa ekonomi berjumlah RM1.58 juta.

7.2.8. Imbuhan tetap perumahan dibayar kepada pegawai yang mendiami kquarters.

7.2.9. Penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan.

7.3. Selepas teguran Audit, pihak Audit melaporkan sedang mengambil tindakan baik pulih kquarters dan peruntukan sebanyak RM50 juta di bawah RMKe-10 untuk penyenggaraan telah diperoleh.

7.4. Bagi memastikan kquarters Kerajaan Negeri diuruskan dengan teratur dan pegawai mendiami kquarters yang lebih sempurna adalah disyorkan supaya perkara berikut diberi perhatian:

7.4.1. Jabatan Ketua Menteri perlu meningkatkan peranan sebagai agensi utama dalam merancang, melaksana dan memantau pengurusan kquarters secara keseluruhan.

7.4.2. Komunikasi dan koordinasi antara Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Tanah dan Survei perlu dipertingkatkan.

7.4.3. Hak dan kepentingan Kerajaan Negeri diberi perhatian semasa perjanjian sewa antara Kerajaan Negeri dan pihak ketiga disediakan.

7.4.4. Mengadakan rundingan dengan Kerajaan Persekutuan bagi mencapai persetujuan terhadap sewa ekonomi yang dikenakan kepada penjawat awam Persekutuan yang mendiami kquarters Kerajaan Negeri.

7.4.5. Peruntukan yang mencukupi diluluskan kepada Jabatan Kerja Raya supaya penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan bagi memastikan kquarters sentiasa terpelihara dan dalam keadaan baik serta menjamin keselamatan dan keselesaan penghuni.

## **8. LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU**

### **- Pengurusan Projek Bintulu Waterfront Promenade**

8.1. Projek Bintulu Waterfront Promenade adalah satu daripada 6 komponen dalam Pelan Induk Pembangunan Bintulu Waterfront. Projek ini dilaksanakan secara *turnkey* oleh Sarawak Land (Kemena Park) Sdn. Bhd dalam 2 fasa dan melibatkan kos sejumlah RM71 juta. Projek Bintulu Waterfront Promenade di sepanjang 2.4 km tebingan sungai adalah kawasan rekreasi terbuka dan menjadi jalan penghubung dari pusat Bandar Bintulu ke pusat komersial baru dan tarikan utama untuk aktiviti pelancongan.

8.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 terhadap Pengurusan Projek Bintulu Waterfront Promenade mendapati kelemahan seperti berikut:

8.2.1. Pelan Induk Pembangunan Bintulu Waterfront mengandungi 6 komponen, bagaimanapun hanya Bintulu Waterfront Promenade siap dibina.

8.2.2. Kelewatan Lembaga Kemajuan Bintulu membayar balik premium tanah.

8.2.3. Kerja penyenggaraan *soft landscape* projek Fasa I kurang memuaskan.

8.2.4. Kemudahan asas belum disediakan.

- 8.2.5. Promosi belum dijalankan.
- 8.2.6. Bintulu Waterfront Promenade digunakan sebagai pelabuhan dan jeti pendaratan ikan.
- 8.3. Selepas teguran Audit, pihak Audit melaporkan bahawa bayaran premium tanah telah dilakukan pada bulan September 2010 dan bulan Januari 2011 dan tindakan sedang diambil untuk menambah baik penyenggaraan *soft landscape*, kemudahan asas serta promosi.
- 8.4. Bagi mencapai objektif projek pembinaan Bintulu Waterfront Promenade sepenuhnya, disyorkan supaya Lembaga Kemajuan Bintulu mengambil tindakan terhadap perkara berikut:
- 8.4.1. Lembaga Kemajuan Bintulu memainkan peranan utama bagi memastikan pihak swasta melaksanakan komponen dalam Pelan Induk Pembangunan Bintulu Waterfront dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis Perancangan Negeri serta mematuhi syarat dalam surat hak milik tanah.
- 8.4.2. Memastikan perancangan dan pelan penyenggaraan menyeluruh disediakan dan perancangan dilaksanakan secara berterusan.
- 8.4.3. Menyediakan pelan promosi, program, aktiviti serta menyediakan kemudahan asas untuk pengunjung.
- 8.4.4. Lembaga Kemajuan Bintulu perlu berbincang dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Sarawak, Persatuan Nelayan Kawasan Bintulu, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Bintulu dan Lembaga Sungai-sungai Cawangan Bintulu untuk menyelesaikan penempatan nelayan di jeti yang khusus.

## **9. LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK - Pengurusan Bendungan Sungai Sarawak**

- 9.1. Pembinaan kemudahan utama bendungan adalah fasa kedua pembangunan Skim Regulasi Sungai Sarawak (SRSS). Projek SRSS bernilai RM164 juta. Pada RMK9, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM48.80 juta kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak (Kementerian) untuk pengurusan Bendungan Sungai Sarawak. Pada akhir tahun 2010, sejumlah RM39.96 juta atau 81.9% telah dibelanjakan. Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS) menerima dan membelanjakan RM33.59 juta atau 68.8% daripada peruntukan tersebut untuk operasi, pengurusan, penyenggaraan dan pembelian alat ganti.
- 9.2. Pengauditan yang dijalankan antara September hingga Disember 2010 di pejabat LSS, Kuching Barrage Management Sdn. Bhd, Kementerian, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NREB), Jabatan Laut Sarawak (JLS), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sarawak (JPS) dan Lembaga Air Kuching (LAK) serta tapak projek Bendungan mendapati kelemahan seperti berikut:

9.2.1. Kekangan bendungan untuk menangani kejadian banjir kerana simulasi banjir berasaskan perubahan terkini keadaan cuaca, bentuk topografi dan *surface run-off* belum dilakukan.

9.2.2. Kekangan bendungan untuk melindungi bekalan air minuman daripada bahan kumbahan dan penerobosan air masin.

9.2.3. Kesan bendungan terhadap alam sekitar seperti pemendapan yang menimbulkan masalah navigasi dan hidupan komuniti serta berlakunya hakisan dasar sungai serta lubang kaut di kawasan bendungan.

9.2.4. Kesan bendungan terhadap aktiviti perkапalan seperti operasi perkапalan terbatas dan pergerakan trafik sungai tidak lancar.

9.2.5. Operasi pintu air dan *shiplock* berlebihan menyebabkan tahap *wear and tear* tinggi, kos perolehan alat ganti bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 sejumlah RM2.06 juta dan kos penambahbaikan silinder hidraulik bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 sejumlah RM10.11 juta.

9.2.6. Pengurusan kontrak kurang memuaskan seperti perolehan kerja penyenggaraan dan perkhidmatan bernilai RM5.86 juta tidak mempunyai perjanjian kontrak, tiada kesinambungan kontrak, kerja bernilai RM6.37 juta dilaksanakan sebelum perjanjian kontrak dimeterai dan perunding lewat memantau kerja kontraktor.

9.2.7. Perisian *MIKE 11 Flood Forecasting* sistem telemetri diperoleh pada tahun 1997 tetapi tidak digunakan kerana perisian untuk 18 stesen telemetri baru tidak sesuai dengan perisian *MIKE 11*.

9.2.8. Pelan Peralihan untuk kakitangan teknikal tidak disediakan untuk memastikan kesinambungan kerja pengendalian bendungan dan *shiplock*.

9.3. Selepas teguran Audit, pihak Auditi memaklumkan bersetuju dengan syor audit dan sedang mengambil tindakan untuk penambahbaikan.

9.4. Untuk memantapkan lagi pengurusan Bendungan Sungai Sarawak adalah disyorkan Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak Jabatan Kerja Raya Sarawak, Lembaga Sungai-sungai dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar mengambil tindakan seperti berikut:

9.4.1. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah melakukan simulasi menggunakan maklumat terkini seperti cuaca, bentuk topografi dan *surface run-off* bagi membolehkan sistem bendungan beroperasi dengan berkesan.

9.4.2. Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan pemindahan penduduk sepanjang Sungai Sarawak dan semua industri serta aktiviti perkапalan ditempatkan semula ke hilir sungai dengan segera bagi memastikan kualiti air Kelas IIB *National Water Quality Standards Malaysia* tercapai.

9.4.3. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar hendaklah menjalankan kajian impak untuk menilai kesan

pemendapan terhadap kehidupan komuniti setempat dan fauna serta flora supaya tindakan pemulihan dapat diambil dengan segera.

9.4.4. Jabatan Kerja Raya hendaklah memantau kadar *water seepage* supaya tidak melebihi had dibenarkan. Lembaga Sungai-sungai Sarawak juga hendaklah memantau dari semasa ke semasa kestabilan struktur di persekitaran bendungan dan *shiplock* bagi mengelak kesan buruk dan berlakunya gelinciran tebing tambak.

9.4.5. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah menyediakan jadual penyenggaraan rutin mengikut keutamaan berdasarkan hasil pemeriksaan keupayaan bendungan dan *shiplock* yang telah dijalankan.

9.4.6. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah memastikan perolehan kerja penyenggaraan dan perkhidmatan mematuhi peraturan kewangan semasa. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah menjalankan siasatan terhadap perolehan yang melanggar peraturan kewangan semasa.

9.4.7. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah memastikan perisian sistem telemetri yang telah diperoleh, diguna sepenuhnya bagi memudahkan ramalan banjir dibuat.

9.4.8. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah mempertingkatkan kawalan dalam terhadap pengurusan stor alat ganti Bendungan Sungai Sarawak untuk menjamin harta benda Kerajaan terpelihara.

9.4.9. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah mempunyai sumber tenaga teknikal yang mahir untuk memantau prestasi operator bendungan dan untuk memastikan syarat serta terma kontrak dipatuhi sepenuhnya. Tindakan sewajarnya hendaklah dilakukan berdasarkan surat tunjuk sebab ketidakhadiran pegawai utama semasa operasi bendungan dan *shiplock* seperti mana keperluan dalam kontrak.

## **10. LEMBAGA AIR KUCHING, LEMBAGA AIR SIBU, LAKU MANAGEMENT SDN. BHD., JABATAN KERJA RAYA - Pengurusan Pengebilan Air**

10.1. Penjualan air merupakan sumber hasil utama bagi setiap entiti bekalan air yang dikawal di bawah Ordinan Air 1994 dan *The Water Supply Regulations 1995*. Kadar tarif dan caj penjualan air ditetapkan dalam *The Water Supply Regulations 1995* dan proses kerja ada disediakan dalam dokumen kualiti setiap Entiti Bekalan Air.

10.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Januari 2011 di Lembaga Air Kuching (LAK), Lembaga Air Sibu (LAS), LAKU Management Sdn. Bhd. Kawasan Miri, Cawangan Bekalan Air Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuching dan Sarikei mendapati wujud kelemahan seperti berikut:

10.2.1. Tidak ada pembahagian tugas antara pembaca meter dan pegawai yang memasukkan data bacaan meter ke komputer dan seterusnya mencetak bil penggunaan air di JKR Kuching dan Sarikei.

10.2.2. JKR Kuching dan Sarikei masih menggunakan manual bagi pembacaan meter air dan pengeluaran bil air.

10.2.3. JKR Kuching tidak menjalankan pemotongan bekalan air walaupun tunggakan menjangkau sehingga 50 bulan.

10.2.4. Pegawai di JKR yang memasukkan data ke sistem dinyatakan sebagai ADMIN sahaja dalam sistem dan bukan atas nama pegawai yang berkenaan.

10.2.5. JKR Kuching tidak mempunyai Pusat Khidmat Pelanggan/Kaunter Khidmat Pelanggan untuk menerima aduan berkenaan dengan bekalan air.

10.2.6. JKR Kuching dan Sarikei tidak mempunyai Seksyen Penguatkuasaan untuk memantau tunggakan dan membuat pemotongan bekalan air.

10.2.7. Proses mengeluarkan bil air di JKR Kuching dan Sarikei dijalankan 2 kali iaitu membaca meter dan kemudiannya menghantar bil kepada pengguna berbanding di Agensi Bekalan Air di mana proses pembacaan meter dan pengeluaran bil dilakukan serentak.

10.2.8. Meter air yang tidak digunakan dan rosak belum dilupuskan di LAS dan JKR Sarikei.

10.2.9. Di LAK, meter air yang berusia 5 tahun dan kurang daripada itu dilupuskan walaupun masih dalam tempoh hayat ekonomik.

10.3. Selepas teguran Audit, pihak Audit melaporkan bahawa masalah yang dihadapi oleh JKR dijangka dapat diselesaikan selepas cadangan penstrukturran semula JKR diluluskan dan keupayaan sistem pengebilan air JKR ditingkatkan.

10.4. Adalah disyorkan supaya Entiti Bekalan Air menimbangkan mengambil langkah berikut untuk penambahbaikan:

10.4.1. JKR perlu mempertingkatkan sistem pengebilan air supaya semua transaksi dijalankan secara atas talian.

10.4.2. Mempertingkatkan penguatkuasaan termasuk menjalankan pemotongan bekalan air bagi pengguna yang ingkar membayar bil air di kawasan bekalan air JKR.

10.4.3. JKR hendaklah mengkaji dan memantau bil tertunggak, menyiasat punca berlaku supaya tindakan pembetulan dapat dijalankan dan mengambil tindakan terhadap pegawai yang menjalankan tugas sambil lewa sahaja.

10.4.4. Kaedah baru pemotongan bekalan air perlu diperkenalkan seperti penggunaan *ballofix valve* dan *clamp*.

## **BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **11. PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK - Hornbill Skyways Sdn. Bhd.**

11.1. Hornbill Skyways Sdn. Bhd. (Hornbill) yang ditubuhkan pada tahun 1977 merupakan syarikat penerbangan yang menyediakan kemudahan pengangkutan udara untuk membawa penumpang, perkhidmatan ukur, fotografi udara, pemetaan, tinjauan udara dan penguatkuasaan hutan. Modal berbayar Hornbill berjumlah RM40 juta dan sejumlah RM26.88 juta atau 67.2% daripadanya dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak dan RM13.12 juta atau 32.8% dimiliki oleh Yayasan Sarawak. Hornbill mencatatkan keuntungan terkumpul selepas cukai sejumlah RM91.93 juta walaupun telah mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM0.35 juta pada tahun 2009.

11.2. Pengauditan yang dilaksanakan dari bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati perkara berikut:

11.2.1. Nisbah kewangan Hornbill iaitu nisbah semasa, margin keuntungan, nisbah pulangan ke atas ekuiti dan nisbah pulangan ke atas aset bagi tahun 2009 menunjukkan kemerosotan berbanding tahun 2008.

11.2.2. Dari segi pengurusan aktiviti, adalah didapati kos penyenggaraan tidak berjadual bagi 14 buah pesawat Hornbill lebih tinggi berbanding kos penyenggaraan berjadual, 5 buah helikopter jenis Bell (*Single Engine*) kurang menjana pendapatan, tunggakan penghutang dagangan terkumpul berjumlah RM6.59 juta setakat bulan Disember 2010 dan rancangan strategik pemasaran belum disediakan.

11.2.3. Dari aspek tadbir urus korporat, adalah didapati rancangan korporat belum disediakan, peraturan kewangan belum lengkap dan teratur, peraturan kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya dan dividen tidak dibayar secara konsisten kepada pemegang saham bagi tahun di mana Hornbill mencatatkan keuntungan selepas cukai.

11.3. Pihak Audit bersetuju dengan syor Audit dan langkah sedang diambil bagi memantapkan urus tadbir serta pengurusan kewangan syarikat.

11.4. Bagi menambah baik pengurusan syarikat, Hornbill disyorkan:

11.4.1. Mewujudkan Rancangan Korporat berserta indeks petunjuk prestasi sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

11.4.2. Mempertimbangkan pengasingan tugas antara Pengerusi Eksekutif Hornbill dan Pengerusi Lembaga Pengarah untuk tadbir urus yang baik.

11.4.3. Meningkatkan pendapatan langsung untuk memperbaiki aliran tunai dan prestasi kewangan syarikat.

11.4.4. Mengkaji semula penggunaan helikopter jenis Bell (*Single Engine*) memandangkan helikopter tersebut kurang menjana pendapatan sebab jarang digunakan dan melibatkan kos operasi yang tinggi.

11.4.5. Merangka strategi pemasaran yang lebih berkesan bagi mempromosi perkhidmatan yang disediakan oleh Hornbill seperti mengadakan usaha sama strategik dengan pihak yang terlibat dalam industri pelancongan dan seterusnya mempelbagaikan pendapatan syarikat.

11.4.6. Menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan teratur serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.



## **BAHAGIAN I AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI NEGERI**



# **BAHAGIAN I**

## **AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **1. PENDAHULUAN**

Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah memilih 10 aktiviti untuk dikaji iaitu Pengurusan Program Bantuan Rumah, Projek Pembinaan Empangan Bengoh, Sistem Maklumat Kerajaan Tempatan (SMART 2000), Pengurusan Kenderaan, Projek Perkhidmatan Pembetungan Di Sarawak, Projek Tebatan Banjir, Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri, Pengurusan Projek Bintulu Waterfront Promenade, Pengurusan Bendungan Sungai Sarawak dan Pengurusan Pengebilan Air. Pemerhatian Audit daripada kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agenzi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian ini**.

### **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SARAWAK**

### **2. PENGURUSAN PROGRAM BANTUAN RUMAH**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

2.1.1. Program Bantuan Rumah (PBR) adalah satu program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) bertujuan untuk menyediakan kemudahan rumah kepada golongan miskin tegar dan miskin selaras dengan pembentukan masyarakat penyayang dan matlamat Wawasan 2020. Pada awal pelaksanaannya, program ini dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang kemudiannya dikenali sebagai Program Bantuan Rumah mulai tahun 2008. PBR juga dilaksanakan selaras dengan satu daripada program di bawah *National Key Result Areas* (NKRA) yang ke-5 iaitu untuk menyediakan tempat kediaman yang lebih selesa, bermutu, selamat dan sempurna sejajar dengan objektif PBR iaitu untuk menaik taraf kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin dengan mewujudkan suasana sejahtera sebagai asas pertumbuhan sesebuah keluarga. PBR dilaksanakan dengan membina rumah baru atau membaik pulih rumah sama ada jenis rumah batu atau rumah kayu.

2.1.2. Antara kriteria pemilihan, penerima PBR hendaklah berdaftar dengan Sistem Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SSPKR) atau Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) dan disahkan tidak mempunyai rumah atau rumah yang sedia ada diperakui usang, daif atau tidak selamat untuk diduduki. Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak (PPNS) bertanggungjawab menyelaras, melaksana dan bertindak sebagai pejabat pembayar

bagi PBR di Negeri Sarawak mulai RMKe-8 hingga tahun 2008. Mulai bulan April 2009, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak (KPLB) telah dilantik sebagai penyelaras PBR di Negeri Sarawak dan FELCRA Bhd., Wilayah Sarawak (FELCRA) pula dilantik sebagai Agensi pembayar. Agensi pelaksana utama PBR adalah PPNS, Pejabat Daerah, GIATMARA Sarawak (GIATMARA) dan FELCRA.

2.1.3. PBR di Negeri Sarawak dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui 2 sumber kewangan iaitu peruntukan daripada Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW).

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada PBR dirancang, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

## **2.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di KPLB, PPNS, Pejabat Daerah dan FELCRA. Pejabat Daerah yang dipilih untuk pengauditan terperinci ialah Pejabat Daerah Kuching, Bau, Lundu, Samarahan, Asajaya, Serian, Sri Aman, Lubok Antu, Sibu dan Kanowit. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, rekod dan fail serta menganalisis data. Sebanyak 1,479 dan 235 borang soal selidik juga telah diedar masing-masing kepada penerima PBR dan kontraktor kelas F yang terlibat dengan pelaksanaan PBR bagi mendapat maklum balas mengenai tahap kepuasan dan pendapat mereka mengenai PBR yang dilaksanakan. Selain itu, lawatan fizikal Audit ke 10 daerah di 4 bahagian dan temu bual juga dijalankan.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada umumnya bantuan yang diberi di bawah Program Bantuan Rumah telah dapat menyediakan kemudahan rumah kepada golongan miskin tegar dan miskin dengan memuaskan seperti **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. Prestasi pencapaian pelaksanaan PBR secara keseluruhannya dari aspek kewangan yang dicapai hanya 70.7% dan aspek fizikal hanya 73.6%. Bagaimanapun, berdasarkan sampel Audit terdapat kelemahan dalam pelaksanaan program ini seperti sebanyak 101 daripada 254 unit sampel rumah yang dipilih tidak mematuhi reka bentuk dan spesifikasi seperti yang ditetapkan Garis Panduan PBR mengikut tahun pelaksanaannya serta tidak berkualiti; 3 unit rumah bina baru belum dilaksanakan dan 79 unit rumah asal penerima PBR tahun 2009 telah dirobohkan tetapi pembinaan rumah baru belum dilaksanakan, kerja pembinaan 2 unit rumah baru belum disiapkan sepenuhnya dan 41 unit rumah penerima PBR tahun 2010 belum disambung dengan bekalan elektrik; kerja baik pulih bagi satu unit rumah individu dan 20 pintu rumah panjang belum disiapkan sepenuhnya; 7 unit rumah dibina tidak mematuhi Garis Panduan PBR dan pemantauan program lemah.

**Gambar 2.1**  
**Rumah Batu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sebat Melayu, Daerah Lundu  
Tarikh: 24 November 2010

**Gambar 2.2**  
**Rumah Kayu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Vincent, Sungai Bawan, Daerah Kanowit  
Tarikh: 10 November 2010

#### **2.4.1. Prestasi Pelaksanaan Fizikal Program Bantuan Rumah Tidak Tercapai Sepenuhnya**

2.4.1.1. Prestasi pencapaian pelaksanaan PBR diukur dari aspek bilangan rumah yang dibina dan dibaik pulih berbanding dengan peruntukan kewangan yang diterima. Bagi tahun 2008 hingga 2010, sejumlah RM309.73 juta telah diperuntukkan dan disalurkan kepada PPNS, GIATMARA dan FELCRA untuk melaksana sebanyak 15,312 unit rumah bagi seluruh Negeri Sarawak. Semakan Audit mendapati daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM219.02 juta atau 70.7% telah dibelanjakan untuk membina 4,528 unit rumah baru dan membaik pulih 6,746 unit rumah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Prestasi Kewangan Dan Fizikal**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010 Mengikut Penyelaras**

Bil.	Penyelaras PBR	Tahun Pelaksanaan	Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal					
			Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)	PBR Ditawarkan (Unit)	PBR Siap Dilaksanakan Bina Baru (Unit)	Baik Pulih (Unit)	Jumlah (Unit)	Peratus (%)	
1.	PPNS	2008	36.49	36.34	99.6	1,275	971	250	1,221	95.8	
		2009	29.40	19.07	64.9	814	489	0	489	60.1	
		2010	9.05	7.29	80.6	0	227	0	227	0	
<b>Jumlah</b>			<b>74.94</b>	<b>62.70</b>	<b>83.7</b>	<b>2,089</b>	<b>1,687</b>	<b>250</b>	<b>1,937</b>	<b>92.7</b>	
2.	KPLB	2009	107.04	103.92	97.1	4,546	1,999	2,443	4,442	97.7	
		2010	127.75	52.40	41	8,677	842	4,053	4,895	56.4	
<b>Jumlah</b>			<b>234.79</b>	<b>156.32</b>	<b>66.6</b>	<b>13,223</b>	<b>2,841</b>	<b>6,496</b>	<b>9,337</b>	<b>70.6</b>	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>309.73</b>	<b>219.02</b>	<b>70.7</b>	<b>15,312</b>	<b>4,528</b>	<b>6,746</b>	<b>11,274</b>	<b>73.6</b>	

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak, Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, GIATMARA Sarawak dan FELCRA Bhd., Wilayah Sarawak

2.4.1.2. PPNS selaku penyelaras PBR bagi tahun 2008 hingga April 2009 telah menerima peruntukan sejumlah RM74.94 juta yang disalurkan oleh ICU, JPM dan KKLW untuk

membina 1,800 unit rumah baru dan membaik pulih sebanyak 289 unit rumah. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM62.70 juta atau 83.7% telah dibelanjakan sehingga akhir Disember 2010 oleh PPNS yang juga bertindak sebagai pejabat pembayar untuk membina 1,687 unit atau 93.7% rumah baru dan membaik pulih 250 unit atau 86.5% rumah. Semakan Audit mendapati PPNS ada menerima peruntukan sejumlah RM9.05 juta pada tahun 2010 untuk membayar kerja pembinaan 227 unit rumah baru tahun 2009 kerana tidak mematuhi spesifikasi kerja. Adalah didapati PPNS telah mencapai objektif membantu seramai 1,937 atau 92.7% penerima PBR yang disasarkan walaupun terdapat kerja pembinaan tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Butiran prestasi kewangan dan bilangan PBR yang diselaraskan oleh PPNS bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Prestasi Kewangan Dan Bilangan PBR Yang**  
**Diselaras Oleh PPNS Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Tahun	Peruntukan Kewangan			Bil. PBR Ditawarkan			Bil. PBR Sudah Siap			Peratus (%)		
	Diterima (RM Juta)	Dibelanjakan (RM Juta)	Peratus (%)	Bina Baru (Unit)	Baik Pulih (Unit)	Jumlah (Unit)	Bina Baru (Unit)	Baik Pulih (Unit)	Jumlah (Unit)	Bina Baru	Baik Pulih	Jumlah
2008	36.49	36.34	99.6	986	289	1,275	971	250	1,221	98.5	86.5	95.8
2009	29.40	19.07	64.9	814	0	814	489	0	489	60.1	0	60.1
2010	9.05	7.29	80.6	0	0	0	227	0	227	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>74.94</b>	<b>62.70</b>	<b>83.7</b>	<b>1,800</b>	<b>289</b>	<b>2,089</b>	<b>1,687</b>	<b>250</b>	<b>1,937</b>	<b>93.7</b>	<b>86.5</b>	<b>92.7</b>

Sumber: Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak

2.4.1.3. Mulai bulan April 2009, KPLB telah dilantik untuk menyelaras PBR di Negeri Sarawak yang mana peruntukan disalurkan oleh KKLW kepada FELCRA yang bertindak sebagai Agensi pembayar PBR. Semakan Audit mendapati pada tahun 2009 hingga 2010, KKLW telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM234.79 juta bagi membantu seramai 13,223 penerima PBR iaitu pembinaan sebanyak 3,711 unit rumah baru dan membaik pulih 9,512 unit rumah. Semakan Audit seterusnya mendapati sehingga akhir Disember 2010, hanya sejumlah RM156.32 juta atau 66.6% telah dibelanjakan untuk membina sebanyak 2,841 unit atau 76.6% rumah baru dan membaik pulih 6,496 unit atau 68.3% rumah. Butiran prestasi kewangan dan bilangan PBR yang diselaraskan oleh KPLB bagi tahun 2009 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Prestasi Kewangan Dan Bilangan PBR Yang**  
**Diselaras Oleh KPLB Bagi Tahun 2009 Hingga 2010**

Tahun	Peruntukan Kewangan			Bil. PBR Ditawarkan			Bil. PBR Sudah Siap			Peratus (%)		
	Diterima (RM Juta)	Dibelanja (RM Juta)	Peratus (%)	Bina Baru (Unit)	Baik Pulih (Unit)	Jumlah (Unit)	Bina Baru (Unit)	Baik Pulih (Unit)	Jumlah (Unit)	Bina Baru	Baik Pulih	Jumlah
2009	107.04	103.92	97.1	1,983	2,563	4,546	1,999	2,443	4,442	100.8	95.3	97.7
2010	127.75	52.40	41	1,728	6,949	8,677	842	4,053	4,895	48.7	58.3	56.4
<b>Jumlah</b>	<b>234.79</b>	<b>156.32</b>	<b>66.6</b>	<b>3,711</b>	<b>9,512</b>	<b>13,223</b>	<b>2,841</b>	<b>6,496</b>	<b>9,337</b>	<b>76.6</b>	<b>68.3</b>	<b>70.6</b>

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak, GIATMARA Sarawak Dan FELCRA Bhd., Wilayah Sarawak

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan PBR di Negeri Sarawak adalah memuaskan tetapi masih belum mencapai objektif sepenuhnya kerana peratusan rumah yang dibina dan dibaiki adalah 73.6% daripada jumlah PBR yang ditawarkan manakala perbelanjaan hanya 70.7% daripada amaun peruntukan yang diterima.

#### 2.4.2. Kerja Pembinaan Rumah Tidak Mematuhi Reka Bentuk Dan Spesifikasi Serta Tidak Berkualiti

2.4.2.1. Agensi pelaksana seperti PPNS, Pejabat Daerah dan FELCRA menggunakan khidmat kontraktor kelas F sama ada untuk pembinaan rumah baru atau membaik pulih rumah. Bagi peruntukan yang disalurkan kepada GIATMARA pula, kerja baik pulih rumah dijalankan oleh pihak GIATMARA sendiri. Berdasarkan lawatan Audit ke 10 daerah di Bahagian Kuching, Sri Aman, Sibu dan Samarahan mendapati daripada 254 unit rumah, sebanyak 101 unit rumah yang dibina tidak mematuhi sepenuhnya reka bentuk dan spesifikasi seperti ditetapkan di Garis Panduan PBR mengikut tahun pelaksanaannya serta kerja pembinaan rumah adalah tidak berkualiti seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Rumah Yang Dibina Atau Dibaik Pulih Tidak Mematuhi Sepenuhnya**  
**Reka Bentuk Dan Spesifikasi Serta Tidak Berkualiti Mengikut Penyelaras**

Bil.	Bahagian	Daerah	Bil. Sampel Audit Mengikut Penyelaras			Bil. Rumah Tidak Mematuhi Reka Bentuk Dan Spesifikasi Serta Tidak Berkualiti			
			KPLB (Unit)	PPNS (Unit)	Jumlah (Unit)	KPLB (Unit)	PPNS (Unit)	Jumlah (Unit)	Peratus (%)
1.	Kuching	Kuching	59	6	65	23	5	28	43.1
		Bau	31	0	31	12	0	12	38.7
		Lundu	37	16	53	17	14	31	58.5
2.	Sri Aman	Sri Aman	14	0	14	2	0	2	14.3
		Lubok Antu	15	0	15	5	0	5	33.3
3.	Sibu	Sibu	24	0	24	9	0	9	37.5
		Kanowit	8	0	8	0	0	0	0
4.	Samarahan	Samarahan	19	1	20	8	1	9	45.0
		Asajaya	7	4	11	1	4	5	45.5
		Serian	13	0	13	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>			<b>227</b>	<b>27</b>	<b>254</b>	<b>77</b>	<b>24</b>	<b>101</b>	<b>39.8</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.2.2. Kerja pembinaan rumah yang tidak mematuhi sepenuhnya reka bentuk dan spesifikasi serta tidak berkualiti bagi pembinaan rumah tahun 2009 dan 2010 yang diselaraskan oleh KPLB dan PPNS adalah merangkumi dinding dalam rumah jenis batu bata 3 bilik sepatutnya menggunakan batu bata dan dilepa tetapi dibina menggunakan papan lapis, aras lantai dalam rumah sama dengan aras apron rumah, tingkap tidak dipasang dengan jerji besi, tangki air tidak dipasang, saluran paip sinki tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan, saluran tangki septik tidak ditanam ke dalam tanah dan permukaan dinding atau lantai rumah tidak kemas. Antara reka bentuk dan spesifikasi yang tidak dipatuhi serta kerja pembinaan rumah yang tidak berkualiti adalah seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Reka Bentuk Dan Spesifikasi Yang**  
**Tidak Dipatuhi Serta Kerja Pembinaan Rumah Yang Tidak Berkualiti**

Bil.	Agensi Pelaksana	Jenis Reka Bentuk Dan Spesifikasi Yang Tidak Dipatuhi Serta Kerja Tidak Berkualiti						
		i	ii	iii	iv	v	vi	vii
1.	Pejabat Daerah Kuching	0	1	6	6	17	5	8
2.	Pejabat Daerah Bau	0	0	3	2	14	1	0
3.	Pejabat Daerah Lundu	0	6	6	6	33	8	5
4.	Pejabat Daerah Sri Aman	0	0	0	0	3	1	1
5.	Pejabat Daerah Lubok Antu	0	0	0	0	4	0	1
6.	Pejabat Daerah Sibu	0	0	0	1	1	0	3
7.	Pejabat Daerah Kanowit	0	0	0	0	1	0	0
8.	Pejabat Daerah Samarahan	5	0	0	4	3	2	4
9.	Pejabat Daerah Asajaya	2	0	1	1	3	1	1
10.	Pejabat Daerah Serian	0	0	0	1	5	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>	<b>7</b>	<b>16</b>	<b>21</b>	<b>84</b>	<b>18</b>	<b>23</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: i - Dinding dalam rumah sepatutnya menggunakan batu-bata dan dilepa tetapi menggunakan papan lapis

ii - Aras lantai dalam rumah sama dengan aras apron rumah

iii - Tingkap ram tetap bagi bilik mandi dan tandas tidak dipasang dengan besi jerji

iv - Tangki air tidak dibekalkan atau tidak dipasang

v - Saluran paip sinki tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan

vi - Saluran tangki septik tidak ditanam keseluruhannya ke dalam tanah

vii - Permukaan dinding atau lantai rumah tidak kemas atau mengalami keretakan atau pecah

2.4.2.3. Contoh kerja pembinaan rumah yang tidak mematuhi reka bentuk dan spesifikasi yang mana sebahagiannya telah diambil tindakan pembetulan selepas teguran Audit adalah seperti **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.10** manakala contoh kerja pembinaan rumah yang tidak berkualiti adalah seperti **Gambar 2.11** hingga **Gambar 2.18**. Hasil daripada teguran Audit seterusnya pihak KPLB telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 7 Jun 2011 kepada semua Pejabat Daerah bagi memastikan spesifikasi seperti ditetapkan di garis panduan yang berkuatkuasa dipatuhi supaya perkara yang dibangkitkan tidak berlaku dan pemantauan dijalankan dengan lebih teliti.

**Gambar 2.3**

Tingkap Ram Kaca Boleh Laras  
Tidak Dipasang Dengan Jeriji Besi

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Bawang, Daerah Kuching

Tarikh: 1 Disember 2010

**Gambar 2.5**  
Tingkap Ram Kaca Tetap  
Dengan Jeriji Besi Tidak Dipasang

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Serikin, Daerah Bau

Tarikh: 15 Disember 2010

**Gambar 2.4**

Tingkap Ram Kaca Boleh Laras  
Telah Dipasang Dengan Jeriji Besi

Selepas



Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Sarawak

Lokasi: Kampung Bawang, Daerah Kuching

Tarikh: 7 Jun 2011

**Gambar 2.6**  
Tingkap Ram Kaca Tetap  
Dengan Jeriji Besi Telah Dipasang

Selepas



Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Sarawak

Lokasi: Kampung Serikin, Daerah Bau

Tarikh: 7 Jun 2011

**Gambar 2.7**  
**Tangki Air Tidak Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sinibong, Daerah Bau  
Tarikh: 17 Disember 2010

**Gambar 2.8**  
**Aras Lantai Dalam Rumah  
Sama Dengan Aras Apron Rumah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Pueh, Daerah Kecil Sematan  
Tarikh: 24 November 2010

**Gambar 2.9**  
**Saluran Tangki Septik  
Tidak Ditanam Ke Dalam Tanah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bajo, Daerah Lundu  
Tarikh: 23 November 2010

**Gambar 2.10**  
**Perangkap 'S' Tidak  
Dipasang Pada Paip Saluran Sinki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Apar, Daerah Bau  
Tarikh: 17 Disember 2010

**Gambar 2.11**  
**Tiang Rumah Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Seling Melayu, Daerah Lundu  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 2.12**  
**Tiang Rumah Telah Ditambah Baik**




Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak  
Lokasi: Kampung Seling Melayu, Daerah Lundu  
Tarikh: 7 Jun 2011

**Gambar 2.13**  
**Anak Tangga Reput Dan Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Penempatan Semula Kampung Baru Seduku  
Tarikh: 4 November 2010

**Gambar 2.14**  
**Anak Tangga Telah Diganti**



Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak  
Lokasi: Penempatan Semula Kampung Baru Seduku  
Tarikh: 7 Jun 2011

**Gambar 2.15**  
**Paip Tandas Pecah Dan Tercabut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Penempatan Semula Kampung Baru Seduku  
Tarikh: 4 November 2010

**Gambar 2.16**  
**Dinding Rumah Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Edmund Minit, Daerah Sri Aman  
Tarikh: 2 November 2010

**Gambar 2.17**  
**Tombol Pintu Tidak Dipasang Dengan Sempurna**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Bahagia Jaya, Daerah Sibu  
Tarikh: 9 November 2010

**Gambar 2.18**  
**Kaca Tingkap Boleh Laras Tersangkut Pada Jeriji Besi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Nanga Tiga, Daerah Lubuk Antu  
Tarikh: 3 November 2010

Pada pendapat Audit, pihak KPLB hendaklah mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan Agensi pelaksana dapat memantau kualiti kerja serta pematuhan terhadap reka bentuk dan spesifikasi oleh kontraktor supaya tidak menjaskan keselesaan dan keselamatan penghuni.

#### 2.4.3. Pembinaan Rumah Belum Dilaksanakan

Semakan Audit mendapati setakat pertengahan Mei 2010, sebanyak 79 unit rumah asal penerima bantuan tahun 2009 yang diselaraskan oleh PPNS telah dirobohkan iaitu sebanyak 31 unit rumah di Daerah Kuching dan 48 unit rumah di Daerah Lundu. Setakat ini pembinaan rumah baru masih belum dilaksanakan. Senarai penerima ini telah dirujuk kepada Pejabat Daerah di kawasan masing-masing tetapi setakat tarikh pengauditan dijalankan belum ada maklumat terkini mengenai tindakan yang diambil. Pihak PPNS memaklumkan bahawa 227

daripada 233 rumah PBR bina baru bagi tahun 2009 tidak dibayar pada tahun semasa sebaliknya telah dibayar pada tahun 2010 mengikut peratusan pematuhan spesifikasi Garis Panduan PBR 1/2008 dengan sejumlah RM7.29 juta. Selain itu, lawatan Audit yang dijalankan di Daerah Kuching dan Sibu antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati 3 unit rumah bina baru telah ditawarkan tetapi kerja pembinaan rumah belum dilaksanakan.

2.4.3.1. Lawatan Audit pada akhir Oktober 2010 ke Daerah Kuching mendapati satu unit rumah asal penerima PBR yang diselaras oleh PPNS telah dirobohkan pada tahun 2009 yang mana Pesanan Kerajaan dengan nilai bantuan sejumlah RM39,000 dikeluarkan pada akhir Oktober 2009. Pembinaan rumah dijadual untuk disiapkan dalam tempoh 3 bulan tetapi sehingga tarikh lawatan Audit rumah penerima bantuan masih belum dibina. Mengikut maklumat daripada PPNS, pembinaan rumah ini tertangguh kerana kontraktor gagal melaksanakan kerja. Semakan Audit mendapati tiada pembayaran dibuat kepada kontraktor yang terlibat dan sehingga kini belum ada tindakan diambil oleh PPNS untuk membina rumah tersebut. Kawasan rumah asal penerima PBR adalah seperti **Gambar 2.19** dan bahan binaan bagi pelaksanaan rumah bina baru tersebut dibiarkan di tepi jalan seperti **Gambar 2.20**. Pihak KPLB memaklumkan pada asalnya pembinaan rumah ini diselaraskan oleh PPNS tetapi ianya masih belum dilaksanakan. Pembinaan rumah ini sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2010 tetapi memandangkan peruntukan sedia ada tidak mencukupi, maka nama penerima telah dimasukkan ke senarai penerima PBR tahun 2011.

**Gambar 2.19**  
Kawasan Rumah Asal  
Penerima PBR Yang Telah Dirobohkan  
Tetapi Rumah Bina Baru Belum Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Semariang Batu, Daerah Kuching  
Tarikh: 28 Oktober 2010

**Gambar 2.20**  
Bahan Binaan Diletakkan  
Terbiar Di Tepi Jalan Tetapi  
Pembinaan Rumah Belum Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Semariang Batu, Daerah Kuching  
Tarikh: 28 Oktober 2010

2.4.3.2. Lawatan Audit seterusnya pada awal November 2010 ke Daerah Sibu mendapati kerja pembinaan bagi satu unit rumah penerima PBR untuk tahun 2010 yang diselaraskan oleh KPLB juga masih belum dilaksanakan. Mengikut Minit Mesyuarat Cabutan Undi Kontraktor Dan Jawatankuasa Perolehan Projek Program Bantuan Rumah (PBR) Tahun 2010 Bahagian Sibu, proses cabutan undi telah diadakan pada 10 Mei 2010 dan

pembinaan rumah perlu disiapkan dalam tempoh 3 bulan selepas surat tawaran dikeluarkan. Berdasarkan tarikh surat tawaran dikeluarkan iaitu pada awal Jun 2010, rumah bina baru tersebut sepatutnya siap dibina pada bulan September 2010. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit, rumah penerima masih belum dibina dan didapati bahan binaan bagi pelaksanaan rumah bina baru tersebut hanya dibiarkan di tepi jalan seperti **Gambar 2.21**. Semakan Audit terhadap dokumen pembayaran PBR di FELCRA pada akhir April 2011 mendapati belum ada pembayaran dilakukan kepada kontraktor terlibat. Pihak KPLB memaklumkan bahawa rumah penerima sedang dibina dan kelewatan pembinaan adalah disebabkan tapak rumah baru tidak sesuai.

**Gambar 2.21**  
**Bahan Binaan Dibiarkan Di Tepi**  
**Jalan Kerana Rumah Belum Dibina**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Jeriah, Daerah Sibu  
Tarikh: 8 November 2010

2.4.3.3. Lawatan Audit juga mendapati satu unit rumah asal penerima PBR yang telah dirobohkan pada bulan Jun 2010 tetapi sehingga tarikh lawatan Audit pada awal November 2010, pembinaan rumah baru yang sepatutnya siap dibina pada September 2010 masih belum dilaksanakan. Semakan Audit terhadap dokumen pembayaran di FELCRA pada akhir April 2011 mendapati pelaksanaan rumah bina baru tersebut telah ditawarkan kepada kontraktor lain pada akhir November 2010 dan rumah siap dibina pada akhir Disember 2010. Semakan Audit seterusnya mendapati daripada amaun RM40,000 nilai PBR yang diluluskan untuk pelaksanaan rumah bina baru tersebut, hanya sejumlah RM38,000 dibayar pada akhir Mac 2011 oleh kerana sejumlah RM2,000 telah ditolak daripada bayaran penuh oleh Agensi pelaksana akibat daripada kegagalan pihak kontraktor untuk membuat penyambungan bekalan elektrik. Tapak asal rumah yang telah dirobohkan dan rumah bina baru yang telah dilaksana adalah seperti **Gambar 2.22** dan **Gambar 2.23**. Pihak Pejabat Daerah Sibu memaklumkan bahawa rumah asal penerima telah diroboh oleh penerima sendiri sebelum pembinaan dimulakan.

**Gambar 2.22**  
**Tapak Asal Rumah Yang Telah Dirobohkan Tetapi Rumah Baru Belum Dibina**  
**Sebelum**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sentosa, Daerah Sibu  
Tarikh: 8 November 2010

**Gambar 2.23**  
**Rumah Baru Telah Siap Dibina**



Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak  
Lokasi: Kampung Sentosa, Daerah Sibu  
Tarikh: 7 Jun 2011


Pada pendapat Audit, penyelaras dan Agensi pelaksana haruslah memastikan PBR dilaksanakan dengan segera selepas rumah asal penerima dirobohkan bagi mengelak kesulitan kepada penerima bantuan dan rumah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 2.4.4. Pembinaan Rumah Belum Disiapkan Sepenuhnya

Berdasarkan lawatan Audit yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 juga mendapati 2 unit rumah bina baru telah ditawarkan tetapi kerja pembinaan rumah belum disiapkan sepenuhnya. Selain itu, lawatan Audit mendapati 41 unit rumah penerima PBR bagi tahun 2010 belum disambung dengan bekalan elektrik.

2.4.4.1. Satu unit rumah bina baru bagi tahun 2009 yang diselaraskan oleh KPLB di Daerah Kuching telah disahkan siap oleh pegawai teknikal Jabatan Kerja Raya (JKR) pada awal Januari 2010 dan pembayaran sejumlah RM40,000 telah dibuat pada pertengahan Januari 2010. Lawatan Audit pada akhir Oktober 2010 mendapati kerja pendawaian elektrik dalam rumah belum disiapkan seperti **Gambar 2.24** dan **Gambar 2.25**. Didapati penerima tidak dapat tinggal di rumah tersebut kerana tiada sambungan bekalan elektrik. Pihak KPLB memaklumkan bahawa Pejabat Daerah Kuching telah diarahkan untuk mengambil tindakan bagi menyiapkan kerja pendawaian elektrik tersebut tetapi setakat ini belum ada dokumen sokongan dikemukakan untuk semakan Audit bagi mengesahkan tindakan telah diambil.

**Gambar 2.24**  
Pendawaian Elektrik Belum Disiapkan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Telaga Air, Daerah Kuching  
Tarikh: 29 Oktober 2010

**Gambar 2.25**  
Pendawaian Elektrik Belum Disiapkan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Telaga Air, Daerah Kuching  
Tarikh: 29 Oktober 2010

2.4.4.2. Lawatan Audit ke Daerah Sibu pada awal November 2010 pula mendapati pembinaan satu unit rumah bagi tahun 2010 yang diselaras oleh KPLB masih belum disiapkan sepenuhnya yang mana didapati kerja pembinaan seperti pemasangan tingkap, pintu dan pendawaian elektrik masih belum dilaksanakan. Mengikut surat tawaran yang dikeluarkan kepada kontraktor pada awal Jun 2010, rumah bina baru sepatutnya siap dalam tempoh 2 bulan iaitu pada akhir Ogos 2010. Semakan Audit mendapati rumah tersebut telah siap dibina dan pemeriksaan teknikal oleh JKR telah dijalankan serta bayaran sepenuhnya telah dilakukan pada akhir Mac 2011. Pembinaan rumah yang belum disiapkan sepenuhnya dan rumah penerima yang telah siap dibina adalah seperti **Gambar 2.26** dan **Gambar 2.27**. Pihak KPLB memaklumkan bahawa kerja pembinaan telah disiapkan sepenuhnya tetapi setakat ini belum ada dokumen sokongan yang lengkap dikemukakan.

**Gambar 2.26**  
Pembinaan Rumah  
Belum Disiapkan Sepenuhnya



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Sentosa Salim, Daerah Sibu  
Tarikh: 8 November 2010

**Gambar 2.27**  
Rumah Penerima Telah Siap Dibina



Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak  
Lokasi: Jalan Sentosa Salim, Daerah Sibu  
Tarikh: 7 Jun 2011

2.4.4.3. Selain itu, hasil lawatan Audit ke 92 unit rumah bina baru bagi penerima bantuan tahun 2010 yang telah siap dibina dan diselaras oleh KPLB mendapati sebanyak 41 unit rumah telah disahkan siap oleh Agensi pelaksana dan pihak teknikal yang dilantik tetapi lawatan Audit mendapati kerja penyambungan bekalan elektrik belum dilaksanakan. Berdasarkan *Bill of Quantity* (BQ) dalam Garis Panduan PBR 1/2010, sejumlah RM2,500 bagi bayaran kemudahan ini telah diperuntukkan untuk caj sambungan elektrik dan air termasuk deposit meter. Semakan Audit seterusnya mendapati 41 unit rumah penerima PBR ini telah dibayar sepenuhnya kepada kontraktor. Butiran lanjut mengenai bilangan rumah yang belum disambung dengan bekalan elektrik adalah seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Sampel Audit Bagi Rumah Bina Baru Pada Tahun 2010**  
**Yang Belum Disambung Dengan Bekalan Elektrik Setakat Bulan Disember 2010**

Bil.	Bahagian	Daerah	Bil. Sampel Audit (Unit)	Rumah Yang Belum Disambung Bekalan Elektrik (Unit)	Peratus (%)
1.	Kuching	Kuching	13	10	76.9
		Bau	13	6	46.2
		Lundu	19	8	42.1
2.	Sri Aman	Sri Aman	3	0	0
		Lubok Antu	0	0	0
3.	Sibu	Sibu	12	8	66.7
		Kanowit	6	1	16.7
4.	Samarahan	Samarahan	12	2	16.7
		Asajaya	4	1	25.0
		Serian	10	5	50.0
<b>Jumlah</b>		<b>92</b>		<b>41</b>	<b>44.6</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, kerja pembinaan rumah penerima PBR haruslah disiapkan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan dan pembayaran dibuat bagi kerja yang belum disiapkan adalah *improper payment*. Tindakan sewajarnya patut diambil terhadap pihak yang terlibat.

#### 2.4.5. Tapak Rumah Penerima Program Bantuan Rumah Tidak Sesuai

Penyelaras dan Agensi pelaksana hendaklah menyediakan tempat kediaman yang lebih selesa, bermutu, selamat dan sempurna sejajar dengan objektif PBR untuk menaik taraf kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin.

2.4.5.1. Lawatan Audit pada awal November 2010 ke rumah penerima PBR di Daerah Lubok Antu mendapati satu unit rumah yang diselaraskan oleh KPLB dibina di kawasan lereng bukit dan curam seperti **Gambar 2.28** dan **Gambar 2.29**. Rumah tersebut yang siap dibina pada awal Oktober 2009 didapati telah mengalami keretakan pada dinding bilik tidur utama dan dinding luar rumah seperti **Gambar 2.30** dan **Gambar 2.31** akibat daripada rekahan tanah. Pihak KPLB memaklumkan bahawa kos yang diperlukan untuk menyediakan tapak rumah dengan lebih sempurna adalah tidak mencukupi dan pemilihan tapak rumah adalah ditentukan oleh Pejabat Daerah, kontraktor dan penerima PBR.

**Gambar 2.28**  
Rumah Penerima PBR Dibina Di  
Kawasan Lereng Bukit Dan Curam



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Nanga Tiga, Daerah Lubok Antu  
Tarikh: 3 November 2010

**Gambar 2.30**  
Keadaan Dinding Luar  
Rumah Penerima PBR Yang Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Nanga Tiga, Daerah Lubok Antu  
Tarikh: 3 November 2010

**Gambar 2.29**  
Rekaan Tanah Di Kawasan Rumah  
Penerima PBR Yang Mengalami Keretakan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Nanga Tiga, Daerah Lubok Antu  
Tarikh: 3 November 2010

**Gambar 2.31**  
Keadaan Dinding Bilik Tidur  
Rumah Penerima PBR Yang Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Nanga Tiga, Daerah Lubok Antu  
Tarikh: 3 November 2010

2.4.5.2. Pembinaan rumah di tapak yang tidak sesuai boleh menjelaskan struktur rumah dan menyebabkan penerima bantuan tidak mendapat tempat kediaman yang selesa, bermutu dan selamat diduduki. Perkara seperti ini juga pernah dihebahkan di surat khabar tempatan seperti **Keratan Akhbar 2.1** dan lawatan Audit pada akhir Januari 2011 mendapati keadaan rumah penerima PBR telah condong seperti **Gambar 2.32**. Pihak KPLB memaklumkan bahawa keadaan ini berlaku bukan disebabkan pembinaan tidak berkualiti tetapi tapak rumah tidak sesuai. Pejabat Daerah Miri juga memaklumkan bahawa tapak rumah tersebut didapati tidak sesuai berdasarkan lawatan dan laporan teknikal Pihak Berkuasa Miri pada akhir Januari 2011. Tindakan membaik pulih rumah ini telah dilaksanakan oleh kontraktor pada awal Februari 2011 tanpa tambahan kos dan perkara ini telah dihebahkan di surat khabar tempatan.

**Keratan Akhbar 2.1**  
**Hebahan Akhbar Mengenai**  
**Rumah Penerima PBR Yang Hampir Roboh**



Sumber: *The Borneo Post*

Lokasi: Kampung Muhibbah, Kuala Baram, Miri  
 Tarikh: 27 Januari 2011

**Gambar 2.32**  
**Rumah Penerima PBR Condong**  
**Disebabkan Struktur Tiang Tidak Kukuh**



Sumber: *Jabatan Audit Negara*

Lokasi: Kampung Muhibbah, Kuala Baram, Miri  
 Tarikh: 28 Januari 2011

Pada pendapat Audit, Agensi pelaksana haruslah memastikan pelaksanaan kerja pembinaan rumah penerima PBR mengambil kira keadaan tapak dan kawasan supaya tidak membahayakan keselamatan penghuninya.

#### 2.4.6. Kerja Baik Pulih Rumah Belum Disiapkan Sepenuhnya

Bantuan baik pulih diberikan kepada penerima PBR yang mempunyai rumah uzur tetapi masih ekonomik untuk diperbaiki. Skop bantuan baik pulih hanya melibatkan komponen atas rumah dan tidak termasuk kerja membina atau membaik pulih bahagian luar rumah seperti pagar, garaj, longkang dan perigi. Berdasarkan lawatan dan semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

2.4.6.1. Lawatan Audit pada awal November 2010 ke 24 unit rumah penerima PBR di Daerah Sibu mendapati satu unit rumah bagi tahun 2010 yang diselaraskan oleh KPLB telah ditawarkan untuk dibaik pulih tetapi kerja baik pulih belum disiapkan sepenuhnya. Kerja baik pulih tersebut sepatutnya siap dilaksanakan pada bulan September 2010 iaitu dalam tempoh 2 bulan dari surat tawaran bertarikh 10 Jun 2010. Semakan Audit mendapati hanya pemasangan atap telah dilaksanakan manakala bahan binaan seperti 12 keping papan lapis dan 10 keping asbestos dibiarkan sahaja di ruang ruai rumah panjang. Bagaimanapun, pembayaran belum dilakukan kepada kontraktor terlibat. Antara kerja baik pulih yang dilaksanakan adalah seperti **Gambar 2.33** dan bahan binaan yang dibiarkan adalah seperti **Gambar 2.34**. Pejabat Daerah Sibu memaklumkan bahawa pembayaran kerja baik pulih belum dibuat kerana kontraktor telah diarahkan untuk mengambil tindakan pembetulan terhadap rumah tersebut oleh pegawai teknikal JKR.

**Gambar 2.33**  
**Kerja Baik Pulih Atap**  
**Rumah Belum Siap Sepenuhnya**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Joseph Salim, Daerah Sibu  
Tarikh: 8 November 2010

**Gambar 2.34**  
**Bahan Binaan Bagi Kerja Baik Pulih**  
**Dibiarkan Di Ruang Ruai Rumah Panjang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Joseph Salim, Daerah Sibu  
Tarikh: 8 November 2010

2.4.6.2. Lawatan Audit ke Daerah Bau pada awal Disember 2010 juga mendapati kerja baik pulih bumbung rumah panjang Kampung Barieng hanya melibatkan bumbung di bahagian sebelah depan rumah panjang. Perkara ini berlaku kerana peruntukan sedia ada tidak dapat menampung keseluruhan kos baik pulih bumbung rumah panjang tersebut. Mengikut minit mesyuarat pelaksanaan PBR bagi kerja baik pulih rumah panjang Kampung Barieng, peruntukan sejumlah RM72,000 yang diluluskan pada asalnya adalah untuk membaik pulih bumbung bagi 6 pintu rumah panjang dengan kadar bantuan RM12,000 setiap pintu. Bagaimanapun, peruntukan ini telah diagihkan sama rata kepada semua 11 pintu rumah panjang tersebut yang mana kadar bantuan telah dikurangkan kepada RM6,545.45 bagi setiap pintu. Keadaan ini telah menyebabkan pelaksanaan kerja baik pulih rumah panjang hanya melibatkan bumbung di bahagian sebelah depan sahaja. Kerja baik pulih bumbung ini telah disahkan siap oleh pegawai teknikal JKR pada akhir Januari 2010 dan pembayaran sejumlah RM71,797 telah dibuat pada awal Februari 2010. Keadaan bumbung di bahagian sebelah depan rumah panjang yang telah dibaik pulih adalah seperti **Gambar 2.35** dan keadaan bumbung di bahagian sebelah belakang yang tidak dibaik pulih adalah seperti **Gambar 2.36**. Pihak KPLB dan Pejabat Daerah Bau memaklumkan bahawa kerja baik pulih bumbung rumah panjang tersebut telah dipersetujui semasa perbincangan antara KPLB, Pejabat Daerah Bau dan Ketua Rumah Panjang serta peruntukan sedia ada hanya mencukupi untuk kerja baik pulih setakat yang telah dilaksanakan sahaja.

**Gambar 2.35**  
**Bahagian Depan Bumbung**  
**Rumah Panjang Yang Telah Dibaik Pulih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Panjang Barieng, Daerah Bau  
Tarikh: 17 Disember 2010

**Gambar 2.36**  
**Bahagian Belakang Bumbung**  
**Rumah Panjang Yang Belum Dibaik Pulih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Panjang Barieng, Daerah Bau  
Tarikh: 17 Disember 2010

#### **2.4.6.3. Kerja Baik Pulih Rumah Panjang *Rajang Security Command (RASCOM)***

- a. Berdasarkan Nota Mesyuarat Program Baik Pulih Rumah Panjang RASCOM bertarikh 19 Mac 2010, sejumlah RM18.60 juta telah diperuntukkan untuk kerja baik pulih atap dan pendawaian semula elektrik bagi 4 kawasan RASCOM di Bahagian Sibu iaitu sejumlah RM12,000 bagi setiap pintu. Pelaksanaan kerja baik pulih rumah panjang ini melibatkan RASCOM Nanga Tada, Nanga Ngungan, Nanga Jagau di Daerah Kanowit dan Nanga Sekuau di Daerah Selangau. Sebanyak 88 buah rumah panjang terlibat dengan kerja baik pulih ini yang memberi manfaat kepada 1,549 keluarga.
- b. Kerja baik pulih rumah panjang RASCOM telah dipersetujui untuk dijalankan secara gotong-royong oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) rumah panjang masing-masing. FELCRA pula telah dilantik sebagai pembekal dan bertanggungjawab untuk mengurus penghantaran bahan binaan ke setiap rumah panjang manakala KKLW bertanggungjawab untuk mengurus pendawaian semula elektrik di setiap rumah panjang yang dibuat secara tender. Selain itu, Pejabat Daerah Kanowit diarahkan untuk memantau kerja baik pulih rumah panjang RASCOM di Nanga Tada, Nanga Jagau dan Nanga Ngungan manakala Pejabat Daerah Selangau pula memantau kerja baik pulih rumah panjang RASCOM di Nanga Sekuau. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan dan fizikal bagi kerja baik pulih rumah panjang RASCOM mendapat sejumlah RM4.58 juta atau 24.7% telah dibelanjakan setakat 31 Disember 2010 dan sebanyak 664 pintu rumah panjang telah siap dibaik pulih.
- c. Berdasarkan maklumat setakat akhir Jun 2011 daripada Pejabat Daerah Kanowit dan Pejabat Daerah Selangau, prestasi fizikal pelaksanaan kerja baik pulih rumah panjang untuk 3 kawasan RASCOM di Daerah Kanowit telah siap sepenuhnya manakala kerja baik pulih rumah panjang RASCOM Nanga Sekuau di Daerah

Selangau pula adalah 96.5% yang mana sebanyak 20 pintu rumah panjang belum dibaik pulih. Secara keseluruhannya, prestasi fizikal bagi kerja baik pulih rumah panjang di 4 kawasan RASCOM telah mencapai 98.7% seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**

**Prestasi Fizikal Kerja Baik Pulih Rumah Panjang RASCOM Setakat Jun 2011**

Bil.	Agensi Pemantau	Kawasan RASCOM	Bil. Pintu Terlibat	Bil. Siap Dibaik Pulih (Pintu)	Bil. Belum Dibaik Pulih (Pintu)	Peratus (%)
1.	Pejabat Daerah Kanowit	Nanga Tada (16 Rumah Panjang)	310	310	0	100
2.	Pejabat Daerah Kanowit	Nanga Jagau (21 Rumah Panjang)	259	259	0	100
3.	Pejabat Daerah Kanowit	Nanga Ngungun (25 Rumah Panjang)	416	416	0	100
4.	Pejabat Daerah Selangau	Nanga Sekuau (26 Rumah Panjang)	564	544	20	96.5
<b>Jumlah</b>			<b>1,549</b>	<b>1,529</b>	<b>20</b>	<b>98.7</b>

*Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak, Pejabat Daerah Kanowit Dan Pejabat Daerah Selangau*

- d. Semakan Audit seterusnya terhadap prestasi kewangan yang diperoleh daripada FELCRA mendapati sejumlah RM9.88 juta atau 53.2% telah dibelanjakan untuk membekal bahan binaan setakat awal Jun 2011. Pihak FELCRA dan Pejabat Daerah memaklumkan bahawa kedua-dua pihak menghadapi kesukaran membuat penghantaran bahan binaan dan pemantauan kerja baik pulih rumah panjang RASCOM kerana terpaksa mengikut pelbagai kehendak dan permintaan daripada penerima bantuan dan seterusnya menyebabkan pelaksanaan kerja baik pulih tersebut mengalami kelewatan. Selain itu, kerja pendawaian elektrik bagi semua kawasan RASCOM ini juga masih belum bermula. Butiran agihan peruntukan dan perbelanjaan bagi kerja baik pulih rumah panjang di 4 kawasan RASCOM setakat awal Jun 2011 adalah seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**

**Prestasi Kewangan Bagi Kerja Baik Pulih Rumah Panjang RASCOM Setakat Jun 2011**

Bil.	Kawasan RASCOM	Bil. Pintu Terlibat	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Status Penghantaraan Bahan Binaan
1.	Nanga Tada (16 Rumah Panjang)	310	3,708,000	987,303	26.6	Telah Dibekalkan Sepenuhnya
2.	Nanga Jagau (21 Rumah Panjang)	259	3,108,000	2,155,402	69.4	Telah Dibekalkan Sepenuhnya
3.	Nanga Ngungun (25 Rumah Panjang)	416	4,992,000	1,703,944	34.1	Telah Dibekalkan Sepenuhnya
4.	Nanga Sekuau (26 Rumah Panjang)	564	6,768,000	5,030,760	74.3	Telah Dibekalkan Sepenuhnya
<b>Jumlah</b>			<b>18,576,000</b>	<b>9,877,409</b>	<b>53.2</b>	

*Sumber: FELCRA Bhd., Wilayah Sarawak*


**Pada pendapat Audit, kerja baik pulih rumah individu dan rumah panjang haruslah dilaksanakan dengan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan mengikut spesifikasi yang diluluskan supaya objektif untuk memberi tempat kediaman yang selesa dan sempurna dapat dicapai.**

#### **2.4.7. Pembinaan Rumah Tidak Mematuhi Garis Panduan Program Bantuan Rumah**

2.4.7.1. Lawatan Audit pada pertengahan November 2010 ke Daerah Samarahan dan Asajaya mendapati 7 unit rumah dibina tidak mengikut Garis Panduan PBR yang berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh KKLW. Semasa lawatan Audit tersebut adalah didapati pembinaan rumah masih menggunakan reka bentuk dan spesifikasi yang lama walaupun garis panduan sebelumnya telah dibatalkan dan diganti dengan garis panduan baru yang mana reka bentuk dan spesifikasi telah ditambah baik. Antara yang ditemui semasa lawatan Audit adalah 2 unit rumah bina baru jenis batu bata 3 bilik bagi tahun 2009 di Daerah Asajaya yang diselaras oleh PPNS dan 5 unit rumah bina baru jenis batu bata 3 bilik bagi tahun 2010 di Daerah Samarahan yang diselaras oleh KPLB tidak menggunakan reka bentuk dan spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam garis panduan mengikut tahun pelaksanaan masing-masing.


2.4.7.2. Mengikut lakaran pelan struktur dalam Garis Panduan PBR bagi tahun 2009 dan 2010, keseluruhan dinding dalam rumah adalah menggunakan batu bata dan dilepa. Lawatan Audit mendapati 7 unit rumah bina baru ini menggunakan batu bata di bahagian bawah setinggi lebih kurang 2 kaki yang kemudiannya disambung dengan papan lapis di bahagian atas ke siling rumah berdasarkan Garis Panduan PBR 1/2008 seperti **Gambar 2.37** dan **Gambar 2.38**. Semakan Audit mendapati 2 unit rumah di Daerah Asajaya telah dibina berdasarkan Garis Panduan PBR 1/2008 mengikut surat arahan daripada KKLW bertarikh 12 Februari 2009 dan ICU, JPM bertarikh 7 Disember 2009. Pejabat Daerah Asajaya memaklumkan bahawa pembinaan rumah telah mengikut garis panduan seperti di surat arahan dan perkara ini berlaku disebabkan 2 garis panduan digunakan pada tahun 2009. Bagi 5 unit rumah di Daerah Samarahan, pihak Pejabat Daerah Samarahan mengakui rumah dibina mengikut garis panduan lama disebabkan kurangnya komunikasi dan koordinasi antara pihak yang terlibat. Pejabat Daerah memaklumkan tindakan pembetulan telah diambil tetapi setakat ini dokumen sokongan yang lengkap belum dikemukakan untuk semakan Audit.

**Gambar 2.37**  
**Sebahagian Dinding Dalam**  
**Rumah Jenis Batu Bata 3 Bilik Bagi**  
**Tahun 2009 Menggunakan Papan Lapis**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sri Tajo, Daerah Asajaya  
Tarikh: 19 November 2010

**Gambar 2.38**  
**Sebahagian Dinding Dalam**  
**Rumah Jenis Batu Bata 3 Bilik Bagi**  
**Tahun 2010 Menggunakan Papan Lapis**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sindang Baru, Daerah Samarahan  
Tarikh: 16 November 2010

2.4.7.3. Lawatan Audit pada akhir November 2010 mendapati 4 unit rumah bina baru bagi penerima PBR tahun 2009 di Daerah Sematan, Lundu yang diselaraskan oleh PPNS telah siap dibina tetapi telah disahkan tidak selamat diduduki oleh pegawai teknikal PPNS kerana rumah dibina tanpa struktur tiang asas. Lawatan Audit seterusnya mendapati satu lagi unit rumah sedang dibina di tapak bersebelahan bagi setiap penerima PBR tersebut. Semakan Audit mendapati 4 unit rumah penerima PBR yang disahkan tidak selamat diduduki tersebut tidak dibayar oleh PPNS. Semakan Audit seterusnya mendapati kontraktor telah bersetuju untuk membina semula rumah baru di tapak bersebelahan dan pembinaan rumah baru telah disahkan siap oleh pegawai teknikal PPNS dan dibayar sepenuhnya pada awal Januari 2011. Rumah penerima PBR yang disahkan tidak selamat diduduki dan rumah baru yang sedang dibina adalah seperti **Gambar 2.39** dan **Gambar 2.40**. Semakan Audit juga mendapati ada 9 unit rumah bina baru iaitu 6 unit rumah di Daerah Lundu, 2 unit rumah di Telaga Air dan satu unit rumah di Selang Ulu, Kuching juga dibina tanpa struktur tiang asas. Didapati kerja pembinaan rumah telah dibayar antara 79.9% hingga 100% daripada nilai bantuan yang diluluskan iaitu mengikut peratusan rumah yang disiapkan tetapi setakat ini belum ada tindakan seterusnya diambil oleh PPNS terhadap rumah penerima PBR yang terlibat.

**Gambar 2.39**  
**Rumah Baru Jenis**  
**Batu Bata 3 Bilik Sedang Dibina**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sebat Melayu, Daerah Lundu  
Tarikh: 24 November 2010

**Gambar 2.40**  
**Rumah Baru Jenis**  
**Batu Bata 3 Bilik Sedang Dibina**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sebat Melayu, Daerah Lundu  
Tarikh: 24 November 2010

#### 2.4.7.4. Peruntukan Untuk Kos Ekstrem Tidak Dibajetkan

Mengikut Garis Panduan PBR, pelaksanaan PBR sama ada bina baru atau baik pulih rumah adalah menggunakan khidmat kontraktor kelas F tempatan melalui proses undian. Kadar bantuan bagi setiap rumah bina baru adalah RM40,000 tanpa mengira jenis rumah batu atau rumah kayu. Selain itu, kos ekstrem sejumlah RM4,000 yang merupakan kos tambahan bagi pembinaan PBR di lokasi yang sukar dihubungi melalui jalan biasa, pedalaman, pulau dan tapak bermasalah boleh dibayar kepada kontraktor terlibat. Semakan Audit mendapati nilai bantuan yang dibajet untuk setiap rumah bina baru adalah sama di semua kawasan tanpa mengambil kira jarak, mod pengangkutan dan aspek geografi kawasan PBR. Didapati kontraktor yang ditawarkan kerja pembinaan PBR bagi kawasan yang sukar dihubungi seperti Nanga Lakah dan Nanga Ngemah di Daerah Kanowit, Nanga Tiga, Lemanak di Daerah Lubok Antu dan Sungai Putong, Undop di Daerah Sri Aman terpaksa menampung harga bahan binaan dan kos pengangkutan yang lebih tinggi berbanding kontraktor yang mendapat tawaran kerja yang berdekatan dengan kawasan bandar. Perkara ini berlaku kerana Agensi pelaksana tidak mengenal pasti kawasan yang memerlukan kos ekstrem menyebabkan peruntukan tambahan untuk kos ini iaitu sejumlah RM4,000 tidak disediakan dan diambil kira semasa perancangan bajet oleh penyelaras dan Agensi pelaksana. Pihak KPLB memaklumkan bahawa kos ekstrem boleh dipertimbangkan bagi kawasan yang betul-betul memerlukan dan sekiranya kos ini masih diperlukan maka bilangan rumah penerima PBR bagi daerah terlibat perlu dikurangkan untuk menampung kos ekstrem.

Pada pendapat Audit, pembinaan rumah penerima PBR haruslah dilaksanakan mengikut reka bentuk dan spesifikasi yang telah ditambah baik seperti Garis Panduan PBR yang berkuatkuasa. Selain itu, pihak KPLB perlu mengenal pasti kawasan pedalaman yang memerlukan kos ekstrem dan bajet disediakan agar tidak menjelaskan bilangan rumah yang telah diluluskan.

## **2.4.8. Pemantauan Program Bantuan Rumah Lemah**

Pemantauan adalah penting untuk memastikan pembinaan rumah penerima PBR dilaksanakan dengan cekap, mematuhi reka bentuk serta spesifikasi yang ditetapkan dan mengikut jadual yang ditentukan. Selain itu, aktiviti pemantauan perlu mengambil kira aspek seperti kualiti kerja, status kemajuan, pelaporan dan koordinasi antara kontraktor dengan Agensi pelaksana.

2.4.8.1. Pemantauan PBR di Negeri Sarawak melibatkan pelbagai pihak iaitu KPLB, PPNS, Pejabat Daerah, GIATMARA dan FELCRA. Semakan Audit mendapati antara mekanisme pemantauan yang dijalankan adalah melalui mesyuarat *Focus Group* peringkat negeri, bahagian dan daerah, lawatan ke tapak rumah dan laporan PBR secara mingguan daripada Agensi pelaksana. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada jadual perancangan pemantauan yang seragam disediakan oleh Agensi pelaksana dan tiada laporan secara menyeluruh disediakan oleh penyelaras PBR. Adalah didapati jadual pemantauan hanya disediakan secara *ad hoc* mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

2.4.8.2. Semakan Audit juga mendapati tiada pegawai teknikal ditempatkan di Pejabat Daerah. Adalah didapati Pejabat Daerah bergantung sepenuhnya kepada kepakaran teknikal sama ada daripada Jabatan Kerja Raya Sarawak, Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk membuat pemeriksaan dan pengesahan kerja siap. Keadaan ini menyukarkan Pejabat Daerah kerana terpaksa menunggu masa pegawai teknikal dari Jabatan dan Agensi berkenaan dapat bersama-sama melawat ke rumah penerima PBR bagi menjalankan pemeriksaan dan pengesahan disebabkan masing-masing mempunyai beban tugas hakiki di pejabat masing-masing. Selain itu, penglibatan pelbagai Agensi dan kurangnya komunikasi dan koordinasi antara penyelaras, Agensi pelaksana dan Agensi pembayar menyebabkan pembahagian peranan dan tanggungjawab adalah tidak selaras dan lancar. Ini mengakibatkan pelaksanaan PBR menghadapi masalah seperti tidak mematuhi sepenuhnya reka bentuk dan spesifikasi rumah, kelewatan pelaksanaan, pembinaan rumah penerima PBR tidak dapat disiapkan dan rumah penerima PBR telah siap tetapi tidak selamat untuk diduduki.

2.4.8.3. Analisis Audit terhadap maklum balas daripada Agensi pelaksana juga mendapati antara faktor yang menyebabkan pemantauan lemah adalahkekangan guna tenaga, ketiadaan pegawai teknikal di Agensi pelaksana dan tiada pegawai yang khusus untuk menjalankan pemantauan. Selain itu, faktor kekangan peruntukan dan kemudahan pengangkutan juga telah menghadkan pemantauan dijalankan ke kawasan yang jauh, terpencil dan sukar dihubungi. Pihak KPLB memaklumkan bahawa cabaran terbesar melaksanakan PBR di Negeri Sarawak adalah kekangan peruntukan dan guna tenaga untuk menjalankan pemantauan yang mana perkara ini juga telah dimajukan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan.

**Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan bagi pelaksanaan PBR haruslah dipertingkatkan yang mana boleh melibatkan kerjasama di peringkat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung supaya pembinaan rumah lebih berkualiti.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan Program Bantuan Rumah dapat mencapai objektif yang ditetapkan dengan sepenuhnya dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak selaku penyelaras Program Bantuan Rumah adalah disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Meningkatkan komunikasi dan koordinasi antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak, Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, Pejabat Daerah, FELCRA Berhad Wilayah Sarawak, GIATMARA Sarawak, Jabatan/Agensi Teknikal, Sarawak Energy Berhad, Lembaga Air dan kontraktor yang terlibat dengan pelaksanaan Program Bantuan Rumah.

2.5.2. Memastikan penyeliaan oleh Agensi pelaksana terhadap kerja kontraktor dipertingkatkan supaya pembinaan rumah dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, berkualiti dan dibayar dengan teratur.

2.5.3. Memastikan Garis Panduan Program Bantuan Rumah yang berkuatkuasa difahami oleh semua peringkat yang terlibat supaya pembinaan rumah adalah mengikut reka bentuk dan spesifikasi yang ditetapkan.

2.5.4. Memastikan Agensi pelaksana memeriksa dengan teliti semua rumah yang dibina dan dibaik pulih sebelum penyerahan dibuat oleh kontraktor. Pemeriksaan juga perlu untuk mengenal pasti kerosakan, kecacatan dan kerja yang tidak mengikut spesifikasi diambil tindakan pemberian dalam tempoh tanggungan kecacatan serta meningkatkan pemantauan di setiap peringkat bagi menjamin rumah penerima Program Bantuan Rumah adalah berkualiti.

## KEMENTERIAN KEMUDAHAN AWAM SARAWAK DAN JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

### 3. PROJEK PEMBINAAN EMPANGAN BENGOH

#### 3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Empangan Bengoh terletak di Sungai Bengoh kira-kira 40 km dari Kuching. Matlamat utama pembinaan empangan ini adalah sebagai tempat takungan air untuk membekalkan air mentah ke Loji Rawatan Air Lembaga Air Kuching (LAK) di Batu Kitang sehingga tahun 2030. Air daripada Empangan Bengoh akan disalurkan secara *open channel* melalui Sungai Sarawak Kiri ke loji rawatan tersebut. Lokasi Empangan Bengoh adalah seperti di **Peta 3.1**.

**Peta 3.1**  
**Lokasi Empangan Bengoh Dan Loji Perawatan Air Batu Kitang**



Sumber: Jabatan Kerja Raya

3.1.2. Pada masa kini jumlah *safe yield* air di muka sauk (*water intake*) Batu Kitang adalah 484 mega litre per day (MLD) manakala Loji Rawatan Air Batu Kitang mempunyai kapasiti untuk merawat air mentah sehingga 463 MLD. Kerja menaiktaraf loji sedang dijalankan bagi meningkatkan kapasitinya kepada 563 MLD. Empangan Bengoh akan meningkatkan *safe yield* air mentah untuk Loji Rawatan Batu Kitang kepada 2,047 MLD.

3.1.3. *Assessment Study* yang disediakan pada bulan Disember 2003 bagi tujuan pembinaan Empangan Bengoh adalah berdasarkan kadar pertumbuhan sederhana bagi kawasan LAK dan data sedia ada bagi kawasan lain yang akan dibekalkan dengan air dari Batu Kitang. Unjuran keperluan air sehingga tahun 2030 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Unjuran Keperluan Air Sehingga Tahun 2030**

Tahun	Unjuran Keperluan Air Yang Telah Dirawat (MLD)					
	Kawasan Bekalan KWB	Bau-Lundu - Sematan	Tapah-Beratok - Siburau	Daerah Serian	Jumlah Air Yang Telah Dirawat	Air Mentah
2005	380.3	8.7	-	-	389.0	409.5
2010	541.5	19.4	12.4	29.6	602.9	634.6
2015	803.0	21.6	14.7	35.1	874.4	920.4
2020	1182.4	23.8	17.4	42.0	1265.6	1332.2
2025	1473.4	26.2	20.7	48.1	1568.4	1650.9
2030	1838.0	28.9	24.6	53.1	1944.6	2046.9

Sumber: Proposed Bengoh Dam, Sarawak Phase 1 – Assessment Study Executive Summary

3.1.4. Mengikut Minit Mesyuarat Penempatan Semula Bengoh yang diadakan pada 5 Februari 2010, 4 buah kampung iaitu Kampung Taba Sait, Kampung Pain Bojong, Kampung Rejoi dan Kampung Semban, melibatkan 204 keluarga dan 1,595 orang di kawasan tадahan air akan terjejas apabila empangan ini siap dibina dan perlu dipindahkan. Maklumat lanjut mengenai bilangan penduduk dan lokasi yang terjejas adalah seperti di **Jadual 3.2** dan **Peta 3.2**.


**Jadual 3.2**  
**Bilangan Rumah Dan Penduduk Yang Terjejas**

Kampung	Keluarga Sedia Ada	Keluarga Yang Tiada Rumah Tetapi Perlukan Lot *	Bilangan Penduduk
Kampung Taba Sait	58	49	487
Kampung Pain Bojong	47	37	331
Kampung Rejoi	40	14	283
Kampung Semban	59	55	494
<b>Jumlah</b>	<b>204</b>	<b>155 *</b>	<b>1,595</b>

Sumber: Minit Mesyuarat Penempatan Semula Bengoh Yang Diadakan Pada 5hb Februari 2010

Nota: \* Extended Families

**Peta 3.2**  
**Lokasi Kampung Yang Terjejas**



Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei

3.1.5. Projek pembinaan empangan ini dilaksanakan secara *Design and Build Negotiated* dengan kos sebanyak RM310.65 juta. Syarikat Naim Cendera Holdings Berhad adalah kontraktor utama bagi projek ini. Punca kewangan untuk membiayai projek ini adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

3.1.6. Skop kontrak ini termasuk pembinaan empangan *roller compacted concrete* sepanjang 267 meter dan setinggi 62 meter, jalan akses ke empangan sepanjang 2 km, jalan servis sepanjang 330 meter dan jambatan sepanjang 90meter. Kawasan tадahan air empangan ini adalah seluas  $127 \text{ km}^2$ . Keluasan kawasan takungan air apabila diisi adalah  $8.77 \text{ km}^2$  dan dapat menyimpan sehingga  $144.10 \text{ mega cubic meter}$  air mentah. Air mentah akan disalurkan kepada muka sauk (*intake*) LAK di Batu Kitang secara *Open Channel*. Mengikut *Proposed Bengoh Dam, Sarawak Phase 1 - Assessment Study* yang disediakan pada bulan Disember 2003 oleh pihak perunding, kos berdasarkan harga pada tahun 1996 untuk menyalurkan air dengan menggunakan paip dianggarkan antara RM77 juta hingga RM169.8 juta.

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Empangan Bengoh dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap serta mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

### **3.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan serta pemantauan terhadap pengurusan pelaksanaan pembinaan projek empangan ini. Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Kemudahan Awam (KKA), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Tanah Dan Survei (JTS), Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) dan Lembaga Air Kuching (LAK). Pengauditan dijalankan dengan menyemak kontrak yang ditandatangani, arahan perubahan, minit mesyuarat tapak, surat menyurat, rekod bayaran dan dokumen lain yang berkaitan dengan projek pembinaan empangan ini. Rujukan kepada *Proposed Bengoh Dam, Sarawak Phase 1 - Assessment Study Final Report*, Laporan *Environmental Impact Assessment (EIA)* bagi *Proposed Development Of Bengoh Dam Across Sungai Sarawak Kiri Kuching, Kuching Water Supply Master Plan Study (1995-2000) Final Report*, *Kuching Water Board Third Water Supply Master Plan (2010-2030) Final Report* juga dijalankan. Lawatan Audit ke tapak dijalankan sebanyak 3 kali dalam tempoh bulan Ogos hingga bulan November 2010. Lawatan ke tapak Skim Penempatan Semula Bengoh dan Jalan ke Skim juga diadakan pada bulan Oktober 2010. Lawatan susulan Audit telah dijalankan pada bulan Mac 2011 untuk mengemaskini perkembangan semasa di 3 tapak ini.

### **3.3. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati ada kelemahan daripada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Pembinaan projek

dijadualkan siap pada awal Disember 2010 tetapi sehingga 28 Februari 2011 tahap kemajuan projek hanyalah setakat 97.3%. Penyiapan pembinaan Empangan Bengoh terjejas disebabkan kelewatan proses penempatan semula penduduk dan penyediaan Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh. Setakat akhir bulan Februari 2011, proses pengambilan balik tanah dan penempatan semula penduduk masih belum selesai sepenuhnya. Bagi mengelakkan banjir berlaku di kawasan kampung yang terjejas, satu *culvert* tambahan untuk meningkatkan kitaran banjir kepada 1:100 tahun telah dibina. Pelan bagi Skim Penempatan Semula diluluskan oleh *State Planning Authority (SPA)* pada bulan Ogos 2010 dan kerja penyediaan infrastruktur sedang dijalankan manakala pembinaan rumah masih belum dimulakan. Penjelasan lanjut terhadap kelemahan yang didapati adalah seperti berikut:

### 3.4.1. Kemajuan Fizikal Pembinaan Empangan

3.4.1.1. Semakan Audit terhadap surat setuju terima yang dikeluarkan oleh JKR pada bulan Julai 2007 mendapati pembinaan empangan ini mengambil masa selama 40 bulan dan dijadualkan siap pada awal bulan Disember 2010. Tarikh siap projek dilanjutkan kepada bulan Februari 2011 kerana lanjutan masa selama 69 hari diberi kepada kontraktor bagi pembinaan *culvert* tambahan. Mengikut perunding, rekaan *culvert* asal adalah berasaskan kitaran banjir 1:10 tahun dan penduduk di kampung terjejas telah pun dipindahkan. Akibat daripada kelewatan penempatan semula penduduk yang terjejas, *culvert* tambahan dengan kos RM1.65 juta dibina bagi meningkatkan kitaran banjir daripada 1:10 kepada 1:100 tahun untuk mengelakkan berlakunya banjir di kawasan kampung yang terjejas. Pembinaan *culvert* tambahan ini juga mengakibatkan kerja tambahan bagi melindungi tebingan hilir Sungai Bengoh dengan kos RM0.55 juta. Lokasi *culvert* asal dan *culvert* tambahan adalah seperti **Gambar 3.1**.

**Gambar 3.1**  
**Diversion Culvert Asal dan Culvert Tambahan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Empangan Bengoh  
Tarikh: 12 Ogos 2010

3.4.1.2. Semakan Audit seterusnya mendapati kerja penakungan air yang dijadualkan pada bulan Jun 2010 tidak dapat dimulakan dan pihak kontraktor diarah untuk

menangguhkan kerja pembersihan *biomass* di kawasan takungan air pada bulan Oktober 2010 bagi mengelakkan kos yang tinggi untuk menjalankan kerja pembersihan semula. Lanjutan masa kedua selama 91 hari diberi kepada kontraktor di atas penangguhan ini dan tarikh siap kontrak dilanjutkan sehingga bulan Mei 2011.

3.4.1.3. Pembersihan *biomass* di kawasan takungan air termasuk menebang dan membuang semua pokok yang melebihi 10 sentimeter garis pusat, semua pokok *palm* dan buluh yang ketinggian melebihi 5 meter di tempat kurang dari 80 meter tinggi dan di cerun yang kurang dari  $45^{\circ}$  di kawasan takungan air. Keluasan kawasan sebenar yang terlibat adalah 944.10 hektar.

3.4.1.4. Penangguhan penakungan air mengakibatkan kerja memasang peralatan mekanikal dan elektrikal di *Draw-Off Tower* empangan tidak dapat dijalankan dan pembinaan Empangan Bengoh tidak dapat disiapkan dengan sepenuhnya. Pihak kontraktor telah diarah untuk menangguh kerja pembersihan *biomass* pada bulan Oktober 2010. Setakat akhir bulan Februari 2011, 47.5% kerja pembersihan takungan telah siap dijalankan. Secara keseluruhannya setakat akhir bulan Februari 2011, kemajuan fizikal pembinaan empangan adalah 97.3%. Maklumat lanjut kemajuan kerja adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Kemajuan Kerja Setakat Akhir Bulan Februari 2011**

Perkara	Kemajuan Dijadual (%)	Kemajuan Sebenar
Jalan Akses dan Jalan Servis	Siap pada bulan April 2010	-
Jambatan Sungai Semadang	Siap pada bulan Disember	-
Empangan RCC Dan Kerja Berkaitan	99.0	97.7
Pembersihan Takungan	100.0	47.5
Kemajuan Fizikal Pada	97.3	97.3

Sumber: Laporan Kemajuan Kerja Empangan Bengoh Bil. 41

### 3.4.2. Pembinaan Jalan Kampung Semadang/Bau (Jalan Ke Skim) Dan Penyediaan Infrastruktur Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh Masih Dalam Pelaksanaan

3.4.2.1. Semakan Audit terhadap Pelan No. 262(A)/SP/1D-24/04(Vol.5) dan Pelan No. 262(B)/SP/1D-24/04(Vol.5) mendapati Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh diluluskan oleh *State Planning Authority* pada bulan Ogos 2010. Mengikut pelan, keluasan tapak skim adalah sejumlah 442.35 hektar terdiri daripada 285 hektar untuk lot pertanian dan 131.10 hektar untuk lot perumahan dan 26.25 hektar sebagai tambahan yang akan diambil alih kemudian. Pembinaan 204 buah rumah bagi keluarga yang terjejas juga telah diluluskan. Menurut laporan akhbar *The Borneo Post* bertarikh 22 Jun 2011, Kerajaan telah meluluskan pembinaan 204 unit rumah di bawah Program Bantuan Rumah dengan kos RM45,000 seunit.

3.4.2.2. Surat setuju terima bagi pembinaan Jalan Kampung Semadang/Bau telah dikeluarkan pada bulan Julai 2009 akan mengambil masa selama 36 bulan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2012. Surat setuju terima bagi penyediaan Skim Penempatan

Semula Penduduk Bengoh - Kerja Infrastruktur dikeluarkan pada bulan Oktober 2010 akan mengambil masa selama 18 bulan dan dijangka siap pada bulan Mei 2012. Kemajuan fizikal adalah seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Kemajuan Fizikal Jalan Kampung Semadang/Bau Dan Penyediaan  
Infrastruktur Skim Penempatan Semula Setakat Akhir Februari 2011**

Projek	Kemajuan Di Jadual (%)	Kemajuan Sebenar (%)
Jalan Kampung Semadang/Bau	57.7	57.8
Infrastruktur Skim Penempatan Semula	39.5	42.8

*Sumber: Laporan Kemajuan Jalan Kampung Semadang/Bau Dan Skim Penempatan Semula Bengoh*

3.4.2.3. Lawatan Audit ke tapak Jalan Kampung Semadang/Bau dan Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh pada 26 Oktober 2010 mendapati peringkat pelaksanaan adalah seperti **Gambar 3.2** hingga **Gambar 3.5**.



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Jalan Ke Skim  
Tarikh: 26 Oktober 2010*



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Jalan Ke Skim  
Tarikh: 26 Oktober 2010*

**Gambar 3.4**  
**Keadaan Penyediaan**  
**Infrastruktur Skim Penempatan Semula**  
**Penduduk Bengoh Pada Bulan Oktober 2010**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Skim Penempatan Semula  
Tarikh: 26 Oktober 2010

**Gambar 3.5**  
**Keadaan Penyediaan**  
**Infrastruktur Skim Penempatan Semula**  
**Penduduk Bengoh Pada Bulan Oktober 2010**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Skim Penempatan Semula  
Tarikh: 26 Oktober 2010

3.4.2.4. Lawatan susulan Audit pada 10 Mac 2011 ke tapak mendapati pembinaan jalan masuk ke Skim dan penyediaan infrastruktur skim masih dalam proses pembinaan. Keadaan kemajuan adalah seperti **Gambar 3.6** hingga **Gambar 3.9**.

**Gambar 3.6**  
**Jalan Ke Skim Penempatan Semula**  
**Penduduk Bengoh Pada Bulan Mac 2011**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Jalan Akses Ke Skim Penempatan  
Tarikh: 10 Mac 2011

**Gambar 3.7**  
**Jalan Ke Skim Penempatan Semula**  
**Penduduk Bengoh Pada Bulan Mac 2011**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Jalan Akses Ke Skim Penempatan  
Tarikh: 10 Mac 2011

**Gambar 3.8**  
**Penyediaan Infrastruktur Skim**  
**Penempatan Semula Penduduk**  
**Bengoh Pada Bulan Mac 2011**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Skim Penempatan Semula  
Tarikh: 10 Mac 2011

**Gambar 3.9**  
**Penyediaan Infrastruktur Skim**  
**Penempatan Semula Penduduk**  
**Bengoh Pada Bulan Mac 2011**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Skim Penempatan Semula  
Tarikh: 10 Mac 2011

3.4.2.5. Berdasarkan Jadual Pelaksanaan Induk yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Penempatan Semula Penduduk Bagi Projek Empangan Bengoh Bil. 1/2010, pembinaan rumah dijangka hanya dapat disiapkan pada bulan Mac 2012 dan proses penempatan semula penduduk dijangka akan siap pada bulan Jun 2012. Pihak JKR memaklumkan bahawa Empangan Bengoh dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada bulan Oktober 2013. KKA memaklumkan proses penempatan semula penduduk yang terjejas oleh Empangan Bengoh telah dimulakan sejak tahun 2005, iaitu sebelum Empangan Bengoh dibina. Bagaimanapun, tapak bagi skim penempatan semula penduduk telah ditukar beberapa kali menyebabkan ianya berlarutan sehingga sekarang.

### 3.4.3. Pengambilan Balik Tanah Dan Bayaran Pampasan

Semakan Audit terhadap rekod JTS mendapati jumlah pampasan yang dinilai adalah sejumlah RM30.87 juta. Didapati juga sebanyak 26 orang penduduk telah menolak pampasan berjumlah RM1.44 juta yang ditawar oleh JTS. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**. Setakat bulan Mei 2011, sebanyak RM0.8 juta daripada jumlah RM11.78 juta bagi pampasan bangunan telah dibayar.

**Jadual 3.5**  
**Jumlah Pampasan Yang Dinilai Dan Ditolak**

Bil.	Perkara	Jumlah Dinilai (RM Juta)	Jumlah Ditolak (RM Juta)
1.	Jalan Akses	0.49	0.00
2.	Kawasan Takungan Air		
i.	Tanah	9.32	0.78
ii.	Bangunan	11.78 *	-
iii.	Tanaman	4.99	0.43
iv.	Kebun	2.59	0.11
v.	Lain Tambahbaikan	0.92	0.12
vi.	Kos Pindahan	0.78	-
<b>Jumlah</b>		<b>30.87**</b>	<b>1.44</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei

Nota: \* - Hanya sejumlah RM0.8 juta telah dibayar

\*\* - Tidak termasuk RM0.75 juta untuk pampasan sekolah

Pada pendapat Audit, projek yang berkaitan seperti penyediaan Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh, proses pengambilan balik tanah dan proses penempatan semula penduduk sepatutnya dikoordinasikan dengan lebih baik agar tidak menjelaskan penyiapan empangan yang dianggarkan selama 3 tahun, di samping meningkatkan kos keseluruhan projek.

#### **3.4.4. Pengujian Dan Penerimaan Peralatan Mekanikal Dan Elektrikal (M&E) Tertangguh**

3.4.4.1. Semakan Audit mendapati kerja penakungan air telah dijadualkan bermula pada bulan Jun 2010. Kerja ini tidak dapat dimulakan kerana proses penempatan semula penduduk masih belum diselesaikan. Akibat daripada ini, peralatan mekanikal dan elektrikal di *Draw-Off Tower* empangan seperti *pipe* dan *sluice valve* tidak dapat dipasang, diuji dan diserah kepada JKR. Kos bagi menyambung waranti produk dan jaminan dianggarkan sebanyak RM5.20 juta seperti di **Jadual 3.6** dan **Jadual 3.7**.

3.4.4.2. Lawatan susulan Audit pada bulan Mac 2011 mendapati satu tempat penyimpanan sementara dengan kos RM136,000 telah disediakan di dalam kawasan pejabat tapak projek. Peralatan M&E didapati telah disimpan dalam tempat penyimpanan sementara seperti **Gambar 3.10** dan **Gambar 3.11**.

**Gambar 3.10**  
Gudang Sementara Untuk Menyimpan  
Peralatan M&E Di Kawasan Pejabat Tapak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gudang Sementara Untuk Menyimpan  
Peralatan Di Kawasan Pejabat Tapak  
Tarikh: 10 Mac 2011

**Gambar 3.11**  
Peralatan M&E Yang Belum  
Dipasang Di Kawasan Pejabat Tapak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gudang Sementara Untuk Menyimpan  
Peralatan Di Kawasan Pejabat Tapak  
Tarikh: 10 Mac 2011

Pada pendapat Audit, jika Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh dan proses penempatan semula penduduk diselesaikan lebih awal selari dengan kemajuan kerja pembinaan Empangan Bengoh, proses menakung air, pemasangan dan pengujian peralatan M&E dapat dijalankan mengikut jadual dan kerajaan tidak perlu menanggung kos tambahan untuk menyediakan tempat penyimpanan sementara. JKR juga perlu memastikan kelewatan ini tidak menimbulkan sebarang masalah teknikal terhadap peralatan mekanikal dan elektrikal yang tidak dapat dipasang.

### 3.4.5. Implikasi Kewangan Kepada Kerajaan Negeri

3.4.5.1. Semakan Audit mendapati kelewatan penyiapan Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh dan proses penempatan semula penduduk telah menyebabkan kerja penakungan air tertangguh dan pembinaan empangan tidak dapat disiapkan sepenuhnya. Empangan dijangka hanya dapat beroperasi pada hujung tahun 2013. Pihak kontraktor telah mencadangkan 3 opsyen termasuk kos bagi menyelesaikan masalah kontrak seperti berikut:

- Opsyen 1** - Kontrak ditamatkan bersama dan satu tender berasingan dipelawa untuk menyiapkan baki kerja selepas penempatan semula penduduk diselesaikan.
- Opsyen 2** - Kontraktor akan menyiapkan kerja yang dapat diselesaikan sebelum tempoh kontrak tamat. Baki kerja akan disambung selepas isu penempatan semula penduduk Bengoh diselesaikan. Semasa isu penempatan semula diselesaikan, kontraktor akan terus menyenggara tapak projek.
- Opsyen 3** - Kontrak diberi lanjutan masa sehingga baki kerja disiapkan.

3.4.5.2. Opsyen 1 telah ditolak oleh JKR kerana dianggap tidak sesuai. Anggaran kos tambahan yang dikemukakan oleh pihak kontraktor adalah RM56.81 juta bagi Opsyen 2

dan RM58.37 juta bagi Opsyen 3. Anggaran awal JKR adalah RM31.51 juta bagi Opsyen 2 dan RM33.69 juta bagi Opsyen 3. JKR telah mengesyorkan Opsyen 2 kepada KKA dan kosnya perlu dirunding semula dengan pihak kontraktor kerana anggarannya jauh lebih tinggi daripada anggaran JKR. Maklumat lanjut mengenai kos yang dianggarkan oleh kontraktor dan JKR bagi Opsyen 2 dan 3 adalah seperti di **Jadual 3.6** dan **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.6**  
**Anggaran Kos Tambahan Bagi Opsyen 2**

Bil.	Perkara	Anggaran Kontraktor (RM Juta)	Anggaran JKR (RM Juta)
1.	Kos Berulang (pada tempoh kelewatan): a. Keperluan Sumber Manusia b. Perbelanjaan Am (Berulang) c. Perbelanjaan Sub-kontraktor dan kos <i>idling</i> d. Waranti dan lain e. Perbelanjaan Perunding	4.23 8.19 9.08 5.20 3.06	1.73 4.75 5.51 5.20 0.49
2.	Keselamatan dan langkah keselamatan ( <i>Provisional</i> )	1.21	1.21
3.	Kos Bagi Menyiapkan Baki Kerja *	33.92	20.69
<b>Jumlah Kos</b>		<b>64.89</b>	<b>39.59</b>
<b>Kos Tambahan Bersih</b>		<b>56.81</b>	<b>31.51</b>

Sumber: Surat Kontraktor bertarikh 12 Disember 2010 dan Surat JKR ke KKA Bertarikh 9 Februari 2011

Nota: \* - Kos bagi menyiapkan baki kerja termasuk RM8.08 juta daripada kos kontrak asal

**Jadual 3.7**  
**Anggaran Kos Tambahan Bagi Opsyen 3**

Bil.	Perkara	Anggaran Kontraktor (RM Juta)	Anggaran JKR (RM Juta)
1.	Kos Berulang (pada tempoh kelewatan): a. <i>Preliminaries and general</i> b. <i>Emergency Response Requirements</i> c. Penyenggaraan jambatan buluh, <i>tracks</i> , tempat letak kereta kampung dan jalan akses d. Kos <i>idling</i> peralatan kontraktor e. Sambungan waranti produk dan jaminan f. Perbelanjaan Sub-kontraktor dan kos <i>idling</i> g. Perbelanjaan Perunding h. Kos <i>overhead</i> Ibu Pejabat Kontraktor	10.77 0.10 0.63 0.57 5.20 9.08 3.07 1.90	8.58 - 0.09 - 5.20 5.51 0.49 -
2.	Keselamatan dan langkah keselamatan ( <i>Provisional</i> )	1.21	1.21
3.	Kos Bagi Menyiapkan Baki Kerja *	33.92	20.69
<b>Jumlah Kos</b>		<b>66.45</b>	<b>41.77</b>
<b>Kos Tambahan Bersih</b>		<b>58.37</b>	<b>33.69</b>

Sumber: Surat Kontraktor bertarikh 12 Disember 2010 dan Surat JKR ke KKA Bertarikh 9 Februari 2011

Nota: \* - Kos bagi menyiapkan baki kerja termasuk RM8.08 juta daripada kos kontrak asal

3.4.5.3. Semakan Audit seterusnya mendapati pada bulan September 2010, JKR telah mencadangkan satu alternatif sebagai Opsyen 4 di mana penduduk dipindah sementara ke kawasan berdekatan. Semua kos termasuk sewa rumah dan elauan akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri supaya projek empangan dapat disiapkan sepenuhnya. Jumlah kos bagi cadangan ini dianggarkan oleh JKR adalah sejumlah RM39.81 juta. Matlumat lanjut kos ini adalah seperti di **Jadual 3.8**. Setakat bulan Mei 2011, perkara ini masih menunggu keputusan daripada Kabinet.

**Jadual 3.8**  
**Anggaran Kos Penempatan Sementara Oleh JKR**

Bil.	Perkara	Anggaran Kos (RM Juta)
1.	Kos Berulang (3 bulan)	4.95
2.	Keselamatan dan langkah keselamatan ( <i>Provisional</i> )	-
3.	Kos Bagi Menyiapkan Baki Kerja (8 bulan)	20.50
4.	Penempatan Sementara (19 bulan)	14.36
<b>Jumlah</b>		<b>39.81</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Pada pendapat Audit, kelewatan menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk mengakibatkan kos tambahan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dianggarkan antara RM31.51 juta hingga RM58.37 juta.

#### 3.4.6. Penyenggaraan Jalan Bengoh/Danu Kurang Memuaskan


3.4.6.1. Jalan ini adalah dari persimpangan Jalan Puncak Borneo sehingga 200m selepas persimpangan jalan ke Empangan Bengoh. Ia merupakan jalan utama bagi penduduk di kawasan Bengoh untuk keluar ke Bandaraya Kuching dan juga untuk ke tapak empangan. Begitu juga, jalan ini digunakan oleh kenderaan berat kontraktor untuk mengangkut bahan pembinaan ke tapak Empangan Bengoh. Lawatan Audit pada bulan Oktober dan awal November 2010 mendapati keadaan jalan ini tidak disenggara dengan memuaskan dan berlubang di sepanjang jalan. Sejumlah RM295,000 telah diperuntukkan dalam kontrak bagi tujuan penyenggaraan jalan, *culvert*, jambatan dan kemudahan lain yang sedia ada di sepanjang jalan. Setakat bayaran kemajuan bilangan 32, sejumlah RM236,000 dari RM295,000 ini telah dibayar kepada kontraktor untuk tujuan penyenggaraan ini. Keadaan jalan adalah seperti **Gambar 3.12** dan **Gambar 3.13**.

**Gambar 3.12**  
**Keadaan Jalan Bengoh/Danu**  
**Pada Bulan November 2010**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Bengoh/Danu  
Tarikh: 9 November 2010

**Gambar 3.13**  
**Keadaan Jalan Bengoh/Danu**  
**Pada Bulan November 2010**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Bengoh/Danu  
Tarikh: 9 November 2010

3.4.6.2. Lawatan susulan Audit ke tapak pada 10 Mac 2011 mendapati jalan tersebut masih dalam keadaan yang tidak memuaskan. Keadaan jalan tersebut adalah seperti **Gambar 3.14** hingga **Gambar 3.17**, bahawa memaklumkan Kerajaan Negeri sedang menjalankan kerja naik taraf (*strengthening of existing road pavement*) ke atas Jalan Bengoh/Danu.

**Gambar 3.14**  
Keadaan Jalan Bengoh/Danu  
Pada Bulan Mac 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Bengoh/Danu  
Tarikh: 10 Mac 2011

**Gambar 3.15**  
Keadaan Jalan Bengoh/Danu  
Pada Bulan Mac 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Bengoh/Danu  
Tarikh: 10 Mac 2011

**Gambar 3.16**  
Keadaan Jalan Bengoh/Danu  
Pada Bulan Mac 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Bengoh/Danu  
Tarikh: 10 Mac 2011

**Gambar 3.17**  
Keadaan Jalan Bengoh/Danu  
Pada Bulan Mac 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Bengoh/Danu  
Tarikh: 10 Mac 2011

Pada pendapat Audit, memandangkan kenderaan berat kontraktor sering menggunakan jalan ini, pihak kontraktor juga bertanggungjawab memastikan jalan ini sentiasa dalam keadaan yang memuaskan.

### **3.5. SYOR AUDIT**

Sebagai langkah untuk memantapkan lagi prestasi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek pembangunan yang akan datang dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

3.5.1. Kementerian Kemudahan Awam hendaklah memastikan rancangan penempatan semula penduduk diberi perhatian agar projek tidak terjejas dan memberi implikasi kos keseluruhan projek.

3.5.2. Kerajaan Negeri perlu menimbang menuju satu kumpulan pakar di bidang teknologi empangan yang akan menjadi pakar rujuk dalam pengurusan, pembinaan, penyenggaraan, hal alam sekitar dan juga dalam pengurusan kecemasan. Keperluan kepakaran ini telah menjadi penting memandangkan bilangan empangan bagi tujuan takungan air ataupun untuk menghasilkan hidro elektrik semakin bertambah di Negeri Sarawak.

## KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN KESIHATAN AWAM SARAWAK

### 4. SISTEM MAKLUMAT KERAJAAN TEMPATAN

#### 4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Pada tahun 1996 hingga 2002, 19 Majlis Daerah telah membuat pembelian Sistem Maklumat Kerajaan Tempatan (SMART 2000) yang dibangunkan oleh PANSAR Sdn. Bhd. (vendor) dengan menggunakan peruntukan sendiri dan mengikut keperluan semasa tanpa penglibatan Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (UTMK), Jabatan Ketua Menteri. Pada tahun 2002, mesyuarat Majlis Sumber Teknologi Maklumat Sarawak (SITRC) telah bersetuju untuk membiayai SMART 2000 untuk 19 Majlis Daerah dan UTMK telah dilantik untuk menyelaras pelaksanaan sistem ini. Sehubungan itu, satu perjanjian telah dimeterai di antara Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA) dan vendor pada 30 Oktober 2003. Perjanjian tersebut bertujuan untuk melengkapkan sistem SMART 2000 dengan memasang modul yang belum dipasang di Majlis Daerah. Perjanjian tersebut tidak meliputi keperluan pembangunan sistem, perkakasan dan *data conversion*. Kos perolehan dan penyenggaraan sistem setakat 31 Disember 2010 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Kos Keseluruhan Perolehan Dan**  
**Penyenggaraan SMART 2000 Setakat 31 Disember 2010**

Bil.	Perihal	Kos (RM)
1.	Perolehan	
	• Peruntukan SITRC	498,600
	• Peruntukan Majlis Daerah	53,900
	<b>Jumlah</b>	<b>552,500</b>
2.	Penyenggaraan (Peruntukan SITRC)	
	• Tahun 2004 hingga 2007 (RM106,250 setahun)	425,000
	• Tahun 2000 hingga Mac 2011 (RM111,280 setahun)	306,020
	<b>Jumlah</b>	<b>731,020</b>
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,283,520</b>

Sumber: Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam

4.1.2. SMART 2000 adalah *desktop application* yang boleh beroperasi secara *stand-alone* dan direka khas untuk Majlis Daerah di Sarawak bagi menguruskan sistem maklumat kerajaan, sumber manusia dan kewangan yang mengandungi 7 modul utama iaitu *Assessment Billing System*, *Receipting System*, *Licensing System*, *Personal Information System*, *Payroll System*, *Accounting System* dan *Building Tracking System*.

4.1.3. Setakat 31 Disember 2010, 19 Majlis Daerah telah dipasang sistem SMART 2000 yang dibangunkan oleh vendor adalah Majlis Daerah Kanowit, Majlis Daerah Kapit, Majlis Daerah Sarikei, Majlis Daerah Saratok, Majlis Daerah Sri Aman, Majlis Daerah Betong,

Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Samarahan, Majlis Daerah Lundu, Majlis Daerah Lawas, Majlis Daerah Limbang, Majlis Daerah Lubok Antu, Majlis Daerah Matu Daro, Majlis Daerah Dalat Dan Mukah, Majlis Daerah Subis, Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Meradong Dan Julau, Majlis Daerah Simunjan dan Majlis Daerah Marudi.

#### **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan adalah untuk menilai sama ada sistem SMART 2000 telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

#### **4.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi pelaksanaan SMART 2000 daripada tahun 2002 sehingga tahun 2010. Pengauditan dijalankan di KASKA, Majlis Daerah Samarahan, Bau, Serian, Subis, Limbang dan Lawas. Pengauditan ini dilaksanakan dengan menyemak perjanjian SMART 2000 sama ada ia telah dipatuhi serta memeriksa dan menilai aspek kawalan am, kawalan aplikasi dan penyenggaraan sistem. Semakan juga dibuat terhadap rekod, dokumen, penyata dan laporan yang dihasilkan melalui SMART 2000 di peringkat Majlis Daerah yang dipilih. Analisis terhadap sampel maklumat dan data SMART 2000 menggunakan perisian *Audit Command Language (ACL)* dibuat untuk memastikan integriti data dari aspek kesihihan, kesempurnaan dan ketepatan data. Selain itu, perbincangan dan borang soal selidik diedarkan kepada pegawai dan pengguna yang terlibat dengan SMART 2000.

#### **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan dijalankan di antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pembangunan SMART 2000 adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah Modul *Building Tracking System* tidak digunakan, kebergantungan terhadap vendor untuk perkhidmatan mengekstrak data, kawalan am dan kawalan aplikasi tidak memuaskan. Beberapa kelemahan yang dilaporkan dalam laporan Audit pada tahun 2005 mengenai pengkomputeran di Majlis Daerah seperti ujian sistem tidak dilakukan, amalan percubaan selari dan amalan sistem manual masih diteruskan, server diletakkan di kawasan terbuka juga belum diambil tindakan sepenuhnya. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

##### **4.4.1. *Building Tracking System* Tidak Digunakan**

*Building Tracking System* adalah diguna untuk menyelenggara maklumat berkenaan pemohon pelan bangunan, status permohonan serta perihal jenis, kegunaan dan status bangunan. Analisis Audit ke atas data *Building Tracking System* mendapati, ianya tidak digunakan di 5 Majlis Daerah iaitu Majlis Daerah Bau sejak 19 Mac 2008, Majlis Daerah Serian sejak 20 Januari 2006, Majlis Daerah Lawas sejak 18 Disember 2007, Majlis Daerah Limbang sejak 15 Disember 2009 dan Majlis Daerah Subis sejak 23 April 2008. UTMK memaklumkan bahawa Majlis Daerah Serian tidak dapat menggunakan *Building Tracking System* kerana *client software* SMART 2000 telah *corrupted* dan tidak berfungsi serta tiada laporan dibuat mengenai perkara tersebut. Jaringan SarawakNet tiada halangan untuk

sistem SMART 2000 memandangkan terdapat 2 rangkaian jaringan berasingan dipasang di Majlis Daerah dengan menggunakan kabel berasingan seperti berikut:

4.4.1.1. Rangkaian Jaringan Setempat (LAN) yang menghubungkan komputer dengan server SMART 2000 dan talian Internet yang dikendalikan oleh Majlis Daerah.

4.4.1.2. Rangkaian Jaringan Setempat (LAN) dan Rangkaian Jaringan Meluas (WAN) yang menghubungi rangkaian SarawakNet yang diluluskan oleh STIRC.

**Pada pendapat Audit perolehan modul yang tidak diperlukan adalah satu pembaziran.**

#### **4.4.2. Kebergantungan Terhadap Vendor Untuk Perkhidmatan Mengekstrak Data**

4.4.2.1. Berdasarkan perjanjian, Kerajaan adalah *business process owner* serta *custodian* terhadap data. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pentadbir sistem yang telah diberi hak untuk akses data SMART 2000 di 2 Majlis Daerah yang dilawat masih memerlukan bantuan vendor untuk mengekstrak data SMART 2000 dan bayaran dikenakan terhadap perkhidmatan yang diberi. Lawatan Audit di Bau dan Samarahan mendapati vendor telah mengemukakan invois dan sebut harga sejumlah RM6,356 bagi perkhidmatan ekstrak data.

4.4.2.2. KASKA memaklumkan bahawa Majlis telah meminta bantuan daripada pihak vendor untuk mengekstrak data aplikasi memandangkan *system administrator* di Majlis tiada latar belakang ICT.

**Pada pendapat Audit, perkhidmatan ekstrak data hendaklah dilakukan oleh pentadbir sistem bagi menjamin keselamatan kepada data Kerajaan.**

#### **4.4.3. Pelaksanaan SMART 2000**

##### **4.4.3.1. Kawalan Am**

###### **a. Kawalan Persekuturan Dan Fizikal**

Pengurusan persekitaran fizikal penting bagi memastikan peralatan dan SMART 2000 sentiasa berkeadaan baik bagi mengelak sebarang ancaman. Pihak KASKA telah mewujudkan prosedur keselamatan fizikal. Antara kawalan yang digariskan ialah mengenal pasti pusat kawalan data yang sensitif, akses ke server berkunci dan dikawal supaya dapat mengenal pasti pergerakan keluar masuk kakitangan serta peralatan komputer hendaklah selamat daripada kerosakan fizikal dan persekitaran. Pemeriksaan Audit mendapati bahawa bilik server SMART 2000 di 6 Majlis Daerah iaitu Majlis Daerah Samarahan, Bau, Serian, Subis, Limbang dan Lawas adalah seperti berikut:

- i. Penghawa dingin selama 24 jam tidak disediakan.
- ii. Alat pengesan bencana iaitu pengesan asap tidak disediakan.

- iii. 2 Majlis Daerah tidak mempunyai bilik server dan hanya diletakkan di bilik pegawai iaitu di Majlis Daerah Bau dan Serian seperti **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.
- iv. Barang yang tidak diperlukan disimpan di bilik server seperti **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.


KASKA memaklumkan bahawa peruntukan yang terhad serta keadaan yang sedia ada tidak mengizinkan Majlis Daerah menyediakan atau menambah baik fasiliti sedia ada.

**Gambar 4.1**  
**Server Diletak Dalam Bilik Pegawai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Majlis Daerah Bau  
Tarikh: 9 November 2010

**Gambar 4.2**  
**Server Diletak Dalam Bilik Pegawai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Majlis Daerah Serian  
Tarikh: 11 November 2010

**Gambar 4.3**  
**Barang Yang Tidak Diperlukan  
Disimpan Dalam Bilik Server**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Majlis Daerah Limbang  
Tarikh: 30 November 2010

**Gambar 4.4**  
**Barang Yang Tidak Diperlukan  
Disimpan Dalam Bilik Server**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Majlis Daerah Subis  
Tarikh: 2 Disember 2010

Pada pendapat Audit, pengurusan persekitaran fizikal bilik server adalah tidak memuaskan dan boleh menyebabkan Majlis Daerah menghadapi risiko

**kehilangan aset dan data. Alat penghawa dingin sepatutnya berfungsi secara berterusan bagi memastikan tiada gangguan operasi server.**

**b. Pengurusan ID Pengguna Dan Kata Laluan**

- i. *ICT Security Policy* menetapkan langkah keselamatan mengenai penggunaan kata laluan untuk capaian yang perlu dipatuhi adalah sistem hendaklah menyelenggarakan rekod penggunaan kata laluan serta berupaya menyekat secara automatik penggunaan SMART 2000 sekiranya kata laluan salah melebihi 3 kali, kata laluan sama digunakan melebihi tempoh maksimum 90 hari dan pengguna tidak aktif melebihi 30 hari.
- ii. Semakan Audit mendapati *ICT Security Policy* berkaitan dengan kata laluan tidak dipatuhi sepenuhnya kerana walaupun sistem berupaya menyekat secara automatik penggunaan SMART 2000 sekiranya kata laluan salah tetapi tiada had percubaan ditetapkan. Begitu juga, sistem tidak berupaya menyekat secara automatik penggunaan kata laluan sama digunakan melebihi tempoh maksimum 90 hari dan pengguna tidak aktif melebihi 30 hari.
- iii. KASKA memaklumkan bahawa segala kawalan keselamatan akan diambil kira semasa pembangunan semula SMART 2000.

**Pada pendapat Audit, pengurusan ID pengguna dan kata laluan adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi *ICT Security Policy* yang ditetapkan.**

**c. Jejak Audit**

- i. Arahan Teknologi Maklumat yang dikeluarkan oleh MAMPU pada Disember 2007 menetapkan supaya cubaan untuk akses ke sistem yang tidak dibenarkan dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan keselamatan sistem direkodkan dan dipantau oleh Pengurusan Keselamatan. Sebarang cubaan akses yang tidak dibenarkan dan pelanggaran keselamatan yang lain hendaklah dilaporkan dan disiasat oleh Pengurusan Keselamatan. Semakan Audit mendapati analisis terhadap log untuk mengesan aktiviti luar jangka tidak dilakukan.
- ii. KASKA memaklumkan bahawa jejak audit yang sedia ada adalah untuk merekodkan aktiviti perubahan/pertukaran rekod. Sejak tahun 1996, tiada insiden keselamatan dilaporkan mengenai penggunaan SMART 2000.

**Pada pendapat Audit, Majlis Daerah terdedah kepada risiko integriti dan keselamatan data seperti pencerobohan dan pengubahsuaian tanpa kebenaran selagi analisis terhadap log untuk mengesan aktiviti luar jangka tidak dijalankan.**

#### **4.4.3.2. Kawalan Aplikasi**

Kawalan aplikasi yang berkesan adalah penting untuk memastikan semua data lengkap, tepat dan sah semasa dimasukkan, diproses, dijana, disimpan dan diagihkan.

##### **a. Kawalan Input**

Kawalan input yang berkesan akan memastikan transaksi yang lengkap dan sah sahaja diproses oleh komputer. Ia juga bagi memastikan transaksi tersebut tidak tercicir, ditokok tambah dan berlaku duplikasi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. **Accounting System** - Data perbelanjaan dan hasil yang telah dikunci masuk tidak disemak dan disahkan melalui sistem.
- ii. **Oil Palm Billing System** - Data yang telah dikunci masuk dapat diubah oleh penyedia tetapi tiada pengesahan oleh penyelia melalui sistem.
- iii. **SmartNet Administration System** - Tiada borang permohonan dan lantikan secara bertulis untuk pengguna yang baru diwujudkan.

##### **b. Kawalan Proses - Assessment Billing System**

Kawalan proses bertujuan memastikan setiap transaksi yang dilakukan oleh sistem adalah sah, betul dan tepat. Semakan Audit mendapati data yang telah diproses dapat diubah dan tiada pengesahan dilakukan oleh penyelia contohnya maklumat pemilik dan kadar taksiran tahunan.

##### **c. Kawalan Output**

Kawalan output berperanan bagi memastikan hasil pemprosesan adalah tepat, lengkap, mengikut ketepatan masa dan mempunyai kawalan yang mencukupi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. **Assessment Billing System** - Laporan tidak dicetak di Majlis Daerah Bau serta laporan ada dicetak tetapi tiada semakan penyelia di Majlis Daerah Lawas dan Serian.
  - ii. **Personal Information System** - Laporan daripada sistem ini tidak digunakan dan dicetak.
  - iii. **Accounting System** - Baucar bayaran, pesanan tempatan dan cek disah dan diluluskan secara manual. Baucar bayaran dan pesanan tempatan dicetak di atas *pre-printed paper* dan bukan dijana melalui sistem. Tiada ruangan nama dan tandatangan penyedia dalam baucar bayaran.
  - iv. **SmartNet Administration System** - Tiada bukti semakan dilakukan ke atas fail log yang disediakan.
- d. KASKA memaklumkan bahawa Majlis Daerah melantik seorang pegawai untuk melaksanakan kemasukan data, pengesahan dan kelulusan. Oleh yang demikian, pengagihan fungsi sistem adalah tidak praktikal. Bagaimanapun, isu-isu yang

dibangkitkan dalam kawalan output akan diambil kira semasa pembangunan semula SMART 2000.

**Pada pendapat Audit, kawalan Aplikasi adalah tidak memuaskan kerana tiada mekanisme penyemakan dan pengesahan secara elektronik ke atas data yang telah dikunci masuk dan data boleh diubah tanpa pengesahan penyelia. Di samping itu, sistem belum berintegrasi sepenuhnya dan semakan secara manual masih dibuat.**

#### **4.4.3.3. User Acceptance Test (UAT)**

Hanya sistem yang telah diuji dan disahkan boleh diterima dan diguna pakai oleh Majlis Daerah. Tujuannya adalah untuk menguji aplikasi yang telah dibangunkan dan juga untuk memastikan semua modul SMART 2000 dapat berfungsi dengan baik. Semakan Audit mendapati tiada rekod bagi menunjukkan ujian UAT dilaksanakan di setiap Majlis Daerah. KASKA memaklumkan perlaksanaan sistem adalah hanya untuk melengkapkan sistem SMART 2000 yang sedia ada dengan memasang modul yang belum dipasang dan mengikut keperluan Majlis Daerah. Pelaksanaan tersebut tidak melibatkan penambahbaikan atau pembangunan semula sistem.

**Pada pendapat Audit, UAT hendaklah dijalankan bagi memastikan SMART 2000 berfungsi dengan baik sebelum digunakan oleh semua pengguna.**

#### **4.4.3.4. Perkembangan Terkini Untuk Penambahbaikan**

Penilaian terhadap sistem perlu dilakukan untuk memastikan sistem yang dibangunkan sentiasa kemas kini dan boleh beroperasi selari dengan perkembangan teknologi semasa, sistem perlu sentiasa diperbaiki berdasarkan maklum balas atau pandangan pengguna dan perkembangan terkini. Semakan Audit mendapati KASKA dalam proses membangunkan satu sistem baru yang akan digunakan pada tahun 2011 bagi menggantikan sistem SMART 2000 melalui perjanjian *A study of Information & Communication Technology Requirements For Local Authorities in Sarawak* dengan Syarikat Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS) pada 16 Disember 2009 dengan kos RM209,200. Projek ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis hala tuju sistem ICT Pihak Berkuasa Tempatan secara holistik yang merangkumi implikasi kewangan, impak perniagaan dan *timeliness*. UTMK juga bercadang untuk memasukkan *Geographic Information System* dalam sistem kerajaan tempatan bagi tujuan penggunaan *open source GIS software (gvGIS)*.

**Pada pendapat Audit, pihak UTMK perlu melakukan penilaian komprehensif agar segala keperluan PBT diambil kira dalam pembangunan sistem baru dan juga aspek lain seperti teknologi, Perakaunan Akrual, Modul Berintegrasi dan Pengesahan secara *workflow system*.**

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan pengurusan SMART 2000, Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam hendaklah mengambil kira syor seperti berikut:

- 4.5.1. Kajian semula secara menyeluruh patut dilakukan bagi pembangunan sistem baru agar mengambil kira maklum balas pengguna, penggunaan teknologi terkini dan integrasi antara modul. Pembangunan sistem yang baru perlu melibatkan semua peringkat pengguna dari awal sehingga sistem diterima dan diluluskan.
- 4.5.2. Perolehan modul hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelak pembaziran.
- 4.5.3. Keperluan sumber manusia yang mahir dan terlatih dalam bidang ICT disediakan agar kebergantungan kepada vendor boleh dikurangkan.
- 4.5.4. Pengurusan persekitaran fizikal bilik server hendaklah dipertingkatkan bagi mengelak risiko kehilangan aset dan data.
- 4.5.5. Pengurusan ID dan kata laluan hendaklah mematuhi *ICT Security Policy*.
- 4.5.6. Jejak Audit hendaklah disemak bagi mengesan aktiviti luar jangka.
- 4.5.7. *User Acceptance Test* hendaklah dijalankan bagi memastikan sistem berfungsi dengan baik.

**DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA,  
MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN DAN  
MAJLIS BANDARAYA MIRI**

## **5. PENGURUSAN KENDERAAN**

### **5.1. LATAR BELAKANG**

5.1.1. Penyediaan kemudahan kenderaan di 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertaraf bandar raya iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan Majlis Bandaraya Miri (MBM) adalah untuk membantu melaksanakan pengurusan aktiviti yang dirancang dengan lebih berkesan. Kenderaan yang ada dalam senggaraan PBT masa kini adalah jenis salun, pacuan empat roda, kenderaan utiliti pelbagai guna, lori, trak dan jentera berat. Sehingga akhir tahun 2010, sebanyak 217 kenderaan pelbagai jenis dengan kos perolehan sejumlah RM23.73 juta disenggara oleh 3 PBT tersebut. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Bilangan Kenderaan Dan Kos Perolehan Seperti Pada Akhir Tahun 2010**

PBT	Bil. Kenderaan	Kos Perolehan (RM Juta)	Tahun Perolehan
DBKU	75	9.32	1988 - 2010
MBKS	98	11.01	1985 - 2010
MBM	44	3.40	1984 - 2010
<b>Jumlah</b>	<b>217</b>	<b>23.73</b>	<b>Usia antara 1 bulan hingga 26 tahun</b>

Sumber: PBT

5.1.2. PBT berkenaan adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan kenderaan yang meliputi perolehan kenderaan, penggunaan serta perolehan minyak, penyenggaraan dan proses pelupusan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, 3 PBT berkenaan telah membelanjakan RM9.87 juta untuk pengurusan kenderaan. Peruntukan dan perbelanjaan pengurusan kenderaan oleh PBT berkenaan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Pengurusan Kenderaan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

PBT	Bil. Kenderaan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)				Perbelanjaan (RM Juta)			
		2008	2009	2010	Jumlah	2008	2009	2010	Jumlah
DBKU	75	1.38	2.76	2.12	6.26	0.96	1.44	1.75	4.15
MBKS	98	1.95	2.44	2.11	6.50	1.26	1.74	1.67	4.67
MBM	44	0.45	0.49	1.14	2.08	0.24	0.48	0.33	1.05
<b>Jumlah</b>	<b>217</b>	<b>3.78</b>	<b>5.69</b>	<b>5.37</b>	<b>14.84</b>	<b>2.46</b>	<b>3.66</b>	<b>3.75</b>	<b>9.87</b>

Sumber: PBT

## **5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kenderaan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap serta berhemat selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta dipantau dengan berkesan.

## **5.3. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi pengurusan kenderaan di 3 PBT bertaraf bandar raya iaitu DBKU, MBKS dan MBM bagi tahun 2008 hingga 2010 dan di mana perlu semakan juga dibuat bagi pengurusan untuk tahun-tahun sebelumnya. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan kenderaan seperti fail sejarah, daftar penggunaan kenderaan, rekod pergerakan kad inden, Buku Log Kenderaan dan rekod-rekod lain berkaitan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan pemandu dijalankan bagi tujuan mengesahkan maklumat dan bagi mendapatkan maklum balas. Lawatan ke bengkel dilakukan untuk meninjau keadaan dan penempatan kenderaan yang dipilih.

## **5.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang telah dijalankan di antara bulan Ogos hingga November 2010 di DBKU, MBKS dan MBM mendapat tahap pengurusan kenderaan adalah kurang memuaskan. Perhatian sewajarnya perlu diberikan terhadap pematuhan peraturan yang ditetapkan, kawalan penggunaan serta pembelian bahan api, kawalan penyenggaraan, tindakan terhadap pelupusan, penyelenggaraan rekod berkaitan dan keperluan latihan kakitangan serta pemandu. Keterangan lanjut terhadap kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

### **5.4.1. Pengurusan Penggunaan Kenderaan**

Peraturan 228, *Local Authorities Financial Regulations*, 1997 (LAFR 1997) menetapkan Pengarah/Setiausaha adalah bertanggungjawab mengeluarkan arahan terhadap penggunaan, penyenggaraan dan keselamatan kenderaan. Semakan Audit terhadap pengurusan penggunaan kenderaan adalah seperti berikut:

#### **5.4.1.1. Mekanisme Pemantauan Tidak Diwujudkan**

Struktur pengurusan 3 PBT berkenaan adalah jelas dan memadai untuk tujuan pengurusan kenderaan yang berkesan. Bagaimanapun, tiada mekanisme khas diwujudkan bagi tujuan pemantauan atau laporan khas disediakan berkenaan penilaian prestasi penggunaan kenderaan secara menyeluruh. Carta Aliran Kerja yang sedang diguna pakai didapati tidak lengkap iaitu tiada tugasan terhadap penilaian prestasi pengurusan kenderaan kecuali penggunaan minyak serta tindakan susulan yang perlu diambil. Selain itu, didapati tiada bukti Pegawai Penyelia ada menjalankan pemeriksaan teliti terhadap rekod perjalanan kenderaan, penggunaan minyak dan penyenggaraan kenderaan.

#### 5.4.1.2. Lantikan Pegawai Pengangkutan Tidak Selaras Dengan Gred Yang Ditetapkan

- a. Mengikut Surat Pekeliling 28/2006 (SP 28/2006), semua Ketua Jabatan hendaklah melantik seorang Pegawai Pengangkutan untuk menguruskan penggunaan kad inden dan transaksi pembelian minyak petrol dan diesel bagi kenderaan dan enjin motor sangkut Kerajaan dalam Kementerian/Jabatan berkenaan. Pegawai Pengangkutan yang dilantik hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada Pegawai dalam Kategori VIII atau di bawah Sistem Saran Malaysia Pegawai Gred N22. Semakan Audit mendapati Pegawai Pengangkutan yang dilantik oleh 3 PBT berkenaan tidak menepati tahap gred jawatan yang ditetapkan. Ini telah menyebabkan pengurusan kenderaan 3 PBT berkenaan tidak dijalankan dengan sempurna. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Pegawai Pengangkutan Dan Senarai Tugas**

PBT	Bil. Kenderaan	Pegawai Pengangkutan		Tanggungjawab
		Jawatan	Gred	
DBKU	75	Tukang	K2	Mengawal permohonan pembelian dan penggunaan bahan bakar, menyemak tuntutan pembekal bahan bakar, menyedia Laporan Bulanan Penggunaan Bahan Bakar/Pelincir, membantu mengurus stok/stor dan menjalankan kerja kimpalan dan gas
MBKS	98	Pembantu Tadbir	N17	Bertanggungjawab terhadap pengagihan kenderaan, mengeluarkan kunci kenderaan, Buku Log serta kad inden minyak kepada pemandu dan mengeluarkan <i>work ticket</i> untuk kerja pembaikan kenderaan yang rosak
MBM	44	Pembantu Tadbir/Pembantu Kesihatan Awam	N/J/U 17 – 29	Memantau kerja penyenggaraan, memeriksa harga serta menyedia sebut harga/tender, mengurus hal pelupusan dan menganalisis penggunaan bahan bakar
<b>Jumlah</b>	<b>217</b>			

Sumber: PBT

- b. Pihak PBT memaklumkan pengurusan perjawatan adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Sebagai usaha memantapkan lagi pengurusan kesemua PBT di bawah tanggungjawabnya, pihak Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA) pada tahun 2006 lagi telah mengemukakan cadangan penstrukturkan semula kepada Kerajaan Negeri dan proses ini sedang dijalankan secara berperingkat. Bagaimanapun, sebagai penyelesaian masalah jangka pendek, DBKU telah melantik Pegawai Pengangkutan Gred J29/J22 untuk mengetuai unit berkenaan. DBKU dan MBM juga telah mengadakan kursus khas berkaitan pengurusan kenderaan sebagai usaha meningkatkan pengetahuan pegawai serta kakitangan terbabit. MBM juga telah melantik pegawai yang lebih kanan dari setiap Seksyen/Bahagian memandangkan pegawai yang dilantik sekarang tidak mempunyai pengalaman dalam pengurusan kenderaan.

#### 5.4.1.3. Penyelenggaraan Rekod Perjalanan Kenderaan

- a. Pemandu bertanggungjawab menyelenggara Buku Catatan Harian/*Daily Log Sheet* dan rekod perjalanan bulanan kenderaan, menjaga kebersihan kenderaan dan membuat laporan terhadap kerosakan, kemalangan atau kehilangan kenderaan semasa di bawah kendaliannya. Semakan Audit terhadap 76 Buku Catatan Harian/*Daily Log Sheet* mendapati 2 hingga 24 daripada 76 buku catatan tersebut tidak dilengkapkan dengan butiran seperti masa serta tujuan perjalanan, bacaan odometer, tiada tandatangan pengguna dan pegawai yang bertanggungjawab sebagai pengesahan perjalanan telah dibuat. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.4.**

**Jadual 5.4**  
**Penyelenggaraan Buku Log/Buku Catatan Harian Kenderaan**

PBT	Bil. Rekod Kenderaan	Bil. Disemak		Maklumat Tidak Dilengkapkan (Bil.)							
		Bil.	(%)	A	B	C	D	E	F	G	H
DBKU	75	47	62.7	2	0	3	16	2	0	0	13
MBKS	98	15	15.3	0	11	0	1	1	15	15	1
MBM	44	14	31.8	0	0	6	0	0	9	9	0
<b>Jumlah</b>	<b>217</b>	<b>76</b>	<b>35.0</b>	<b>2</b>	<b>11</b>	<b>9</b>	<b>17</b>	<b>3</b>	<b>24</b>	<b>24</b>	<b>14</b>

Sumber: Buku Catatan Harian/ *Daily Log Sheet* PBT

Nota:

A – Masa

E – Tandatangan Pegawai Penyelia

B – Tujuan Perjalanan

F – Tandatangan Di Ruang Details Entered On

C – Odometer/Speedometer

Monthly Running Record

D – Jumlah/Jarak Perjalanan (Km)

G – Tandatangan Di Ruang P.O.L Issues Checked By

H – Tandatangan Pengguna

- b. Analisis Audit terhadap 19 Borang Statistik Penggunaan Minyak bagi DBKU, 6 *Vehicle And Plant Daily Report Sheet* bagi MBKS dan 10 *Monthly Running Record* di MBM mendapati:
- i. Ruang untuk mencatat penggunaan minyak dan gris (Liter), alat ganti (RM) dan upah (RM) tidak dilengkapkan.
  - ii. Bacaan meter tidak direkodkan dengan tepat di mana bacaan meter permulaan pada bulan terkini didapati tidak sama dengan bacaan meter terakhir pada bulan sebelumnya.
  - iii. Odometer/Speedometer bagi 3 kenderaan yang disenggarakan oleh MBM tidak berfungsi dan tidak dibaiki untuk tempoh 8 hingga 31 bulan. Kerosakan ini boleh menjelaskan ketepatan catatan perjalanan dan kawalan serta analisis penggunaan bahan bakar tidak dapat dijalankan dengan sewajarnya.
- c. Kesemua 3 PBT memaklumkan sedang mengambil tindakan menyemak semula serta mengemas kini rekod dan di mana perlu langkah menyemak semula proses kerja, mengeluarkan arahan serta peraturan kepada pemandu dan pengguna serta menyedia garis panduan yang lebih lengkap. DBKU juga telah mengadakan taklimat kepada penyelia, pemandu dan ketua bahagian pada bulan Disember 2010, Januari dan Februari 2011 manakala MBM telah mengadakan kursus pengurusan kenderaan pada bulan Februari 2011 sebagai langkah memantapkan pengetahuan pengurusan

kenderaan. Langkah juga diambil untuk meningkatkan proses penyemakan, membuat analisis terhadap penggunaan minyak serta pemantauan terhadap rekod berkenaan. MBM memaklumkan telah membaiki meter tetapi kerosakan masih berulang. MBM juga memaklumkan sebuah daripada kenderaan yang kerap rosak telah dilupuskan pada bulan Disember 2010 dan sebuah lagi dicadangkan untuk dilupuskan pada bulan Ogos 2011.

#### **5.4.1.4. Kenderaan Tidak Digunakan Secara Optimum**

- a. Semakan Audit terhadap Buku Catatan Harian/*Daily Log Sheet/Vehicle And Plant Daily Report Sheet/Monthly Running Record* juga dijalankan bertujuan untuk menilai kekerapan penggunaan kenderaan. Semakan Audit di DBKU dan MBKS adalah berdasarkan rekod untuk tempoh 3 bulan bagi setiap tahun 2008, 2009 dan 2010 manakala MBM setiap bulan bagi tahun-tahun tersebut. Hanya 20 daripada 75 rekod kenderaan DBKU dan 23 daripada 44 Buku Log kenderaan MBM dikemukakan untuk pemeriksaan Audit. Kesemua 43 rekod yang dikemukakan oleh 2 PBT tersebut juga didapati tidak lengkap iaitu tidak mempunyai maklumat penggunaan kenderaan bagi bulan yang dipilih untuk pemeriksaan. Sementara 97 rekod penggunaan kenderaan MBKS telah disemak.
- b. Hasil semakan serta analisis Audit mendapati perkara seperti berikut:
  - i. Lima puluh lapan atau 41.4% daripada 140 kenderaan digunakan pada kadar kurang daripada 30%. Dua puluh empat daripada 58 kenderaan tersebut adalah terdiri daripada jenis salun, pacuan empat roda dan kenderaan utiliti pelbagai guna. Maklumat lanjut mengenai prestasi penggunaan kenderaan adalah seperti di **Jadual 5.5**.

**Jadual 5.5**  
**Prestasi Penggunaan Kenderaan**

PBT	Bil. Kenderaan	Bil. Rekod Disemak	Penggunaan Kenderaan Kurang Daripada 30% (Bilangan)
DBKU	75	20	14
MBKS	98	97	24
MBM	44	23	20
<b>Jumlah</b>	<b>217</b>	<b>140</b>	<b>58</b>

Sumber: Catatan Harian Kenderaan/Vehicle And Plant Daily Report Sheet/Monthly Running Record PBT

- ii. Kenderaan tidak digunakan disebabkan kerosakan, sedang diperbaiki, sedang diservis, dalam *stand-by time* dan ada yang tidak dapat ditentukan kerana tiada catatan dibuat mengenainya. Impak terhadap operasi PBT atau kesan terhadap pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang sukar untuk ditentukan kerana PBT tidak pernah membuat analisis atau menyediakan laporan khas berkaitan prestasi kerja yang terjejas disebabkan kekurangan kenderaan.

- c. Semakan Audit seterusnya mendapati:
- i. Empat kenderaan DBKU tidak digunakan bagi tempoh yang lama iaitu 8 sehingga 12 bulan pada tahun 2009 dan tidak digunakan selama 6 bulan iaitu dari bulan Januari sehingga Jun pada tahun 2010 kerana rosak dan 2 daripadanya sedang dalam proses pelupusan. Berdasarkan maklum balas DBKU, 10 kenderaan tidak diguna disebabkan rosak serta tidak ekonomi lagi untuk disenggarakan dan telah dijadualkan untuk tindakan pelupusan secara berperingkat pada tahun 2011. Selain itu, Pegawai Penyelia dan Ketua Bahagian telah diarahkan untuk membuat pemantauan agar keperluan perolehan serta pengagihan kenderaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk aktiviti harian.
  - ii. Lima kenderaan MBKS kerap tidak digunakan kerana rosak dan tidak ekonomi lagi untuk disenggarakan. MBKS memaklumkan bahawa kenderaan berkenaan akan dilupuskan secara berperingkat. Sehingga akhir tahun 2010, MBKS telah melupuskan 8 kenderaan dan 12 lagi telah dicadangkan untuk dilupuskan pada tahun 2011.
  - iii. Sembilan kenderaan MBM tidak digunakan selama 45 sehingga 321 hari bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 kerana sedang dibaiki. *Road roller* MBM didapati langsung tidak digunakan pada tahun 2008, hanya digunakan selama 44 hari pada tahun 2009 dan tidak dapat ditentukan prestasi penggunaannya pada tahun 2010 kerana tiada maklumat direkodkan. MBM memaklumkan bahawa rekod terhadap kerja baik pulih akan diguna mulai tahun 2011 untuk tujuan pemantauan kerja penyenggaraan. Selain itu, MBM akan mengkaji keperluan kenderaan yang berada dalam tempoh *stand-by* bagi tempoh yang lama. MBM akan mengambil tindakan melupuskan 4 daripada 9 kenderaan pada tahun 2011 setelah kenderaan baru diperoleh.
- d. Tiada proses penilaian untuk tujuan pelupusan dijalankan terhadap 11 kenderaan yang telah lama tidak digunakan kerana rosak dan tidak ekonomi untuk diperbaiki lagi. Kos penyenggaraan bagi 6 daripadanya didapati sudah melebihi kos perolehan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.6**.

**Jadual 5.6**  
**Kenderaan Yang Perlu Diperiksa Untuk Dilupus**

PBT	No./Jenis Kenderaan	Tarikh Perolehan	Kos Penyenggaraan (RM)	Tempoh Tidak Beroperasi/ Rosak	Catatan
DBKU	QK 7042 (Water Tanker)	1991	Jumlah sebenar tidak dapat ditentukan	Jan. 2009 – Jun 2010	Dicadangkan untuk dilupus pada tahun 2009 tetapi tidak diluluskan kerana gagal mengemukakan maklumat yang diperlukan
MBKS	QKC 6414 (Double Cab)	1994	209,252	210 atau 76.9% dari 273 hari	Kos perolehan RM104,895
	QKD 6934 (Station Wagon)	1994	59,259	152 atau 55.7% dari 273 hari	Kos perolehan RM56,816
	QKH 3035 (Backhoe Loader/ Excavator)	1996	182,832	175 atau 64.1% dari 273 hari	Kos perolehan RM105,000
	QKH 6834 (Backhoe Loader/ Excavator)	1997	326,148	153 atau 56.0% dari 273 hari	Kos perolehan RM228,550
	QKE 446 (Tipper Truck)	1995	15,893	158 atau 57.9% dari 273 hari	Kos perolehan RM95,750
	QMA 3014 (Isuzu Trooper)	1993	54,475	509 atau 72.7% dari 700 hari (rosak 321 hari)	Kos perolehan RM57,853
MBM	MD 7923 Q (Tipper Truck)	1985	52,303	442 atau 48.5% dari 912 hari (rosak 210 hari)	Kos perolehan RM48,570. Kos bagi tempoh sebelum Julai 1991 tidak dapat ditentukan
	MF 1662 Q (Motor Grader)	1988	69,259	335 atau 91.8% dari 365 hari (rosak 210 hari)	Kos perolehan RM202,700
	QMG 2640 (TATA Truck)	2003	20,706	460 atau 48.8% dari 943 hari (rosak 181 hari)	Kos perolehan RM122,030
	MD 3112 Q (Pick-up Truck)	1984	53,889	232 atau 42.5% dari 546 hari (rosak 100 hari)	Kos perolehan RM23,127. Kos bagi tempoh sebelum Julai 1991 tidak dapat ditentukan

Sumber: Vehicle History Record/Vehicle Log Book PBT

#### 5.4.1.5. Pengurusan Desludging Tanker

- Adalah didapati kaedah perolehan, penggunaan serta penyenggaraan kenderaan *desludging tanker* di antara DBKU, MBKS dan MBM tertakluk kepada amalan serta kaedah menjalankan aktiviti *desludging*. DBKU mengamalkan *outsourcing* dan 5 *desludging tanker* miliknya disewa kepada kontraktor dan kos penyenggaraan kenderaan tersebut ditanggung oleh kontraktor. Harga sewaan yang dikenakan oleh DBKU adalah RM5,616 sebulan untuk sebuah *desludging tanker*. DBKU juga memiliki dan menyenggara 2 *desludging tanker* lagi untuk menjalankan sendiri kerja *desludging* apabila diperlukan. MBKS pula didapati menyenggara 7 *desludging tanker* dan mengurus sendiri kerja *desludging* manakala MBM tidak memiliki kenderaan jenis ini kerana aktiviti ini telah di *outsource* sepenuhnya. Bagaimanapun, tiada analisis dijalankan di peringkat Jabatan Ketua Menteri (JKM), KASKA atau PBT untuk menentukan kaedah yang paling ekonomi, cekap dan berkesan untuk pengurusan *desludging tanker* serta aktiviti berkaitan.
- Semakan Audit mendapati DBKU telah menyewakan 5 *desludging tanker* kepada kontraktor yang telah dilantik untuk menjalankan kerja *desludging*. Syarat kontrak

menetapkan penyenggaraan kenderaan tersebut adalah di bawah tanggungjawab kontraktor dan laporan mekanikal hendaklah dikemukakan setiap bulan kepada DBKU. Semakan Audit seterusnya mendapati laporan berkenaan tidak dikemukakan kepada DBKU dan tiada tindakan susulan diambil oleh DBKU untuk mendapatkan laporan tersebut. Adalah didapati kesemua 5 *deslusing tanker* yang dikembalikan kepada DBKU selepas tamat kontrak pada Mei 2008 dalam keadaan rosak. Sehingga Disember 2010, DBKU telah membelanjakan sejumlah RM68,159 untuk membaiki 2 daripada kenderaan berkenaan.

#### **5.4.1.6. Pengurusan Penggunaan Minyak Tidak Memuaskan**

- a. Peraturan 4.5.1 (b), SP 28/2006 menetapkan Pegawai Pengangkutan menyediakan buku rekod pergerakan Kad Inden dan semua kad kenderaan jabatan/gunasama hendaklah disimpan oleh Pegawai Pengangkutan. Kad ini akan dibekalkan kepada pemandu untuk mengisi minyak dan kemudian diserahkan semula kepada Pegawai Pengangkutan berkenaan pada hari yang sama. Bagi perjalanan di luar pejabat yang mengambil masa melebihi satu hari, Kad Inden hendaklah diserahkan kepada Ketua atau pegawai kanan yang mengetuai pasukan kerja itu atau pemandu jika tiada pegawai lain. Semakan Audit mendapati DBKU ada menyelenggara daftar Kad Inden iaitu Buku Pengeluaran Kad Bahan Bakar Kenderaan. Bagaimanapun, tarikh pemulangan kad tidak direkodkan dalam buku tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati 7 pemandu DBKU mengambil tempoh melebihi satu tahun untuk menyerah balik Kad Inden kepada Pegawai Pengangkutan. DBKU memaklumkan garis panduan telah dikeluarkan pada bulan Januari 2011 untuk pemulangan Kad Inden dibuat pada hari yang sama atau selewatnya pada keesokan hari.
- b. Peraturan 4.1, SP 28/2006 menetapkan had maksima setiap pembelian minyak dibuat tidak melebihi RM100 dan had maksima kekerapan mengisi minyak tidak melebihi 2 kali sehari. Berdasarkan kepada Laporan Butiran Belian dari Superkad Services Sdn. Bhd. di DBKU dan MBKS pada tahun 2008 hingga Ogos 2010 adalah didapati berlaku pembelian minyak bagi kenderaan yang sama dalam jarak masa yang terdekat serta pembelian melebihi had yang dibenarkan seperti yang ditetapkan. Contoh pembelian yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 5.7**.

**Jadual 5.7**  
**Pembelian Minyak Tidak Mematuhi Peraturan**

Bil.	Jenis Kenderaan	No. Daftar	Tarikh	Masa	No. Resit	Liter	Jumlah (RM)
<b>DBKU</b>							
1.	<i>Tipper Truck</i>	QKD6014	22.01.2008 22.01.2008	00:00 08:51	309083 309270	69.71 69.71	110.00 110.00
2.	<i>Tipper Truck</i>	QKU3254	11.01.2008	11.04	007107	146.53	231.22
3.	<i>Tipper Truck</i>	QKQ462	05.01.2008	08:17	010858	130.00	205.14
4.	<i>Aerial Platform</i>	QKS2159	23.02.2010	15:14	24375	117.65	200.00
5.	<i>Tipper Truck</i>	QKR2384	25.03.2010	13:56	4954	117.65	200.00
6.	<i>Desludging Tanker</i>	QKP9031	16.06.2010	08:51	1265	117.65	200.00
7.	<i>Desludging Tanker</i>	QKP9021	21.05.2010	08:58	5177	117.65	200.00
8.	<i>Desludging Tanker</i>	QKP6384	07.05.2010	08:47	24697	117.65	200.00
9.	<i>Tipper Truck</i>	QKM5503	08.02.2010	09:17	3542	117.65	200.00
<b>MBKS</b>							
1.	<i>Desludging Tanker</i>	QKY3036	09.10.2008	08:24	15544	150.00	360.00
2.	<i>Kobelco Excavator</i>	QKT7262	17.10.2008	10:21	21305	157.56	346.63
3.	<i>Desludging Truck</i>	QKQ549	01.12.2008	08:32	20450	179.00	340.10
4.	<i>Desludging Truck</i>	QKQ548	14.11.2008	08:16	19986	215.60	441.98
5.	<i>Desludging Truck</i>	QKQ546	24.10.2008	07:07	19369	180.00	396.00
6.	<i>Isuzu Tipping Truck</i>	QKE446	22.10.2008	11:07	19335	141.05	310.31
7.	<i>Isuzu Tipping Truck</i>	QKC3743	13.10.2008	10:12	15690	134.95	323.88
8.	<i>Isuzu Truck</i>	QAK5256	13.10.2008	08:56	15683	142.52	342.05
9.	<i>Hino Truck</i>	QAG6585	10.10.2008	07:45	15607	146.64	351.94
10.	<i>Kobelco Backhoe</i>	KQ4073Q	10.11.2008	08:28	22050	170.74	350.02

Sumber: Laporan Butiran Belian Superkad Services Sdn. Bhd. Dari 2008 Hingga Ogos 2010

c. Peraturan 4.6, SP 28/2006 menetapkan pengiraan penggunaan minyak setiap kenderaan hendaklah dibuat dengan segera setiap bulan oleh Pegawai Pengangkutan apabila invois serta laporan terperinci pembelian yang berkaitan diterima daripada Superkad Services Sdn. Bhd. Peraturan 230, LAFR 1997 pula menghendaki rumusan mengenai jumlah minyak yang digunakan, jumlah kilometer dan purata kilometer seliter disediakan setiap bulan. Jika penggunaan minyak adalah luar biasa berbanding dengan kadar penggunaan yang sepatutnya bagi jenis kenderaan berkenaan, ia hendaklah disiasat dengan serta merta. Pemantauan ini adalah penting bagi mengesan sebarang penyalahgunaan kad. Semakan Audit mendapati 3 PBT berkenaan ada membuat pengiraan kilometer setiap liter bagi setiap kenderaan. Bagaimanapun, tiada tindakan selanjutnya diambil bagi menganalisis prestasi penggunaan minyak bagi sesebuah kenderaan dari bulan ke bulan atau mengukur penggunaan minyak di antara kenderaan yang sama jenis dan spesifikasi. Seperti mana kehendak peraturan tersebut, analisis ini perlu dijalankan untuk tujuan pemantauan dan mengenal pasti penggunaan minyak yang luar biasa. Semakan Audit terhadap sampel untuk bulan Januari sehingga Julai 2008 bagi rekod DBKU dan bulan April hingga Jun 2010 bagi MBKS dan MBM mendapati terdapat perbezaan yang ketara terhadap penggunaan minyak bagi kenderaan yang sama dari bulan ke bulan yang lain seperti contoh di **Jadual 5.8**.

**Jadual 5.8**  
**Perbezaan Kilometer Seliter (Kadar Tertinggi Berbanding Kadar Paling Rendah)**

PBT	No. Daftar	Jenis Kenderaan	Kilometer Per Liter							Perbezaan	
			Tahun 2008								
			Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.		
DBKU	QKP 8548	Desludging Tanker	3.93	51.85	3.61	4.10	3.90	4.08	x	48.24	
	QKY 9447	Van (Pregio)	9.30	9.83	x	x	29.70	8.82	13.16	20.88	
	QAH 4684	MPV(Toyota Innova)	11.80	8.44	13.78	11.32	4.15	1.46	4.69	12.32	
	QKK 6647	Isuzu Flat Truck	17.15	8.14	8.61	5.27	x	x	x	11.88	
	QKD 6014	Tipper Truck	3.22	x	11.42	x	9.21	6.03	x	8.20	
MBKS	PBT	Jenis Kenderaan	Kilometer Per Liter							Perbezaan	
			Tahun 2010								
			Apr.		Mei		Jun				
			QAC 2217	Nissan Single Deck Bus	1.50	2.50	17.80			16.30	
			KS 4151 Q	Isuzu Tipper Truck	6.54	13.81	2.65			11.16	
MBM	PBT	Jenis Kenderaan	QKA 8446	Mazda Pick-Up	18.79	8.59	7.95			10.84	
			QKE 4116	Isuzu Twin Cab Pick-Up	9.12	12.64	4.30			8.34	
			MG 4550 Q	Isuzu Trooper	12.40	16.42	10.94			5.48	
			MD 7923 Q	Hino Tipper Truck	3.73	8.48	7.16			4.75	

Sumber: DBKU - Penyata Analisa Penggunaan Petrol/Diesel Bagi Bulan Januari Hingga Julai 2008

MBKS - Vehicle And Plant Daily Report Bagi Bulan April Hingga Jun 2010

MBM - Running Record Bagi Bulan April Hingga Jun 2010

Nota: x - Tiada Maklumat

- d. DBKU memaklumkan pemantauan telah dipertingkatkan dan pemeriksaan terhadap rekod pembelian minyak diperiksa setiap 2 minggu serta analisis penggunaan minyak mula dilaksanakan pada bulan Januari 2011 dan hasil analisis dibentangkan pada Mesyuarat Pengurusan. MBKS mengulas berlaku perbezaan disebabkan baki sebenar di tangki kenderaan tidak dapat diukur. Bagaimanapun, MBKS telah melaksanakan sistem secara berkomputer iaitu *Vehicle Tracking System* pada tahun 2011 untuk meningkatkan lagi pemantauan pergerakan kenderaan. MBM memaklumkan kawalan penggunaan minyak dilaksanakan oleh pegawai kanan yang telah dilantik pada bulan Mei 2011 bagi proses pemantauan untuk memastikan rekod bagi penggunaan minyak adalah konsisten dan mengkaji sekiranya berlaku penyalahgunaan. Selain itu, MBM juga telah mengeluarkan arahan pada bulan Jun 2011 kepada setiap pemandu mengenai peraturan penggunaan kenderaan.
- e. Adalah didapati hanya MBKS ada menyenggara stok minyak diesel untuk kegunaan kenderaan. Pemeriksaan Audit di kios bengkel MBKS pada bulan November 2010 mendapati ada perbezaan sejumlah 668.36 liter iaitu, baki stok di tangki adalah 10,254.54 liter berbanding baki 10,922.90 liter di rekod. MBKS memaklumkan perbezaan berlaku disebabkan oleh proses pengewapan dengan kadar diterima pakai 0.10%. Bagaimanapun, didapati rekod stok minyak diesel di kios tidak diselaraskan sejak tahun 2006 untuk menunjukkan baki sebenar. Setelah mendapat teguran Audit, MBKS memaklumkan perolehan minyak diesel akan dibuat secara terus dari stesen minyak dan tidak akan menyenggara stok minyak diesel lagi mulai bulan Mei 2011.

#### 5.4.1.7. Kefahaman Pemandu Terhadap Tugasan Serta Peraturan

Pihak Audit telah menemu bual 28 pemandu iaitu 10 pemandu DBKU, 10 pemandu MBKS dan 8 pemandu MBM bagi mendapatkan maklum balas mengenai kesedaran mereka

terhadap tanggungjawab serta peraturan yang perlu dipatuhi. Hasil temu bual mendapati secara keseluruhannya tahap kefahaman pemandu terhadap tanggungjawab yang perlu dilaksanakan serta pematuhan terhadap peraturan adalah baik. Bagaimanapun, ada pemandu menyatakan kebanyakannya kenderaan yang sedang digunakan adalah kenderaan lama dan kerap rosak. Butiran lanjut mengenai maklum balas hasil temu bual adalah seperti di **Jadual 5.9**.

**Jadual 5.9**  
**Maklum Balas Pemandu Terhadap Kesedaran Tanggungjawab Dan Peraturan**

Bil.	Perkara	DBKU	MBKS	MBM	Jumlah	Peratus (%)
	<b>Bilangan Pemandu Ditemu Bual</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>8</b>	<b>28</b>	
1.	Pemandu memandu melebihi sebuah kenderaan	6	7	6	19	67.9
2.	Jadual pergerakan kenderaan jelas dan tiada berlaku pertindihan jadual perjalanan	6	9	3	18	64.3
3.	Peraturan, prosedur serta tatacara perolehan minyak adalah jelas	10	5	6	21	75.0
4.	Semua catatan di Buku Catatan Harian dibuat oleh pemandu	10	10	8	28	100.0
5.	Kekerapan pegawai penyelia memeriksa Buku Catatan Harian	12 kali sebulan	1-2 kali sebulan	1-2 kali sebulan	-	-
6.	Peraturan dan tatacara keselamatan serta pembersihan kenderaan adalah jelas	9	10	6	25	89.3
7.	Kekerapan pembersihan kenderaan dilaksanakan	3-4 kali sebulan	1-8 kali sebulan	2-8 kali sebulan	-	-
8.	Pemandu jelas terhadap Arahan Tetap - Pemandu Kenderaan dari segi:					
	a) Had laju yang ditetapkan	10	10	8	28	100.0
	b) Penumpang yang dibenarkan	10	10	8	28	100.0
	c) Penempatan kenderaan apabila berhenti di sesuatu tempat atau semasa membuat kerja luar	7	10	8	25	89.3
9.	Pemandu membawa kenderaan balik ke rumah	2	1	1	4	14.3

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pada pendapat Audit, untuk meningkat prestasi pengurusan kenderaan, PBT perlu melantik pegawai yang lebih kanan untuk menyelia serta memantau semua aspek pengurusan kenderaan. Prestasi penggunaan kenderaan hendaklah dikaji supaya keperluan perolehan serta pengagihan kenderaan antara pengguna dapat ditentukan dengan sebaik mungkin. Selain itu, PBT perlu membuat penilaian dan mengenal pasti kenderaan yang kerap rosak dan sudah tidak ekonomi lagi untuk diperbaiki dan diambil tindakan pelupusan.**

#### **5.4.2. Pengurusan Penyenggaraan Kenderaan Kurang Memuaskan**

Peraturan 225 sehingga 227, LAFR 1997 menetapkan daftar lengkap diselenggarakan untuk merekodkan aset termasuk kenderaan. Pengarah/Setiausaha adalah bertanggungjawab untuk memastikan daftar aset tersebut dilengkapkan dengan maklumat perihal kenderaan, tarikh perolehan, nombor pendaftaran, kos, lokasi kenderaan ditempatkan, aksesori tambahan dan kerja pembaikan yang telah dijalankan. Pengarah/Setiausaha juga bertanggungjawab memastikan daftar dikemas kini dan pemeriksaan dijalankan sekali pada setiap tahun.

#### **5.4.2.1. Penyelenggaraan Daftar Kenderaan**

Adalah didapati DBKU tidak menyediakan daftar kenderaan seperti mana yang dikehendaki. Selaras dengan teguran Audit, usaha telah diambil untuk mewujudkan serta mengemaskinikan rekod dan daftar berkenaan. Bagaimanapun, hanya maklumat dari tahun 2008 hingga 2010 sahaja dapat dilengkapkan dengan kemas kini bagi 27 dari 75 rekod kenderaan yang diselenggarakan. Oleh yang demikian, jumlah kos penyenggaraan sebenar yang telah dibelanjakan bagi kenderaan yang diperoleh sebelum tahun 2008 tidak dapat ditentukan. MBKS dan MBM didapati mula menggunakan *Vehicle Log Book* (PWD 50) untuk tujuan merekodkan kerja serta kos penyenggaraan mulai Julai 1991. Jumlah kos penyenggaraan sebenar bagi kenderaan yang diperoleh sebelum tempoh tersebut tidak dapat ditentukan. MBM mula menyelenggarakan daftar secara berkomputer mulai pertengahan tahun 2008.

#### **5.4.2.2. Jadual Penyenggaraan Pencegahan Kenderaan Tidak Dipatuhi**

- a. DBKU mengkategorikan kerja penyenggaraan pencegahan kerosakan kepada 3 jenis dan dijadualkan untuk dijalankan sekali atau 2 kali setiap tahun. Bagaimanapun, DBKU tidak menepati rancangan yang ditetapkan di mana semakan Audit terhadap rekod bagi tempoh 2008 hingga 2010 mendapati hanya 10 atau 14.9% daripada 67 kenderaan dibuat penyenggaraan pencegahan seperti yang ditetapkan.
- b. MBKS dan MBM menetapkan kerja penyenggaraan pencegahan setelah kenderaan mencapai perjalanan 5,000 kilometer atau setiap 6 bulan yang mana dahulu iaitu penyenggaraan perlu dijalankan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Bagaimanapun, tiada arahan kerja secara bertulis atau manual mengenai penetapan kaedah tersebut dikeluarkan. Semakan Audit terhadap jadual atau rekod kerja bagi kenderaan yang memerlukan penyenggaraan pencegahan bagi tempoh 2008 hingga 2010 mendapati 86 atau 89.6% daripada 96 kenderaan MBKS dibuat penyenggaraan kurang dari 2 kali setahun. Semakan Audit terhadap rekod kerja MBM pula mendapati 30 atau 68.2% daripada 44 kenderaan dibuat penyenggaraan kurang dari 2 kali setahun. MBKS dan MBM memaklumkan jadual penyenggaraan atau *Servicing Schedule* yang lebih komprehensif untuk setiap kenderaan telah dibuat bagi tahun 2011.

#### **5.4.2.3. Kos Penyenggaraan Tinggi**

- a. Semakan Audit dijalankan untuk menentukan jumlah kos penyenggaraan kenderaan sejak ianya dibeli, kekerapan kerja penyenggaraan dijalankan dan langkah diambil oleh PBT untuk menangani trend kos penyenggaraan yang semakin meningkat. Kos sebenar penyenggaraan kenderaan sejak ianya diperoleh tidak dapat ditentukan disebabkan tiada rekod diselenggarakan, rekod tidak kemas kini dan rekod tidak dikemukakan untuk tujuan pemeriksaan serta pengesahan Audit. Berdasarkan rekod yang dikemukakan untuk semakan Audit mendapati kos penyenggaraan kenderaan ada yang melebihi nilai perolehan asal dan kos penyenggaraan meningkat serta kenderaan lebih kerap disenggarakan apabila kenderaan mencapai usia lebih 5 tahun. Maklumat lanjut mengenai kos penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 5.10**.

**Jadual 5.10**  
**Kos Penyenggaraan Kenderaan**

PBT	Bil. Rekod Disemak	Kadar Kos Penyenggaraan Berbanding Kos Perolehan	Bil. Kenderaan Di Mana Kos Penyenggaraan Melebihi Kos Perolehan	Catatan
DBKU	27	Tidak dapat ditentukan	Tidak dapat ditentukan	Kos penyenggaraan sebenar yang tidak dapat dikenal pasti bagi 27 kenderaan melibatkan tempoh antara 1 hingga 17 tahun. Kos yang dapat dikenal pasti adalah bagi tempoh 2005-2010 sahaja iaitu 5.5% - 41.9% berbanding kos perolehan
MBKS	27	28.1% - 327.3%	22 (Dengan kadar di antara 102% - 327.3%)	Kos penyenggaraan sebenar yang tidak dapat dikenal pasti bagi 12 kenderaan melibatkan tempoh antara 1 hingga 4 tahun
MBM	11	34.2% - 232.6%	3 (Dengan kadar di antara 112.5% - 232.6%)	Kos penyenggaraan adalah bagi tempoh mulai Julai 1991

Sumber: Vehicle History Record/Vehicle Log Book PBT

- b. DBKU memaklumkan maklumat lengkap hanya dapat diperoleh bagi tempoh mulai tahun 2008 sahaja. Mulai Disember 2010, segala perbelanjaan direkodkan secara berkomputer dan pemantauan dibuat melalui Laporan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan Rasmi DBKU dan Jadual Penyelenggaraan Kenderaan 2011. MBKS memaklumkan telah mengambil tindakan mengenal pasti 12 kenderaan yang tidak ekonomi lagi disenggarakan untuk tindakan pelupusan pada bulan September 2011. MBM pula telah melupuskan sebuah kenderaan pada bulan Disember 2010 manakala 2 buah lagi akan dilupuskan pada bulan Ogos 2011 dan 2012.

#### **5.4.2.4. Pengurusan Bengkel Kenderaan**

Lawatan dan pemeriksaan Audit ke bengkel 3 PBT adalah bertujuan untuk meninjau sama ada penyenggaraan bengkel serta persekitarannya dibuat dengan sewajarnya. Adalah didapati DBKU telah mengurus bengkel serta kawasannya dengan baik manakala persekitaran bengkel MBKS dan MBM kurang memuaskan.

##### **a. Bengkel Kenderaan MBKS**

Lawatan serta pemeriksaan Audit di bengkel MBKS pada 11 dan 15 November 2010 mendapati perkara seperti berikut:

- i. Tiga kenderaan iaitu KP6492, KQ1476Q dan KQ4587Q yang telah diluluskan untuk dilupuskan pada bulan Disember 2009 dan dijual pada bulan Oktober 2010 masih disimpan di kawasan bengkel seperti **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2**. Lawatan susulan Audit pada 20 Mei 2011 mendapati kenderaan KQ4587Q yang telah dilupuskan masih lagi tersadai di kawasan bengkel.

**Gambar 5.1**  
Kenderaan Yang Telah Dilupuskan Dan Dijual Masih Disimpan Di Kawasan Bengkel



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBKS  
Tarikh: 11 November 2010

**Gambar 5.2**  
Kenderaan Yang Telah Dilupuskan Dan Dijual Masih Disimpan Di Kawasan Bengkel



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBKS  
Tarikh: 11 November 2010

- ii. Dua jentera berat iaitu KS788Q dan QKH6834 yang telah lama rosak serta tidak digunakan melebihi tempoh setahun didapati belum diambil tindakan pelupusan dan masih tersadai di kawasan bengkel seperti **Gambar 5.3** dan **Gambar 5.4**.

**Gambar 5.3**  
Jentera Berat Yang Rosak Belum Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBKS  
Tarikh: 11 November 2010

**Gambar 5.4**  
Jentera Berat Yang Rosak Belum Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBKS  
Tarikh: 15 November 2010

- iii. Persekitaran kawasan bengkel dan kemudahan struktur didapati tidak disenggarakan dengan baik seperti **Gambar 5.5** dan **Gambar 5.7**. Bagaimanapun, semasa lawatan susulan Audit pada bulan Mei 2011, mendapati MBKS telah mengambil tindakan membersihkan kawasan berkenaan seperti **Gambar 5.6** dan **Gambar 5.8**.

**Gambar 5.5  
Repair Bridge  
Tidak Disenggarakan Dengan Baik**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBKS  
Tarikh: 15 November 2010

**Gambar 5.6  
Kawasan Sekitar  
Repair Bridge Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBKS  
Tarikh: 20 Mei 2011

**Gambar 5.7  
Longkang Di Sekeliling Bangunan  
Bengkel Telah Dipenuhi Rumput**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBKS  
Tarikh: 15 November 2010

**Gambar 5.8  
Longkang Yang Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBKS  
Tarikh: 20 Mei 2011

iv. MBKS memaklumkan 3 kenderaan yang telah dilupuskan dan masih disimpan di kawasan bengkel telah ditender semula pada bulan November 2010 manakala 2 jentera berat yang tidak boleh diguna telah dilupuskan melalui tender awam pada bulan Mac 2011. Selain itu, MBKS juga telah membuat anggaran sebanyak RM140,000 untuk memperbaiki Blok Mekanikal dan mengecat semula Blok B,C,D dan Kios Minyak.

#### b. Bengkel Kenderaan MBM

i. Lawatan Audit ke bengkel MBM pada bulan November 2010 mendapati persekitaran serta kemudahan di pejabat memerlukan tindakan penambahbaikan kerana tidak disenggarakan dengan sempurna. Bagaimanapun, MBM telah

mengambil tindakan membersihkan kawasan berkenaan. Keadaan sebelum dan selepas teguran Audit adalah seperti **Gambar 5.9** hingga **Gambar 5.16**.

**Gambar 5.9**  
**Besi Buruk Dibiarkan**  
**Bersepadah Di Kawasan Bengkel**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBM  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 5.10**  
**Kawasan Bengkel**  
**Telah Dibersihkan**



Sumber: Majlis Bandaraya Miri  
Lokasi: Bengkel MBM  
Tarikh: 28 Mac 2011

**Gambar 5.11**  
**Barang Buangan Dibiarkan Bersepadah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBM  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 5.12**  
**Kawasan Bengkel Telah Dibersihkan**



Sumber: Majlis Bandaraya Miri  
Lokasi: Bengkel MBM  
Tarikh: 28 Mac 2011

**Gambar 5.13**  
**Tayar Terpakai Diletak Di Luar Stor**  
**Sebelum**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel MBM  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 5.14**  
**Tayar Terpakai Telah Disimpan Dalam Stor**  
**Selepas**



Sumber: Majlis Bandaraya Miri  
Lokasi: Bengkel MBM  
Tarikh: 28 Mac 2011

**Gambar 5.15**  
**Pendawaian Elektrik**  
**Sebelum Penyenggaraan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Bengkel MBM  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 5.16**  
**Pendawaian Elektrik Selepas Disenggara**



Sumber: Majlis Bandaraya Miri  
Lokasi: Pejabat Bengkel MBM  
Tarikh: 28 Mac 2011

- ii. MBM telah mengeluarkan sebut harga untuk kerja-kerja membaik pulih bengkel serta kawasan pada bulan Mei dan Jun 2011.

Pada pendapat Audit, PBT sebagai entiti yang menguatkuasakan kebersihan perlu meningkatkan penyenggaraan di kawasan bengkel sendiri. Secara keseluruhannya, PBT perlu meningkatkan pengurusan penyenggaraan kenderaan dan mengkaji semula peraturan serta proses kerja mengikut amalan pengurusan terbaik.

## **5.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan kenderaan menjurus kepada amalan terbaik dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

5.5.1. Jabatan Ketua Menteri, Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam serta Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan perlu meningkatkan penyeliaan, pemantauan dan kawalan terhadap semua aspek pengurusan kenderaan serta memberi latihan yang sewajarnya kepada kakitangan.

5.5.2. Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam mengkaji keperluan kenderaan berdasarkan pendekatan *value management* dengan mengambil kira sama ada sesuatu aktiviti perlu dikontrakkan atau diswastakan agar Kerajaan lebih berjimat dan prestasi pengurusan kerja meningkat.

5.5.3. Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan perlu membuat analisis yang lebih teliti terhadap keperluan perolehan, penggunaan dan penyenggaraan kenderaan bagi memastikan tiada pembaziran berlaku dan penggunaan kenderaan adalah secara optimum.

## JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN SARAWAK

### 6. PROJEK PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN DI SARAWAK

#### 6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak (JPPS) ditubuhkan pada 1 Oktober 2007 untuk menguatkuasakan Ordinan Sistem Perkhidmatan Pembetungan yang telah diluluskan pada tahun 2005. Tujuan utamanya ialah untuk membolehkan Kerajaan Negeri membangun dan menyelaras Sistem Pengurusan Pembetungan Air dan Sisa Kumbahan. JPPS telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan semua projek berkaitan pembetungan di Negeri Sarawak. Selain itu, JPPS juga perlu memantau dan menyelaras operasi penyenggaraan sistem pembetungan selaras dengan ordinan tersebut. Projek JPPS di bawah RMKe-9 adalah seperti di Jadual 6.1 berikut:

**Jadual 6.1  
Senarai Projek JPPS Di Bawah RMKe-9**

Bil.	Projek	Kos (RM Juta)	Kemajuan Setakat 30 April 2011 (%)
1.	Sistem Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching (Zon 1 Pakej 1) i. Loji Rawatan Kumbahan ii. Jaringan Pembetung Utama iii. Sambungan ke premis	530	51.9 53.2 0.1
2.	Menaik taraf loji rawatan Padawan	2	100
3.	Loji Rawatan Enapcemar Sibu	20	100
4.	Loji Rawatan Enapcemar Miri	20	63.6
5.	Sistem Saluran Pembetungan Najis Utama Bintulu	10	63.0
6.	Kajian Pengurusan Air Sisa Bersepadu Sibu	2	100
7.	Kajian Pengurusan Air Sisa Bersepadu Miri	2	100
<b>Jumlah</b>		<b>586</b>	

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak*

6.1.2. Di bawah RMKe-9, Kerajaan Negeri telah mendapat pinjaman sejumlah RM206.8 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek sistem pembetungan Negeri Sarawak manakala bakinya sejumlah RM379.20 juta akan dibiayai dari peruntukan Kerajaan Negeri. Sejumlah RM150.8 juta daripada pinjaman tersebut adalah untuk projek Sistem Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching (Zon 1, Pakej 1), RM20 juta untuk Loji Rawatan Enapcemar Sibu, RM20 juta untuk Loji Rawatan Enapcemar Miri, RM10 juta untuk Sistem Saluran Pembetungan Najis Utama Bintulu, RM2 juta untuk menaik taraf Loji Rawatan Padawan dan RM2 juta setiap satu bagi Kajian Pengurusan Air Sisa Bersepadu Sibu dan Miri.

## **6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

## **6.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perkhidmatan pembetungan di Sarawak oleh JPPS bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di JPPS dan merangkumi 2 daripada 7 projek JPPS yang dilaksanakan di bawah RMKe-9 iaitu Sistem Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching (Zon 1, Pakej 1) dan Loji Rawatan Enapcemar di Miri. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis maklumat dan data, dokumen, rekod perakaunan, laporan, minit mesyuarat dan fail yang berkaitan. Lawatan ke tapak projek juga dijalankan untuk menilai prestasi projek. Selain itu, temu bual dan soal selidik juga diedarkan untuk mendapat maklum balas orang awam yang tinggal dan bermiaga berdekatan dengan kawasan projek.

## **6.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati pelaksanaan pembinaan sistem pembetungan di Sarawak boleh dipertingkatkan sekiranya Kementerian/Jabatan mengamalkan perbelanjaan yang berhemah dengan mengambil kira aspek *value management* semasa projek dilaksanakan. Pematuhan secara menyeluruh prosedur kerja yang ditetapkan serta pemantauan terhadap kontraktor hendaklah dilaksanakan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

### **6.4.1. Sistem Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching**

Sistem Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching merupakan projek utama JPPS di bawah RMKe-9 dan akan meliputi seluruh kawasan Bandaraya Kuching. Projek ini dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan kawasan penduduk berkepadatan tinggi yang terbahagi kepada 3 zon. Zon 1 merupakan zon yang terbesar dan akan dilaksanakan dalam 4 pakej yang berasingan. Kajian kemungkinan bagi projek Sistem Pembetungan Bandaraya Kuching telah dijalankan oleh Syarikat Ekolog Sarawak Joint Venture dan telah siap pada tahun 2003. Perolehan projek tersebut dibuat secara rundingan terus dan telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan *Kumpulan Nishimatsu-Hock Seng Lee Consortium* (kontraktor). Tempoh kontrak adalah selama 48 bulan iaitu bermula dari 15 Oktober 2008 dan dijangka siap pada 14 Oktober 2012. Kawasan di bawah Sistem Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching untuk Zon 1, pakej 1 adalah seperti di **Peta 6.1.**

**Peta 6.1**  
**Sistem Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching Untuk Zon 1, Paket 1**



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak

#### 6.4.1.1. Kos Se Population Equivalent (PE) Meningkat

- Berdasarkan *Letter Of Exclusivity* (LOE) daripada Kerajaan Negeri Sarawak kepada kontraktor bertarikh 11 Disember 2006, antara skop kerja adalah reka bentuk terperinci bagi sistem pembetungan untuk lebih kurang 100,000 PE dalam kawasan tadahan pembetungan pusat Bandaraya Kuching (*Kuching City Centre sewerage catchment area*) dengan kos tidak melebihi RM530 juta. Lanjutan daripada LOE tersebut, satu mesyuarat telah diadakan antara Menteri Pembangunan Bandar Dan Pelancongan dan Konsortium pada awal bulan Januari 2007 dan bersetuju pemilihan kawasan hendaklah mengikut keutamaan kawasan yang kritikal dan jumlah PE terlibat hendaklah tidak kurang daripada 100,000. Susulan daripada mesyuarat itu, kontraktor telah mencadangkan jaringan *trunk sewer* dan stesen pam *influent* ke 270,000 PE, *treatment work design for eventual capacity of 400,000 PE* tetapi *property connection* dikurangkan menjadi 88,000 PE. Cadangan tersebut telah diterima oleh mesyuarat yang diadakan pada akhir bulan Julai 2007.
- Bagaimanapun, Mesyuarat *Centralised Sewerage System* yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Bandar Dan Pelancongan Sarawak pada pertengahan bulan Februari 2008 telah membuat keputusan supaya bilangan PE dikurangkan lagi daripada 88,000 kepada 67,000 dengan jaringan *trunk sewer* dan *treatment work* dikekalkan. Alasan adalah *some concerns about the proposed geographical coverage of the sewerage system*. Berdasarkan opsyen bagi *PE costing* yang disediakan untuk pertimbangan dengan liputan PE yang lebih rendah, kos se PE meningkat daripada RM6,022 se PE bagi 88,000 PE kepada RM7,910 se PE bagi 67,000 PE iaitu peningkatan sebanyak 31.4%. Mengikut *PE costing* tersebut, kutipan hasil juga berkurangan untuk menampung kos operasi. Kadar caj bagi rawatan sisa kumbahan akan meningkat menjadi RM1.80/m<sup>3</sup> daripada penggunaan air berbanding hanya RM1.30/m<sup>3</sup> bagi 88,000 PE. Selain itu, pemulihan terhadap Sungai Sarawak adalah kurang berkesan dan juga kelewatan selama 3 hingga 6 bulan untuk pelaksanaan projek disebabkan proses mereka bentuk semula.

- c. Kontraktor juga telah membelanjakan sejumlah RM15 juta bagi survei dan kerja penyiasatan geologikal dan reka bentuk terperinci untuk liputan bagi 88,000 PE. Jumlah kos se PE untuk 67,000 PE adalah sejumlah RM8,805 jika mengambil kira kos kewangan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.2**. Bagaimanapun, menurut JPPS opsyen tersebut masih *cost effective* dalam jangka masa panjang kerana penyambungan untuk kawasan Padungan dan Sekama di masa depan dapat dilaksanakan dengan kos yang lebih rendah. Sambungan untuk 67,000 PE dilaksanakan di kawasan baru yang terletak di penghujung *trunk sewer* manakala sambungan *sewer* tertiar di kawasan asal masih dikekalkan untuk sambungan ke institusi besar. Dari segi penggunaan air, kos akan disamakan dengan penggunaan air semasa dalam proses penghantaran kumbahan melalui paip dan rawatan di loji berpusat. Ini bermakna kalau bilangan PE berkurangan, maka kos rawatan berkurang berdasarkan penggunaan air semasa dan pemulihan kualiti air Sungai Sarawak adalah sasaran jangka panjang.

**Jadual 6.2**  
**Perbandingan Kos Se PE Seperti Dirancang Dan Dilaksanakan**

Jumlah Kontrak (RM Juta)	Kos Kewangan (RM Juta)	Jumlah Besar (RM Juta)	Bilangan PE	Kos Se PE Tanpa Kos Kewangan (RM)	Kos Se PE Termasuk Kos Kewangan (RM)
530	60	590	100,000	5,300	5,900
			88,000	6,022	6,704
			67,000	7,910	8,805

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak

Pada pendapat Audit, rancangan telah dibuat dengan teliti, tujuan program dan *Needs Statement* adalah jelas, tetapi aspek *cost effectiveness* dari segi menentukan bilangan PE agak kurang menyakinkan.

#### 6.4.1.2. Pembinaan *Wetland Polishing Pond*

- a. Menurut penjelasan kontraktor, *the plant is designed with sufficient tank and plant capacity to ensure effluent quality better than standard A and this is guaranteed by plant specialist*. Sistem tersebut juga dikatakan berupaya mengurangkan Nitrogen (N) dan Phosphorous (P) dari *effluent value of 48 mg/L and 8.8 mg/L* masing-masing kepada tahap *value 15mg/L and 5mg/L*. Tambahan pula, semakan terhadap cadangan dan ulasan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal pada mesyuarat ke-2 hingga ke-6 yang dipengerusikan oleh Jurutera selaku wakil Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) mendapati bahawa pembinaan *polishing pond* bukanlah merupakan keutamaan dan tidak memberi nilai tambah yang ketara kerana:
- i. *Since the wastewater treatment plant (WWTP) should be capable of treating effluent to Standard A and should not warrant the need for constructed wetlands that would required further construction, operation, and maintenance cost* yang tidak dapat dipastikan.
  - ii. *The target further reduction of 10% for N & P would be too minimal to justify construction, operation and maintenance of the constructed wetland.*

- iii. *In the event that the revised EQA 1974 required nutrients (N&P) removal, the constructed wetland might not meet the required standard and tertiary treatment would be required.*
  - iv. *The single treated effluent outfall to the wetwands shown on the layout plan could, if future legislation required, be modified to become an inlet to a tertiary treatment plant which would be constructed on the area current proposed for wetlands, without having to modify any other part of the plant.*
- b. Namun demikian, Kementerian telah menerima rekaan dan pembinaan *Wetland Polishing Pond* dengan kos sejumlah RM445,400 berasaskan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal Ke-7 yang berpuashati dengan justifikasi yang dikemukakan oleh pihak perunding dan kontraktor. Justifikasi untuk menerima pembinaan *Wetland* adalah:
- i. Bagi tujuan *tertiary polishing of residual nutrients* dalam efluen yang mengalir keluar daripada loji rawatan.
  - ii. Mensasarkan pengurangan *N & P* sebanyak 10% apabila sistem mencapai kapasiti 400,000 PE.
  - iii. Pengurangan sisa logam seperti plumbum dan zink akan berlaku.
  - iv. Sebagai zon penampang untuk menyimpan kumbahan sekiranya berlaku kegagalan kuasa elektrik dari Sesco dan *standby generators*.
  - v. Sebagai kemudahan dan bahan pembelajaran.

**Pada pendapat Audit, pembinaan *wetland polishing pond* bukan merupakan keutamaan dan kurang kritikal serta memberi impak meningkatkan kos PE dan melibatkan kos penyenggaraan.**

#### **6.4.1.3. Pengurusan Kontrak – Rundingan Harga**

- a. Projek dilaksanakan melalui kaedah *design and build negotiated contract* dan terma kontrak FIDIC (*Federation Internationale Des Ingenieurs-Conseils*) diterima pakai. Untuk rundingan harga, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan yang terdiri daripada wakil Kementerian Pembangunan Bandar dan Pelancongan Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) dan JPPS ada ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Pengarah Kerja Raya. Kontraktor telah mengemukakan 3 cadangan harga sebelum dipinda supaya selaras dengan nilai had siling yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berjumlah RM530 juta bagi projek berkenaan. JKR juga ada menyediakan 2 anggaran yang digunakan sebagai perbandingan dengan cadangan oleh kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.3**.

**Jadual 6.3**  
**Perbandingan Antara Harga Tawaran Kontraktor Dan Harga JKR**

Bil.	Huraian	Tawaran Kontraktor No.1 (RM Juta)	Harga JKR No.1 (RM Juta)	Tawaran Kontraktor No.2 (RM Juta)	Harga JKR No. 2 (RM Juta)	Tawaran Kontraktor Akhir Yang Dipersetujui (RM Juta)	Perbezaan (%)
1.	<i>General and Preliminaries</i>	66.08	29.31	63.25	43.05	52.48	21.9
2.	<i>Main line</i>	112.66	98.26	109.27	102.94	105.36	2.4
3.	<i>Secondary line</i>	21.35	19.15	20.72	19.77	20.46	3.5
4.	<i>Tertiary line</i>	131.39	114.73	127.47	121.28	122.17	0.7
5.	<i>Property connection (provisional sum)</i>	69.17	69.17	69.17	69.17	69.17	-
6.	<i>Wastewater treatment plant (civil work)</i>	14.29	13.07	13.38	13.28	13.30	0.2
7.	<i>Building works (Non processing plant)</i>	3.85	3.42	3.73	3.62	3.70	2.2
8.	<i>Building works (processing plant)</i>	52.14	47.96	50.79	48.00	49.83	3.8
9.	<i>Process plant &amp; equipment</i>	42.13	42.13	42.13	38.12	38.12	-
10.	<i>Process and non process M&amp;E</i>	8.54	8.54	8.94	8.09	8.09	-
11.	<i>Miscellaneous</i>	1.20	1.20	1.20	1.20	1.20	-
12.	<i>Turnkey Element</i>	44.20	35.76	45.90	37.48	41.11	9.7
13.	<i>Public utilities diversion (provisional)</i>	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	-
<b>Jumlah</b>		<b>572.00</b>	<b>487.70</b>	<b>560.95</b>	<b>511.00</b>	<b>529.99</b>	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak

- b. Analisis Audit terhadap kedua-dua cadangan tersebut mendapati JKR telah membuat pelarasan terhadap anggaran pertama dengan menaikkan anggaran kontrak daripada anggaran asal sejumlah RM487.70 juta kepada RM511 juta iaitu peningkatan sejumlah RM23.30 juta atau 4.8%. Kontraktor telah menurunkan harga kontrak dari cadangan asal daripada RM572 juta menjadi RM529.99 juta iaitu penurunan sejumlah RM42.01 juta atau 7.3%.
- c. JPPS memaklumkan bahawa projek ini merupakan projek berteknologi tinggi dan ulung kali dilaksanakan di Kuching. Dengan itu, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa perolehan kontrak secara rundingan harga adalah kaedah yang paling sesuai dan paling cepat untuk melaksanakan projek ini.

**Pada pendapat Audit, proses perolehan secara tender terbuka atau terhad akan memastikan harga tender yang lebih kompetitif dan mengambil aspek berkaitan value management bagi mengawal kos projek.**

#### **6.4.1.4. Lima Manholes Tidak Dilaksanakan**

Mengikut dokumen kontrak, kontraktor akan menyediakan jaringan sewer iaitu *trunk sewer* (7.7 km), *sewer sekunder* (5.4 km), *sewer tertiari* (51.4 km) dan stesen pam untuk 270,000 PE. Jaringan sewer tersebut akan dibina dengan 56 *manholes* yang bernilai

RM300,000 setiap satu untuk disambung ke 2,833 premis. Bagaimanapun, berdasarkan pada Minit Mesyuarat Projek ke 27 yang bertarikh 8 Disember 2010, adalah didapati kontraktor telah mengesahkan untuk menggugurkan pembinaan 5 daripada 56 *manholes* tersebut. Justifikasi untuk menggugurkan *manholes* dan juga impaknya masih belum dikemukakan kepada JPPS untuk kelulusan.

**Pada pendapat Audit, justifikasi dan impak untuk menggugurkan *manholes* harus dikaji dengan teliti dan diluluskan oleh JPPS sebelum pihak kontraktor menggugurkan pembinaan 5 *manholes* seperti dinyatakan dalam skop asal.**

#### **6.4.2. Loji Rawatan Enapcemar Miri**

Sebuah loji rawatan enapcemar telah dicadangkan untuk Bandaraya Miri bagi mengumpul dan merawat sisa kumbahan dari seluruh Bandaraya Miri dan kawasan yang berhampiran. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan seluas 7.28 hektar (18 ekar) di Tudan Miri untuk projek tersebut. Pada 31 Mac 2008, JPPS telah mengeluarkan surat tawaran kepada Konsortium Malaysia sebagai perunding bagi perkhidmatan perunding kejuruteraan iaitu untuk menyediakan reka bentuk kejuruteraan dan menyelia pembinaan projek tersebut. Berdasarkan Terma Rujukan, skop kerja perkhidmatan perunding merangkumi semua perkhidmatan kejuruteraan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan penyiasatan, survei, reka bentuk dan menyelia pembinaan projek.

##### **6.4.2.1. Pelaksanaan Projek Loji Rawatan Enapcemar Miri Lewat Jadual**

Pada 30 April 2009, JPPS telah bersetuju menerima tawaran daripada Syarikat *Eastbourne Corporation* Berhad sebagai kontraktor untuk projek Loji Rawatan Enapcemar Miri dengan kos RM15.78 juta. Tempoh kontrak adalah selama 18 bulan iaitu bermula daripada tarikh serahan tapak projek pada 28 Mei 2009 dan dijangka siap pada 27 November 2010. Pencapaian fizikal setakat 30 April 2011 adalah 63.6% berbanding 100% seperti dijadualkan. Kontrak ini telah diluluskan lanjutan masa sebanyak 5 kali mengikut syarat kontrak dan tempoh kontrak dilanjutkan sehingga 28 Februari 2011. Pihak JPPS memaklumkan bahawa denda *Liquidated and Ascertained Damages (LAD)* akan dikenakan selepas tarikh tersebut. Antara perkara yang menyebabkan projek lewat jadual adalah seperti berikut:

###### **a. Halangan Oleh Syarikat Pelesen Penanaman Semula Hutan**

Tarikh serahan tapak telah ditetapkan pada 28 Mei 2009 dan kontraktor telah merancang untuk memulakan kerja tapak pada 11 Jun 2009. Bagaimanapun, pihak kontraktor telah dihalang untuk memasuki tapak projek oleh wakil daripada syarikat pelesen tanaman semula hutan. Susulan daripada itu, kontraktor telah diberi lanjutan masa selama 17 hari.

**b. Kerja Cerucuk Lewat Dimulakan**

Selain daripada itu, pihak kontraktor juga didapati lewat dalam melaksanakan kerja cerucuk yang dirancang pada bulan September 2009 tetapi hanya bermula pada Januari 2010. Kelewatan ini adalah disebabkan jentera M&E dan bekalan bahan cerucuk lewat diperoleh. Berdasarkan minit mesyuarat tapak yang diadakan pada setiap bulan, JPPS telah memberi amaran kepada kontraktor untuk membuat *Catch-Up Plan* supaya kerja pembinaan mengikut jadual yang telah dirancang. Kementerian Perumahan Dan Pembangunan Bandar telah mencadangkan supaya JPPS menamatkan perkhidmatan kontraktor berkenaan kerana projek tersebut telah dikategorikan sebagai projek sakit. Bagaimanapun, perunding telah menasihatkan supaya perkhidmatan kontraktor berkenaan diteruskan bagi menjimatkan masa untuk proses tender semula dan juga bagi menggelakkan peningkatan kos projek tersebut.

**c. Kekurangan Pekerja**

Selain itu, perunding JPPS juga memaklumkan bahawa kontraktor mempunyai masalah kekurangan pekerja bagi projek tersebut.


- d. JPPS memaklumkan bahawa *Notice on Failure to Complete the Works* telah dikeluarkan pada bulan Jun 2011 kepada kontraktor dan LAD akan dikenakan akibat kelewatan menyiapkan projek dan akan ditolak dari jumlah pembayaran yang dituntut oleh kontraktor kelak.

**Pada pendapat Audit, kesan kelewatan menyiapkan kontrak adalah program rawatan air kumbahan tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual dan kos tambahan perkhidmatan perunding dengan kadar RM18,260 sebulan terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Setakat bulan April 2011 kos tambahan sejumlah RM91,300 telah dibayar oleh JPPS. LAD hendaklah dikenakan terhadap kontraktor.**

**6.4.2.2. Kualiti Kerja Dan Keadaan Di Tapak Projek Kurang Memuaskan**


- a. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan November 2010 mendapati kualiti kerja pembinaan adalah kurang memuaskan di mana terdapat *beam crack* di Bangunan Pentadbiran dan *honey comb* di *column SBR RC tank* seperti **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**.

**Gambar 6.1**  
**Kualiti Kerja Kurang Memuaskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 21 November 2010

**Gambar 6.2**  
**Kualiti Kerja Kurang Memuaskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 21 November 2010

- b. Lawatan susulan Audit pada akhir bulan Januari 2011 mendapati tidak ada pegawai penyelia projek bertugas untuk menyelia pekerja di tapak. Pihak Audit juga mendapati walaupun peralatan sudah dibekalkan tetapi bumbung bangunan masih belum siap. Keadaan ini menyebabkan peralatan tersebut terdedah kepada cuaca panas dan hujan. Contoh adalah seperti **Gambar 6.3** dan **Gambar 6.4**.

**Gambar 6.3**  
Peralatan Sudah Ada  
Tetapi Bumbung Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 28 Januari 2011

**Gambar 6.4**  
Peralatan Terdedah  
Kepada Cuaca Panas Dan Hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 28 Januari 2011

- c. Bagaimanapun, selepas mendapat teguran Audit, kecacatan pembinaan yang diperhatikan di Bangunan Pentadbiran dan SBR RC Tank telah dibaik pulih oleh pihak kontraktor seperti **Gambar 6.5** hingga **Gambar 6.8**. Bumbung untuk *Air Blower House* telah disiapkan seperti **Gambar 6.9** hingga **Gambar 6.12**.

**Gambar 6.5**  
Keadaan Sebelum Dibaik Pulih



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 21 November 2010

**Gambar 6.6**  
Keadaan Selepas Dibaik Pulih



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 11 April 2011

**Gambar 6.7**  
Keadaan Sebelum Dibaikpulih



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 21 November 2010

**Gambar 6.8**  
Keadaan Selepas Dibaikpulih



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 14 Januari 2011

**Gambar 6.9**  
Keadaan Sebelum Bumbung Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 28 Januari 2011

**Gambar 6.10**  
Keadaan Selepas Kerja Bumbung Siap



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 7 April 2011

**Gambar 6.11**  
**Sebelum - Peralatan Terdedah**  
**Kepada Cuaca Panas Dan Hujan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 21 November 2010

**Gambar 6.12**  
**Bumbung Bangunan Yang Sudah Siap**



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak  
Lokasi: Tapak Loji Rawatan Enapcemar Miri  
Tarikh: 7 April 2011

#### 6.4.2.3. Kemudahan Asas Dan Jalan Masuk Ke Tapak Projek

Perancangan yang menyeluruh dan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik hendaklah diambil kira untuk memastikan projek pembinaan Loji Rawatan Enapcemar di Miri berjaya dan dapat berfungsi mengikut tujuan yang ditetapkan.

- Lawatan Audit ke tapak projek mendapati bekalan air bersih dan elektrik tidak disediakan. Bekalan air yang bersih adalah sangat perlu untuk kerja pembinaan dan juga kegunaan para pekerja di tapak. Selain itu, bagi menjamin kelancaran kerja *testing and commissioning* dan seterusnya operasi loji memerlukan bekalan air dan elektrik supaya tidak melewatkhan operasi loji tersebut nanti. JPPS memaklumkan yang bekalan air dan elektrik ke tapak loji sedang dijalankan.
- Jalan masuk yang sesuai dan berturap adalah perlu untuk kemudahan pengangkutan sisa kumbahan dari sekitar Bandaraya Miri ke Loji Rawatan Enapcemar di Tudan, Miri. Bagaimanapun, setakat ini jalan masuk ke tapak projek hanyalah melalui jalan ladang kelapa sawit. Perancangan masa hadapan adalah untuk menyambung *road reserve* yang telah diluluskan ke jalan yang sedia ada. JPPS memaklumkan sejumlah RM5 juta telah diluluskan di bawah projek sambungan RMKe-10 untuk pembinaan jalan masuk ke tapak projek dan dijadualkan dapat disiapkan pada tahun 2013 serentak dengan pembinaan jalan sambungan yang sedang dilaksanakan oleh pihak JKR. Keadaan laluan jalan masuk ke tapak loji semasa lawatan Audit adalah seperti Gambar 6.13 dan Gambar 6.14.

**Gambar 6.13**  
**Keadaan Jalan Ladang**  
**Untuk Masuk Ke Tapak Projek**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Masuk Ke Loji Rawatan Miri  
Tarikh: 28 Januari 2011

**Gambar 6.14**  
**Jalan Ladang Masuk**  
**Ke Tapak Projek Berlopak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Masuk Ke Loji Rawatan Miri  
Tarikh: 28 Januari 2011

Pada pendapat Audit, kemajuan projek adalah tidak memuaskan dan kontraktor sepatutnya dikenakan denda kerana telah melewati tempoh kontrak yang ditetapkan walaupun telah diberi 5 kali lanjutan masa. JPPS hendaklah meningkatkan pemantauan untuk memastikan kualiti kerja mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Pembinaan jalan, bekalan air dan elektrik harus diambil kira pada peringkat perancangan projek supaya dapat membantu melicinkan pelaksanaan projek dan operasi loji kelak.

## 6.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan pelaksanaan projek, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak perlulah memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

6.5.1. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak perlu mengamalkan *value management* dalam proses perolehan dan pelaksanaan projek Sistem Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching dan Miri.

6.5.2. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak perlu memantau dengan rapi pelaksanaan projek sistem pembetungan dengan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor sekiranya syarat kontrak tidak dipatuhi.

6.5.3. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak perlu memastikan utiliti asas dan jalan masuk yang munasabah disediakan bagi melicinkan pelaksanaan projek dan operasi loji kelak.

## JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SARAWAK

### 7. PROJEK TEBATAN BANJIR

#### 7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Projek Tebatan Banjir ialah pembinaan infrastruktur penampang, kawalan dan pengalih aliran lebihan air untuk mencegah serta meminimumkan bencana banjir. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM437.81 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE II) untuk melaksanakan 26 Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek Tebatan Banjir Sehingga 31 Disember 2010**

Bil.	Peruntukan	Bilangan Projek	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Rancangan Malaysia Ke-9	12	309.62	306.01	98.8
2.	Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua	14	128.19	125.10	97.6
<b>Jumlah</b>		<b>26</b>	<b>437.81</b>	<b>431.11</b>	<b>98.5</b>

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak

7.1.2. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Sarawak dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia adalah Agensi pelaksana projek tersebut. Daripada sejumlah RM437.81 juta peruntukan yang diterima, 10 projek diperuntukkan sejumlah RM256.06 juta adalah untuk RTB Kuching, 11 projek diperuntukkan sejumlah RM136.80 juta adalah untuk RTB Sibu, 2 projek diperuntukkan sejumlah RM29.74 juta adalah untuk RTB Miri, satu projek diperuntukkan sejumlah RM3.52 juta adalah untuk RTB Bintulu, satu projek RTB Pelbagai diperuntukkan sejumlah RM10.59 juta dan satu kajian Reka bentuk dan Pelbagai RTB Sarawak diperuntukkan sejumlah RM1.10 juta.

#### 7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Tebatan Banjir telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

#### 7.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi Projek RTB di bawah RMKe-9 dan PRE II di JPS Sarawak, JPS Bahagian Kuching Dan Samarahan, JPS Bahagian Sibu dan Jabatan Hutan Sarawak serta Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (Lembaga). Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod, fail, data dan dokumen bagi projek ini. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai terlibat dan kontraktor juga dijalankan. Borang soal selidik juga diedarkan kepada

penduduk setempat untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan pelaksanaan Projek Tebatan Banjir.

#### 7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos 2010 hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya, prestasi pelaksanaan Projek Tebatan Banjir adalah memuaskan. Setakat 30 April 2011, daripada 26 projek yang dijalankan, 23 telah siap manakala 3 lagi projek masih dalam pelaksanaan. Sungguhpun begitu terdapat kelemahan seperti Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu tidak disediakan, komponen saluran pintasan banjir tidak dibina mengikut keperluan, Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) lewat dikemukakan oleh kontraktor, tiada tindakan susulan diambil terhadap *Environmental Monitoring Report* (EMR) dan bayaran tidak mengikut spesifikasi kontrak untuk pejabat tapak dan bangunan sementara.

##### 7.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

Semakan Audit terhadap Laporan Keberkesanan Projek Tebatan Banjir Negeri Sarawak yang dikeluarkan oleh JPS pada bulan April 2011, mendapati daripada 26 projek yang dirancang, 23 telah siap manakala 3 lagi projek masih dalam pelaksanaan seperti di **Jadual 7.2.**

**Jadual 7.2**  
**Senarai Rancangan Tebatan Banjir Di Negeri Sarawak**

Bil.	Projek	Tujuan	Peruntukan (RM Juta)	Kemajuan		Tarikh Siap	Lanjutan Masa		Pencapaian
				Siap	Belum Siap		Bil.	Tempoh (hari)	
<b>Rancangan Malaysia Ke Sembilan Kuching</b>									
1.	RTB Sungai Bintangor	Menaik taraf sistem perparitan	3.43	✓		26.09.2004	-	-	Tercapai
2.	RTB Kuching – Bandar Bau	Membina rumah pam	37.81	✓		27.12.2009	-	-	Tercapai
3.	RTB Bau – Saluran Paip	Menaik taraf sistem paip air	2.27		x	Belum Siap	1	61	98%
4.	RTB Rampangi	Menaik taraf sistem perparitan	4.33	✓		12.06.2006	-	-	Tercapai
5.	RTB Padungan (Jalan Mendum)	Menaik taraf sistem perparitan	1.68	✓		24.12.2009	1	9	Tercapai
6.	RTB Bandaraya Kuching (Saluran pintasan banjir)	Membina saluran pintasan banjir	155.63		x	Belum Siap	-	-	Belum Tercapai
7.	RTB Sibu Fasa 1	Meninggikan Jalan Lanang	59.52		x	Belum Siap	-	-	Belum Tercapai
<b>Sibu</b>									
8.	Kerja-kerja Tebatan Banjir Untuk Kawasan CDB Bandar Miri, Bahagian Miri		27.79	✓		30.07.2008	-	-	Tercapai
9.	Kerja-kerja Tebatan Banjir Untuk Kawasan CDB Bandar Miri, Fasa 2,Bahagian Miri		1.95	✓		28.02.2010	-	-	Tercapai
<b>Bintulu</b>									
10.	RTB Sibiew Fasa 1	Menaik taraf sistem perparitan	3.52	✓		04.06.2007	-	-	Tercapai
<b>Bahagian Lain</b>									
11.	RTB Lain-Lain	Kos pentadbiran projek dan kerja-kerja kecil tebatan banjir	10.59	✓		31.12.2010	TB	TB	Tercapai
12.	RTB Pelbagai	Kajian Reka Bentuk	1.10	✓		11.08.2005	TB	TB	Tercapai
<b>Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua Kuching</b>									
13.	RTB Sungai Padungan Fasa 2	Menaik taraf sistem perparitan	16.34	✓		25.09.2010	1	54	Tercapai

Bil.	Projek	Tujuan	Peruntukan (RM Juta)	Kemajuan		Tarikh Siap	Lanjutan Masa		Pencapaian
				Siap	Belum Siap		Bil.	Tempoh (hari)	
14.	RTB Sungai Maong Paroh	Menaik taraf sistem perparitan	14.48	✓		13.07.2010	1	41	Tercapai
15.	RTB Kuching	Pengambilan Balik Tanah	17.28	✓		05.08.2009	TB	TB	Tercapai
16.	Sistem Telemetri	Amaran Banjir	2.81	✓		27.01.2010	-	-	Tercapai
<b>Sibu</b>									
17.	RTB Sungai Antu	Menaik taraf sistem perparitan	7.85	✓		15.10.2010	1	80	Tercapai
18.	RTB Sungai Nangka	Menaik taraf sistem perparitan	11.27	✓		24.10.2010	1	89	Tercapai
19.	RTB Ang Chui Kow	Menaik taraf sistem perparitan	0.49	✓		18.11.2009	-	-	Tercapai
20.	RTB Sungai Ek Dee & Sungai Ubah	Membina pembetung di Jalan Ubah	0.48	✓		16.01.2010	-	-	Tercapai
21.	RTB Sungai Ek Dee & Sungai Ubah	Membina pembetung di Jalan Bukit Lima	0.49	✓		18.11.2009	-	-	Tercapai
22.	RTB Loba Lembangan	Menaik taraf Perparitan Jalan Oya	7.22	✓		15.11.2010	1	147	Tercapai
23.	RTB Sungai Ang Chui Kow & Sungai Loba Lembangan	Membina rumah pam (bangunan)	38.88	✓		09.03.2011	2	118	Tercapai
24.	RTB Sungai Ang Chui Kow & Sungai Loba Lembangan	Kos Perunding	2.14	✓		09.03.2011	TB	TB	Tercapai
25.	RTB Sibu	Pengambilan Balik Tanah	5.14	✓		24.08.2009	TB	TB	Tercapai
26.	Sistem Telemetri	Amaran Banjir	3.32	✓		27.01.2010	-	-	Tercapai
<b>Jumlah</b>			<b>437.81</b>						

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak

Nota: - : Tiada Lanjutan Masa

TB : Tidak Berkenaan

#### 7.4.1.1. Projek Siap

Butiran lanjut mengenai projek yang telah siap adalah seperti di **Jadual 7.3.**

**Jadual 7.3**  
**Senarai Projek Yang Telah Siap**

Bil.	Projek	Peruntukan (RM Juta)	Kontraktor	Tempoh Kontrak	Catatan
<b>Rancangan Malaysia Ke Sembilan</b>					
<b>Kuching</b>					
1.	RTB Rampangi	4.33	Megapron Eng. Sdn. Bhd.	12 bulan	Projek berjaya mencapai matlamat. Rujuk <b>Gambar 7.1</b>
2.	RTB Sungai Bintangor	3.43	Eastbourne Corporation	18 bulan	Projek berjaya mengurangkan kejadian banjir di kawasan berkenaan. Rujuk <b>Gambar 7.2</b>
3.	RTB Kuching – Bandar Bau	37.81	LFC Construction Sdn. Bhd.	18 bulan	Projek terbukti berjaya mengelakkan banjir besar berlaku di Pekan Bau dan Balai Polis Bau. Rujuk <b>Gambar 7.3</b> dan <b>Gambar 7.4</b> .
4.	RTB Padungan (Jalan Mendo)	1.68	Pet Rocks Malaysia	168 hari	Projek berjaya mengurangkan banjir
<b>Miri</b>					
5.	Kerja-kerja Tebatan Banjir Untuk Kawasan CDB Bandar Miri, Bahagian Miri	27.79	Hock Seng Lee Berhad	24 bulan	Projek berkesan mengawal banjir kilat di Pusat Perniagaan Daerah Miri
6.	Kerja-kerja Tebatan Banjir Untuk Kawasan CDB Bandar Miri, Fasa 2,Bahagian Miri	1.95	Jaya Anita	4 bulan	Projek berkesan mengawal banjir kilat di <i>Miri Central Business District</i> (CBD)
<b>Bintulu</b>					
7.	RTB Sibiew Fasa 1	3.52	Diversified Utility Sdn. Bhd.	12 bulan	Projek berjaya mengurangkan masalah banjir di kawasan berkenaan. Rujuk <b>Gambar 7.5</b>
<b>Bahagian Lain</b>					
8.	RTB Lain-lain	10.59	Ibu Pejabat JPS Sarawak	Sepanjang Tahun	Kos pentadbiran projek termasuk tuntutan perjalanan, kerja lebih masa, alat tulis, alatan multimedia, sebut harga dan <i>service order</i>
9.	RTB Pelbagai	1.10	Jurutera Jasa dan KTA (Sarawak)	Sepanjang Tahun	Projek telah siap

Bil.	Projek	Peruntukan (RM Juta)	Kontraktor	Tempoh Kontrak	Catatan
<b>Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua</b>					
<b>Kuching</b>					
10. 2	RTB Sungai Padungan Fasa	16.34	Samado Sdn. Bhd.	12 bulan	Projek berjaya mengurangkan banjir. Rujuk <b>Gambar 7.6</b>
11.	RTB Sungai Maong Paroh	14.48	NDC Dredging & Construction Sdn. Bhd.	12 bulan	Projek berjaya mengurangkan kejadian banjir di sekitar Jalan Matang
12.	Pengambilan Balik Tanah	17.28	-	Sepanjang Tahun	Kos pengambilan balik tanah telah dibayar kepada Jabatan Tanah dan Survei
13.	Sistem Telemetri	2.81	Irama Megah Sdn. Bhd.	6 bulan	Projek siap sepenuhnya dan berfungsi untuk memberi amaran banjir. Rujuk <b>Gambar 7.7</b>
<b>Sibu</b>					
14.	RTB Sungai Antu	7.85	Akobest Sdn. Bhd.	12 bulan	Projek berjaya mengurangkan kejadian banjir di sekitar Sungai Antu. Rujuk <b>Gambar 7.8</b>
15.	RTB Sungai Nangka	11.27	Hock Seng Lee Berhad	12 bulan	Projek berjaya mengurangkan kejadian banjir di sekitar Kampung Nangka kerana sistem saliran telah diperbesarkan dan dibaikpulih
16.	RTB Ang Chui Kow	0.49	Hajjah Enterprise	6 bulan	Projek telah siap
17.	RTB Sungai Ek Dee & Sungai Ubah	0.48	DSS Enterprise	6 bulan	Projek telah siap
18.	RTB Sungai Ek Dee & Sungai Ubah	0.49	DSS Enterprise	6 bulan	Projek telah siap
19.	RTB Loba Lembangan	7.22	Megah Ceria Rekabina Sdn. Bhd.	10 bulan	Projek berjaya mengurangkan kejadian banjir di sekitar Jalan Oya kerana sistem saliran telah diperbesarkan dan dibaikpulih
20.	Pengambilan Balik Tanah	5.14	-	Sepanjang Tahun	Kos pengambilan balik tanah telah dibayar kepada Jabatan Tanah Dan Survei
21.	Sistem Telemetri	3.32	Irama Megah Sdn. Bhd.	6 bulan	Projek siap sepenuhnya dan berfungsi untuk memberi amaran banjir. Rujuk <b>Gambar 7.9</b>
22.	RTB Sungai Ang Chui Kow dan Sungai Loba Lembangan (Kontrak)	38.88	Musyati Sdn. Bhd.	12 bulan	Projek berjaya mengepam air untuk disalurkan terus ke kolam takungan. Rujuk <b>Gambar 7.10</b>
23.	RTB Sungai Ang Chui Kow dan Sungai Loba Lembangan (Perunding)	2.14	Jurutera Jasa (Sarawak) Sdn. Bhd.	3 bulan	Kerja telah disempurnakan
<b>Jumlah</b>		<b>220.39</b>			

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak

**Gambar 7.1  
RTB Rampangi**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Lokasi: Kampung Rampangi, Kuching  
Tarikh: 22 Julai 2010

**Gambar 7.2  
RTB Sungai Bintangor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Bintangor, Kuching  
Tarikh: 3 Mac 2011

**Gambar 7.3**  
**RTB Kuching – Bandar Bau**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RTB Bau  
Tarikh: 19 November 2010

**Gambar 7.4**  
**RTB Kuching – Bandar Bau**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak  
Lokasi: RTB Bau  
Tarikh: 14 Januari 2011

**Gambar 7.5**  
**RTB Sibiew Fasa 1**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak  
Lokasi: SJK(C) Sibiew, Bintulu  
Tarikh: 16 September 2007

**Gambar 7.6**  
**RTB Sungai Padungan Fasa 2**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak  
Lokasi: Sungai Padungan, Kuching  
Tarikh: 11 Januari 2011

**Gambar 7.7**  
**Sistem Telemetri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bau, Kuching  
Tarikh: 9 Disember 2010

**Gambar 7.8**  
**RTB Sungai Antu**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Antu, Sibu  
Tarikh: 23 November 2010

**Gambar 7.9**  
**Sistem Telemetri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Akademi Maritim Sarawak, Sibu  
Tarikh: 24 November 2010

**Gambar 7.10**  
**RTB Sungai Ang Chui Kow**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak  
Lokasi: Sungai Ang Chui Kow, Sibu  
Tarikh: 20 Mei 2011

Bagaimanapun, pemeriksaan Audit seterusnya mendapati kelemahan seperti berikut:

#### **7.4.2. Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu Tidak Disediakan**

Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu hendaklah disediakan secara komprehensif bagi memastikan projek dilaksanakan secara holistik dengan memberi keutamaan kepada kawasan dan kepentingannya berdasarkan peruntukan yang diluluskan. Sehingga tarikh laporan ini disediakan, pihak yang berwajib belum lagi mengemukakan pelan induk bersepadu yang boleh dijadikan asas dalam membuat keputusan mengikut keutamaan. Antara kajian yang pernah dijalankan oleh pihak perunding bagi pihak JPS dan agensi lain adalah seperti di **Jadual 7.4**.

**Jadual 7.4**  
**Senarai Kajian Yang Telah Dijalankan Oleh JPS Dan Agensi Lain Setakat 31 Disember 2010**

Bil.	Tajuk Kajian	Status/Tarikh	Perunding	Kos (RM Juta)	Sumber Dana
1.	<i>Kuching City Drainage Masterplan Study</i>	<i>Draft Final Report, January 2000</i>	KTA with Perunding Muhandis	1.29	JPS Persekutuan
2.	<i>Planning and Development Of Sungai Maong Catchment, Kuching</i>	<i>Final Report, January 2000</i>	ICB Semariang Group with TKY Consultants	0.60	JPS Negeri
3.	<i>Sungai Sarawak Environmental Control and River Management Study</i>	<i>Final Report, March 1997</i>	KTA with CMPS & F Pty Ltd, DHI, UNIMAS	3.73	JPS Negeri
4.	<i>Sungai Sarawak Flood Mitigation Option Study</i>	2003	Jurutera Jasa (Sarawak) Sdn. Bhd.	1.66	JPS Persekutuan
5.	<i>Flood Mitigation Design Option For Batu Kawa</i>	2006	Jurutera Jasa (Sarawak) Sdn. Bhd.	0.20	Persekutuan
6.	<i>Flood Mitigation Design Option For Panchor &amp; Sekeduk</i>	2006	KTA Sarawak	0.20	JPS Persekutuan
7.	<i>Drainage and Flood Mitigation Masterplan Study for Sungai Kuap Catchment</i>	<i>Final Report, October 1999</i>	Ranhill Bersekutu	Tiada Maklumat	JPS Persekutuan
8.	<i>Sungai Sarawak Regulation Scheme</i>	<i>Final Report, April 1994</i>	KTA with Jurutera M&E Konsult, Jurutera Perunding Wahba	Tiada Maklumat	Jabatan Kerja Raya
9.	<i>Feasibility Study for a Sungai Sarawak River Regulation Scheme</i>	<i>Final Report, December 1991</i>	RPT with KTA, HR Wallingford	Tiada Maklumat	Jabatan Kerja Raya
10.	<i>Feasibility Study for a Barrage cum Bridge Crossing and Flood Mitigation Project at Kuching</i>	<i>Final Report, May 1989</i>	Nedeco	Tiada Maklumat	Kementerian Pembangunan Industri
11.	<i>Sungai Sarawak Flood Plain Model Study</i>	<i>Final Report, January 1987</i>	Cameron McNamara	Tiada Maklumat	JPS Negeri
12.	<i>Sungai Sarawak Flood Mitigation Option Study For Sungai Sarawak And Batang Rajang Catchment Basin</i>	2006	Sinohydro Corporation (M) dengan China Resources Beifang Investigation, Design And Research Co. Ltd	0.41	Unit Pemantauan Dan Pelaksanaan Negeri
13.	<i>Miri Town Drainage Master Plan Study</i>	1994	KTA Sarawak	1.29	JPS Persekutuan
14.	<i>Sibu Town Drainage Master Plan Study</i>	1995	Jurutera Jasa (Sarawak) Sdn. Bhd.	1.39	JPS Persekutuan
<b>Jumlah</b>				<b>10.77</b>	

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak

7.4.2.1. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada agensi pusat bertanggungjawab untuk menyelaras dan meneliti kajian di atas untuk dijadikan pelan induk bersepadu bagi tebatan banjir, sistem saliran, penerobosan air masin, pembangunan dan kawalan alam sekitar untuk Bandaraya Kuching, Bandaraya Miri dan Bandar Sibu. Kajian dijalankan secara berasingan oleh agensi kerajaan mengikut skop kajian yang ditetapkan kepada perunding. Kelemahan ini memberi impak dari segi keutamaan dalam melaksanakan projek, tiada koordinasi, faktor kos kerana dilaksanakan secara berasingan dan faedah projek belum dapat dimanfaatkan.

7.4.2.2. JPS bersetuju bahawa penyediaan Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu adalah cadangan yang baik. Setakat ini, peruntukan dan kajian yang dilaksanakan bagi setiap agensi adalah mengikut keperluan sektor dan kawasan. Objektif kajian berkenaan adalah untuk kajian mengikut kawasan, saliran bandar, bekalan air, kawalan alam sekitar dan pengangkutan air. Bagaimanapun, pihak JPS memaklumkan bahawa mereka menghadapi masalah peruntukan kewangan bagi menyediakan pelan berkenaan. *Sungai*

*Sarawak Flood Mitigation Option Study* 2003 adalah Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu untuk Sungai Sarawak. Bagi lembangan sungai lain di Sarawak pelan induk tebatan banjir bersepadu boleh disediakan jika peruntukan kewangan yang cukup diperolehi. Unit Perancangan Negeri memainkan peranan utama dalam kajian yang dilakukan di peringkat negeri. Ia melibatkan pelbagai jabatan, agensi dan kementerian dalam pelbagai peringkat dan Jawatankuasa Induk Dan Teknikal. Bagi projek RTB Bandaraya Kuching, Majlis Perancangan Negeri telah meluluskan keseluruhan pelan dan Fasa I projek yang melibatkan pembinaan saluran pintasan banjir sepanjang 2 km telah siap dan akan disambung dalam RMKe-10.

**Pada pendapat Audit, hasil kajian ini perlu diterjemahkan kepada pelan induk yang komprehensif supaya *value management* diamalkan dengan memberi keutamaan kepada kawasan dan komponen utama dalam pelaksanaan Projek Tebatan Banjir supaya impak projek boleh dicapai dalam tempoh terdekat.**

#### **7.4.3. Projek RTB Bandaraya Kuching**

Projek RTB Bandaraya Kuching yang dibina dari Sungai Maong Paroh ke Batang Salak adalah bertujuan untuk melindungi Bandaraya Kuching daripada mengalami banjir pada kala magnitud tempoh ulangan 100 tahun *Annual Recurrence Interval* (ARI). Projek ini melibatkan 6 komponen tebatan banjir yang terdiri daripada saluran pintasan banjir sepanjang 8 km dengan kelebaran 250 meter dan kedalaman antara 4 hingga 8 meter, baraj dan laluan kapal, pintu air pasang surut, 2 buah jambatan, jalan raya dan ban yang melibatkan kos keseluruhan dianggarkan berjumlah RM2 bilion. Pembinaan projek ini dijangka dapat menyelesaikan masalah banjir besar bagi Bandaraya Kuching di mana melalui komponen utama projek ini iaitu saluran pintasan banjir, air sungai dari hulu Sungai Sarawak akan dibawa terus ke Batang Salak dan seterusnya ke laut.

##### **7.4.3.1. Komponen Saluran Pintasan Banjir Tidak Dibina Mengikut Keperluan**

- a. Komponen utama projek iaitu saluran pintasan banjir sepanjang 8 km berfungsi membawa air sungai dari hulu Sungai Sarawak terus ke laut melalui Batang Salak yang dijangka dapat menyelesaikan masalah banjir besar bagi Bandaraya Kuching. JPS telah menawarkan kontrak reka dan bina kepada Kontraktor Naim Cendera Sdn. Bhd. dengan usaha sama Ambang Project Management Sdn. Bhd. pada kos RM148.81 juta untuk tempoh 18 bulan. Semakan Audit terhadap skop kerja mendapatkan pembinaan ini hanya melibatkan 2 km sahaja berbanding 8 km panjang keseluruhan.
- b. JPS telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM350 juta di bawah RMKe-9 untuk melaksanakan RTB Bandaraya Kuching tetapi permohonan tersebut tidak termasuk kos bagi 2 buah jambatan dan *tidal control gate*. Namun demikian, kelulusan peruntukan di bawah RMKe-9 adalah RM154.51 juta. JPS telah meneruskan juga pembinaan komponen saluran pintasan banjir secara berfasa iaitu sepanjang 2 km dengan kos kontrak bernilai RM148.81 juta.

- c. Keputusan JPS meneruskan pembinaan saluran pintasan banjir sepanjang 2 km tidak memberi sebarang impak bagi menangani masalah banjir tetapi sebaliknya JPS akan menanggung kos penyenggaraan seperti kerja pengorekan akibat mendapan semasa menunggu pembinaan fasa seterusnya selepas tempoh waranti di bawah kontraktor telah tamat. Pihak JPS juga memaklumkan bahawa hanya RM80 juta diluluskan di bawah RMKe-10 manakala RM48.38 juta daripada peruntukan tersebut adalah untuk kos pengambilan balik tanah dan selebihnya adalah untuk jalan serta ban. Ini bermakna pembinaan saluran pintasan banjir sepanjang 8 km masih belum dapat diteruskan.
- d. JPS mengakui bahawa faedah pelaksanaan projek secara fizikal hanya dapat dimanfaatkan setelah pembinaan saluran pintasan banjir sepanjang 8 km siap sepenuhnya. Projek yang dilaksanakan hendaklah dibina secara bersama dengan kemudahan infrastruktur yang lain supaya kesinambungannya dapat diteruskan untuk fasa yang seterusnya. Sebagai contoh, pembinaan saluran pintasan banjir hendaklah diikuti dengan pembinaan baraj bagi mengelakkan air masin dari masuk ke kawasan yang tidak sepatutnya.
- e. Kerajaan berhasrat meneruskan pelaksanaan projek ini walaupun belum dapat berfungsi sepenuhnya untuk mengatasi banjir kerana ia mempunyai kepentingan sosial, ekonomi dan persekitaran bagi keperluan pembangunan Bandaraya Kuching dalam jangka masa panjang. Memandangkan komponen projek yang besar, adalah mustahil untuk mencapai matlamat projek iaitu melindungi Bandaraya Kuching daripada banjir pada kala ulangan 100 tahun ARI sekiranya peruntukan yang diberi tidak mencukupi untuk melakukan kerja pembinaan. Permohonan sebanyak RM550 juta telah dikemukakan dalam *Rolling Plan* Kedua.

**Pada pendapat Audit, pembinaan saluran pintasan banjir sepanjang 2 km belum dapat berfungsi bagi menangani masalah banjir. Dengan tiada peruntukan tambahan bagi meneruskan projek ini di bawah RMKe-10 maka JPS terpaksa menanggung kos penyenggaraan. JPS hendaklah mempraktikkan *value management* iaitu dengan mengkaji semula keutamaan kepada komponen yang boleh memberi kesan langsung berdasarkan peruntukan yang diluluskan.**

#### **7.4.3.4. Laporan EIA Lewat Dikemukakan Oleh Kontraktor**

- a. Mengikut *The Natural Resources And Environment Ordinance (Prescribed Activities)* 1994 perkara 6(4)(vi), Laporan EIA hendaklah diserah dan diluluskan bagi *activities which may pollute inland water or affect sources of water supply* sebelum sesuatu projek bermula untuk tujuan melindungi alam sekitar. Piagam pelanggan Lembaga pula menetapkan, Laporan EIA hendaklah diluluskan dalam tempoh 90 hari bekerja daripada tarikh dokumen lengkap diterima.
- b. Semakan Audit mendapati kelulusan terhadap Laporan EIA telah diperoleh daripada Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar pada 12 April 2010 iaitu selepas 589 hari projek bermula manakala *Letter Of Undertaking* bagi projek ini telah ditandatangani

pada 25 Mei 2010 oleh pihak kontraktor dan perunding Alam Sekitar iaitu Chemsain Konsultant Sdn. Bhd. Mengikut penjelasan oleh Lembaga, kelewatan berlaku disebabkan oleh kegagalan kontraktor mengemukakan Laporan EIA yang lengkap.

- c. JPS memaklumkan pihaknya mengakui bahawa projek bermula sebelum kelulusan Laporan EIA. JPS juga turut memberi peringatan kepada kontraktor melalui mesyuarat tapak supaya menyegerakan penyediaan Laporan EIA yang lengkap. Bagaimanapun, kelulusan telah diberikan kepada kontraktor pada 1 Julai 2009 untuk memulakan kerja awal iaitu sebelum Laporan EIA diluluskan oleh Lembaga.
- d. Pihak Lembaga memaklumkan terdapat peruntukan undang-undang untuk meluluskan kerja awal projek supaya dijalankan sebelum Laporan EIA dikeluarkan. Bagaimanapun, kelulusan ini tertakluk kepada permintaan dan keperluan projek yang berkaitan dengan kerja awal di tapak. Selain itu, syarat dan garis panduan alam sekitar juga mestilah dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor.

#### **7.4.3.3. Tiada Tindakan Susulan Diambil Terhadap EMR**

- a. Mengikut syarat kelulusan Laporan EIA pada bulan April 2010, pemantauan alam sekitar perlu dijalankan ke atas projek saluran pintasan banjir dan EMR perlu dikemukakan kepada Lembaga setiap suku tahun. Semakan Audit mendapati perunding alam sekitar yang dilantik ada menyedia dan mengemukakan Laporan Suku Tahun bagi tahun 2010. Perunding alam sekitar turut memantau dan menjalankan EMR terhadap sampel air bagi 10 lokasi yang berbeza di RTB Kuching 2 kali sebulan.
- b. Semakan Audit seterusnya ke atas EMR bagi minggu kedua bulan Disember 2010 mendapati bacaan sampel air di hulu Sungai Lemidin Besar (W1), persimpangan Sungai Lemidin Besar dan muara Sungai Stratus (W2), persimpangan Batang Samariang dan muara Sungai Lemidin Besar (W3) serta Batang Samariang berhampiran ladang akuakultur (W4) iaitu lokasi yang berdekatan dengan saluran pintasan banjir menunjukkan bacaan parameter bagi *Dissolved Oxygen*, *Ammoniacal Nitrogen*, *Chemical Oxygen Demand* dan *Sulphate* telah jatuh atau naik melebihi had nilai pematuhan berpandukan *National Water Quality Standard Malaysia Class IIB* (NWQSM) seperti di **Jadual 7.5**.

**Jadual 7.5**  
**Analisis Permukaan Air Sungai**

Parameter	Unit	NWQSM Class IIB	2nd Bi – Weekly of December (Date Sampling: 21/12/2010)									
			W1	W2	W3	W4	W5	W6	W7	W8	W9	W10
Dissolved Oxygen	mg/l	5-7	4.0	3.9	4.4	4.2	3.7	4.3	4.6	4.6	4.2	4.1
Ammoniacal Nitrogen	mg/l	0.3	0.28	0.29	0.31	0.32	0.24	0.31	0.34	0.32	0.31	0.29
Chemical Oxygen Demand	mg/l	25	27	27	24	25	29	32	19	24	27	27
Sulphate	mg/l	250	1,910	1,890	1,990	2,030	1,720	2,000	2,110	2,050	2,000	2,020

Sumber: Laporan EMR Suku Tahun Keempat Tahun 2010

- c. Mengikut kajian UNIMAS melalui *Multidisciplinary Assessment (MDA) Final Report And Management Plan 2011-2020* yang dikeluarkan pada bulan Julai 2010,

pembinaan saluran pintasan banjir ini akan mendatangkan kesan kemudaran jangka panjang kepada alam sekitar sekiranya telah siap dan digunakan sepenuhnya. Perubahan *salinity* air berlaku akibat daripada penerobosan air tawar yang banyak ke kawasan hutan paya bakau menyebabkan flora dan fauna musnah, input daripada aliran asidik daripada bahan pengorekan dan berlaku perubahan habitat.

- d. JPS memaklumkan mereka mengambil perhatian terhadap ulasan UNIMAS melalui kajian berkenaan bahawa pembinaan saluran pintasan banjir mendatangkan kemudaran jangka panjang kepada alam sekitar sekiranya sudah siap dan digunakan dengan sepenuhnya.
- e. Menurut Lembaga, tiada sungai yang dipantau mencapai dan mematuhi sepenuhnya piawaian Class IIB, NWQSM. Walaupun dalam keadaan semula jadi, peningkatan asid sulfat di muara sungai boleh melebihi had piawaian berkenaan. Oleh itu, piawaian Class IIB, NWQSM hanya sebagai penanda aras atau piawaian kualiti air yang mana Kerajaan Negeri berhasrat untuk mencapainya. Jika terdapat sebarang perubahan drastik kepada kualiti air yang berpunca daripada pelaksanaan projek tertentu, Lembaga akan mengeluarkan arahan kepada kontraktor supaya mengambil langkah yang perlu untuk menangani masalah yang berlaku.

**Pada pendapat Audit, tindakan susulan terhadap Laporan EMR hendaklah dibuat sekiranya terdapat perubahan yang luar biasa dalam lingkungan had nilai pematuhan sampel air yang diambil.**

#### **7.4.4. Projek RTB Kuching – Bandar Bau**

**7.4.4.1. Bayaran Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak Untuk Pejabat Tapak Dan Bangunan Sementara** - Semakan Audit terhadap dokumen kontrak projek mendapati kos sejumlah RM239,999 telah diperuntukkan di bawah *Bill No. 1 (Preliminary and General)* bagi pembinaan pejabat tapak dan bangunan sementara. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM95,000 adalah untuk membina dan meroboh pejabat tapak manakala bakinya sejumlah RM84,999 dan RM60,000 adalah untuk penyenggaraan dan operasi serta menyedia dan menyenggara perabot dan peralatan. Adalah didapati peruntukan sejumlah RM95,000 bagi membina dan meroboh pejabat tapak telah dibayar sepenuhnya kepada kontraktor. Walau bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati pihak kontraktor tidak membina pejabat tapak tetapi sebaliknya menyewa sebuah rumah teres di No. 8, Taman Mawar, Jalan Jambusan, Bau. Bagaimanapun, sehingga tarikh laporan ini disediakan, dokumen perjanjian sewaan yang berkenaan belum lagi dikemukakan untuk semakan Audit.

**7.4.4.2. JPS memaklumkan kos sebenar penyediaan kemudahan oleh kontraktor adalah berjumlah RM122,800 berbanding kos kontrak sejumlah RM95,000. Kos penyediaan pejabat adalah *lump sum* dan tidak tertakluk kepada *re-measurement*.** Sekiranya keperluan kontrak sudah dipenuhi, maka item berkenaan perlu dibayar sepenuhnya kepada kontraktor.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek ini adalah memuaskan kecuali JPS hendaklah memastikan pembayaran adalah berdasarkan kontrak utama dan dokumen perjanjian sewaan disertakan bagi tujuan pembayaran.**

## **7.5. SYOR AUDIT**

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

7.5.1. Unit Perancangan Negeri hendaklah mengkoordinasi dan menyediakan Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu melibatkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak, Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Lembaga Sungai-sungai Sarawak, Lembaga dan Agensi utiliti lain secara holistik bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir pada masa hadapan.

7.5.2. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah mengamalkan *value management* dengan mengkaji semula keutamaan kepada komponen projek yang boleh memberi kesan langsung berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

7.5.3. Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar perlu mengambil tindakan susulan terhadap *Environmental Monitoring Report* sekiranya terdapat perubahan yang luar biasa dalam lingkungan had nilai pematuhan sampel air yang diambil.

7.5.4. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memastikan pembayaran adalah berdasarkan kontrak utama dan dokumen perjanjian sewaan disertakan bagi tujuan pembayaran.

## JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK, JABATAN KERJA RAYA SARAWAK DAN JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK

### 8. PENGURUSAN KUARTERS KERAJAAN NEGERI

#### 8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Kerajaan Negeri mengguna pakai Perintah Am Negeri Sarawak 1996 Bab VI bagi pengurusan kuarters dan bangunan pejabat. Terdapat 3 jenis kuarters disediakan iaitu Kuarters Khas Jawatan, Kuarters Khas Jabatan dan Kuarters Biasa Kerajaan. Kuarters Khas Jawatan adalah kuarters yang dikhaskan untuk pegawai yang memegang jawatan tertentu seperti Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak serta Timbalan-timbalannya, Peguam Besar Negeri Sarawak serta Timbalannya dan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak serta Timbalannya. Kuarters Khas Jabatan pula merupakan kuarters untuk pegawai yang dikehendaki menetap berhampiran dengan tempat kerja mereka manakala Kuarters Biasa Kerajaan untuk pegawai yang tidak layak mendapat Kuarters Khas Jawatan mahupun Kuarters Khas Jabatan.

8.1.2. Permohonan dan kelulusan kuarters diurus oleh Lembaga Perumahan A iaitu Pejabat Residen bagi kumpulan pengurusan dan profesional kecuali Bahagian Kuching, ianya diurus oleh Unit Pentadbiran di Jabatan Ketua Menteri (JKM). Lembaga Perumahan B iaitu Pejabat Daerah bertanggungjawab untuk mengurus permohonan dan kelulusan kuarters bagi kumpulan sokongan. Penyenggaraan kuarters merupakan tanggungjawab Cawangan Bangunan dan Cawangan Elektrikal Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR). Selain itu, Pejabat Residen juga bertanggungjawab dalam menyenggara kuarters.

8.1.3. Sehingga akhir Disember 2010, Kerajaan Negeri mempunyai 3,606 unit Kuarters Biasa Kerajaan dan daripada jumlah tersebut, 2,891 unit atau 80.2% didiami, 576 unit atau 16% kosong manakala 139 unit atau 3.8% dalam proses pelupusan seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1 Bilangan Unit Kuarters Sehingga Akhir Disember 2010			
Bil.	Perkara	Kuarters (Unit)	Peratus (%)
1.	Didiami	2,891	80.2
2.	Kosong	576	16
3.	Dalam Proses Pelupusan	139	3.8
<b>Jumlah</b>		<b>3,606</b>	<b>100</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

## **8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kquarters Kerajaan Negeri telah diuruskan dengan cekap dan berkesan serta berada dalam keadaan baik dan dapat dinikmati oleh kumpulan sasaran.

## **8.3. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan bagi tahun 2008 hingga 2010 dengan memberi fokus kepada Kquarters Biasa Kerajaan. Bagi tujuan ini, semakan telah dibuat di Jabatan Ketua Menteri (Unit Pentadbiran), Jabatan Kerja Raya Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei (JTS), Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Pejabat Residen dan Pejabat Daerah di Bahagian Kuching, Sri Aman, Betong, Sibu, Mukah, Miri, Bintulu serta Limbang. Lawatan ke kquarters dan temu bual dengan pegawai yang terlibat serta penghuni juga dilaksanakan untuk mendapat maklumat tambahan. Selain itu, sebanyak 357 borang soal selidik telah diedarkan kepada penghuni kquarters bagi mendapat maklum balas.

## **8.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2010 hingga Februari 2011 pada keseluruhannya mendapati penyediaan kquarters telah memberikan kemudahan dan keselesaan kepada penjawat awam. Bagaimanapun, pengurusan kquarters mempunyai kelemahan dari aspek pengurusan dan penyenggaraan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah kurangnya komunikasi dan koordinasi antara JKM, JKR dan JTS menyebabkan penggantian kquarters lewat disediakan dan tapak asal kquarters belum dibangunkan, struktur konkrit kquarters tidak mengikut spesifikasi binaan bangunan bertingkat, kepentingan Kerajaan Negeri tidak dipelihara bagi kquarters yang disewa, pelupusan kquarters mengambil tempoh yang lama dan penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

### **8.4.1. Penggantian Kquarters Lewat Disediakan Dan Tapak Asal Kquarters Belum Dibangunkan**

Syarat pemberiman tanah Kerajaan Negeri kepada pihak swasta ditetapkan oleh Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber manakala JTS sebagai pentadbir tanah Negeri akan mengeluarkan surat pemberiman tanah dan menggariskan syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk dipatuhi. Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberiman tanah bekas kquarters di Bahagian Kuching dan Miri kepada pihak swasta bagi tujuan pembangunan. Kedudukan pemberiman tanah bekas tapak kquarters dan bilangan kquarters yang terlibat adalah seperti di **Jadual 8.2**.

**Jadual 8.2**  
**Tapak Asal Kuarters Dipindah Milik Kepada Pihak Swasta Setakat Tahun 2010**

Bil.	Kawasan	Nama Syarikat Terlibat	Tahun Kelulusan Pemberimilikan Lot Tanah	Bilangan Kuarters Dilupuskan	Bilangan Kuarters Yang Diganti	Catatan
1.	Tanjung Lobang, Miri	Shoreline Development Sdn. Bhd.	1995	28	31	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan yang terlibat 36.44 hektar</li> <li>• Premium RM2.63 juta</li> <li>• Syarat khas pemberimilikan tanah dibangunkan bagi tujuan perumahan, tempat pemeliharaan burung dan rekreasi</li> </ul>
2.	Batu Lintang, Kuching	Naim Cendera Sdn. Bhd.	2007	112	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanah seluas 13.6 hektar</li> <li>• Premium berjumlah RM30.56 juta</li> <li>• Syarat khas pemberimilikan tanah dibangunkan untuk tujuan pembinaan pejabat, pusat komersial, tempat parkir kenderaan dan pangaspuri</li> </ul>
3.	Jalan Temenggong Datuk Oyong Lawai Jau, Tanjung Lobang, Jalan Brighton, Miri	SGOS Hartanah Sdn. Bhd.	2007	50	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan yang terlibat 31.67 hektar terdiri daripada 10 lot tanah</li> <li>• Premium berjumlah RM17.10 juta</li> <li>• Syarat khas pemberimilikan tanah dibangunkan bagi tujuan pembangunan</li> </ul>
<b>Jumlah</b>				<b>188</b>		

Sumber: Jabatan Kerja Raya Dan Jabatan Tanah Dan Survei

#### **8.4.1.1. Tapak Kuarters Di Tanjung Lobang, Miri**

Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberimilikan 9 lot tanah seluas 36.44 hektar kepada Shoreline Development Sdn. Bhd. pada tahun 1995. Syarat pemberimilikan tanah adalah membangunkan kawasan tersebut bagi tujuan perumahan, tempat pemeliharaan burung dan rekreasi. Syarikat juga dikehendaki menggantikan 28 unit kuarters sedia ada dengan 31 unit kuarters. Syarikat dikenakan bayaran premium berjumlah RM2.63 juta dan pada awal Februari 1996, Surat Hak Milik Tanah Sementara telah dikeluarkan. Pada akhir Mac 1998, syarikat telah mencadangkan skim penempatan semula penghuni kuarters yang terjejas di kawasan ini dengan membina sebuah rumah untuk kediaman Residen, 7 unit kuarters kelas satu dan 23 unit kuarters kelas dua. Kesemua 31 unit kuarters ini telah dimulakan pembinaannya pada pertengahan Mac 2007 dan siap pada awal Julai 2010. Bagaimanapun, sehingga pertengahan Mac 2011, kuarters ini masih belum diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Pembangunan yang disyaratkan atas lot tanah yang telah

diluluskan juga belum dilaksanakan. Maklum balas daripada JTS pada pertengahan April 2011 menjelaskan pihak pemaju masih belum mengemukakan sebarang pelan pembangunan di atas tanah ini walaupun syarat pemberimilikan tanah menetapkan tanah hendaklah dibangunkan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pemberian milik. Lawatan Audit mendapati masih terdapat penghuni yang mendiami kquarters di sekitar Tanjung Lobang walaupun kawasan tersebut telah dipindah milik kepada syarikat dan terdapat kquarters yang usang tetapi tidak dirobohkan seperti **Gambar 8.1** dan **Gambar 8.2**.

**Gambar 8.1**  
Kquarters Yang Masih Didiami



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tanjung Lobang, Miri  
Tarikh: 20 Disember 2010

**Gambar 8.2**  
Kquarters Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tanjung Lobang, Miri  
Tarikh: 20 Disember 2010

#### 8.4.1.2. Tapak Kquarters Di Batu Lintang, Kuching

Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberimilikan tanah seluas 13.6 hektar kepada Naim Cendera Sdn. Bhd. bagi tujuan pembangunan galeri pejabat dan kompleks membeli belah. Pemberimilikan tanah ini merupakan sebahagian daripada balasan (*payment in kind*) kepada Naim Cendera Sdn. Bhd. yang telah menaik taraf jalan masuk ke Mukah dari Sibu/Simpang Bintulu ke Simpang Matadeng, Mukah. Kos bagi projek ini adalah RM202.38 juta. Setakat Disember 2010, kemajuan projek adalah 95% dan sejumlah RM128.99 juta telah dibayar kepada syarikat. Semakan Audit mendapati tanah tersebut pada asalnya mempunyai 112 unit kquarters dan 98 unit daripadanya didiami seperti di **Jadual 8.3**.

**Jadual 8.3**  
Bilangan Kquarters di Batu Lintang, Kuching

Jenis	Bilangan (Unit)	Didiami (Unit)	Kosong (Unit)
Kquarters Kelas F	8	8	0
Kquarters Kelas G	104	90	14
<b>Jumlah</b>	<b>112</b>	<b>98</b>	<b>14</b>

Sumber: Pejabat Daerah Kuching

Semakan Audit seterusnya mendapati tiada penggantian kquarters disediakan kepada penghuni yang terlibat. Bagaimanapun, penghuni diberi tawaran penempatan secara menyewa rumah pangsa PPR Matang Batu 5 dari Perbadanan Pembangunan

Perumahan Sarawak (PPPS). Penghuni telah diarahkan untuk mengosongkan kuarters selewat-lewatnya akhir November 2008. Semakan Audit terhadap *Print-Out Of Title* mendapati syarat Hak Milik Tanah Sementara telah dikeluarkan pada awal Ogos 2007 dan syarikat disyaratkan untuk melaksanakan pembangunan dalam tempoh 5 tahun. Maklum balas daripada JTS pada awal Mei 2011 menjelaskan pelan pembangunan telah dikemukakan pada awal Mac 2011. Bagaimanapun, setakat tarikh laporan ini pembangunan belum dilaksanakan.

#### **8.4.1.3. Tapak Kuarters Di Jalan Temenggong Datuk Oyong Lawai Jau, Jalan Brighton dan Jalan Tanjung Lobang, Miri**

Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberimilikan tanah seluas 31.67 hektar kepada SGOS Hartanah Sdn. Bhd. bagi tujuan pembangunan. Kelulusan secara dasar diberikan pada awal Mac 2006 dan Surat Hak Milik Tanah telah dikeluarkan pada tahun 2009. Bagaimanapun, syarat pemberimilikan tidak menyatakan tempoh bagi pemaju untuk melaksanakan pembangunan di kawasan ini. Tanah tersebut pada asalnya mempunyai 50 unit kuarters Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati Lembaga Pemeriksa telah mengesyorkan supaya kuarters ini dilupuskan pada tahun 2006 dan 2008. Lawatan Audit ke tapak mendapati tanah ini belum dibangunkan dan masih terdapat penghuni yang mendiami kuarters di sekitar Jalan Brighton, Miri selain terdapat kuarters yang usang seperti **Gambar 8.3** hingga **Gambar 8.6**. Maklum balas daripada Pejabat Residen Miri menyatakan penghuni masih mendiami kuarters tersebut disebabkan kekurangan kuarters untuk pegawai sokongan I dan II. Selain itu, JKR Bahagian Miri tidak dapat melupuskan kuarters ini disebabkan tiada bukti tanah telah dipindah milik.

**Gambar 8.3**  
**Kuarters Yang Masih Didiami**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Brighton, Miri  
Tarikh: 20 Disember 2010

**Gambar 8.4**  
**Kuarters Yang Masih Didiami**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Brighton, Miri  
Tarikh: 20 Disember 2010

**Gambar 8.5**  
Kuarters Yang Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Brighton, Miri  
Tarikh: 20 Disember 2010

**Gambar 8.6**  
Tapak Bekas Kuarters Yang Dirobohkan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Brighton, Miri  
Tarikh: 24 Januari 2011

Pada pendapat Audit Kerajaan Negeri perlu memastikan syarikat yang diberi pemilikan tanah tapak kuarters dan disyaratkan untuk menggantikan kuarters asal yang dirobohkan menyediakan penggantian kuarters dalam tempoh yang munasabah. Selain itu, tanah tersebut juga perlu dibangunkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Lembaga Perumahan A dan B perlu memastikan supaya kuarters di tanah yang telah dipindah milik dilupus dan dirobohkan. Bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dengan lancar, komunikasi dan koordinasi antara JTS selaku Jabatan yang bertanggungjawab mengeluarkan Surat Hak Milik Tanah dan syarat-syaratnya, JKM sebagai Jabatan yang memantau pengurusan kuarters secara keseluruhan dan JKR sebagai Jabatan teknikal perlu dipertingkatkan.

#### 8.4.2. Rumah Pangsa Di Jalan Jee Foh, Krokop Miri Tidak Selamat Diduduki

Kerajaan Negeri membeli 4 blok rumah pangsa 4 tingkat pada tahun 1996 dan 2 blok rumah pangsa di kawasan yang sama diperoleh daripada Pantai Bayu Sdn. Bhd. Harga perolehan Kerajaan Negeri adalah RM1.44 juta dan RM1.22 juta untuk setiap blok. Penghuni diminta untuk berpindah pada awal Mei 2001. Semakan Audit mendapati berlaku kecacatan pada 2 blok rumah pangsa iaitu blok 494 dan 495 (Jenis B) yang mana lapisan konkrit mereka dan melekang di beberapa tempat. Menurut JKR, pembaikan bagi blok 494 ditangguhkan kerana keadaan rumah pangsa tersebut masih selamat didiami serta tiada tempat untuk menempatkan 16 penghuni rumah pangsa blok 494 jika kedua-dua rumah pangsa ini dibaik pulih secara serentak. Bagaimanapun, Ibu Pejabat JKR telah memaklumkan Pejabat JKR Bahagian Miri pada bulan Januari 2010 bahawa keputusan ujian terhadap struktur mendapati konkrit binaan bagi kedua-dua rumah pangsa ini tidak mengikut spesifikasi untuk binaan bangunan bertingkat. Maklum balas daripada JKR pada akhir bulan Mac 2011 memaklumkan bahawa kerja pembaikan bagi blok 495 sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada 30 April 2011. Bagi blok 494 pula, kos kerja pembaikan sedang dianggarkan dan pembaikan akan dimulakan setelah peruntukan diterima. Lawatan Audit pada akhir bulan Disember 2010 mendapati kecacatan adalah seperti **Gambar 8.7** hingga **Gambar 8.10**.

**Gambar 8.7**  
**Tiang Bangunan Yang Retak**  
**(Bahagian Balkoni)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat 494, Jln. Jee Foh, Krokop, Miri  
Tarikh: 20 Disember 2010

**Gambar 8.8**  
**Siling Bangunan Yang Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat 494, Jln. Jee Foh, Krokop, Miri  
Tarikh: 20 Disember 2010

**Gambar 8.9**  
**Dinding Bangunan Yang Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat 495, Jln. Jee Foh, Krokop, Miri  
Tarikh: 20 Disember 2010

**Gambar 8.10**  
**Siling Bangunan Yang Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat 495, Jln. Jee Foh, Krokop, Miri  
Tarikh: 20 Disember 2010

Pada pendapat Audit, kerja pembaikan bagi 2 blok rumah pangsa ini hendaklah disegerakan memandangkan keputusan ujian terhadap struktur bangunan mendapati konkrit binaan bagi kedua-dua flat ini tidak mengikut spesifikasi untuk binaan bangunan bertingkat. Kelewatan melaksanakan kerja pembaikan boleh membahayakan keselamatan penghuni. Ujian struktur juga perlu dijalankan terhadap blok yang lain.

#### **8.4.3. Penyewaan Rumah Kepunyaan Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA)**

Kerajaan Negeri telah menyewa 263 unit rumah kediaman daripada PELITA untuk dijadikan kuarters. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

#### 8.4.3.1. Kepentingan Kerajaan Negeri Tidak Dipelihara Bagi Sewaan Kuarters Di Bahagian Mukah

Semakan Audit terhadap perjanjian mendapati sewaan adalah untuk tempoh 15 tahun. Kos keseluruhan yang ditanggung Kerajaan Negeri bagi penyewaan 263 unit rumah kediaman ini adalah RM53.93 juta. Bagaimanapun, kontrak tersebut tidak menyatakan mengenai pemilikan rumah ini selepas tamat tempoh tersebut. Maklum balas daripada JKM pada akhir April 2011 menjelaskan perjanjian akan dikaji semula sebelum tamat tempoh. Kadar sewa yang dicaj oleh PELITA kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 8.4**.

**Jadual 8.4**  
**Kadar Sewa Yang Dibayar Dan Dicaj Oleh Kerajaan Negeri**

Bil.	Kawasan	Unit	Tahun Perjanjian/ Tempoh Sewa	Kadar Sewa Sebulan	Jumlah Sewa Seunit Untuk Tempoh 15 Tahun	Kos Keseluruhan		
				(RM)	(RM)			
1.	Taman Pelita Fasa I, II (Berkembar)	30	2009/ 15 tahun	1,200	216,000	20.20		
	Taman Pelita Fasa I, II (Teres)	34		950	171,000			
	Taman Li Hua Fasa II (Berkembar)	16		1,200	216,000			
	Taman Li Hua Fasa II (Teres)	26		950	171,000			
2.	Taman Pelita Fasa IV (Teres)	88	2009/ 15 tahun	1,600 @ 5 tahun pertama	189,000	16.63		
				1,250 @ 5 tahun ke-2				
				300 @ 5 tahun ke-3				
3.	Taman Pelita Fasa III (Berkembar)	2	2006/ 15 tahun	2,200 @ 5 tahun pertama	279,000	17.10		
				2,000 @ 5 tahun ke-2				
				450 @ 5 tahun ke-3				
	Taman Pelita Fasa III (Teres)	67		2,150 @ 5 tahun pertama	246,600			
				1,710 @ 5 tahun ke-2				
				250 @ 5 tahun ke-3				
<b>Jumlah</b>		<b>263</b>				<b>53.93</b>		

Sumber: Pejabat Residen Mukah Dan Jabatan Tanah Dan Survei

8.4.3.2. Kuarters Kerajaan Negeri turut disewa kepada penjawat awam Persekutuan dan pegawai daripada Agensi Persekutuan dan Negeri selain disewakan kepada penjawat awam Negeri. Kadar sewa yang dicaj kepada penjawat awam Persekutuan dan pegawai daripada Agensi Persekutuan dan Negeri adalah berdasarkan sewa ekonomi di mana taksiran sewaan ditentukan oleh JTS bergantung kepada jenis rumah dan kawasan. Semakan Audit mendapati kadar sewa yang dicaj oleh PELITA kepada Kerajaan Negeri adalah antara RM1,200 hingga RM2,200 sebulan. Bagaimanapun, kadar sewa ini

menurun setiap 5 tahun. Kadar sewa ekonomi yang dicaj oleh Kerajaan Negeri terhadap pegawai Persekutuan atau Agensi Persekutuan dan Negeri adalah antara RM500 hingga RM1,200 sebulan. Perbandingan antara sewa yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada PELITA berbanding sewa ekonomi menunjukkan kadar sewa yang dibayar Kerajaan Negeri kepada PELITA adalah lebih tinggi seperti di **Jadual 8.5**.

**Jadual 8.5**  
**Kadar Sewa Yang Dibayar Dan Dicaj Oleh Kerajaan Negeri**

Bil.	Kawasan	Kadar Sewa Sebulan	Kadar Sewa Ekonomi Sebulan
		(RM)	(RM)
1.	Taman Pelita Fasa I, II (Berkembar)	1,200	1,200
	Taman Pelita Fasa I, II (Teres)	950	Intermediate – RM800 Corner – RM950
	Taman Li Hua Fasa II (Berkembar)	1,200	1,100
2.	Taman Pelita Fasa IV (Teres)	1,600 @ 5 tahun pertama	Intermediate – RM500 Corner – RM600
		1,250 @ 5 tahun ke-2	
		300 @ 5 tahun ke-3	
3.	Taman Pelita Fasa III (Berkembar)	2,200 @ 5 tahun pertama	1,200
		2,000 @ 5 tahun ke-2	
		450 @ 5 tahun ke-3	
	Taman Pelita Fasa III (Teres)	2,150 @ 5 tahun pertama	Intermediate – RM800 Corner – RM950
		1,710 @ 5 tahun ke-2	
		250 @ 5 tahun ke-3	

Sumber: Pejabat Residen Mukah Dan Jabatan Tanah Dan Survei

Pada pendapat Audit Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula kadar sewa yang ditetapkan supaya ianya lebih kompetitif dan Kerajaan Negeri mendapat *value for money* memandangkan perjanjian sewaan adalah untuk jangka panjang.

#### 8.4.3.3. Penyenggaraan Rumah Kediaman Tidak Memuaskan

Semakan Audit terhadap perjanjian penyewaan yang ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan PELITA mendapati PELITA bertanggungjawab terhadap penyenggaraan dengan syarat kos penyenggaraan tidak melebihi RM300 untuk sebuah rumah setiap bulan. Lawatan Audit pada awal Februari 2011 ke rumah kediaman yang disewa mendapati ada rumah kediaman dalam keadaan rosak, atap bocor, dinding luar bilik mandi retak dan persekitaran atau kawasan dipenuhi lalang dan rumput panjang. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.6** dan **Gambar 8.11** hingga **Gambar 8.16**. PELITA memaklumkan bahawa tindakan telah diambil selepas teguran Audit.

**Jadual 8.6**  
**Keadaan Rumah Kediaman Yang Disewa Dari PELITA**

Bil.	Alamat	Keadaan	Catatan
1.	Lot 38 Taman Pelita Fasa IV	Atap yang bocor menyebabkan siling berlubang	Penghuni telah membuat aduan melalui JKR kepada PELITA pada 18.1.2011
2.	Lot 852 Taman Pelita Fasa II	i) Soket elektrik tertanggal seperti <b>Gambar 8.11</b> ii) Paip singki di tandas rosak	Penghuni yang baru diperuntukkan rumah ini memohon rumah lain kerana keadaan rosak menjelaskan keselesaan penghuni
3.	Lot 851 Taman Pelita Fasa II	Singki asal dapur jatuh seperti <b>Gambar 8.12</b>	Penghuni telah memasang singki dapur di belakang rumah sementara menunggu singki tersebut diperbaiki
4.	Lot 904 Taman Pelita Fasa II	Singki dan almari dapur rosak seperti <b>Gambar 8.13</b>	Menurut penghuni, singki ini pernah terjatuh. Aduan melalui JKR Mukah telah dibuat tetapi belum ada tindakan untuk membaikinya
5.	Lot 457 Taman Li Hua	i) Dinding luar bilik mandi retak seperti <b>Gambar 8.14</b> ii) Pintu pagar belakang rumah rosak seperti <b>Gambar 8.15</b>	Menurut penghuni, aduan melalui JKR Mukah telah dibuat tetapi belum ada tindakan untuk membaikinya
6.	Lot 73 Taman Pelita Fasa III	Rumput panjang tidak dipotong seperti <b>Gambar 8.16</b>	Tiada maklumat aduan dibuat


Sumber: Jabatan Kerja Raya

**Gambar 8.11**  
**Soket Elektrik Tertanggal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 852 Taman Pelita Fasa II  
Tarikh: 3 Februari 2011

**Gambar 8.12**  
**Singki Asal Dapur Jatuh**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 851 Taman Pelita Fasa II  
Tarikh: 3 Februari 2011

**Gambar 8.13**  
**Singki Dan Almari Dapur Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 904 Taman Pelita Fasa II  
Tarikh: 3 Februari 2011

**Gambar 8.14**  
**Dinding Luar Bilik Mandi Retak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 457 Taman Li Hua  
Tarikh: 3 Februari 2011

**Gambar 8.15**  
**Pintu Pagar Belakang Rumah Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 457 Taman Li Hua  
Tarikh: 3 Februari 2011

**Gambar 8.16**  
**Rumput Panjang Tidak Dipotong**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 73 Taman Pelita Fasa III  
Tarikh: 3 Februari 2011

Pada pendapat Audit, Lembaga Perumahan perlu memastikan PELITA mematuhi perjanjian supaya penyenggaraan dilaksanakan dengan sempurna mengikut terma kontrak. Pemantauan perlu dipertingkatkan bagi memastikan PELITA menjalankan penyenggaraan dengan sempurna memandangkan caj sewaan adalah termasuk bayaran penyenggaraan. Kerajaan Negeri juga perlu memastikan perjanjian penyewaan rumah untuk dijadikan kuarters di masa hadapan menjaga kepentingan Kerajaan.

#### **8.4.4. Perjanjian Penyewaan Kompleks Perumahan Di Bahagian Betong Belum Disediakan**

Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan 371 unit rumah kediaman oleh Hock Peng Realty Sdn. Bhd. dan memutuskan kesemua unit ini disewakan

kepada Kerajaan Negeri sebagai kquarters. Pembinaan rumah kediaman ini dibiayai melalui pinjaman luar oleh Pelita Holdings Sdn. Bhd. dan Sarawak Incorporated Sdn. Bhd. Daripada jumlah tersebut, 238 unit merupakan milik Pelita Holdings Sdn. Bhd. manakala baki 133 unit dimiliki oleh Sarawak Incorporated Sdn. Bhd. Semakan Audit seterusnya mendapati penghuni mula berpindah masuk pada awal Februari 2008. Bagaimanapun, sehingga laporan ini disediakan perjanjian penyewaan antara Kerajaan Negeri dengan pihak Syarikat masih belum disediakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.7**.

**Jadual 8.7**  
**Bilangan Rumah Kediaman Di Kompleks Perumahan Kerajaan Negeri**

Bil.	Jenis	Syarikat		Jumlah (Unit)
		Sarawak Incorporated Sdn. Bhd. (Unit)	Pelita Holdings Sdn. Bhd. (Unit)	
1.	Banglo ( <i>Detach</i> )	1	0	1
2.	Rumah Berkembar Jenis A	6	0	6
3.	Rumah Berkembar Jenis B	30	90	120
4.	Pangsapuri	96	148	244
<b>Jumlah</b>		<b>133</b>	<b>238</b>	<b>371</b>

*Sumber: Pejabat Residen Betong*

**Pada pendapat Audit perjanjian perlu disediakan sebelum penghuni berpindah masuk bagi membolehkan Kerajaan Negeri dan pihak yang memberi sewa mengetahui dengan jelas hak dan tanggungjawab masing-masing serta kepentingan kedua belah pihak dipelihara.**

#### **8.4.5. Baik Pulih Bekas Kquarters Di Taman Kenanga Indah, Betong Belum Selesai**

Kerajaan Negeri turut menyewa 164 unit rumah kediaman sebagai kquarters daripada PPPS bermula dari tahun 2005 hingga 2008. Kadar sewa yang dibayar adalah RM47,000 sebulan. Semakan Audit mendapati kesemua rumah ini telah dikosongkan sepenuhnya pada bulan Mac 2008 dan penyerahan kunci kepada JKR telah pun dilaksanakan. Bagaimanapun, rumah tersebut belum diserahkan semula kepada PPPS kerana rosak dan perlu dibaiki.

**Pada pendapat Audit kelewatan penyerahan rumah kediaman ini kepada PPPS menyebabkan PPPS khususnya dan Kerajaan Negeri amnya tidak mendapat *value for money* daripada penyewaan atau penjualan rumah tersebut.**

#### **8.4.6. Pelupusan Kquarters Mengambil Tempoh Yang Lama**

Proses kelulusan pelupusan hendaklah dilakukan dalam tempoh 6 minggu manakala pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelulusan diterima. Analisis Audit terhadap pelupusan kquarters di Bahagian Sri Aman, Betong dan Miri mendapati proses pelupusan mengambil masa yang lama sehingga ada yang masih belum menerima kelulusan walaupun 33 bulan telah berlalu. JKR juga mengambil tempoh lama untuk melupuskan kquarters walaupun kelulusan untuk pelupusan telah diperoleh lebih daripada 3 bulan. JKR memaklumkan pada akhir bulan Mac 2011, pelupusan tidak dapat dilaksanakan

dengan segera disebabkan kekangan peruntukan dan kekeliruan mengenai prosedur baru pelupusan. Tempoh permohonan dan kelulusan pelupusan bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 8.8**.

**Jadual 8.8**  
**Tempoh Permohonan Dan Kelulusan Pelupusan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Bahagian	Tarikh Permohonan (a)	Tarikh Kelulusan (b)	Tempoh (Bulan) (c) = (b) – (a)	Tarikh Pelupusan Dilaksanakan (d)	Tempoh (Bulan) (e) = (d) - (b)	Catatan
1.	Sri Aman	18.11.2008	13.10.2009	10	8 April 2010	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berek JKR No. 180 (8 pintu) dan Berek JKR No. 181 (6 pintu)</li> <li>Dilupuskan kerana kebakaran</li> </ul>
2.	Betong	19.03.2008	Belum	33*	Belum	Belum	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berek Jabatan Pertanian JKR No. 43 A - F, kuarters No. 91 dan 95</li> <li>Menunggu tindakan susulan Pejabat Residen Betong</li> </ul>
							<ul style="list-style-type: none"> <li>Berek Jabatan Pengairan Lubok Nibong</li> <li>Menunggu susulan dari Pejabat Residen Betong</li> </ul>
		31.12.2008	Belum	24*	Belum	Belum	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berek JKR No. 29 A - D, Daerah Spaoh</li> <li>Dilupuskan kerana kebakaran</li> </ul>
3.	Miri	21.01.2009	Belum	23*	Belum	Belum	<ul style="list-style-type: none"> <li>44 unit di Jalan Brighton</li> <li>6 unit di Jalan Brighton</li> </ul>
		27.12.2005	20.03.2008	26	Belum	Belum	
		02.05.2008	20.09.2008	4	Belum	Belum	

*Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak*

*Nota: \* - Tempoh Dikira Sehingga 31 Disember 2010*

**Pada pendapat Audit pelupusan hendaklah dijalankan sebaik sahaja mendapat kelulusan. JKR perlu menyediakan anggaran bilangan kuarters yang hendak dilupuskan dengan menyediakan perancangan serta justifikasi untuk dimasukkan dalam bajet tahunan.**

#### 8.4.7. Tunggakan Sewa Ekonomi

Sewa ekonomi merupakan sewa yang dicaj kepada Kerajaan Persekutuan bagi penjawat awam Persekutuan yang mendiami kuarters Kerajaan Negeri. Kadar sewa bergantung kepada jenis kuarters yang ditawarkan dan Jabatan Tanah Dan Survei bertanggungjawab untuk menetapkan kadar sewa ini. Semakan Audit mendapati sehingga akhir Disember 2010, seramai 463 penjawat awam Persekutuan mendiami kuarters Kerajaan Negeri. Mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan pada tahun 1962 memutuskan kuarters Kerajaan selain daripada kuarters institusi yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan kekal sebagai hak milik Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan akan membayar sewa bagi kuarters Kerajaan Negeri yang didiami oleh penjawat awam Persekutuan berdasarkan kadar yang dipersetujui. Justeru, pembayaran dibuat oleh Pegawai Kewangan Persekutuan kepada Setiausaha Kewangan Negeri. Selepas tahun 1989, atas arahan Pegawai Kewangan Persekutuan, tuntutan sewa ekonomi dikemukakan terus ke Jabatan Persekutuan terbabit untuk pembayaran. Bagaimanapun, Jabatan Persekutuan tidak mempunyai peruntukan bagi

tujuan bayaran sewa ekonomi dan meminta pegawai membuat bayaran terus kepada Setiausaha Kewangan Negeri. Keadaan ini menyebabkan berlakunya tunggakan berjumlah RM1.58 juta.

8.4.7.1. Menurut maklum balas daripada Setiausaha Kewangan Negeri pada akhir Mac 2011, pelbagai kaedah telah diambil untuk memungut tunggakan ini seperti mengadakan perbincangan dengan Pegawai Kewangan Persekutuan dan mesyuarat bersama Setiausaha Persekutuan yang juga dihadiri oleh Ketua Jabatan Persekutuan. Selain itu, tunggakan sejumrah RM360,062 dalam proses hapus kira disebabkan Jabatan telah membuat pengesahan bahawa pembayaran telah dilakukan. Tunggakan sewa ekonomi untuk dihapus kira adalah seperti di **Jadual 8.9**.

**Jadual 8.9**

**Tunggakan Sewa Ekonomi Untuk Dihapus Kira Setakat 31 Disember 2009**

Bil.	Jabatan	Tunggakan (RM)
1.	Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak	174,744
2.	Jabatan Pendaftaran Negara	87,077
3.	Jabatan Akauntan Negara	26,662
4.	Jabatan Peguam Negara	660
5.	Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak (JPJ)	2,563
6.	Padiberas Nasional Berhad	84
7.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Negeri Sarawak	34,800
8.	UNIMAS	32,902
9.	Jabatan Tenaga Rakyat	150
10.	Suruhanjaya Komunikasi (MSD Technology)	420
<b>Jumlah</b>		<b>360,062</b>

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

Pada pendapat Audit, sewa ekonomi merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan tuntutan perlu dicaj terus kepada Pegawai Kewangan Persekutuan memandangkan persetujuan terhadap perkara ini telah dicapai dalam mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan pada tahun 1962. Selain itu, tindakan mencajkan sewa ekonomi terhadap penjawat awam Persekutuan menyebabkan mereka terpaksa membayar kadar sewa yang lebih tinggi berbanding kadar sewa yang sepatutnya dikenakan terhadap penjawat awam yang mendiami kuarters. Sehubungan itu, rundingan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan perlu diteruskan bagi mencapai persetujuan berkaitan perkara ini bagi mengelakkan ianya berlarutan dan tunggakan terus meningkat.

#### **8.4.8. Imbuhan Tetap Perumahan Dibayar Kepada Pegawai Yang Mendiami Kuarters**

Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) merupakan elauan yang diterima oleh semua penjawat awam yang mana jumlah yang diterima bergantung kepada gred dan kawasan pegawai bertugas. Semakan Audit di Bahagian Mukah, Sibu dan Bintulu mendapati 26 pegawai yang mendiami kuarters masih dibayar elauan ITP yang melibatkan amaun berjumlah RM164,331. Pegawai tersebut telah mendiami kuarters di antara 8 hingga 144 bulan. Jumlah ITP yang masih dibayar adalah seperti di **Jadual 8.10**. Ketua Jabatan yang terlibat telah mengarahkan

supaya bayaran imbuhan tetap perumahan pegawai diberhentikan serta merta dan pegawai diarahkan untuk membuat bayaran balik imbuhan tetap perumahan yang dibayar melalui potongan gaji.

**Jadual 8.10**  
**Imbuhan Tetap Perumahan Masih Dibayar**

Bil.	Jabatan	Bilangan Pegawai	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	Jabatan Kerja Raya Mukah, Sibu Dan Bintulu	7	46,460
2.	Jabatan Agama Islam Mukah Dan Bintulu	4	31,564
3.	Jabatan Hutan Mukah Dan Sibu	4	24,821
4.	Pejabat Residen Bahagian Mukah Dan Sibu	3	13,356
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Bintulu	1	12,484
6.	Majlis Perbandaran Sibu	1	9,984
7.	Pejabat Daerah Kecil Oya	1	7,920
8.	Jabatan Tanah Dan Survei Mukah	1	6,660
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Sibu	1	4,555
10.	Pejabat Daerah Daro	1	3,240
11.	Jabatan Pertanian Bahagian Sibu	1	1,847
12.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak Sibu	1	1,440
<b>Jumlah</b>		<b>26</b>	<b>164,331</b>

Sumber: Jabatan Dan Agensi Kerajaan Negeri

**Pada pendapat Audit Ketua Jabatan perlu memastikan pegawai yang mendiami kuarters Kerajaan Negeri tidak dibayar imbuhan tetap perumahan.**

#### 8.4.9. Penyenggaraan Berkala Tidak Dilaksanakan

8.4.9.1. JKR bertanggungjawab untuk menyenggara kuarters selaras dengan Perkara 248 Perintah Am Negeri iaitu dengan memeriksa kuarters sekurang-kurangnya sekali setahun dan membaikinya sebagaimana diperlukan bagi memastikan aset Kerajaan berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Penyenggaraan berkala melibatkan kerja seperti pembersihan kawasan (pemotongan rumput dan parit), senggaraan tangki septik (mengepam tangki septik), mengecat kuarters, rawatan anai-anai dan pendawaian semula elektrik seperti di **Jadual 8.11**.

**Jadual 8.11**  
**Penyenggaraan Berkala Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Jenis Penyenggaraan	Kekerapan
1.	Pembersihan kawasan (pemotongan rumput dan parit)	Sekali sebulan
2.	Senggaraan tangki septik (mengepam tangki septik)	Sekali setiap 3 tahun
3.	Kerja mengecat kuarters	5 tahun sekali
4.	Rawatan anai-anai	5 tahun sekali (bangunan kayu)
5.	Pendawaian semula Elektrik	Sekali setiap 15 tahun

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

8.4.9.2. Bagi tahun 2008 hingga 2010, RM15.71 juta telah diperuntukkan dan RM14.02 juta dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan kuarters. Daripada jumlah tersebut, RM12.75 juta atau 81.2% diperuntukkan kepada JKR dan RM2.96 juta atau 18.8%

kepada Pejabat Residen melalui JKM. Bagi tempoh yang sama, JKR telah membelanjakan RM11.40 juta atau 81.3% manakala RM2.62 juta atau 18.7% dibelanjakan oleh JKM. Prestasi kewangan adalah seperti di **Jadual 8.12**.

**Jadual 8.12**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan Kuarters oleh  
Jabatan Kerja Raya Dan Jabatan Ketua Menteri Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Tahun	Jabatan Kerja Raya Sarawak			Jabatan Ketua Menteri		
	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Peruntukan Dibelanjakan (RM Juta)	Peratusan Perbelanjaan (%)	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Peruntukan Dibelanjakan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2008	3.15	3.06	97.1	0.96	0.82	85.4
2009	4.68	3.96	84.6	1.00	0.91	91.0
2010	4.92	4.38	89.0	1.00	0.89	89.0
<b>Jumlah</b>	<b>12.75</b>	<b>11.40</b>	<b>89.4</b>	<b>2.96</b>	<b>2.62</b>	<b>88.5</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak Dan Jabatan Ketua Menteri

8.4.9.3. Lawatan Audit pada akhir Disember 2010 dan Januari 2011 ke kawasan kuarters yang dipilih mendapati penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan. Tindakan ini telah menyebabkan kuarters rosak dan merbahaya kepada penghuni. Bagi kuarters kosong, ianya kelihatan terbiar dan usang. Keadaan kuarters tersebut adalah seperti **Gambar 8.17** hingga **Gambar 8.20**. Sehingga akhir bulan Mac 2011, pihak JKR memaklumkan penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan keranakekangan peruntukan. Penyenggaraan hanya dijalankan sekiranya ada permohonan atau aduan daripada penghuni di mana ianya juga bergantung kepada peruntukan pada waktu itu. Bagaimanapun, JKR telah menerima peruntukan RM50 juta untuk pengurusan dan penyenggaraan kuarters bagi RMKe-10.

**Gambar 8.17**  
**Siling Terkopek**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuarters JKR No. 254, Sri Aman  
Tarikh: 24 Disember 2010

**Gambar 8.18**  
**Kesan Bocor Di Siling**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Berek JKR 33E, Daerah Debak, Betong  
Tarikh: 2 Disember 2010

**Gambar 8.19**  
Cat Siling Mengelupas Disebabkan Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat Maxwell 9, Jalan Crookshank, Kuching  
Tarikh: 20 Januari 2011

**Gambar 8.20**  
Penyenggaraan Berkala Untuk Rumput Panjang Tidak Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 142A-D, Betong  
Tarikh: 1 Disember 2010

Pada pendapat Audit peruntukan yang mencukupi hendaklah diluluskan kepada Jabatan Kerja Raya supaya penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan bagi memastikan aset Kerajaan termasuk kuarters sentiasa terpelihara dan dalam keadaan baik serta menjamin keselamatan dan keselesaan penghuni.

8.4.10. Aduan kerosakan yang diterima sama ada melalui borang atau panggilan telefon direkodkan dan dikemukakan kepada Cawangan Bangunan atau Cawangan Elektrikal untuk tindakan penyenggaraan. Analisis Audit terhadap tempoh masa aduan diambil tindakan mendapati tiada norma kerja ditetapkan dan setiap aduan diambil tindakan dalam lat masa antara satu hari hingga 6 bulan. Analisis Audit terhadap tempoh masa tindakan diambil ke atas aduan di Bahagian yang dipilih adalah seperti di **Jadual 8.13**.

**Jadual 8.13**  
Analisis Tempoh Aduan Diambil Tindakan

Bil.	Jenis Aduan	Tempoh Masa Yang Diambil
1.	Elektrikal dan Pendawaian	4 hari hingga 22 hari
2.	Paip Air dan Singki	1 hari hingga 6 bulan
3.	Tandas	1 hari hingga 6 bulan
4.	Siling	2 hari hingga 5 hari
5.	Pintu, Tingkap dan Lain-lain	1 hari hingga 2 bulan

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

8.4.11. Selain menyemak maklumat dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan, temu bual dengan penghuni kuarters juga diadakan di samping mengedar borang soal selidik untuk mengetahui tahap kepuasan mereka. Analisis Audit terhadap maklum balas daripada 357 penghuni mendapati seramai 182 atau 51% penghuni berpuas hati.

## **8.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kquarters Kerajaan Negeri diuruskan dengan teratur dan pegawai mendiami kquarters yang lebih sempurna adalah disyorkan supaya perkara berikut diberi perhatian:

8.5.1. Jabatan Ketua Menteri perlu meningkatkan peranan sebagai agensi utama dalam merancang, melaksana dan memantau pengurusan kquarters secara keseluruhan.

8.5.2. Komunikasi dan koordinasi antara Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Tanah dan Survei perlu dipertingkatkan.

8.5.3. Hak dan kepentingan Kerajaan Negeri diberi perhatian semasa perjanjian sewa antara Kerajaan Negeri dan pihak ketiga disediakan.

8.5.4. Mengadakan rundingan dengan Kerajaan Persekutuan bagi mencapai persetujuan terhadap sewa ekonomi yang dikenakan kepada penjawat awam Persekutuan yang mendiami kquarters Kerajaan Negeri.

8.5.5. Peruntukan yang mencukupi diluluskan kepada Jabatan Kerja Raya supaya penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan bagi memastikan kquarters sentiasa terpelihara dan dalam keadaan baik serta menjamin keselamatan dan keselesaan penghuni.

## LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU

### 9. PENGURUSAN PROJEK BINTULU WATERFRONT PROMENADE

#### 9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Projek Bintulu Waterfront Promenade (BWP) adalah satu daripada komponen projek dalam Pelan Induk Pembangunan Bintulu Waterfront. Projek BWP bertujuan untuk menyediakan sesiaran tebingan (*waterfront promenade*) awam yang baru, berintegrasi dan komprehensif untuk Bandar Bintulu dan penduduknya dengan menyediakan tebingan sungai yang kondusif dan terancang serta kawasan rekreasi terbuka yang mesra keluarga, selamat dan terjamin untuk aktiviti riadah, majlis-majlis dan perayaan, menjadi jalan penghubung dari pusat Bandar Bintulu ke pusat komersial baru, tarikan utama untuk aktiviti pelancongan, identiti bandar unik yang mencerminkan imej baru Bintulu dan meningkatkan kestabilan pesisir. Komponen keseluruhan projek dalam Pelan Induk Pembangunan Bintulu Waterfront adalah BWP, rumah kedai, blok pejabat, pusat/kompleks membeli belah, rumah kediaman dan pangsapuri.

9.1.2. Bagaimanapun, hanya BWP dibangunkan oleh Kerajaan manakala komponen lain dibangunkan oleh pihak swasta. Lokasi BWP bermula dari Pasar Tamu di Jalan Main Bazaar sehingga ke Pantai Ria, Jalan Tg. Batu melibatkan jarak 2.4 kilometer dengan keluasan 5.2 hektar. Setakat bulan Disember 2010 hanya BWP telah siap dibina manakala komponen lain belum dilaksanakan kerana projek pembangunan ini adalah di bawah konsep *private sector driven*.

9.1.3. Projek BWP bernilai RM71 juta dilaksana secara *turnkey* oleh syarikat swasta, Sarawak Land (Kemena Park) Sdn. Bhd. dan dibahagikan kepada 2 fasa. Fasa I bernilai RM42.50 juta manakala Fasa II bernilai RM28.50 juta. Skop kerja komponen projek ini terdiri daripada kerja penambakan laut dan sungai serta kerja tanah, kerja bangunan, pembinaan *hard landscape*, *soft landscape* dan juga pemasangan lampu. Tempoh asal kontrak bagi Fasa I dan II adalah 24 bulan mulai dari 20 Jun 2005 hingga 19 Jun 2007 dan 28 Januari 2008 hingga 27 Januari 2010 masing-masing. Projek Fasa I dan II lewat disiapkan 52 dan 63 hari masing-masing daripada tempoh asal disebabkan oleh cuaca buruk dan laut bergelora yang mempengaruhi kerja perlindungan pantai, halangan oleh kapal yang sedia ada di dermaga dan keadaan tanah yang tidak baik. Lanjutan Masa untuk Fasa I dan II telah diluluskan oleh Pengarah Projek pada 13 Julai 2007 dan 28 Januari 2010. Fasa I dan II telah siap pada 10 Ogos 2007 dan 31 Mac 2010 dan sijil siap sepenuhnya telah dikeluarkan. Peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 9.1**.

**Jadual 9.1**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan**

Fasa	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan Setakat 31.12.2010 (RM Juta)	Baki (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
Fasa I	42.50	42.24	0.26	99.4
Fasa II	28.50	27.98	0.52	98.2
<b>Jumlah</b>	<b>71.00</b>	<b>70.22</b>	<b>0.78</b>	<b>98.9</b>

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

## 9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek BWP telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan ekonomi selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

## 9.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek BWP bagi tempoh 2005 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Lembaga Kemajuan Bintulu (LKB), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (LSAAS), Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS) Cawangan Bintulu, Jabatan Tanah dan Survei (JTS) Bahagian Bintulu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sarawak dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bintulu dengan membuat semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan perancangan, pelaksanaan projek, kontrak perjanjian, laporan dan pemantauan projek, laporan dan minit mesyuarat tapak berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan pandangan mengenai projek ini serta lawatan ke BWP.

## 9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati projek pembinaan BWP telah siap. Bagaimanapun projek ini belum dapat dimanfaat sepenuhnya kerana kemudahan asas belum disediakan. Kelemahan lain yang ditemui ialah kelewatan LKB membayar balik premium tanah, kerja penyenggaraan *soft landscape* projek Fasa I BWP kurang memuaskan, promosi dan program/aktiviti berterusan belum dijalankan dan BWP digunakan sebagai pelabuhan dan jeti pendaratan ikan oleh nelayan.

### 9.4.1. Kelewatan LKB Membayar Balik Premium Tanah

9.4.1.1. Pada 11 Mei 2005, Jabatan Ketua Menteri Sarawak telah memaklumkan kepada LKB bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan BWP dengan syarat "*The land premium payable by M/S Sarawak Land (Kemena Park) Sdn. Bhd. would be made as part payment for the cost of the Bintulu Waterfront Promenade Project*". *Letter Of Acceptance* bertarikh 30 Mei 2005 antara lain menyatakan "*The land premium payable for the alienation of state land as approved by State Planning Authority under registration no. P/9D-66-04 would be made as part payment for the cost of this project/contract*".

9.4.1.2. Semakan Audit mendapati surat hak milik tanah sementara lewat dikeluarkan kerana LKB lewat membayar premium tanah yang telah dipotong daripada bayaran kemajuan kerja kepada JTS Bahagian Bintulu. Adalah didapati potongan bayaran premium tanah bagi Fasa I sejumlah RM11.69 juta yang telah dipotong melalui bayaran kemajuan kerja mulai Disember 2005 hingga Oktober 2007 hanya dibayar kepada JTS Bahagian Bintulu pada 28 Januari 2011, iaitu lewat 3 tahun 3 bulan. Bagi potongan premium tanah Fasa II pula, potongan premium tanah sejumlah RM13.38 juta yang dipotong mulai Januari 2009 hingga April 2010 telah dibayar kepada JTS Bahagian Bintulu pada 29 September 2010, iaitu lewat 4 bulan. Surat hak milik tanah Lot 4011 Bintulu Town District hanya dikeluarkan oleh JTS Bahagian Bintulu dan didaftarkan atas nama Sarawak Land (Kemena Park) Sdn. Bhd. pada 25 Oktober 2010 dan Lot 4012 Bintulu Town District pada 15 Mac 2011 setelah menerima bayaran premium tanah. Mengikut syarat hak milik tanah, pembangunan dan penggunaan tanah ini hendaklah mengikut pelan yang diluluskan oleh Pengarah JTS dan disiapkan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pendaftaran pajakan. Kelewatan ini telah menyebabkan komponen lain dalam Pelan Induk Pembangunan Bintulu Waterfront termasuk cadangan membina pusat membeli belah yang diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri (MPN) pada 14 Disember 2006 belum dilaksanakan oleh pihak swasta bagi meningkatkan ekonomi di Bintulu.

**Pada pendapat Audit, komponen lain dalam Pelan Induk Pembangunan Bintulu Waterfront termasuk cadangan membina pusat membeli belah yang telah dilulus oleh MPN perlu dilaksana dalam tempoh yang ditetapkan serta mematuhi syarat dalam surat hak milik tanah bagi meningkatkan lagi aktiviti ekonomi di Bintulu.**

#### **9.4.2. Kerja Penyenggaraan Soft Landscape Projek Fasa I Kurang Memuaskan**

9.4.2.1. Adalah menjadi tanggungjawab LKB untuk menjalankan kerja penyenggaraan selepas tempoh tanggungan kecacatan projek yang dilaksanakan tamat. Semakan Audit mendapati tempoh tanggungan kecacatan projek Fasa I selama 24 bulan tamat pada 9 Ogos 2009 dan kerja penyenggaraan *soft landscape* telah diserahkan kepada LKB pada 10 Ogos 2009. Nilai kontrak kerja *soft landscape* projek Fasa I adalah seperti di **Jadual 9.2.**

**Jadual 9.2  
Nilai Kontrak Kerja Soft Landscape Fasa I**

Bil.	Perkara	Nilai Kontrak Kerja Soft Landscape (RM Juta)
1.	Bahan Tanaman	0.95
2.	Media Tanaman	0.17
3.	Penyenggaraan (24 Bulan)	0.20
<b>Jumlah</b>		<b>1.32</b>

Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu

9.4.2.2. Semakan Audit mendapati kerja *soft landscape* telah dibayar kepada kontraktor kecuali sejumlah RM120,000 bagi kerja penyenggaraan setakat 31 Disember 2010. *Soft landscape* Fasa 1 terbiar selepas tempoh tanggungan kecacatan tamat kerana Seksyen

Pembangunan Lanskap LKB hanya diberi tanggungjawab mengurus *soft landscape* BWP mulai 1 Ogos 2010, iaitu selepas satu tahun tempoh tanggungan kecacatan projek Fasa I tamat. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati kerja penyenggaraan *soft landscape* Fasa I tidak dilaksanakan oleh LKB dengan memuaskan, seperti rumput tidak dipotong dan pokok bunga mati tidak diganti. Selepas teguran Audit, LKB telah mengambil tindakan untuk menyenggara *soft landscape* Fasa I seperti **Gambar 9.1** hingga **Gambar 9.8**.

**Gambar 9.1**  
Rumput Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 2 Disember 2010

**Gambar 9.2**  
Setelah Rumput Dipotong



Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 29 Jun 2011

**Gambar 9.3**  
Rumput Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 25 September 2010

**Gambar 9.4**  
Setelah Rumput Dipotong



Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 29 Jun 2011

**Gambar 9.5**  
**Pokok Bunga Mati Tidak Diganti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 02 Disember 2010

**Gambar 9.6**  
**Setelah Pokok Bunga Mati Diganti**



Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 29 Jun 2011

**Gambar 9.7**  
**Pokok Mati Tidak Diganti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 25 September 2010

**Gambar 9.8**  
**Setelah Pokok Mati Diganti**



Sumber: Lembaga Kemajuan Bintulu  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 29 Jun 2011

9.4.2.3. LKB memaklumkan semenjak pemantauan Audit ke atas projek ini pihak LKB telah membuat penyenggaraan yang berterusan dan membuat penambahbaikan. Satu pasukan petugas telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2010 yang dikendalikan oleh Seksyen Pembangunan Lanskap LKB untuk tujuan memantau satu program penyenggaraan yang bersekala di kawasan BWP.

**Pada pendapat Audit, penyenggaraan soft landscape bagi Fasa I masih di tahap kurang memuaskan.**

#### **9.4.3. Kemudahan Asas Belum Disediakan**

9.4.3.1. Pembinaan BWP adalah bertujuan untuk menyediakan tebingan sungai yang kondusif dan terancang serta kawasan rekreasi terbuka yang mesra keluarga untuk aktiviti riadah, majlis dan perayaan. Semakan Audit mendapati kemudahan asas belum

disediakan seperti kafeteria, gerai, surau dan tempat letak kereta awam bagi kegunaan pengunjung kerana perancangan projek BWP tidak merangkumi kemudahan tersebut. Perbandingan kemudahan yang ada di Kuching Waterfront dan BWP adalah seperti di **Jadual 9.3** dan pemandangan BWP tanpa kafeteria, gerai dan surau adalah seperti **Gambar 9.9** dan **Gambar 9.10**.

**Jadual 9.3**  
**Perbandingan Kemudahan Antara Kuching Waterfront Dan BWP**

Bil.	Kemudahan	Ada (✓)/Tiada (X)	
		Kuching Waterfront	Bintulu Waterfront Promenade
1.	Kafeteria	✓	X
2.	Gerai	✓	X
3.	Kiosk (Makanan dan Minuman)	✓	X
4.	Arked Kraftangan dan Cenderahati	✓	X
5.	Meja dan bangku di bawah satu payung/tempat teduh untuk makan, santai dan keperluan lain	✓	X
6.	<i>Viewing Tower</i>	✓	X
7.	<i>Viewing Platform</i>	✓	✓
8.	Papan tanda - nombor untuk dihubungi ketika kecemasan dan Peta Lokasi	✓	X
9.	Notis pemberitahuan program/aktiviti yang sedang/akan dijalankan	✓	X
10.	Waterfront Square – Tempat untuk acara sivik dan kebudayaan, promosi perniagaan/pameran	✓	✓
11.	Pejabat Urusan	✓	X
12.	Lorong Pejalan Kaki	✓	✓
13.	Tempat/Ruang beribadat	✓	X
14.	Tandas Awam	✓	✓
15.	Tempat letak kereta	✓	X

Sumber: Sarawak Urusharta Sdn. Bhd. Dan Lembaga Kemajuan Bintulu

**Gambar 9.9**  
**Pemandangan Di BWP**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 2 Disember 2010

**Gambar 9.10**  
**Pemandangan Di BWP**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fasa I BWP  
Tarikh: 2 Disember 2010

9.4.3.2. LKB memaklumkan bahawa kemudahan yang telah diputuskan adalah mengikut Pelan Pembangunan yang telah diluluskan. Bagaimanapun, pembinaannya adalah tertakluk kepada kecukupan dana untuk melaksanakan projek ini.

Pada pendapat Audit, perancangan BWP sepatutnya mengambil kira matlamat utama BWP dibina, iaitu menyediakan tebingan sungai yang kondusif dan terancang serta kawasan rekreasi terbuka yang mesra keluarga untuk aktiviti riadah dengan memasukkan kemudahan asas untuk kegunaan pengunjung.

#### 9.4.4. Promosi Belum Dijalankan

9.4.4.1. Pembinaan BWP adalah bertujuan sebagai tarikan utama untuk aktiviti pelancongan di Bintulu. Aspek promosi penting bagi memperkenalkan BWP kepada pelancong. Promosi boleh dibuat melalui media massa, edaran risalah dan laman web serta mengadakan kerjasama dengan pihak ketiga bagi meningkatkan bilangan pengunjung ke BWP. Semakan Audit mendapati LKB belum menyediakan pelan untuk mempromosi BWP selaras dengan objektif pembinaan BWP. Adalah didapati laman sesawang LKB tidak mengandungi maklumat terperinci mengenai BWP dan hanya gambar BWP sahaja dimuat naik dalam laman sesawang LKB seperti ditunjukkan di **Skrin Laman Sesawang LKB 9.1** dan **Skrin Laman Sesawang LKB 9.2**.

**Skrin Laman Sesawang LKB 9.1**  
Menu Tourism – Tiada Maklumat BWP



Sumber: Laman Sesawang LKB  
Tarikh: 21 Januari 2011

**Skrin Laman Sesawang LKB 9.2**  
Gambar Mengenai BWP



Sumber: Laman Sesawang LKB  
Tarikh: 21 Januari 2011

9.4.4.2. Semakan Audit seterusnya mendapati hanya ada 10 program/aktiviti dijalankan di BWP pada tahun 2008 hingga 17 September 2010. LKB perlu menyediakan program/aktiviti mingguan, bulanan, tahunan dan perayaan dan menyiarakan program/aktiviti tersebut dalam akhbar/media massa untuk pengetahuan orang awam. Memandangkan tiada program/aktiviti berterusan, BWP tidak mencapai matlamat sebagai tempat riadah.

9.4.4.3. Pihak LKB akan membuat pelbagai tarikan untuk menarik orang awam/pelancong ke BWP. Pihak LKB akan membuat kerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan (SEDC, Pejabat Residen, Lembaga Pelancongan Sarawak dan lain-lain) mahupun swasta untuk bekerjasama dari segi mempromosi dan menjayakan bidang pelancongan, khasnya di BWP dan Bintulu amnya supaya BWP menjadi satu tempat

tarikan pelancongan yang terkenal di rantau ini. Pihak LKB akan memperuntukkan dana sendiri untuk membiayai aktiviti-aktiviti di dalam kawasan BWP.

Pada pendapat Audit, pembinaan BWP sebagai tarikan utama untuk aktiviti pelancongan di Bintulu yang mampu menarik pelancong tempatan dan asing belum tercapai kerana tiada program/aktiviti dan promosi berterusan dilakukan oleh LKB untuk menarik pelancong mengunjungi BWP.

#### **9.4.5. Bintulu Waterfront Promenade Digunakan Sebagai Pelabuhan Dan Jeti Pendaratan Ikan**

9.4.5.1. Mengikut Laporan *Addendum* mengenai Laporan EIA “*The existing wharf will be reconstructed under Bintulu Waterfront Development Master Plan (BWDMP). This wharf is located on the Promenade part of the Project, which belong to the Government. There has been no firm decision on whether this wharf will be relocated or not on implementation of the BWDMP. There will be temporary disruption to service during construction, but the fishing boats may be allowed to resume using the wharf in future. Otherwise, the Goverment shall look into establishing another wharf for the fishing boats.*”

9.4.5.2. Pada tahun 2008 hingga 2010, purata 119 buah bot nelayan berdaftar dengan PNK Bintulu. Adalah didapati jeti milik LSS Bintulu yang terletak di hadapan Pasar Utama Bintulu sahaja boleh digunakan sebagai tempat berlabuh dan mendaratkan ikan kerana jeti LKIM di Sungai Nyigu tidak dapat digunakan disebabkan masalah kedalaman air.

9.4.5.3. Memandangkan BWP terletak berhampiran dengan jeti Pasar Utama Bintulu dan jeti di hadapan Pasar Tamu telah menjadi sebahagian daripada BWP, nelayan menggunakan BWP sebagai tempat berlabuh dan jeti pendaratan ikan. Keadaan ini juga adalah tidak selaras dengan tujuan pembinaan BWP iaitu menjadi tarikan utama untuk aktiviti pelancongan di Bintulu yang mampu menarik pelancong tempatan dan pelancong asing. Lawatan Audit pada 23 November hingga 26 November 2010 mendapati purata 6 bot nelayan berlabuh di BWP sehari manakala pada 3 Disember 2010 didapati ada aktiviti pendaratan ikan di BWP iaitu di kawasan asal jeti di hadapan Pasar Tamu seperti **Gambar 9.11** hingga **Gambar 9.14**.

**Gambar 9.11**  
**BWP Digunakan Sebagai Pelabuhan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: BWP (Berhampiran Pasar Tamu)  
Tarikh: 24 November 2010

**Gambar 9.12**  
**BWP Digunakan Sebagai Pelabuhan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: BWP (Berhampiran Pasar Tamu)  
Tarikh: 24 November 2010

**Gambar 9.13**  
**BWP Digunakan Sebagai Jeti Pendaratan Ikan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: BWP (Berhampiran Tamu)  
Tarikh: 3 Disember 2010

**Gambar 9.14**  
**BWP Digunakan Sebagai Jeti Pendaratan Ikan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: BWP (Berhampiran Tamu)  
Tarikh: 3 Disember 2010

9.4.5.4. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan perbincangan antara LKB dan Agensi berkaitan bagi mengatasi masalah tersebut. Penggunaan BWP sebagai pelabuhan dan jeti pendaratan ikan adalah tidak selaras dengan tujuan pembinaan BWP iaitu menjadi tarikan utama untuk aktiviti pelancongan di Bintulu yang mampu menarik pelancong tempatan dan pelancong asing.

9.4.5.5. LKB memaklumkan pihak LKB akan mengadakan perjumpaan dengan pihak LKIM dan agensi-agensi yang berkaitan untuk tujuan menyelesaikan masalah tersebut di atas.

**Pada pendapat Audit, LKB perlu berbincang dengan LKIM, PNK Bintulu, JTS Bahagian Bintulu dan LSS Cawangan Bintulu bagi menyelesaikan masalah penempatan nelayan di jeti yang khusus agar keindahan BWP tidak terjejas.**

## **9.5. SYOR AUDIT**

Bagi mencapai objektif projek Bintulu Waterfront Promenade sepenuhnya, disyorkan supaya Lembaga Kemajuan Bintulu mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 9.5.1. Lembaga Kemajuan Bintulu memain peranan utama bagi memastikan pihak swasta melaksanakan komponen dalam Pelan Induk Pembangunan Bintulu Waterfront dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis Perancangan Negeri serta mematuhi syarat dalam surat hak milik tanah.
- 9.5.2. Memastikan perancangan dan pelan penyenggaraan menyeluruh disediakan dan perancangan dilaksanakan secara berterusan.
- 9.5.3. Menyediakan pelan promosi, program, aktiviti serta menyediakan kemudahan asas untuk pengunjung.
- 9.5.4. Lembaga Kemajuan Bintulu perlu berbincang dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Sarawak, Persatuan Nelayan Kawasan Bintulu, Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Bintulu dan Lembaga Sungai-sungai Cawangan Bintulu untuk menyelesaikan masalah penempatan nelayan di jeti yang khusus.

## LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK

### 10. PENGURUSAN BENDUNGAN SUNGAI SARAWAK

#### 10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Skim Regulasi Sungai Sarawak (SRSS) adalah projek Kerajaan Negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan (Kementerian). Projek ini adalah untuk menakung air Sungai Sarawak dengan membina tambak merintangi Sungai Santubong dan Sungai Sarawak. Sungai Sarawak dialir melalui terusan yang dibina di Isthmus Pending. Aliran keluar air diempangi dan aliran masuk air pasang ke kawasan hulu sungai dihalang oleh bendungan yang dikawal melalui pintu air. Kos keseluruhan SRSS ialah berjumlah RM164 juta. SRSS siap pada Mei 1998. Fasa pembangunan SRSS adalah seperti di **Jadual 10.1**.

**Jadual 10.1**  
**Fasa Pembinaan SRSS**

Fasa	Jenis Pembangunan	Bulan Siap	Kos (RM Juta)
1	Pembinaan Tambak Bako iaitu sebuah <i>rock fill dam</i> yang menyeberangi Sungai Santubong di Jalan Bako.	Ogos 1993	14
2	Pembinaan kemudahan utama bendungan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bendungan dengan 5 pintu air</li> <li>• <i>Shiplock</i> sepanjang 125 meter dan 25 meter lebar</li> <li>• Jambatan dengan jalan 4 lorong sepanjang 435 meter serta 25 meter lebar</li> </ul>	November 1997	150
3	Pembinaan Tambak Pending iaitu sebuah <i>rock fill dam</i> menyeberangi Sungai Sarawak di Jalan Keruing, pembinaan 4 lorong jalan menghubungi Pending serta Sejingkat dan pemasangan sistem telemetri sebagai alat amaran awal banjir, pengukur paras air hujan serta air sungai.	November 1997	
<b>Jumlah</b>			<b>164</b>

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

10.1.2. Pembinaan bendungan telah dilaksanakan secara *turnkey* oleh PPES Road Construction Sdn. Bhd. pada tahun 1994. Pembinaan bendungan ini termasuk 5 pintu air (*radial gates*), sebuah *shiplock* sepanjang 125 meter, sebuah jambatan dengan jalan 4 lorong sepanjang 435 meter serta 25 meter lebar dan pembinaan Jalanraya Sejingkat-Pending yang telah siap sepenuhnya pada akhir tahun 1997. Kos kontrak untuk Fasa 2 dan 3 adalah sejumlah RM150 juta. Lima pintu air adalah bertujuan untuk mengawal paras air di hulu sungai. Pintu air nombor 5 direka khas untuk laluan trafik sungai semasa kecemasan. Sebuah *shiplock* dengan 2 *radial gates* yang beroperasi secara hidraulik adalah untuk laluan trafik sungai.

10.1.3. Pada tahun 1997, projek bendungan dan *shiplock* ini telah diserahkan kepada Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS) untuk diurus serta disenggara dan mengatur serta mengawal kapal yang melalui bendungan atau *shiplock* ini. Tanggungjawab ini termaktub di

bawah Seksyen 5(1) *The Sarawak Rivers Ordinance, 1993 -The Sarawak Rivers (Sungai Sarawak Barrage) Regulations 1997*. Mulai akhir tahun 1997, operasi bendungan dikontrakkan kepada operator.

10.1.4. Objektif pembinaan bendungan dan *shiplock* adalah bagi meningkatkan hubungan jalan darat melalui pembinaan tambak merintangi Sungai Sarawak dan Sungai Santubong; menambah baik keadaan tebingan sungai di Bandaraya Kuching; mengurangkan aliran kelodak ke kawasan pantai strategik; mengurangkan banjir semasa pasang perban (*king tide*) di musim landas di Bandaraya Kuching; dan melindungi bekalan air minuman di Kuching.

10.1.5. Dalam RMKe-9, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM48.80 juta kepada Kementerian untuk pengurusan Bendungan Sungai Sarawak. Pada akhir tahun 2010, sejumlah RM39.96 juta atau 81.9% telah dibelanjakan daripada Akaun Tabung Bendungan Sungai Sarawak. LSS menerima dan membelanjakan sejumlah RM33.59 juta atau 68.8% daripada peruntukan tersebut untuk operasi, pengurusan, penyenggaraan, pembelian alat ganti dan sebagainya.

## **10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Bendungan Sungai Sarawak telah diurus dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat pembinaannya.

## **10.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi tempoh daripada tahun 2006 hingga 2010. Pemeriksaan Audit dilaksanakan di pejabat LSS, Kuching Barrage Management Sdn. Bhd. dan di tapak projek di Sungai Sarawak. Pengauditan juga dilakukan di pejabat Kementerian, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Jabatan Laut Sarawak (JLS), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sarawak (JPS) dan Lembaga Air Kuching (LAK). Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data dan maklumat berdasarkan rekod kewangan, perjanjian kontrak, laporan kemajuan, minit mesyuarat, laporan pemantauan serta dokumen yang berkenaan. Temu bual dengan pegawai penyelia dan pengedaran borang soal selidik kepada penduduk setempat, Agensi Kerajaan yang terlibat dan pihak swasta juga dijalankan untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan.

## **10.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan dari September hingga Disember tahun 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan Bendungan Sungai Sarawak boleh terus ditingkatkan. Bagaimanapun, antara perkara yang boleh ditambahbaik ialah kualiti air, kesan pelaksanaan terhadap alam sekitar serta aktiviti perkapalan, operasi pintu air bendungan serta *shiplock* melebihi had, pengurusan kontrak, penyenggaraan bendungan serta *shiplock*, sistem telemetri, stor peralatan dan pemantauan. Penjelasan lanjut mengenai perkara berbangkit adalah seperti berikut:

#### 10.4.1. Kekangan Bendungan Sungai Sarawak Menangani Kejadian Banjir

Antara tujuan pembinaan bendungan dan *shiplock* adalah untuk mengurangkan banjir semasa pasang perbani musim landas di Bandaraya Kuching. Semakan Audit terhadap Laporan Banjir Tahunan yang disediakan oleh JPS mendapati banjir besar pernah berlaku di Bandaraya Kuching pada tahun 2003, 2004 dan 2009. Menurut JPS, banjir pada tahun tersebut merupakan kejadian banjir besar yang bertembung dengan pasang perbani. Bendungan tidak direka untuk menangani kejadian banjir besar. Bagaimanapun, bendungan ini dapat membantu untuk mengurangkan keadaan banjir dari hujan di kawasan tадahan dengan pembuangan awal air lebihan semasa air surut dan juga mengurangkan tempoh masa banjir semasa banjir besar. Bendungan berjaya mengurangkan tempoh hari banjir iaitu daripada 5 hingga 10 hari pada tahun 1963 kepada 1 hingga 3 hari pada tahun 2003, 2004 dan 2009. Antara sebab berlakunya banjir besar adalah seperti berikut:

10.4.1.1. Mengikut laporan *Proposed Flood Warning System for Sungai Sarawak Basin* oleh perunding pada tahun 2003, terdapat kekangan dalam penggunaan kaedah struktur mitigasi seperti empangan dan bendungan dalam mengelakkan berlakunya banjir berskala besar. Kriteria reka bentuk Bendungan Sungai Sarawak adalah berdasarkan kejadian banjir pada tahun 1963 dengan 1% peluang kejayaan pada kapasiti pengaliran 3,500 meter padu sesaat ( $m^3/ saat$ ) bila 5 pintu air bersaiz 25 meter lebar setiap satu dibuka sepenuhnya. Bagaimanapun, pengiraan isipadu asal tidak lagi tepat disebabkan faktor pembangunan dan penggunaan tanah dalam kawasan tадahan. Sehubungan itu, tempoh ulangan sebenar hujan lebat semakin singkat. Tempoh ulangan sebenar hujan lebat dan aras air tertinggi di Bandaraya Kuching adalah seperti di **Jadual 10.2**.

**Jadual 10.2**

**Tempoh Ulangan Sebenar Hujan Lebat Dan Aras Air Tertinggi Di Bandaraya Kuching**

Tarikh Banjir	Hujan Lebat		Aras Air Tertinggi (Meter)
	Tempoh Ulangan (kekerapan dalam tahun)	Lokasi	
3 hingga 5.2.2003	1 dalam 100	Kampung Git dan Opar	9.10 meter di Siniawan pada 5 Februari 2003.
	1 dalam 50	Siniawan dan Saberkas, Kuching	15.8 meter di Kampung Git pada 4 Februari 2003.
	1 dalam 15 hingga 20	Bandaraya Kuching	Kawasan rendah di Kuching 2.75 meter di <i>Land And Survey Datum</i> .
	1 dalam 20	Lembah Sungai Sarawak	
24 hingga 28.1.2004	1 dalam 100	Kampung Git dan Siniawan	9.72 meter atas <i>mean sea level</i> di Siniawan pada 26 Januari 2004.
	1 dalam 30	Kampung Opar	
	1 dalam 5	Lapangan Terbang Kuching	
	1 dalam 2	Saberkas, Kuching	
10 hingga 13.1.2009 29.1.2009	1 dalam 10 hingga 20	Lapangan Terbang Kuching, Satok, Buan Bidi, Batu Kawa dan Siniawan	7.91 meter di Batu Kitang, Sungai Sarawak Kiri pada 12 Januari 2009.
	1 dalam 5	Batu Kitang	12.06 meter di Siniawan, Sungai Sarawak dan 9.20 meter di Buan Bidi, Sungai Sarawak Kanan pada 11 Januari 2009.
	1 dalam 2	Kampung Git	

Sumber: Laporan Banjir JPS- Kuching Dan Samarahan Pada Tahun 2003, 2004 Dan 2009

10.4.1.2. Berdasarkan *Flood Report In Kuching & Samarahan Divisions On 24-28 January 2004* yang disediakan oleh JPS, pengiraan *run-off* untuk Lembah Sungai Sarawak semasa banjir tahun 2003, 2004 dan 2009 adalah lebih lambat berbanding dengan 4,000  $m^3/ saat$  pada tahun 1963. Menurut JPS, perunding untuk Bandaraya

Kuching telah menyemak semula analisis hidrologi serta hidraulik selepas kejadian banjir pada tahun 2003 serta 2004 dan telah menentukan bahawa *100-year Annual Recurrence Interval (ARI) design peak discharged* di Jambatan Batu Kawah adalah  $4712 \text{ m}^3/\text{saat}$  mengikut keadaan kawasan tадahan masa kini.

10.4.1.3. Pihak LSS memaklumkan mengikut rekod, kederasan air di bendungan adalah 7.4 meter se saat apabila 5 pintu air dibuka (tidak termasuk keupayaan pintu *shiplock*). Ianya mampu menghasilkan pengeluaran air sebanyak  $5,550 \text{ m}^3/\text{saat}$  [ $7.4\text{m/s} \times 5 \text{ pintu} \times 25 \text{ meter (lebar)} \times 6 \text{ meter tinggi}$ ]. Pengiraan ini tidak termasuk pengaliran keluar masuk air daripada pintu *shiplock* sekiranya ianya turut dibuka. Dengan mengambil kira pembukaan pintu *shiplock*, pengeluaran air adalah sebanyak  $6,660 \text{ m}^3/\text{saat}$  ( $7.4\text{m/s} \times 6 \text{ pintu} \times 25 \text{ meter lebar} \times 6 \text{ meter tinggi}$ ). Berdasarkan pengiraan tersebut, pengaliran air keluar mengatasi *run-off*  $4,000 \text{ m}^3/\text{saat}$  yang direkod pada tahun 1963. Sungai Sarawak mempunyai 2 buah anak sungai utama iaitu Sungai Sarawak Kanan dan Sungai Sarawak Kiri. Dengan mengambil kira 2 buah anak sungai ini, *run-off* untuk Sungai Sarawak pada tahun 2003 adalah  $4,942 \text{ m}^3/\text{saat}$  iaitu mengatasi *run-off*  $4,000 \text{ m}^3/\text{saat}$  pada tahun 1963. Analisis ini menunjukkan bahawa bendungan berupaya mengalirkan air keluar lebih cepat berbanding banjir yang berlaku pada tahun 1963.

10.4.1.4. Semakan Audit seterusnya mendapati sehingga sekarang, belum ada cadangan untuk menyemak semula simulasi banjir berasaskan perubahan terkini keadaan cuaca, bentuk topografi dan *surface run-off*. Pihak LSS memaklumkan pihaknya akan mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri melalui Kementerian untuk membuat simulasi banjir berasaskan parameter terkini. Berdasarkan Laporan Banjir JPS pada tahun 2003, 2004 dan 2009, berlaku kematian, kecederaan, tanah runtuh, kerosakan atau kehilangan harta benda, putus bekalan makanan, minuman, elektrik serta perhubungan, sekolah ditutup, penduduk terpaksa dipindah, perkhidmatan awam dan perniagaan terjejas di Bahagian Kuching. Kawasan dan jalan yang terjejas teruk akibat banjir adalah seperti di **Jadual 10.3**.

**Jadual 10.3**  
**Kawasan Dan Jalan Terjejas Akibat Banjir**

Tahun	Kawasan	Tarikh	Kedalaman Atas Paras Jalan (meter)	Tempoh Banjir (Jam/Hari)
2003	Petra Jaya dan Sejingkat	04 - 05.02.2003	0.1 - 0.5	6 - 12 jam
	Padungan dan Bintawa	04 - 05.02.2003	0.1 - 2.0	6 - 12 jam
	Matang dan Malihah	04 - 05.02.2003	0.1 - 2.0	12 jam
	Sungai Maong Kiri dan Stapok	04 - 05.02.2003	0.1 - 2.0	12 jam
	Sungai Maong Kanan dan Batu Kawa	04 - 05.02.2003	0.1 - 0.5	6 - 24 jam
	Sekeduk dan Padawan	04 - 06.02.2003	1.0 - 3.0	2 - 3 hari
	Bau dan Batu Kitang	04 - 06.02.2003	1.0 - 3.2	2 - 3 hari
2004	Sungai Maong Kanan, Batu Kawa dan Batu 7	24 - 27.01.2004	0.1 - 2.5	8 - 72 jam
	Matang dan Malihah	24,25 & 27.01.2004	0.1 - 2.0	8 - 24 jam
	Padungan dan Bintawa	24 & 26.01.2004	0.1 - 2.0	6 - 8 jam
	Petra Jaya, Sejingkat dan Pinang Jawa	24 & 26.01.2004	0.1 - 1.2	6 - 12 jam
	Sungai Maong Kiri, Stapok, Rubber, Nanas dan Pisang	25 - 27.01.2004	0.1 - 2.0	6 - 24 jam
2009	Jalan Burung Liling	10.01.2009	0.6 - 1.0	1 hari
	Desa Wira	10 - 12.01.2009	0.2 - 0.6	3 hari
	Jalan SMK Sungai Maong	11 - 12.01.2009	0.3 - 0.6	2 hari
	Jalan Temenggong	11 - 12.01.2009	0.3 - 0.6	2 hari
	Jalan Keliti	11 - 12.01.2009	0.2 - 0.5	2 hari
	Jalan Sejingkat - Bako	11 - 12.01.2009	0.2 - 1.0	2 hari
	Jalan Intan	11 - 12.01.2009	0.3 - 0.6	2 hari
	Jalan Batu Kawa/Matang	11 - 12.01.2009	0.3 - 0.6	2 hari
	Jalan Batu Kawa Paragon	11 - 12.01.2009	0.3 - 0.6	2 hari
	Jalan Batu Kawa Bridge	11 - 12.01.2009	0.3 - 0.6	2 hari
	Jalan Kapor 10	11 - 12.01.2009	0.3 - 0.6	2 hari
	Jalan Kapor Stapok	11 - 12.01.2009	0.6 - 1.0	2 hari
	Jalan hadapan SRB No.6	11 - 12.01.2009	0.6 - 1.0	2 hari
	Jalan Matang KM10	11 - 12.01.2009	1.0 - 0.3	2 hari

Sumber: Laporan Banjir JPS- Kuching Dan Samaranan Pada 2003, 2004 Dan 2009

10.4.1.5. Antara langkah yang diambil oleh LSS untuk mengatasi masalah banjir adalah seperti berikut:

- Membangunkan sistem amaran awal banjir pada tahun 2005 dengan kos sejumlah RM2.8 juta. Sistem ini menyediakan maklumat supaya tindakan kecemasan boleh digerak dengan berkesan serta membantu operasi di bendungan dalam menentukan jumlah air yang perlu dialir keluar melalui bendungan.
- Menaik taraf 6 stesen komunikasi kawalan radio yang sedia ada dengan alat telekomunikasi dan hidrologi yang baru.
- Menyediakan sebanyak 18 stesen komunikasi kawalan radio yang dilengkapi dengan alat amaran awal banjir serta pengukur paras air hujan dan air sungai. Ini meliputi kawasan dari Jambatan Tun Salahudin di Bintawa sehingga ke Kampung Anah Rais di Padawan.

**Pada pendapat Audit, LSS memerlukan simulasi menggunakan maklumat terkini seperti cuaca, bentuk topografi dan *surface run-off* bagi membolehkan sistem bendungan beroperasi dengan berkesan.**

## 10.4.2. Kekangan Bendungan Sungai Sarawak Melindungi Bekalan Air Minuman

Antara objektif pembinaan bendungan dan *shiplock* mengikut laporan akhir *Executive Summary Environmental Impact Assessment Volume 1*, SRSS oleh JKR Sarawak pada April 1994 adalah untuk melindungi bekalan air minuman di Kuching daripada bahan kumbahan dan penerobosan air masin. Mengikut laporan yang sama, langkah mitigasi akan tercapai dengan mengawal dan mengurangkan aliran kumbahan dan buangan organik ke sungai melalui pelaksanaan pungutan kumbahan dan sistem rawatan untuk Bandaraya Kuching.

### 10.4.2.1. Kualiti Air Sungai Tidak Mencapai Piawai Ditetapkan

- Menurut Laporan Pemantauan Kualiti Air LSS, Kerajaan Negeri telah memutuskan kualiti air semua sungai di Sarawak dikekalkan kurang-kurangnya Kelas IIB, selaras dengan *National Water Quality Standards For Malaysia* (NWQSM). Bagi sungai yang tidak memenuhi piawai ini, tindakan hendaklah diambil untuk meningkatkan kualiti air sehingga mencapai Kelas IIB. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Pemantauan Alam Sekitar yang disediakan oleh kontraktor pada April 1997 mendapati kualiti air di 7 lokasi persekitaran bendungan pada Disember 1996 adalah dikategorikan sebagai Kelas III NWQSM, iaitu boleh diguna sebagai bekalan air dengan rawatan secara intensif. Bagaimanapun, mengikut Laporan Pemantauan Kualiti Air LSS pada September 2010, sebanyak 61.7% parameter kualiti air dari hilir bendungan ke Jambatan Satok diklasifikasikan sebagai Kelas III NWQSM, manakala 33.3% sebagai Kelas II NWQSM. Parameter yang tidak menepati piawai Kelas IIB NWQSM bagi September 2010 adalah seperti di **Jadual 10.4**. Pihak LSS memaklumkan perbandingan parameter di hulu dan di hilir bendungan mendapati daripada 10 parameter berikut, sebanyak 6 parameter di hulu bendungan adalah lebih baik berbanding dengan di hilir bendungan. Parameter yang kurang baik adalah *pH*, *Turbidity*, *Total Faecal Coliform* dan *Total Coliform Count*.

**Jadual 10.4**  
**Kualiti Air Tidak Menepati Parameter Piawai Kelas IIB NWQSM Bagi September 2010**

Parameter	Unit	Piawai Kelas IIB	Hilir Bendungan	Hulu Bendungan	Jeti Jabatan Perikanan, Bintawa	Hotel Holiday Inn	Jambatan Satok	Piawai Kelas
Ammoniacal Nitrogen	mg/l	0.3	0.8	0.44	0.54	0.61	0.75	III
Biological Oxygen Demand	mg/l	3	112	10	10	12	8	IV & V
Chemical Oxygen Demand	mg/l	25	387	35	38	48	27	III & V
Dissolved Oxygen	mg/l	5-7	3.72	4.38	3.76	3.84	4.12	III
pH		6-9	6.27	5.58	5.89	5.74	5.62	III
Total Phosphorus	mg/l	0.2	0.44	0.31	0.37	0.34	0.49	>IIB
Total Suspended Solids	mg/l	50	32	25	39	34	66	IIB & III
Turbidity	NTU	50	10.04	24.00	32.80	48.10	69.50	IIB & III
Total Faecal Coliform	count/100ml	100	3,200	5,100	3,500	6,400	2,000	III & IV
Total Coliform Count	count/100ml	5,000	61,000	230,000	74,000	80,000	69,000	V

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

- b. Mengikut Laporan Kualiti Alam Sekitar Tahun 2010 Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, kandungan *Total Coliform Count* dalam Sungai Sarawak, Sungai Bintangor, Sungai Sekama, Sungai Padungan dan Sungai Maong telah tercemar teruk dan dikategorikan sebagai Kelas III dan IV, NWQSM untuk kandungan bakteria. Klasifikasi NWQSM Pemantauan Sungai-sungai Di Sarawak bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 10.5**.

**Jadual 10.5**  
**Klasifikasi NWQSM Pemantauan Sungai-sungai Di Sarawak Tahun 2010**

Bil.	Nama Sungai/ Anak Sungai	Bahan Organik			Bakteria	Suspended Solids
		Kelas NWQSM				
		Dissolved Oxygen	Ammoniacal Nitrogen	Biological Oxygen Demand	Total Coliform Count	Total Faecal Coliform
1.	Sarawak	IV	IV	V	III	III
2.	Maong Kiri & Kanan	IV	V	V	IV	III
3.	Sarawak Kiri	II	II	II	III	I
4.	Sarawak Kanan	II	I	II	III	II

Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekitar Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak Tahun 2010

- c. Parameter sungai dan anak sungai di Sarawak yang melanggar piawai Kelas IIB NWQSM pada tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 10.6**.

**Jadual 10.6**  
**Parameter Sungai Dan Anak Sungai Di Sarawak**  
**Melanggar Piawai Kelas IIB NWQSM Tahun 2010**

Bil.	Parameter	Kelas IIB NWQSM	Nama Sungai/ Anak Sungai			
			Sarawak	Maong	Sarawak Kiri	Sarawak Kanan
1.	Turbidity (NTU)	50	23.30	<b>91.13</b>	22.71	34.16
2.	Dissolved Oxygen (mg/l)	5.00-7.00	<b>2.69</b>	<b>1.95</b>	6.53	5.12
3.	Biological Oxygen Demand (mg/l)	3.00	<b>10.19</b>	<b>20.57</b>	2.00	2.00
4.	Chemical Oxygen Demand (mg/l)	25.00	<b>33.79</b>	<b>55.93</b>	7.50	8.50
5.	Total Suspended Solids (mg/l)	50.00	32.24	<b>54.93</b>	14.00	36.00
6.	Ammoniacal Nitrogen (mg/l)	0.30	<b>2.56</b>	<b>5.81</b>	0.21	0.11
7.	Total Coliform Count (MPN/100ml)	5,000	<b>8,366</b>	<b>16,000</b>	2,311	<b>6,952</b>
8.	Total Faecal Coliform (MPN/100ml)	400	<b>5,920</b>	<b>14,529</b>	<b>879</b>	<b>5,646</b>

Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekitar Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak Tahun 2010

Catatan: Angka Yang Dihitamkan Melanggar Piawai Kelas IIB NWQSM

- d. Pihak LSS memaklumkan bekalan air untuk Bandaraya Kuching diambil dari Sungai Sarawak Kiri. **Jadual 10.6** di atas menunjukkan daripada 8 parameter yang direkodkan di Sungai Sarawak Kiri, sebanyak 2 parameter berada dalam kategori Kelas I NWQSM, 5 parameter dikategorikan Kelas IIB dan hanya satu parameter (*Total Faecal Coliform*) dikategorikan Kelas III. Ini membuktikan bahawa bendungan berupaya melindungi bekalan air minuman. Dua anak sungai iaitu Sungai Sarawak dan Sungai Maong yang terletak dalam bendungan telah melanggar piawai Kelas IIB NWQSM. Pelaksanaan *Centralised Sewerage For Kuching Centre (Package 1)* yang sedang dalam pembinaan akan dapat mengubah senario pencemaran ini. Dengan terlaksananya projek ini, *blackwater* dan *greywater* dari sumber domestik dan komersil di Bandaraya Kuching akan dirawat sebelum dilepaskan semula ke sungai.

- e. Antara sebab air Sungai Sarawak tercemar adalah:
- Mengikut Laporan Kemajuan Projek Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak, Projek Pembetungan Bersepadu Bandaraya Kuching (Zon 1 Paket 1) masih dalam pelaksanaan iaitu loji rawatan kumbahan siap 51.9%, jaringan pembentungan utama siap 53.2% dan sambungan ke premis siap 0.1% setakat April 2011. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2012.
  - Sistem saliran sekarang mengalirkan *blackwater* yang separuh dirawat dan *greywater* yang tidak dirawat dari sumber domestik dan komersil terus ke sungai. Lawatan Audit pada 27 April 2011 dan 19 November 2010 di sepanjang Sungai Sarawak mendapati longkang utama telah dibina untuk mengalir sisa kumbahan ke sungai. Longkang utama di Kampung Sinjan dan di Sungai Bintangor adalah seperti **Gambar 10.1** dan **Gambar 10.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Sinjan, Sungai Sarawak  
Tarikh: 27 April 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Ajibah Abol, Kuching  
Tarikh: 27 April 2011

- Pembuangan air sebanyak 2 kali seminggu mengikut Prosedur Operasi Standard bendungan LSS adalah tidak mencukupi. Mengikut laporan akhir *Executive Summary Environmental Impact Assessment Volume 1*, SRSS oleh JKR pada April 1994, musim kemarau yang berpanjangan digabungkan dengan kederasan air sungai yang berkurangan menyebabkan kandungan paras oksigen larut (DO) turun ke paras di bawah 4.0 mg/l. Mengikut *Needs Statement For Kuching City Wastewater Management System: Centralised Sewerage For Kuching City Centre (Package 1)* yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Pelancongan Sarawak pada Mac 2007, pengurangan *tidal flushing* telah menyebabkan kualiti air Sungai Sarawak merosot, berbau dan tidak bersih terutama pada musim kemarau.

#### 10.4.2.2. Penerobosan Air Masin Di Musim Kemarau

Menurut LAK, had maksimum untuk *Total Dissolved Solids* (TDS) yang dibenarkan dalam *National Drinking Water Quality Guidelines Surveillance* ialah 1,000 mg/liter. Semakan

Audit terhadap Laporan Makmal Kawalan Kualiti Air, LAK mendapati berlaku penerobosan air masin pada musim kemarau tahun 2000, 2001, 2004, 2006 dan 2009 di sumber air mentah seperti muka sauk Batu Kitang. Mengikut surat menyurat antara LAK dengan LSS pada bulan Julai 2000, kawasan sekitar muka sauk No.1 (Batu Kitang) telah diterobosi oleh air masin dengan paras TDS yang tinggi walaupun usaha pembuangan air oleh LSS telah dilakukan. LAK telah menghentikan pengambilan air dari muka sauk Batu Kitang disebabkan paras TDS tinggi dan melebihi 1,000 mg/liter iaitu 25 hingga 30 kali lebih tinggi daripada paras biasa. Punca penerobosan adalah:

- a. Mengikut laporan akhir *Executive Summary Environmental Impact Assessment Volume 1*, SRSS oleh JKR pada April 1994, bendungan dibina dengan andaian semua industri dan aktiviti perkапalan akan ditempatkan semula di hilir bendungan bagi mengatasi masalah navigasi melalui *shiplock*. Semua air parit akan dialirkan keluar dan paras Sungai Sarawak akan direndahkan pada paras 7 meter. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2010 perkara ini masih belum dilaksanakan sepenuhnya.
- b. Menurut LSS, operasi *flooding in* bendungan tidak dapat dihentikan sepenuhnya semasa musim kemarau disebabkan keperluan pelbagai pihak. Contohnya, pemilik limbungan dan komuniti perikanan memerlukan paras air tinggi dan Pihak Berkuasa Tempatan mengesyorkan pembuangan air secara rutin dilakukan untuk membuang kumbahan.
- c. Antara langkah yang telah diambil oleh LSS dan LAK adalah:
  - i. Pembinaan *rock fill dam* sementara yang menyeberangi Sungai Sarawak Kiri oleh LAK dengan kos RM0.85 juta pada akhir tahun 1997. Bagaimanapun, empangan tersebut roboh dalam masa sebulan kemudian. Hujan lebat di hulu sungai menyebabkan paras air sungai naik melebihi 1.5 hingga 2 meter daripada ketinggian empangan, parit atau terowong paip tidak dibina dan dipasang di bawah empangan untuk mengalirkan air melalui empangan serta asas yang tidak kukuh menyebab ianya runtuh.
  - ii. *Bottom Draining Out* dilakukan. Bagaimanapun, penerobosan air masin masih juga berlaku contohnya pada 22 hingga 24 Ogos 2001 dan 24 Jun 2004. *Low Tide Total Flush Out And Partial Flood In* ke paras 7.5 meter (LSD-0.5 meter) yang diperkenalkan pada tahun 2001 oleh perunding LAK juga kurang berkesan.
  - iii. Pembinaan *submersible weir* menyeberangi Sungai Sarawak Kiri di hilir muka sauk Batu Kitang dengan kos RM11.36 juta pada awal tahun 2005 oleh LAK adalah untuk menghalang penerobosan air masin dari hilir sampai ke muka sauk dan sebagai *in-stream storage* semasa aliran terlalu rendah. Bagaimanapun, penerobosan (*crest overtopping*) berlaku di *submersible weir* apabila operasi *flooding in* dilakukan pada paras melebihi 9.5 meter di *Kuching Barrage Datum* atau 1.5 meter (LSD). *Submersible weir* yang dibina oleh LAK adalah seperti **Gambar 10.3.**

**Gambar 10.3**  
***Submersible Weir***



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lembaga Air Kuching, Batu Kitang

Tarikh: 10 Jun 2010

- iv. Menutup pintu bendungan semasa musim kemarau, penangguhan sementara operasi menaikkan paras air, mengurangkan jadual untuk *flooding in* semasa musim kemarau dan menghentikan semua *flooding in* yang tidak dijadualkan.
  - v. Sistem pemantauan air masin dipasang di lokasi strategik sepanjang Sungai Sarawak.
- d. Mengikut laporan LSS, kesan daripada operasi tersebut adalah seperti berikut:
- i. Kekerapan pembuangan air keluar (*bottom draining out*) menyebabkan komponen bendungan mengalami *wear and tear* yang berlebihan. Contohnya, penggantian 10 unit *encoders* untuk memastikan kedua-dua pintu silinder hidraulik bergerak sama rata pada tahun 2002 melibatkan kos sejumlah RM98,700.
  - ii. *Shiplock* terpaksa ditutup, aktiviti perkapalan dan navigasi dihentikan.
  - iii. Pada masa paras 7.5 meter dan ke bawah, semua kapal kargo persisiran tidak dapat masuk dan keluar untuk memuatkan/memunggah kargo.
  - iv. Semasa musim kemarau, *flooding in* ditangguhkan bagi mengelak penerobosan air masin. Oleh yang demikian, *flushing* parit dan anak sungai sepanjang Sungai Sarawak tidak dapat dilakukan dan ini menyebabkan air sungai berbau busuk.

**Pada pendapat Audit, kualiti air Kelas IIB NWQSM akan tercapai sekiranya sistem pembetungan bersepadau disediakan, pemindahan penduduk sepanjang Sungai Sarawak dilakukan dan semua industri serta aktiviti perkapalan ditempatkan semula ke hilir sungai.**

### 10.4.3. Kesan Bendungan Terhadap Alam Sekitar


Antara objektif pembinaan bendungan dan *shiplock* adalah untuk mengurangkan mendapan sungai dan kesan pasang perbani di Bandaraya Kuching.

#### 10.4.3.1. Pemendapan Di Tambak Bako Dan Pending

Mengikut laporan akhir *Executive Summary Environmental Impact Assessment Volume I*, SRSS oleh JKR pada tahun 1994, pembinaan 2 *rock fill dam* menyeberangi Sungai Santubong di Jalan Bako dan menyeberangi Sungai Sarawak di Jalan Keruing telah mengubah aliran Sungai Sarawak melalui terusan di kawasan Isthmus Pending. Menurut perunding, ini memberi kesan seperti berikut:

- Terjadi 3 kawasan *backwater* berhampiran kedua-dua tambak yang dibina iaitu 2 kawasan air tawar di hulu dan satu kawasan air masin di hilir sungai seperti di **Peta 10.1**.

**Peta 10.1**  
Kawasan Backwater Di Tambak Bako Dan Pending



Sumber: Jabatan Laut Sarawak Tahun 2008

- Aktiviti mengawal paras air telah mengakibatkan penurunan halaju arus air dan menukar aliran air ke satu arah dari hulu bendungan. Perubahan halaju air sungai menjadi semakin perlahan, mengurangkan kekeruhan air sungai dan penambahan kelodak secara beransur-ansur di hilir tambak menyebab berlakunya pemendapan.

- i. LSS telah membuat perbandingan antara hasil pengukuran hidrografi yang dilakukan pada tahun 1997 dan 1999. Adalah didapati kelodak telah berlaku di sekitar kawasan yang disekat di bahagian hulu pertemuan di antara Sungai Sarawak dan Sungai Kuap. Pemendapan juga berlaku di Lembaga Pelabuhan Kuching antara 1.5 meter hingga 2.0 meter, lebih jauh di hulu bendungan antara 0.8 meter hingga 1.2 meter serta di kawasan lebih jauh di hilir sungai ke arah Sejingkat.
- ii. Maklumat hidrografi di Carta Nautika yang dikeluarkan oleh JLS pada Jun 2008 menunjukkan pemendapan antara 0.5 meter hingga 2.6 meter telah berlaku di kawasan berhampiran dengan Tambak Bako, Sungai Santubong. Pemendapan antara 0.5 meter hingga 2 meter di Tambak Pending dari *Turnabout Reach* hingga ke *Cameron Point* manakala di sebelah kawasan Biawak, pemendapan adalah antara 0.5 meter hingga 2.2 meter. LSS mengesahkan bahawa kerja pengorekan bagi tujuan mengatasi masalah banjir dan navigasi tidak pernah dilaksanakan. Pihak LSS memaklumkan akan mengambil tindakan terhadap isu pemendapan yang dibangkitkan oleh pihak Audit.
- iii. Lawatan Audit ke tapak Tambak Bako pada bulan Oktober 2010 mendapati kawasan Sungai Sarawak menjadi cetek seperti **Gambar 10.4** dan **Gambar 10.5**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tambak Bako  
Tarikh: 6 Oktober 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tambak Bako  
Tarikh: 6 Oktober 2010

#### 10.4.3.2. Pemendapan Di Sungai Santubong

Pembinaan tambak di Jalan Bako telah menutup Sungai Santubong. Menurut laporan akhir *Executive Summary Environmental Impact Assessment Volume I* yang disediakan oleh JKR pada tahun 1994, ini dilakukan untuk mengurangkan pemendapan kelodakan lumpur di Pantai Santubong dan Pantai Damai. Penutupan anak sungai ini akan mengakibatkan:

- a. Bahagian hulu sungai mengalami kekurangan perubahan pengaliran air pasang surut sekurang-kurangnya 30 kali ganda.
- b. Aliran melalui terusan utama Sungai Sarawak akan meningkat semasa musim hujan.
- c. Laluan kapal terutamanya kapal nelayan yang berpusat di Kuching terhalang.

Lawatan Audit pada bulan November 2010 mendapati berlaku pemendapan pasir di Pantai Santubong seperti **Gambar 10.6**.

**Gambar 10.6**  
**Pemendapan Pasir Di Pantai Santubong**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pantai Santubong

Tarikh: 19 November 2010

**Pada pendapat Audit, kajian impak perlu dijalankan untuk menilai kesan pemendapan terhadap kehidupan komuniti setempat dan fauna serta flora supaya tindakan pemulihan dapat diambil dengan segera.**

#### **10.4.3.3. Water Seepage Di Tambak Bako Dan Pending**

Pada awal September 2001, Kementerian telah menetapkan aktiviti pemantauan Tambak Bako dan Pending diagihkan antara JKR, Sara Road Maintenance Sdn. Bhd. dan LSS. Mengikut Kementerian, tanggungjawab LSS adalah untuk menjalankan survei pemeruman (*sounding survey*) setiap tahun untuk menentukan profil kestabilan *berms* di hulu dan hilir sungai.

- a. Semakan Audit mendapati LSS tidak menjalankan survei pemeruman setiap tahun seperti yang ditetapkan oleh Kementerian pada tahun 2001. Pihak LSS memaklumkan, survei pemeruman yang dimaksudkan oleh Kementerian hanyalah melibat alur laluan kapal satu kilometer di hulu dan hilir bendungan, tidak termasuk kawasan di kedua-dua tambak. Kerja pemeruman melibat alur laluan kapal satu kilometer di hulu dan hilir bendungan yang terkini telah ditawarkan kepada Jabatan Laut Sarawak. Kerja ini akan dijalankan secara percuma dalam masa terdekat. Kementerian bersetuju JKR akan membuat pemantauan sewajarnya berkaitan gelinciran tebing tambak.

- b. Pemeriksaan fizikal oleh LSS terhadap Tambak Bako dan Tambak Pending pada akhir tahun 2000 mendapati berlaku *water seepage* pada paras antara bawah 3 meter LSD dan atas satu meter LSD terutama di Tambak Pending. Pada akhir tahun 2001, LSS telah melantik Jabatan Laut Sarawak untuk menjalankan kerja pengukuran hidrografi dengan kos RM94,700. Ini bagi menentukan profil hulu dan hilir Sungai Sarawak termasuk bahagian hilir Tambak Bako dan Pending. Pada Julai 2004, LSS melaporkan sebahagian dari asas untuk landasan penghadang keselamatan Tambak Pending telah condong disebabkan gelinciran tebing tambak. Lawatan Audit pada bulan April 2011 mendapati asas untuk landasan penghadang keselamatan Tambak Pending menunjukkan tanda penurunan dan gelinciran tebing tambak seperti **Gambar 10.7** dan **Gambar 10.8**.

**Gambar 10.7**  
Penghadang Keselamatan Condong



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tambak Pending  
Tarikh: 15 April 2011

**Gambar 10.8**  
Gelinciran Tebing Tambak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tambak Pending  
Tarikh: 15 April 2011

- c. Menurut pihak JKR kejadian *water seepage* memang dijangka akan berlaku dengan penggunaan tambakan timbusan batu. Bagaimanapun, kualiti *seepage* (dari pemerhatian secara visual) adalah jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan pengaliran keluar air sungai yang perlahan. Ini telah terbukti dengan adanya aliran air yang berterusan setiap hari ke hilir sungai melalui bendungan. Mengenai kegelinciran tebing tambak yang telah dilaporkan oleh LSS pada Tambak Pending, cerun yang mengalami kegagalan telahpun dibaiki pada tahun 2006. Kegagalan tersebut telah menyebabkan sebahagian daripada landasan penghadang keselamatan telah teranjak. Kerja pembaikan tersebut hanya melibatkan bahagian cerun yang menghadapi bahaya kegelinciran lanjutan. Kerja pembaikan tidak melibatkan bahagian yang hanya bergerak sedikit dan dijangka akan kembali stabil apabila bahagian kritis telah diperbaiki. Oleh demikian, jajaran penghadang keselamatan masih kelihatan bengkok sedikit selepas kerja pembaikan selesai. Lokasi pembaikan adalah berdekatan dengan *isthmus* pada bahagian hulu sungai. Semenjak kerja pembaikan siap pada tahun 2006, cerun berkenaan telah kembali stabil dan tidak lagi menunjuk sebarang kegagalan. Bagaimanapun, penemuan Audit seperti **Gambar 10.7** dan **Gambar 10.8** adalah kegagalan yang baru dikesan. JKR sedang memantau

cerun berkenaan dan merancang untuk memperbaiki kegagalan tersebut. Kegagalan ini hanya melibatkan satu bahagian kecil tebing sepanjang kira-kira 15 meter yang melibatkan bahu jalan. Ini tidak memberi sebarang kesan kepada pejalan kaki. Pihak JKR memaklumkan Tambak Pending masih lagi selamat untuk kegunaan orang ramai.

**Pada pendapat Audit, kerja pemantauan hendaklah dilakukan bagi memastikan kadar water seepage tidak melebihi had dibenarkan dan menentukan sebab berlakunya gelinciran tebing tambak.**

#### **10.4.3.4. Lubang Kaut (*Scouring*) Di Kawasan Bendungan**

- a. Dasar sungai di sekitar struktur bendungan dilindungi dengan timbusan batu dengan mengambilkira bendungan beroperasi mengikut Manual Operasi dan penyenggaraan yang ditetapkan. Hasil pengukuran hidrografi yang dilakukan oleh Unit Hidrografik, JLS di perairan bendungan ke Jambatan Satok pada tahun 1999 mendapati berlaku kaut sedalam 0.3 meter di lingkungan 50 meter dalam kawasan hulu bendungan, sedalam 0.2 hingga 0.4 meter di lingkungan 50 meter dalam kawasan hilir bendungan dan sedalam 2.0 hingga 4.0 meter di pintu bendungan di sebelah hilir. Kerja membaik pulih bernilai RM10.2 juta telah dilakukan pada tahun 2003 oleh JKR. Bagaimanapun, hasil pengukuran hidrografi JLS pada akhir tahun 2009 mendapati kaut telah berlaku lagi di hulu bendungan dengan kedalaman sehingga 16.7 meter dan di hilir bendungan dengan kedalaman mencecah 20.7 meter. Kerja membaik pulih belum dijalankan setakat akhir tahun 2010.
- b. Mengikut *design brief* yang disediakan oleh perunding pada akhir tahun 2003, dasar sungai terhakis dan terdapat lubang kaut di hulu serta hilir bendungan adalah disebabkan reka bentuk asal bendungan mengandaikan berlaku perbezaan paras air antara di dalam dan luar struktur bendungan. Kederasan arus sungai semasa proses *flushing out* serta *flooding in* dan kekerapan ianya dilakukan menyebab terhasilnya *hydraulic jump* dan pergerakan air yang deras serta tidak setara.
- c. Semakan Audit mendapati pada awal tahun 2006, operator bendungan melaporkan Bangunan Utara bendungan masih menurun. Ini boleh menyebabkan kabel elektrik utama membengkok dengan berlebihan dan boleh menghasilkan letupan. Parit di sekeliling bangunan tersebut telah rosak. Ini boleh menyebabkan parit tersumbat dan air melimpah ke dalam bilik *Main Switchboard* serta *Gear Switch*. Lawatan Audit pada bulan April 2011 ke Bangunan Utara bendungan yang terletak 32 meter dari bendungan mendapati berlaku keretakan di tepi parit bangunan dan terdapat *sinkholes* di antara *Sheet Pile* dan lorong jalan kaki. Keretakan di parit bangunan dan *sinkholes* adalah seperti **Gambar 10.9** hingga **Gambar 10.12**.

**Gambar 10.9**  
Keretakan Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Utara Bendungan  
Tarikh: 14 April 2011

**Gambar 10.10**  
Keretakan Parit



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Utara Bendungan  
Tarikh: 14 April 2011

**Gambar 10.11**  
*Sinkholes Di Antara Sheet Pile*  
Dan Lorong Jalan Kaki



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Utara Bendungan  
Tarikh: 14 April 2011

**Gambar 10.12**  
*Sinkholes Di Antara Sheet Pile*  
Dan Lorong Jalan Kaki



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Utara Bendungan  
Tarikh: 14 April 2011

- d. Pihak LSS memaklumkan, pemantauan kali terakhir oleh *United Survey Consultant* dalam bidang *cadastral, engineering, topographical and mining surveys* adalah pada 13 Ogos 2008. Hasil survei pada 27 September 2004 hingga 13 Ogos 2008 mendapati 4 sudut bangunan di bendungan telah mengalami pemendapan antara 0.0216 meter hingga 0.03586 meter dalam tempoh 3 tahun 10 bulan. Mengikut laporan pengauditan fizikal bendungan oleh *KTA Consultant* pada tahun 2007, keretakan di Bangunan Utara yang berdekatan parit perimeter akan dibaikpulih. Keretakan ini adalah akibat pemendapan yang biasa (*soil consolidation*) disebabkan parit ini berada di kawasan luar daripada sistem cerucuk bangunan utama. Bagaimanapun, LSS akan terus membuat penyenggaraan yang sesuai selaras dengan teguran pihak Audit.

**Pada pendapat Audit, LSS hendaklah memantau dari semasa ke semasa kestabilan struktur di persekitaran bendungan dan *shiplock*. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil bagi mengelak kesan buruk daripada fenomena ini.**

#### **10.4.4. Kesan Bendungan Terhadap Aktiviti Perkapalan**

Mengikut laporan akhir *Executive Summary Environmental Impact Assessment Volume 1*, SRSS oleh JKR pada April 1994, bendungan dibina dengan andaian semua industri dan aktiviti perkapalan akan ditempatkan semula ke hilir bendungan bagi mengatasi masalah navigasi melalui *shiplock*.

##### **10.4.4.1. Operasi Perkapalan Terbatas**

LSS melaporkan terdapat 15 syarikat perkapalan mengendali 25 kapal kargo persisiran berulang-alik dan 5 limbungan beroperasi di hulu bendungan. Aktiviti yang terlibat adalah kargo am, pendaratan ikan oleh industri perikanan, balak, bahan binaan, pembaikan serta pembinaan kapal, penumpang serta *leisure* dan pentadbiran seperti Lembaga Pelabuhan Kuching, Polis Marin, Jabatan Kastam Dan Eksais, Jabatan Perikanan Laut dan JLS.

- Mengikut rekod LSS, kekerapan kapal, tongkang dan bot melalui *shiplock* telah berkurangan sebanyak 11,867 atau 42.7% iaitu daripada 27,814 kali pada tahun 1998 kepada 15,947 kali pada tahun 2010. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010, jumlah kekerapan kapal, tongkang dan bot melalui *shiplock* adalah 86,871 kali atau purata 17,374 kali setahun. Statistik mengenai kekerapan kapal, tongkang dan bot melalui *shiplock* adalah seperti di **Jadual 10.7**.

**Jadual 10.7**

**Statistik Kekerapan Kapal, Tongkang Dan Bot Melalui *Shiplock* Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Tahun	Kargo	Bot Tunda	Tongkang	Bot Ikan	Sampan	Bot Penumpang	Kapal Kerajaan	Lain-lain	Jumlah
2010	1,868	2,723	1,027	7,847	1,792	11	406	273	15,947
2009	2,266	2,720	1,021	8,414	1,812	11	606	330	17,180
2008	2,762	2,078	720	8,842	1,838	7	594	187	17,028
2007	3,203	2,335	821	8,704	2,310	4	622	251	18,250
2006	3,509	2,073	734	9,131	2,061	1	664	293	18,466
<b>Jumlah</b>	<b>13,608</b>	<b>11,929</b>	<b>4,323</b>	<b>42,938</b>	<b>9,813</b>	<b>34</b>	<b>2,892</b>	<b>1,334</b>	<b>86,871</b>
1998	6,454	3,366	980	8,890	3,744	1,350	422	2,608	27,814

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

- Menurut LSS, semasa musim kemarau yang panjang, pintu bendungan ditutup untuk menghalang kemasukan air masin. Air sungai dikawal pada paras 7.5 meter dan semasa keadaan genting, paras air diturunkan pada 6 hingga 7 meter. Ini menyebabkan kapal tersadai atau terbalik dan operasi perkapalan serta limbungan dihentikan. Semasa musim banjir, pintu bendungan dibuka sepenuhnya untuk mengeluarkan air secara maksima. Dalam keadaan ini kapal tidak dapat melalui *shiplock* kerana arus sangat deras. Penggunaan terminal atau dermaga swasta untuk pendaratan semasa musim kemarau atau tengkujuh melibatkan kos tambahan antara RM100 hingga RM3,000 sehari.

#### **10.4.4.2. Pergerakan Trafik Sungai Tidak Lancar**

Mengikut *The Sarawak Rivers (Sungai Sarawak Barrage) Regulations* (Bahagian III, Seksyen 10), semua kapal yang memasuki dan keluar melalui *shiplock* hendaklah bergerak dengan kelajuan tidak lebih daripada 0.4 knot (0.2 meter sesaat). Implikasinya kapal terpaksa menunggu giliran untuk memasuki kawasan hulu bendungan. Jumlah masa yang diperlukan untuk sesebuah kapal memasuki dan keluar daripada *shiplock* adalah selama 41 minit dengan kelajuan purata 5 knots. Bagi mengurangkan masa menunggu, *shiplock* perlu beroperasi 24 jam sehari. Bagaimanapun, reka bentuk pintu *shiplock* hanya membenarkan ia beroperasi pada perbezaan ketinggian paras air yang tidak melebihi 1.5 meter. Ini menyebabkan kapal/bot yang berurusannya terpaksa menunggu waktu perbezaan air yang tinggi untuk membolehkan pintu *shiplock* diaktifkan dan kapal/bot boleh melaluinya. Pihak LSS memaklumkan, tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- a. Projek Pembetungan Bersepadu (Pakej 1) sedang dalam proses pembinaan
- b. Industri perikanan akan dipindahkan ke Samarahan di bawah perancangan pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
- c. Tempat persinggahan bot ekspres telah dipindah ke hilir bendungan
- d. Operasi pentadbiran Kerajaan seperti Lembaga Pelabuhan Kuching, Polis Marin, Jabatan Laut Sarawak dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia juga telah atau akan dipindah ke hilir bendungan
- e. Jabatan Tanah Dan Survei dan LSS sedang dalam proses mengenal pasti dermaga yang tidak diluluskan untuk diroboh mengikut keutamaan
- f. Pemindahan penduduk dan pasar basah dengan pelaksanaan projek tebingan sungai

**Pada pendapat Audit, pemindahan aktiviti perkapalan ke hilir bendungan hendaklah dipertimbangkan dengan segera bagi memastikan objektif pembinaan Bendungan Sungai Sarawak tercapai.**

#### **10.4.5. Operasi Dan Pengurusan Bendungan Sungai Sarawak**

Operasi serta pengurusan bendungan dan *shiplock* hendaklah mengikut manual prosedur yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk mengurangkan kerosakan serta kemalangan dan memastikan komponen sistem mencapai jangka hayat yang disyorkan.

##### **10.4.5.1. Operasi Pintu Air Bendungan Melebihi Had Ditetapkan**

- a. Pintu air bendungan direka untuk beroperasi dengan kekerapan maksima 14 kali setahun. Saiz silinder hidraulik, 2 untuk setiap pintu air direka untuk beroperasi dalam keadaan maksimum yang ditentukan tidak melebihi *working pressure of 220 bar* dan kederasan aliran 6 meter sesaat. Semakan Audit mendapati pintu air bendungan beroperasi melebihi had yang ditetapkan iaitu melebihi 120 kali setahun untuk tujuan

pembuangan air tercemar dari hulu Sungai Sarawak, mengawal banjir dan penerobosan air masin semasa musim kemarau. Pada tahun 2010, purata kekerapan pintu bendungan beroperasi sebenarnya ialah 308 kali. Ini adalah disebabkan pada musim kemarau, parit dan anak sungai perlu *flush* semula 2 kali seminggu untuk deruan keluar kelodak dan menyegarkan semula sistem sungai. Pada musim panas, pintu air dibuka 2 kali sehari untuk mengalirkan air masin dari muka sauk LAK. Pada musim hujan, semua pintu air dibuka 2 kali untuk mengawal banjir. Kekerapan pintu air bendungan beroperasi untuk *flooding in* dan *flushing out* adalah seperti di **Jadual 10.8.**

**Jadual 10.8**  
**Kekerapan Operasi Pintu**  
**Air Bendungan Dari Tahun 2006 Hingga 2010**

Tahun	Operasi Pintu Bendungan (Untuk <i>Flooding In</i> Dan <i>Flushing Out</i> ) (Kali)					Jumlah	
	No. Pintu Air						
	1	2	3	4	5		
2006	254	285	285	285	47	1,156	
2007	284	358	358	354	100	1,454	
2008	335	334	339	339	36	1,383	
2009	340	340	325	334	22	1,361	
2010	367	367	367	337	100	1,538	
<b>Jumlah</b>	<b>1,580</b>	<b>1,684</b>	<b>1,674</b>	<b>1,649</b>	<b>305</b>	<b>6,892</b>	

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

b. Operasi yang berlebihan menyebabkan:

- i. Tahap *wear and tear* tinggi dan kos penyenggaraan meningkat. Bagi tempoh 2006 hingga 2010 kos perolehan alat ganti adalah sejumlah RM2.06 juta.
- ii. Batu yang melindungi dasar sungai dibawa arus.
- iii. Trafik sungai dihentikan kerana kelajuan arus boleh mencecah 4 meter sesaat dan berbahaya untuk kapal bergerak.
- iv. Mengikut kajian UNIMAS yang dijalankan dalam tahun 2007, menutup dan mengalirkan aliran sungai juga melibatkan paras *Total Suspended Solids* (*TSS*) semakin meningkat.

#### **10.4.5.2. Operasi *Shiplock* Melebihi Had Kekerapan Disyorkan**

Operasi *shiplock* bergantung kepada jenis dan kekerapan kapal, tongkang atau bot melaluinya dan paras air di hulu serta hilir bendungan. Kekerapan *shiplock* beroperasi yang disyorkan oleh perunding ialah 6 hingga 8 kali sehari. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010, *shiplock* telah beroperasi melebihi had yang disyorkan iaitu purata 4,676 setahun atau 13 kali sehari. Ini adalah disebabkan keperluan sosial seperti aktiviti perkапalan yang masih aktif di hulu bendungan. Operasi *shiplock* yang melebihi had yang disyorkan menyebab berlaku *wear and tear* yang teruk kepada komponen aktif seperti silinder hidraulik, *gate seal* dan instalasi berkaitan dengannya.

Kekerapan *shiplock* beroperasi untuk tujuan *flooding in* serta *flushing out* dan navigasi bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 10.9**.

**Jadual 10.9**  
**Kekerapan Shiplock Beroperasi Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Tahun	Kekerapan Shiplock Beroperasi		
	Untuk Flooding In Dan Flushing Out	Untuk Navigasi	Jumlah
2006	4	5,162	5,166
2007	11	4,792	4,803
2008	6	4,519	4,525
2009	9	4,569	4,578
2010	6	4,304	4,310
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>	<b>23,346</b>	<b>23,382</b>

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

10.4.5.3. Pihak LSS bersetuju dengan penemuan pihak Audit bahawa dengan kekerapan operasi pembukaan dan penutupan pintu bendungan dan *shiplock* yang dialami sekarang mengakibatkan kos dan *wear and tear* akan terus meningkat. Penggunaan manual prosedur operasi yang ditetapkan hanya boleh dipraktikkan sekiranya andaian-andaan dalam pembangunan bendungan asal ini dilaksanakan.

**Pada pendapat Audit, beban operasi ini menyebabkan tahap *wear and tear* dan kos penyenggaraan tahunan tinggi.**

#### **10.4.6. Penyenggaraan Bendungan Dan *Shiplock* Kurang Memuaskan**

Kerja penyenggaraan hendaklah dilakukan mengikut kaedah, jadual dan prosedur yang ditetapkan dan pemantauan terhadap kontraktor yang dilantik juga perlu dijalankan bagi memastikan kelancaran operasi bendungan dan *shiplock*.

##### **10.4.6.1. Kerja Penyenggaraan Tidak Mengikut Jadual Ditetapkan**

Semakan Audit mendapati LSS telah menyediakan jadual penyenggaraan bagi komponen utama iaitu silinder hidraulik untuk pintu bendungan dan *shiplock*. Bagaimanapun, kerja penyenggaraan komponen tersebut tidak dilakukan mengikut Jadual Penukaran Silinder Hidraulik Untuk Pintu Bendungan Dan *Shiplock* yang disediakan. Ini adalah disebabkan LSS memberi keutamaan kepada pintu bendungan yang lebih kritikal untuk dibaiki.

- a. Pihak LSS memaklumkan jadual cadangan penyenggaraan silinder hidraulik yang diikuti pada masa ini adalah berdasarkan penggunaan optimum setelah pemerhatian, penyeliaan dalam perkara berikut:
  - i. Bunyi yang dikesan oleh operator dan Pegawai Khas semasa operasi pembukaan serta penutupan pintu bendungan ataupun pintu *shiplock*
  - ii. Tanda kesan kebocoran minyak hidraulik oleh operator dan Pegawai Khas
  - iii. Kesan gegaran pada silinder semasa operasi oleh operator dan Pegawai Khas

- iv. Mengoptimumkan bilangan 18 unit melalui penggunaan 14 yang terbaik pada satu ketika dan menyimpan stok 4 unit (2 pasang).
- b. Kerja penyenggaraan dirancang dan yang sebenar dilakukan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 10.10**.

**Jadual 10.10**

**Kerja Penyenggaraan Dirancang Dan Sebenar Dilakukan Bagi Tempoh Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Jenis Penyenggaraan	Tahun Dirancang	Penyenggaraan Sebenar
1.	Mengganti Silinder Hidraulik Pintu Bendungan No. 5	2006	Ditangguhkan kerana Pintu Bendungan No.1 hingga No.4 lebih kritikal.
2.	Mengganti Silinder Hidraulik Pintu Bendungan No. 1	2006	Selesai dijalankan pada Julai 2007 dengan kos RM124,705
3.	Mengganti Silinder Hidraulik Pintu Bendungan No. 2	2007	Selesai dijalankan pada Oktober 2008 dengan kos RM139,100
4.	Mengganti Silinder Hidraulik Pintu Bendungan No. 3	2008	Selesai dijalankan pada September 2009 dengan kos RM127,099
5.	Mengganti Silinder Hidraulik Pintu Bendungan No. 4	2009	Selesai dijalankan pada September 2010 dengan kos RM131,446

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

- c. Kos kerja mengganti silinder hidraulik untuk pintu bendungan nombor 1 hingga 4 adalah sejumlah RM0.52 juta. Kesan penangguhan kerja penyenggaraan ini boleh menyebabkan berlaku kerosakan yang lebih teruk, kos meningkat serta kegagalan silinder hidraulik untuk berfungsi dengan baik dan memendekkan jangka hayat silinder tersebut.
- d. Semakan Audit seterusnya mendapati kos membaik pulih silinder hidraulik bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah sejumlah RM10.11 juta. Kerja menambah baik silinder ini melibatkan kos yang tinggi kerana terpaksa dihantar kepada pembuat asal di Jerman untuk dibaikpulih. Kos kerja menambahbaik silinder hidraulik adalah seperti di **Jadual 10.11**.

**Jadual 10.11**  
**Kos Penambahbaikan Silinder Hidraulik Bagi Tahun 2006 Hingga 2009**

Bil.	Jenis Kerja	Tahun	Kos (RM Juta)
1.	Menambahbaik Silinder Hidraulik Pintu Bendungan No. 5	2006	2.50
2.	Menambahbaik Silinder Hidraulik Pintu Bendungan No. 1	2007	2.44
3.	Menambahbaik Silinder Hidraulik Pintu Bendungan No. 2	2008	2.65
4.	Menambahbaik Silinder Hidraulik Pintu Bendungan No. 3	2009	2.52
<b>Jumlah</b>			<b>10.11</b>

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

Pada pendapat Audit, LSS hendaklah menyediakan jadual penyenggaraan rutin mengikut keutamaan berdasarkan hasil pemeriksaan terhadap keupayaan bendungan dan *shiplock* yang telah dijalankan.

#### **10.4.6.2. Pengurusan Kontrak Kurang Memuaskan**

Dokumen perjanjian kontrak hendaklah disediakan bagi memastikan kepentingan Kerajaan dijaga.

### a. Perjanjian Kontrak Tidak Disediakan

Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010, LSS telah melaksanakan 23 kerja penyenggaraan berjumlah RM21.48 juta. Daripada 23 kerja tersebut, sebanyak 17 kerja mempunyai nilai perolehan melebihi RM50,000 dan perlu dipelawa secara tender dan 6 kerja mempunyai nilai perolehan kurang daripada RM50,000. Daripada 17 kerja bernilai RM21.28 juta tersebut, sebanyak 8 kerja bernilai RM5.86 juta yang telah dilaksanakan dari tahun 2006 hingga Ogos 2008 tidak mempunyai perjanjian kontrak yang rasmi. Dengan demikian, skop kerja dan butiran spesifikasi serta kepentingan Kerajaan dalam perolehan tersebut tidak dapat ditentukan. Semua kerja tersebut dilaksanakan berdasarkan kepada Surat Setuju Terima yang dikeluarkan. Bagaimanapun, untuk 9 kerja bernilai RM15.42 juta yang dilaksanakan dari September 2008 hingga Julai 2010 perjanjian kontrak secara rasmi telah dimeterai. Kelulusan pengecualian daripada prosedur tender telah diperolehi daripada Setiausaha Kewangan Negeri dalam tempoh tahun 2006 hingga 2007. Kerja penyenggaraan yang tidak mempunyai perjanjian kontrak adalah seperti di **Jadual 10.12.**

**Jadual 10.12**  
**Kerja Penyenggaraan Tidak Mempunyai Perjanjian Kontrak**

Bil.	Jenis Penyenggaraan	Surat Setuju Terima		Kelulusan Pengecualian Tender		Kos (RM)
		Rujukan	Tarikh	Rujukan	Tarikh	
1.	Replacement of one pair of Hydraulic Cylinders for Barrage Gate No. 1	LSS/HQ/KEW/18/4 Jld. 5 (36)	14.12.2006	C/SFS/600/11/T (Vol.2)/(4)	14.11.2006	124,705
2.	To provide service of reconditioning one pair (2 units) of shiplock gate and Barrage Gate 5 Hydraulic Cylinders including fittings with warranty	LSS/HQ/PENT/18/4 Jld.5(53)	08.01.2007	C/SFS/600/12/(4)	29.12.2006	2,496,998
3.	For Inspection, Functional Test & Evaluation of Barrage & Shiplock Programmable Logic Control System	LSS/HQ/KEW/18/4 Jld.5(67)	19.01.2007	C/SFS/600/11/T (Vol.3)/(7)	08.01.2007	297,500
4.	To provide service of reconditioning one pair (2 units) of used Barrage Gate No. 1 Hydraulic Cylinders including fittings with 24 months warranty for replacement on Barrage Gate No.2 Hydraulic Cylinders	LSS/HQ/18/4 Jld.6(30)	13.08.2007	C/SFS/600/12/T (Vol.3)(3)	24.07.2007	2,439,980
5.	Remote rainfall & Water Level Telemetry in Kampung Segumbang, Padawan	LSS/HQ/18/4 Jld.6(39)	23.10.2007	C/SFS/600/12/T (Vol.1)(4)	11.10.2007	171,500
6.	For Inspection, Functional Test & Evaluation of Barrage & Shiplock Mechanical & Electrical Auditing	LSS/HQ/KEW/18/4 Jld.5(65)	19.01.2007	C/SFS/600/11/T (Vol.3)(7)	08.01.2007	62,900
7.	To undertake condition auditing of the entire accessible structure	LSS/HQ/KEW/18/4 Jld.5(66)	19.01.2007	C/SFS/600/11/T (Vol.3)(7)	08.01.2007	88,740
8.	Supply and Delivery of Maintenance Free Batteries For Sarawak Rivers Board	LSS/HQ/18/4 6(22)	Jld. 13.06.2007	No. Tender LSS/HQ/BS/T/ 02/2007	25.05.2007	182,460
Jumlah						5,864,783

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

- i. Pihak LSS memaklumkan, tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan kontrak telah dibuat oleh LSS dengan menyediakan *Articles of Agreement* untuk setiap kerja kontrak yang dilaksanakan selepas Ogos 2008 bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Pihak LSS bersetuju dengan teguran Audit dan akan

mengambil tindakan sewajarnya terhadap ketidakpatuhan peraturan kewangan dalam proses perolehan tahun 2006 hingga 2007 terdahulu.

**b. Tiada Kesinambungan Kontrak**

Semakan Audit mendapati tiada kesinambungan dalam tempoh kontrak penyenggaraan bendungan. Kerja pengurusan serta operasi bendungan dan *shiplock* sejumlah RM2.10 juta, iaitu bagi Disember 2004 (RM281,250) dan dari Januari hingga Jun 2010 (RM1.81 juta). Pengecualian daripada prosedur tender tidak dimohon oleh LSS daripada SKN untuk pembayaran tersebut. Pihak LSS memaklumkan, perlanjutan kontrak untuk tempoh 6 bulan telah diberi kelulusan oleh Jemaah Ahli Lembaga (JAL) semasa mesyuarat yang diadakan pada 4 November 2009 dengan mengekalkan kadar fi berserta dengan terma dan syarat kontrak yang sedia ada. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pihak Kementerian dan SKN.

**c. Kerja Dilaksanakan Sebelum Perjanjian Kontrak Dimeterai**

JKR telah mengeluarkan Pesanan Perkhidmatan sejumlah RM6.37 juta untuk kerja menambahbaik dan meningkatkan keupayaan pintu *shiplock* dan pintu bendungan No.4 dan No.5 serta peralatan elektrikal berkaitan *Programmable Logic Control (PLC)* pada Februari 2009 sedangkan Surat Tawaran dan Setuju Terima serta perjanjian kontrak belum disediakan oleh LSS. Perjanjian Kontrak hanya ditandatangani pada 20 Januari 2010. Kelewatan memeterai perjanjian kontrak adalah selama 201 hari iaitu dari kerja dimulakan pada 15 Mei 2009 (tarikh penyerahan tapak) hingga 2 Disember 2009 (tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan). Ini adalah disebabkan tiada koordinasi antara LSS dan JKR. Pihak LSS memaklumkan kontraktor bertindak berdasarkan pengeluaran Pesanan Barang/Perkhidmatan bertarikh 27 Februari 2009 yang dikeluarkan oleh pihak JKR. LSS mengakui bahawa setakat tarikh tersebut, Surat Setuju Terima, perjanjian kontrak dan pelantikan perunding belum lagi lengkap. Tawaran akhir mengikut rekod LSS, setelah rundingan harga pada 26 Ogos 2008 mensyaratkan bahawa harga yang ditawarkan hanya sah sehingga 31 Disember 2008 dan pihak LSS telah mendapat kelulusan pengecualian tender daripada SKN pada 2 Disember 2008.

**d. Perunding Lewat Memantau Kerja Kontraktor**

Mengikut Mesyuarat Prestasi Fisikal LSS yang diadakan pada 17 Julai 2009, perunding yang dilantik untuk meneliti, menyedia proses kerja, verifikasi kerja menambah baik dan meningkatkan keupayaan pintu *shiplock* dan pintu bendungan No.4 dan No.5 serta peralatan elektrikal berkaitan PLC tidak memulakan kerja sejak tarikh perlantikan pada Mei 2009. Berdasarkan Laporan Pemantauan Harian LSS bertarikh 1 Disember 2009, perunding mengesahkan pihaknya tidak dimaklumkan bahawa kontraktor telah memulakan kerja sejak Jun 2009 dan tidak pernah melihat dokumen perjanjian kontrak berkenaan dan ini akan menyukarkan pihaknya untuk mengesahkan pembayaran yang akan dilakukan. Ini kerana perjanjian kontrak hanya disediakan oleh LSS dan ditandatangani oleh kontraktor pada Januari 2010.

**Pada pendapat Audit, perolehan kerja penyenggaraan dan perkhidmatan hendaklah selaras dengan peraturan kewangan semasa. Bagaimanapun, siasatan hendaklah dilakukan dan tindakan sewajarnya diambil terhadap pegawai yang terlibat terhadap ketidakpatuhan peraturan kewangan.**

#### **10.4.6.3. Pemantauan Kurang Memuaskan**

Setiap kerja yang dilaksanakan memerlukan kaedah pengawasan dan pemantauan yang rapi supaya ianya dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

- a. Pada tahun 2007, SKN telah meluluskan pelantikan 3 syarikat perunding untuk menjalankan kerja pengauditan secara menyeluruh khususnya dalam 3 aspek iaitu sistem *The Programmable Logic Control (PLC)*, mekanikal dan elektrikal (5 pintu bendungan dan 2 pintu *shiplock* dan peralatan tambahan) serta struktur bendungan dan *shiplock* dengan yuran perkhidmatan sejumlah RM0.45 juta. Hasil pengauditan oleh perunding tersebut mendapati kerja penyenggaraan oleh operator kurang memuaskan. Kekurangan pemantauan, operasi yang berlebihan dan faktor keusangan menyebabkan LSS telah menanggung kos tambahan sejumlah RM6.37 juta untuk menambahbaik serta membaik pulih kerosakan yang telah dikenal pasti tersebut. Hasil pengauditan terhadap keupayaan bendungan dan *shiplock* yang dijalankan oleh perunding adalah seperti di **Jadual 10.13**.

**Jadual 10.13**

**Hasil Pengauditan Terhadap Keupayaan Bendungan Dan *Shiplock* Dijalankan Oleh Perunding**

<b>Nama Perunding</b>	<b>Kerja Audit</b>	<b>Kos (RM)</b>	<b>Hasil Audit</b>
NEOCON International Sdn. Bhd.	<i>The Programmable Logic Control (PLC) System Auditing</i>	297,500	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peralatan di pintu bendungan dan sistem komunikasi perlu diperbaharui dan alat ganti <i>main switchboard</i> diperolehi. Anggaran kos kerja menaik taraf adalah sejumlah €3.2 juta.</li> <li>• Sistem peralatan elektrik untuk <i>Maintenance Caissons</i> seperti plag, kabel dan pam telah haus, berkarat atau rosak. Sistem <i>PLC</i>, panel operasi dan komponen <i>valve</i> tidak lagi terdapat di pasaran. Anggaran kos kerja menaik taraf adalah sejumlah €150,000.</li> </ul>
Jurutera M&E Konsult (S) Sdn. Bhd.	Audit Mekanikal Dan Elektrikal (5 Pintu Bendungan dan 2 Pintu <i>Shiplock</i> dan peralatan tambahan)	62,900	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Pelindungan Api dalam keadaan baik kecuali Sijil Jabatan Bomba Dan Penyelamat untuk 4.5 kilogram pemadam api mudah alih telah luput sejak tahun 2004.</li> <li>• <i>CO<sub>2</sub> suppression system</i> untuk bilik janakuasa, bilik <i>main switchboard</i> untuk Bangunan Utara dan Selatan tidak memenuhi syarat Jabatan Bomba Dan Penyelamat</li> <li>• <i>Zinc anodes</i> rosak.</li> <li>• Bahagian pintu <i>shiplock</i> dan bendungan yang tenggelam diliiputi oleh organisma laut.</li> </ul>
KTA (Sarawak) Sdn. Bhd.	Audit Struktur	88,740	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sambungan pembinaan untuk struktur bendungan dan <i>shiplock</i> telah rosak.</li> <li>• Tangga keluli berkarat.</li> <li>• Permukaan dinding tercalar disebabkan navigasi kapal.</li> <li>• <i>Guide-in dolphin</i> di hulu bendungan hilang atau rosak dilanggar kapal atau tongkang.</li> </ul>


Nama Perunding	Kerja Audit	Kos (RM)	Hasil Audit
			<ul style="list-style-type: none"> <li>Tanah di sekitar <i>bridge abutment</i> di utama berhampiran jalan telah mendap.</li> <li><i>Bored pile</i> terdedah.</li> <li>Bering dek jambatan di selatan <i>abutment</i> terbias.</li> <li>Bumbung di bilik kawalan Bangunan Selatan bendungan bocor, dinding plaster retak, talang dan paip air hujan rosak serta paip perkhidmatan terdedah dalam bilik janakuasa bocor dan</li> <li>Retakan dalam bilik hidraulik di Bangunan Utama bendungan. Jalan tar retak dan bangunan mendap.</li> </ul>
Jumlah		449,140	

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

- b. Tiada bukti menunjukkan pemantauan ada dilakukan terhadap kerja penyenggaraan sivil, mekanikal, elektrikal dan elektronik serta hidrologikal yang dilakukan oleh operator. Setiap bulan jurutera operator menghantar laporan mengenai kerja yang telah dilakukan oleh mereka dan disahkan oleh Ketua Jurutera operator. Bagaimanapun, tiada pengesahan dibuat oleh pihak LSS kerana Seksyen Bendungan tidak mempunyai Jurutera yang berkelayakan. Lawatan Audit pada 28 Oktober 2010 ke Bendungan Sungai Sarawak mendapati *grease* tidak disapu secara menyeluruh pada komponen yang bergerak dan *bolt* tidak dipotong yang boleh membahayakan keselamatan pekerja seperti **Gambar 10.13**. **Gambar 10.14** menunjukkan *seal* pintu *shiplock* yang bocor tidak dibaiki.

**Gambar 10.13**

Grease Tidak Disapu Secara Menyeluruh Pada Komponen Bergerak Dan Bolt Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bendungan & Shiplock, Kuching  
Tarikh: 28 Oktober 2010

**Gambar 10.14**

Seal Pintu Shiplock Bocor Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bendungan & Shiplock, Kuching  
Tarikh: 28 Oktober 2010

- c. Mengikut klausa 4.2 Perjanjian kontrak antara LSS dengan Kuching Barrage Management Sdn. Bhd., operator hendaklah menyediakan tenaga kerja dengan pengalaman dan kepakaran yang mencukupi setiap masa untuk mengendali, mengurus dan menyenggara bendungan. Tempoh perjanjian adalah dari tahun 2010 hingga 2015. Bendungan dan *shiplock* hendaklah diurus oleh sekurang kurangnya kakitangan utama seperti di **Jadual 10.14**.

**Jadual 10.14**  
**Kakitangan Utama Mengurus Bendungan Dan Shiplock**

Bil.	Kakitangan	Bilangan	Kelayakan
1.	Superintenden	1	<i>Master Mariner (Foreign Going).</i>
2.	Timbalan Superintenden	2	1 <i>Master Mariner</i> dan 1 <i>Chief Marine Engineer</i> . Diiktiraf atau Ijazah dalam Kejuruteraan Mekanikal (3000kw dan ke atas)
3.	Jurutera Elektrik	1	Dengan pengalaman
4.	<i>Hydrologist</i>	1	Sekurang-kurangnya ijazah dalam Kejuruteraan Awam dengan pengalaman dalam hidraulogi.
5.	Jurutera Awam	1	
6.	<i>Technician</i>	2	1 <i>Electrical</i> dan 1 <i>Mechanical</i>
7.	<i>Lock-Master</i> dan <i>Assistant Lock Master</i>	6	3 <i>Lock Master</i> dan 3 <i>Assistant Lock Master</i>
8.	Staf Am Pejabat	2	
9.	<i>Mooring Men</i>	16	
10.	Staf Keselamatan	2	
<b>Jumlah</b>		<b>34</b>	

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

- d. Semakan Audit terhadap laporan pemantauan ketidakhadiran pegawai kanan operator bagi tempoh bulan Julai 2008 hingga Februari 2010 oleh LSS mendapati pegawai kanan operator ini, khususnya Pengurus Besar dan Ketua Jurutera begitu kerap tidak berada di bendungan dan shiplock. Pemantauan LSS mendapati mereka menjalankan tugas di Sibu berkaitan dengan operasi *Sarawak Maritime Academy*. Bagaimanapun, tiada penalti dikenakan terhadap operator berkenaan bagi kegagalan mematuhi syarat kontrak tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati selepas bulan Februari 2010, pemantauan ini tidak lagi dilakukan. Pihak LSS memaklumkan akan memohon pihak operator untuk mengemukakan sebab ketidakhadiran kakitangan utama seperti keperluan dalam kontrak. Tindakan juga dicadangkan kepada Jemaah Ahli Lembaga untuk mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan surat tunjuk sebab tersebut. Rekod mengenai ketidakhadiran pegawai kanan operator adalah seperti di **Jadual 10.15**.

**Jadual 10.15**  
**Rekod Ketidakhadiran Pegawai Kanan Operator Bendungan Sungai Sarawak**

Bil.	Tempoh Ketidakhadiran	Pegawai Kanan Operator			
		Pengurus Besar	Ketua Jurutera	Timbalan Superintenden	Pengawas Operasi Shiplock
1.	Julai hingga Disember 2008	59 hari	32 hari	16 hari	5 hari
2.	Januari hingga Disember 2009	141 hari	27 hari	2 hari	Tiada
3.	Januari hingga Februari 2010	14 hari	Tiada	24 hari	Tiada

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

**Pada pendapat Audit, LSS hendaklah memantau kerja yang dilaksanakan oleh operator bendungan untuk memastikan syarat dan terma kontrak dipatuhi sepenuhnya.**

#### **10.4.7. Perisian MIKE 11 Flood Forecasting Sistem Telemetri Diperolehi Tetapi Tidak Digunakan**

10.4.7.1. Sistem Telemetri yang dibangunkan hendaklah disenggara supaya dapat berfungsi dengan baik. Semakan Audit mendapati daripada 24 stesen telemetri, 6 stesen telemetri di Kampung Sandong, Kampung Bengoh, Kampung Skio, Kampung Blimbim, Kampung Siburuh dan Kampung Bogag yang dibangunkan pada 1997 hanya untuk mengukur paras air sungai dan air hujan tetapi tidak dilengkapkan dengan siren. Sebanyak 18 stesen baru telah dipasang dengan *Remote Radio Communication System (RRCS)* yang dilengkap dengan ciri Sistem Amaran Awal Banjir dengan kos sejumlah RM2.80 juta pada Disember 2005. Kos penyenggaraan dan alat ganti khusus adalah sejumlah RM0.3 juta. Stesen Telemetri baru dan Stesen Telemetri Paras Air Dan Air Hujan adalah seperti di **Jadual 10.16**.

**Jadual 10.16**  
**Lokasi Stesen Telemetri LSS Tahun 2010**

Bil.	Stesen Telemetri Baru	Bil.	Stesen Telemetri Baru
1.	Kampung Pedawan	14.	Kampung Segedup
2.	Kampung Git	15.	SRB Chung Hua No.6
3.	Kampung Landeh	16.	Sungai Maong Kanan
4.	Kampung Batu Kitang	17.	<i>2<sup>nd</sup> Link Bridge</i>
5.	Kampung Siniawan	18.	Sungai Bintangor
6.	Buan Bidi	Bil.	Stesen Telemetri Paras Air Dan Air Hujan
7.	<i>Bau JKR Water Treatment Plant</i>	1.	Kampung Sandong
8.	Kampung Grogo	2.	Kampung Bengoh
9.	Batu Kawa	3.	Kampung Skio
10.	Kampung Paroh	4.	Kampung Blimbim
11.	Taman Malihah	5.	Kampung Siburuh
12.	Taman Yen Yen	6.	Kampung Bogag
13.	Jambatan Satok		

Sumber: Lembaga Sungai-sungai Sarawak

10.4.7.2. Semakan Audit seterusnya mendapati 6 sistem telemetri awal telah dilengkap dengan perisian *MIKE 11-Flood Forcasting* manakala 18 sistem telemetri baru tidak dilengkap dengan perisian tersebut. Perisian *MIKE-11* adalah untuk memproses dan menganalisis data yang dihantar oleh setiap stesen telemetri seperti bacaan hujan turun serta paras air. Ianya dapat membantu operator bendungan menentukan masa yang tepat untuk membuka dan menutup pintu bendungan dan *shiplock*. Bagaimanapun, perisian *Mike 11* tidak dapat berfungsi mulai Oktober 2003 hingga sekarang.

10.4.7.3. Mengikut laporan yang disediakan oleh vendor perisian bertarikh Februari 2004, terdapat kesilapan dalam operasi sistem yang tidak diperbetulkan sejak bertahun-tahun oleh pihak berkenaan seperti berikut:

- a. Fail yang diperlukan oleh sistem ramalan banjir *MIKE II* untuk beroperasi dengan cekap tidak dikemaskini.
- b. Data telemetri dari stesen hujan dan paras air yang disambung kepada *MIKE II*, tidak memberi data input yang tepat untuk *MIKE II* melakukan pengiraan ramalan.

- c. Sistem telemetri data luaran yang membekal data input untuk *MIKE II* tidak menukar data dengan tepat dan memasukkan data yang tidak relevan.
- d. *Windows 2000 Operating Software* yang dipasang pada tahun 2004 untuk 18 stesen telemetri baru tidak sesuai dengan perisian *MIKE II* yang telah dipasang di bendungan pada tahun 1997. Perisian *MIKE II* untuk 6 stesen telemetri awal menggunakan versi lama iaitu *DOS Version 4.0*.

10.4.7.4. Pihak LSS memaklumkan perisian *MIKE II* berfungsi berasaskan input data yang berupa *run-off* yang mana pada ketika tersebut, ciri-ciri dan profil di lembangan Sungai Sarawak berubah dengan begitu pesat disebabkan antaranya pembinaan *weir*, Empangan Bengoh dan pembukaan ladang di hulu lembangan. Satu kajian menyeluruh perlu dijalankan untuk mendapat data *run-off* yang betul bagi tujuan *MIKE II* berfungsi dan memberi maklumat yang betul. LSS telah merangka pelan menambahbaik dan meningkatkan Sistem Telemetri sedia ada kepada sistem yang lebih baik, memiliki keupayaan fungsian yang lebih tinggi dengan ciri yang berdaya tahan dari impak cuaca dan ancaman persekitaran. LSS akan menaik taraf sistem operasi *MIKE II* daripada *DOS Version 4.0* kepada versi yang sesuai selepas simulasi banjir disemak semula.

**Pada pendapat Audit, LSS hendaklah memastikan sistem telemetri dan perisian yang telah diperolehi diguna sepenuhnya bagi memudahkan ramalan banjir dibuat.**

#### **10.4.8. Penyenggaraan Stor Peralatan Kurang Memuaskan**

Sistem pengurusan stor yang cekap dan berkesan adalah perlu bagi menjamin penyenggaraan, penjagaan dan pengawalan barang Kerajaan adalah teratur.

##### **10.4.8.1. Bangunan Stor Peralatan Bendungan Dan *Shiplock* Tidak Disediakan**

Anggaran nilai stor alat ganti bendungan dan *shiplock* pada sesuatu masa adalah antara RM3.5 juta dan RM4 juta. Bendungan dan *shiplock* tidak mempunyai bangunan stor yang teratur. Masalah ini pernah dibangkitkan oleh operator pada tahun 2004. Bagaimanapun, tindakan belum diambil untuk mendapat sebuah stor yang sempurna kerana mengikut LSS, bangunan stor tidak dapat dibina di perkarangan Bangunan Operasi (Selatan) bendungan dan *shiplock* sebab wujudnya *tie rod* yang bersilang di bawah permukaan tanah di kawasan perkarangan tersebut. *Tie rod* ini merupakan instalasi yang dipasang bagi menahan dan mengukuh struktur dinding *shiplock*. Selepas teguran Audit, LSS telah mendapat kelulusan membeli kontena untuk menyimpan peralatan stor. Lawatan Audit pada 28 Oktober 2010 ke bendungan dan *shiplock* mendapati alat ganti tidak disimpan secara sempurna dalam stor seperti **Gambar 10.15**. Lawatan Audit seterusnya pada bulan November 2010 ke Bangunan Selatan dan Utara bendungan dan *shiplock* mendapati alat ganti disimpan di dalam kontena, bilik pam, pejabat Unit Stor, bangsal dan tempat lapang. Bangsal penyimpanan alat ganti bendungan dan *shiplock* adalah seperti **Gambar 10.16**. **Gambar 10.17** menunjukkan 2 silinder hidraulik yang telah dibaik pulih tetapi belum dipasang untuk mengganti 2 silinder hidraulik *shiplock* yang telah rosak

dilanggar tongkang pada November 2010. **Gambar 10.18** menunjukkan 2 silinder hidraulik untuk pintu bendungan No.4 yang telah dibuka pada September 2010 tetapi belum dihantar untuk dibaik pulih sehingga April 2011.

**Gambar 10.15**  
**Alat Ganti Tidak Disimpan  
Secara Sempurna Dalam Stor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bendungan & Shiplock, Kuching  
Tarikh: 28 Oktober 2010

**Gambar 10.16**  
**Bangsal Penyimpanan Alat Ganti**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bendungan & Shiplock, Kuching  
Tarikh: 23 November 2010

**Gambar 10.17**  
**Silinder Hidraulik Telah Dibaik pulih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bendungan & Shiplock, Kuching  
Tarikh: 23 November 2010

**Gambar 10.18**  
**Silinder Hidraulik Terpakai  
Belum Dihantar Untuk Dibaik pulih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bendungan & Shiplock, Kuching  
Tarikh: 14 April 2011

a. **Harga Alat Ganti Tidak Dapat Ditentukan**

Semakan Audit terhadap *Stores Tally Card* dan *Public Works Department Allocated Stores Record Card* mendapati harga alat ganti tidak semuanya direkodkan. Ini disebabkan salinan borang pesanan dan invois pembekal tidak diserahkan kepada Pegawai Stor serta harga tidak dicatatkan dalam dokumen serahan. Adalah sukar untuk menentu nilai stor sebenar dan pelupusan dilakukan. Bagi tahun 2009 hingga 2010, tiada perolehan alat ganti dilakukan kerana LSS melaksanakan projek

menambahbaik dan meningkat keupayaan pintu bendungan dan *shiplock* serta peralatan elektrikal dan elektronik. LSS memaklumkan ini berlaku disebabkan kaedah perolehan yang berasaskan harga *lump sum* sesuatu projek. Bil pembekal menyenaraikan alat ganti tanpa memperincikan harga seunit item berkenaan. Bagaimanapun, selepas teguran pihak Audit, LSS telah memastikan pihak pembekal mencatat harga setiap item dalam invois.

**b. Tiada Bukti Verifikasi Stok Dijalankan**

Tiada bukti menunjukkan verifikasi stok ada dijalankan oleh LSS terhadap stok alat ganti bendungan dan *shiplock*. Selepas teguran Audit, LSS telah menubuhkan Jawatankuasa Verifikasi dan verifikasi stok dilaksanakan pada April 2011.

**c. Pelupusan Peralatan Tidak Dilakukan**

Lawatan Audit pada 23 November 2010 juga mendapati tindakan pelupusan tidak diambil terhadap lebihan bahan binaan sejak tahun 1997 dan alat ganti yang tidak digunakan seperti **Gambar 10.19** dan **Gambar 10.20**. LSS memaklumkan batang paip tersebut merupakan baki daripada kerja pembinaan awal bendungan dan *shiplock* yang tidak dituntut sejak tahun 1997. Senarai peralatan yang hendak dilupuskan telah dibuat untuk kelulusan Kementerian.

**Gambar 10.19**  
Lebihan Bahan Binaan Tidak Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bendungan & Shiplock, Kuching  
Tarikh: 23 November 2010

**Gambar 10.20**  
Bateri Lama Tidak Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bendungan & Shiplock, Kuching  
Tarikh: 23 November 2010

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman LSS terhadap pengurusan stor alat ganti Bendungan Sungai Sarawak hendaklah dipertingkatkan untuk menjamin harta benda Kerajaan terpelihara.

#### 10.4.9. Pelan Peralihan Tidak Disediakan

Pengisian perjawatan serta latihan yang mencukupi merupakan faktor penting bagi menentukan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan Bendungan Sungai Sarawak. Semakan Audit mendapati Seksyen Bendungan dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap pengurusan bendungan. Seksyen ini diketuai oleh Pegawai Tadbir Gred N52

dengan kelayakan dibidang Kejuruteraan Marin dan dibantu oleh 3 kakitangan iaitu seorang Penolong Jurutera Gred J29, seorang Merinyu Laut Gred A22 dan seorang Pembantu Penguatkuasa Gred N17. Penolong Jurutera Gred J29 hanya ditempatkan di Seksyen Bendungan mulai tahun 2010. Tanggungjawab Pegawai Tadbir Gred N52 adalah untuk mengendali dan mengurus hal-ehwal SRSS (bendungan dan *shiplock*) mulai Januari 1997. Beliau telah dihantar untuk mengikuti latihan pengurusan dan operasi bendungan dan *shiplock* di luar negara pada Julai 1997. Sejak tahun 1998 hingga 2010, Kementerian tidak menghantar pegawai untuk mengikuti latihan pengurusan serta operasi bendungan dan *shiplock*. Pelan peralihan tidak disediakan bagi memastikan pegawai yang bakal mengambil alih pengurusan bendungan serta *shiplock* diberi latihan dan pendedahan yang secukupnya.

10.4.9.1. Semakan Audit seterusnya mendapati adalah sukar untuk LSS memantau dan memastikan kerja penyenggaraan dilakukan oleh operator mengikut spesifikasi kontrak tanpa penglibatan pegawai yang bertauliah. LSS juga tidak menempatkan pegawai yang berkelayakan serta mahir untuk mengendali pengurusan stor peralatan bendungan dan *shiplock*. LSS memaklumkan bahawa mereka telah mengemukakan cadangan Perancangan Sumber Manusia bagi mengatasi isu tiada kakitangan yang spesifik untuk mengendalikan tugas di bendungan dan *shiplock* sejak 2003. Keperluan tenaga teknikal di bendungan dan *shiplock* telah diambil maklum dalam Perancangan Sumber Manusia LSS yang telah dikemukakan kepada Jabatan Ketua Menteri pada tahun 2010.

**Pada pendapat Audit, walaupun kerja operasi serta penyenggaraan bendungan dan *shiplock* dikontrakkan, LSS hendaklah mempunyai sumber tenaga teknikal yang mahir untuk memantau prestasi operator bendungan.**

## **10.5. SYOR AUDIT**

Adalah disyorkan Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan, Jabatan Kerja Raya Sarawak, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar mengambil tindakan seperti berikut:

- 10.5.1. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak hendaklah melakukan simulasi menggunakan maklumat terkini seperti cuaca, bentuk topografi dan *surface run-off* bagi membolehkan sistem bendungan beroperasi dengan berkesan.
- 10.5.2. Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan pemindahan penduduk sepanjang Sungai Sarawak dan semua industri serta aktiviti perkapalan ditempatkan semula ke hilir sungai dengan segera bagi memastikan kualiti air Kelas IIB *National Water Quality Standards Malaysia* tercapai.
- 10.5.3. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar hendaklah menjalankan kajian impak untuk menilai kesan pemendapan terhadap kehidupan komuniti setempat serta fauna dan flora supaya tindakan pemulihan dapat diambil dengan segera.

10.5.4. Jabatan Kerja Raya hendaklah memantau kadar *water seepage* supaya tidak melebihi had dibenarkan. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak juga hendaklah memantau dari semasa ke semasa kestabilan struktur di persekitaran bendungan dan *shiplock* bagi mengelak kesan buruk dan berlakunya gelinciran tebing tambak.

10.5.5. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah menyediakan jadual penyenggaraan rutin mengikut keutamaan berdasarkan hasil pemeriksaan keupayaan bendungan dan *shiplock* yang telah dijalankan.

10.5.6. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah memastikan perolehan kerja penyenggaraan dan perkhidmatan mematuhi peraturan kewangan semasa. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak hendaklah menjalankan siasatan terhadap perolehan yang melanggar peraturan kewangan semasa.

10.5.7. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah memastikan perisian sistem telemetri yang telah diperolehi diguna sepenuhnya bagi memudahkan ramalan banjir dibuat.

10.5.8. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan stor alat ganti Bendungan Sungai Sarawak untuk menjamin harta benda Kerajaan terpelihara.

10.5.9. Lembaga Sungai-sungai Sarawak hendaklah mempunyai sumber tenaga teknikal yang mahir untuk memantau prestasi operator bendungan dan untuk memastikan syarat serta terma kontrak dipatuhi sepenuhnya. Tindakan sewajarnya hendaklah dilakukan berdasarkan surat tunjuk sebab ketidakhadiran pegawai utama semasa operasi bendungan dan *shiplock* seperti mana keperluan dalam kontrak.

## **JABATAN KERJA RAYA SARAWAK, LEMBAGA AIR KUCHING, LEMBAGA AIR SIBU DAN LAKU MANAGEMENT SDN. BHD.**

### **11. PENGURUSAN PENGEBILAN AIR**

#### **11.1. LATAR BELAKANG**

11.1.1. Kementerian Kemudahan Awam adalah kementerian yang bertanggungjawab berkenaan utiliti dan entiti pembekal air terdiri daripada Lembaga Air Kuching (LAK) bagi kawasan Kuching, Lembaga Air Sibu (LAS) bagi kawasan Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd. (LAKU) bagi kawasan Miri, Bintulu dan Limbang dan Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Cawangan Bekalan Air bagi kawasan lain yang tidak dibekal oleh agensi di atas yang kebanyakannya kawasan luar Bandar Sarawak.

11.1.2. Penjualan air merupakan sumber hasil utama bagi setiap entiti bekalan air. Sebagai entiti yang bertanggungjawab memastikan semua pengguna mendapat bekalan air yang bersih dan selamat serta mengikut piawaian sama ada untuk kegunaan domestik, industri dan komersial, maka pengurusan pengebilan yang sempurna dan bersistematik akan membantu entiti bekalan air meningkatkan hasil dan mengurangkan tunggakan kutipan hasil di samping mengoptimakan kos ekonomik dalam pengagihan air. Pengebilan adalah satu bahagian di mana aktiviti utamanya ialah melibatkan pengeluaran bil air, pengedarannya kepada pelanggan mengikut jadual dan mengemaskini data dan maklumat yang berkaitan dengannya.

11.1.3. Fungsi Pelaksanaan Pengurusan Pengebilan adalah seperti berikut:

11.1.3.1. Memperbaiki pengurusan entiti bekalan air negeri dengan meningkatkan produktiviti dan kecekapan melalui amalan terbaik industri.

11.1.3.2. Membantu pihak pengurusan membuat perancangan perniagaan melalui keputusan pengurusan kewangan yang lebih baik melalui pengurusan pembilan yang sistematis.

11.1.3.3. Menjana, merekod dan mengemaskini akaun bagi tujuan mengoptimakan pengutipan hasil yang lebih cekap dan pembacaan meter yang lebih efektif.

11.1.4. Di Sarawak, perkara berkenaan air dan bekalan air adalah tertakluk kepada Ordinan Air 1994 dan *The Water Supply Regulations 1995*. Kadar tarif dan caj penjualan air ditetapkan dalam *The Water Supply Regulations 1995* dan proses kerja ada disediakan dalam dokumen kualiti setiap agensi. Prosedur dan garis panduan bagi setiap aktiviti dalam urusan pembilan juga disediakan bagi memudahkan rujukan dalam menjalankan tugas sehari-hari. Bagi Lembaga Air Kuching, ia disediakan melalui manual kualiti ISO yang ditetapkan bagi setiap aktiviti, di Lembaga Air Sibu ia disediakan dalam *Integrated Management System* yang lengkap dan meliputi semua aktiviti yang dijalankan, di LAKU Miri

adalah berdasarkan manual kualiti ISO bagi setiap aktivitinya. Di JKR Kuching dan Sarikei ada disediakan proses kerja bagi setiap aktiviti pengebilannya berdasarkan ISO iaitu *Water Billing*. JKR Sarawak ada menyediakan prosedur kerja dan garis panduan dalam urusan pengebilan. Dokumen kualiti JKR-CP-WS-06 berkenaan *Water Billing* digunakan sebagai garis panduan dalam pengurusan pengebilan.

### **11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan adalah bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan pengebilan di entiti bekalan air telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **11.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Kajian ini meliputi tempoh selama 4 tahun mulai tahun 2007 sehingga tahun 2010. Pengauditan dijalankan terhadap LAK, LAS, LAKU, Cawangan Bekalan Air JKR Kuching dan JKR Sarikei. Kaedah pengauditan ialah dengan menyemak rekod, dokumen, penyata dan laporan yang dihasilkan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat ada dibuat dan lawatan tapak juga turut dijalankan bagi mendapat maklumat lanjut berhubung dengan pengurusan pengebilan air.

### **11.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan terhadap Pengurusan Pengebilan Air yang telah dijalankan antara bulan Oktober 2010 sehingga bulan Januari 2011 mendapati beberapa kelemahan dari aspek sistem pembilan, polisi penukaran meter, pemotongan bekalan air tidak dijalankan dan pengurusan aduan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

#### **11.4.1. Pencapaian Pelaksanaan Sistem Pembilan**

11.4.1.1. Sistem perkomputeran yang baik dapat membantu entiti bekalan Air memastikan pengurusan pembilan dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Semakan Audit mendapati LAK menggunakan *Consumer Information And Billing System* (CIBS), LAS menggunakan sistem *Applied Utility Manager 2010*, LAKU Miri menggunakan sistem *Applied Water Revenue Version 3.0* dan *Applied Upload Download Manager 2006 V 2.0*. dan JKR Sarawak menggunakan sistem *JKR Water Billing System* (JKRWBS) yang menggunakan sistem operasi *Windows 98, 2000, XP, Vista* dan *Windows*. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 11.1**.

**Jadual 11.1**  
**Sistem Komputer Pembilan**

Bil.	Entiti Bekalan Air	Sistem Yang Digunakan	Back Up System		Instrument ICT Digunakan Bagi Bacaan Di Tapak Oleh Pembaca Meter
			Ada	Tiada	
1.	Lembaga Air Kuching	<i>Consumer Information And Billing System (CIBS)</i>	✓		<i>Handheld</i>
2.	Lembaga Air Sibu	<i>Applied Utility Manager 2010</i>	✓		<i>Handheld</i>
3.	LAKU Management Sdn. Bhd. Kawasan Miri	<i>Applied Water Revenue Version 3.0 dan Applied Upload Download Manager 2006 V 2.0</i>	✓		<i>Handheld</i>
4.	JKR Kuching	<i>JKR Water Billing System (JKRWBS)</i>	✓		Buku secara manual
5.	JKR Sarikei	<i>JKR Water Billing System (JKRWBS)</i>	✓		Buku secara manual

*Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd. Dan Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Sarikei*

11.4.1.2. Kutipan bil air di agensi bekalan air dibuat di kaunter bayaran sendiri dan juga di kaunter Sistem Bayaran Bil Setempat (SBBS) seperti Telekom Malaysia, Dewan Bandaraya, Majlis Bandaraya, Pejabat Pos, Sarawak Energy Berhad dan melalui cawangan bank yang dilantik oleh agensi bekalan air berkenaan. Data pembayaran di pusat SBBS dan dari bank dimuat turun ke sistem agensi dan penyesuaian hasil dibuat untuk memastikan semua kutipan untuk bayaran bil air diserahkan kepada agensi berkenaan.

11.4.1.3. Semakan Audit seterusnya terhadap sistem JKRWBS mendapati kemasukan data pembacaan meter dan data bayaran bil air dibuat secara manual. Selain itu, tidak ada pembahagian tugas antara pegawai yang membaca meter dan pegawai yang memasukkan data bacaan meter ke komputer dan seterusnya mencetak bil penggunaan air. Perkara ini menyumbang kepada data yang tidak munasabah dimasukkan ke sistem yang mengakibatkan pengguna tidak mendapat bil penggunaan sebenar. Perubahan data dalam sistem hanya boleh dijalankan dengan bantuan Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS).

11.4.1.4. Semakan lanjut Audit mendapati JKR tidak mengutip bayaran bagi bil air yang dikeluarkannya. Pembayaran bil air dibuat di Pejabat Pos dan semua kutipan dimasukkan ke akaun Perbendaharaan Negeri. JKR hanya memasukkan data pembayaran ke sistem berdasarkan salinan resit yang dikemukakan oleh Pejabat Pos dan kerja memasukkan data pembayaran dibuat oleh Pembantu Tadbir atau Pembaca Meter secara manual. Proses memasukkan semula data pembayaran secara manual mengambil masa kerana pihak JKR Kuching tidak mempunyai peralatan komputer yang mencukupi. Selain itu, proses muat turun data bagi tujuan analisis hanya boleh dilakukan oleh SAINS kerana JKR Kuching dan Sarikei tidak dibenarkan untuk berbuat demikian. Perkara ini menyebabkan keselamatan data diragui. Semakan Audit seterusnya mendapati pegawai yang memasukkan data pelanggan seperti penyediaan akaun, perubahan akaun dinyatakan sebagai *ADMIN* dan bukan atas nama pegawai yang membuat perubahan.

Perkara ini membuka ruang kepada pindaan atau perubahan kepada akaun pengguna dibuat tanpa pengesahan daripada pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, keselamatan data dalam sistem tidak terjamin kerana nama pegawai yang membuat pindaan tidak dipaparkan dalam sistem berkenaan. Keadaan komputer di Cawangan Bekalan Air Kuching dan Sarikei yang digunakan untuk pembilan adalah seperti

**Gambar 11.1 dan Gambar 11.2.**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Cawangan Bekalan Air, JKR Kuching  
Tarikh: 22 Mac 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Cawangan Bekalan Air, JKR Sarikei  
Tarikh: 26 November 2010

11.4.1.5. Semakan Audit terhadap bilangan akaun dan bilangan bil yang dikeluarkan menunjukkan semua agensi telah mengeluarkan bil bagi semua akaun penggunanya. Butiran lanjut berkenaan jumlah akaun dan peratus bil dikeluarkan adalah seperti di **Jadual 11.2.**

**Jadual 11.2**  
**Jumlah Akaun Dan Peratus Bil dikeluarkan**

Bil.	Butiran	2007	2008	2009	2010
<b>Lembaga Air Kuching</b>					
1.	Bilangan Akaun	122,426	127,738	132,064	140,270
2.	Bilangan Bil Dikeluarkan	122,426	127,738	132,064	136,359
3.	Perbezaan Bilangan	0	0	0	3,911
4.	Peratusan Bilangan Bil Dikeluarkan	100%	100%	100%	97%
<b>Lembaga Air Sibu</b>					
1.	Bilangan Akaun	50,775	52,436	54,580	56,831
2.	Bilangan Bil Dikeluarkan	49,378	51,304	53,522	55,549
3.	Perbezaan Bilangan	1,397	1,132	1,058	1,282
4.	Peratusan Bilangan Bil Dikeluarkan	97.2%	97.8%	98.1%	97.7%
<b>LAKU Management Sdn. Bhd. Kawasan Miri</b>					
1.	Bilangan Akaun	46,418	48,189	50,213	52,266
2.	Bilangan Bil Dikeluarkan	46,418	48,189	50,213	52,266
3.	Perbezaan Bilangan	0	0	0	0
4.	Peratusan Bilangan Bil Dikeluarkan	100%	100%	100%	100%
<b>JKR Kuching</b>					
1.	Bilangan Akaun	12,102	12,621	13,049	13,428
2.	Bilangan Bil Dikeluarkan	12,102	12,621	13,049	13,428
3.	Perbezaan Bilangan	0	0	0	0
4.	Peratusan Bilangan Bil Dikeluarkan	100%	100%	100%	100%
<b>JKR Sarikei</b>					
1.	Bilangan Akaun	11,142	13,363	13,870	14,287
2.	Bilangan Bil Dikeluarkan	11,142	13,363	13,870	14,287
3.	Perbezaan Bilangan	0	0	0	0
4.	Peratusan Bilangan Bil Dikeluarkan	100%	100%	100%	100%

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd. Dan  
Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Sarikei

11.4.1.6. JKR Kuching dan Sarikei kekurangan kakitangan dan tidak ada pegawai pemprosesan data, maka Pembaca Meter juga diperlukan untuk memasukkan data bacaan ke sistem. Dalam sistem pengebilan, pihak bekalan air dibenarkan untuk membuat bacaan bil secara anggaran selang sebulan disebabkan peruntukan untuk perjalanan tidak mencukupi, kawasan liputan bertambah luas dan kekurangan Pembaca Meter. Sistem pengurusan pengebilan air yang baru JKRWBS adalah di bawah seliaan SAINS. Pihak JKR Bekalan Air akan menyarankan kepada SAINS untuk meningkatkan lagi tahap kawalan data pengebilan.

**Pada pendapat Audit, pencapaian sistem pengebilan di Agensi Bekalan Air adalah baik tetapi di JKR Kuching dan Sarikei adalah kurang memuaskan kerana tidak ada kawalan keselamatan sistem pengebilan seperti pembahagian tugas memasukkan data pembacaan meter air dan data bayaran ke komputer, data pembayaran ke komputer masih dijalankan secara manual dan kurang kawalan terhadap perubahan data pengguna ke sistem.**

#### **11.4.2. Pengurusan Pembacaan Meter Dan Pengeluaran Bil**

##### **11.4.2.1. Pembacaan Meter**

- a. Pembacaan meter yang tepat dan bersistematik adalah penting untuk menjamin penggunaan sebenar air dapat dicaj dengan tepat. Kawasan pembacaan meter

dibahagi kepada zon dan setiap Pembaca Meter ditugaskan untuk membaca meter dalam zon yang telah ditetapkan. Butiran mengenai jumlah zon bagi setiap entiti bekalan air adalah seperti di **Jadual 11.3**.

**Jadual 11.3**  
**Pembahagian Zon Bacaan Meter Air**

Bil.	Entiti Bekalan Air	Jumlah Zon
1.	Lembaga Air Kuching	283
2.	Lembaga Air Sibu	47
3.	LAKU Management Sdn. Bhd. Kawasan Miri	37
4.	Jabatan Kerja Raya Kuching	7
5.	Jabatan Kerja Raya Sarikei	114

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu,  
LAKU Management Sdn. Bhd.  
Dan Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Sarikei

- b. Pembacaan meter dijalankan dalam kitaran 30 hari yang dijalankan daripada 18 haribulan hingga 30 haribulan setiap bulan. Di semua Agensi Bekalan Air, pembacaan meter dijalankan dengan menggunakan *hand held* dan pencetak di mana semua data berkenaan bacaan sebelum, tunggakan dan caj semasa dicetak semasa pembacaan meter dibuat dan diserah kepada pengguna pada masa yang sama. Perkara ini berlainan dengan proses kerja di JKR Kuching dan Sarikei di mana pembacaan meter dijalankan secara manual iaitu setiap bacaan dicatat ke dalam Buku Catatan Pembacaan Meter Air. Data berkenaan kemudiannya dimasukkan ke komputer dan seterusnya bil dicetak dan dikemukakan kepada pengguna. Seluruh proses pengeluaran bil pengguna di JKR Kuching dan Sarikei melibatkan kerja 2 kali iaitu pembacaan meter air dan menyerah bil penggunaan air. Perbandingan proses memasukkan data pembayaran bil air ke komputer secara manual oleh JKR seperti **Gambar 11.3** dan proses muat turun dan muat naik data pembelian ke sistem secara automatik seperti **Gambar 11.4**, peralatan yang dibekalkan kepada Pembaca Meter di Agensi Bekalan Air adalah seperti **Gambar 11.5**.

**Gambar 11.3**  
**Memasukkan Data Pembayaran  
Ke Sistem Secara Manual**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Cawangan Bekalan Air, JKR Sarikei  
Tarikh: 24 November 2010

**Gambar 11.4**  
**Muat Turun Dan Muat Naik Data Pembelian  
Ke Sistem Hand Held Secara Automatik**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lembaga Air Kuching  
Tarikh: 25 Oktober 2010

**Gambar 11.5**  
**Peralatan Yang Dibekalkan Kepada Pembaca**  
**Meter LAKU Management Sdn. Bhd.**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LAKU Management Sdn. Bhd. Kawasan Miri  
Tarikh: 14 Disember 2010

- c. Lawatan tapak Audit ke 6 lokasi iaitu di Kampong Buntal, Bandar Baru Semariang, Kampong Muara Tebas dan Kampong Bako yang melibatkan pengguna yang mempunyai tunggakan mendapati pembacaan meter air sebenar tidak dijalankan tetapi dinyatakan sebagai bacaan sebenar dalam sistem. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 11.4**.

**Jadual 11.4**  
**Penemuan Lawatan Tapak**

No. Akaun	Tarikh Bacaan Di Bil	Bacaan Terakhir	Tarikh Bacaan Audit	Bacaan Di Tapak	Perbezaan (M <sup>3</sup> )	Sebab Berlaku Perbezaan
01-0307-2494 (JKR Kuching)	21.02.2011	8375	22.03.2011	7300	1075	Bacaan meter air tidak dibuat sejak tahun 2008 tetapi dinyatakan sebagai bacaan sebenar dalam sistem
01-0306-5956 (JKR Kuching)	21.02.2011	7284	22.03.2011	6877	407	Bacaan meter air tidak dibuat tetapi dinyatakan sebagai bacaan sebenar dalam sistem
01-0307-6548 (JKR Kuching)	21.02.2011	7615	22.03.2011	7679	64	Bacaan meter air tidak dibuat sejak bulan Disember 2009 tetapi dinyatakan sebagai bacaan sebenar dalam sistem dengan penggunaan air sifar
01-0306-8784 (JKR Kuching)	21.02.2011	11995	22.03.2011	10327	1668	Terdapat kesilapan dalam bacaan pada bulan Disember 2009 hingga bulan Mac 2010 sehingga menyebabkan pelanggan terlebih caj penggunaan air
01-0305-12417 (JKR Kuching)	20.02.2011	694	22.03.2011	3220	-	Nombor meter di lokasi berbeza dengan dalam sistem di mana nombor meter di lokasi adalah PASB05E00955 manakala dalam sistem ialah 03031372

Sumber: Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Jabatan Audit Negara

Pihak JKR memaklumkan bahawa masalah ini timbul disebabkan oleh anggaran bacaan yang tinggi berbanding bacaan sebenar yang dibuat oleh JKR.

Pada pendapat Audit, pembacaan meter dan pengeluaran bil air di cawangan Bekalan Air JKR Kuching dan Sarikei adalah kurang memuaskan kerana pembacaan meter dan pengeluaran bil dijalankan secara berasingan dan melibatkan kerja 2 kali.

#### 11.4.3. Pemasangan Meter Pengguna

11.4.3.1. Meter pengguna dipasang apabila menerima permohonan untuk bekalan air. JKR tidak mengenakan cagaran dan sewa meter bagi setiap penyambungan yang dibuat tetapi Agensi Bekalan Air iaitu LAK, LAS dan LAKU mengenakan cagaran bagi penyambungan meter bekalan air. Agensi Bekalan Air menetapkan masa yang diambil untuk membuat penyambungan air ialah antara 4 hingga 7 hari. Bacaan pertama direkod ke sistem mengikut bacaan pada meter air apabila ia dipasang. Bagi pemasangan untuk penyambungan sementara seperti ke tapak pembinaan, pelanggan yang terlibat perlu memohon kepada Pihak Berkuasa Bekalan Air. Di kawasan JKR Kuching dan Sarikei, bekalan air sementara perlu diperbaharui setiap 3 bulan.

11.4.3.2. Lawatan Audit ke beberapa lokasi pembacaan meter mendapati meter air yang terletak dalam semak, ditutupi dengan *debris* akibat daripada keluasan kawasan pembangunan dan meter air yang terletak di lokasi yang sukar bagi Pembaca Meter untuk membuat bacaan. Oleh itu, JKR perlu mengkaji masalah ini termasuk kemungkinan memindahkan kedudukan meter berkenaan. Contoh meter yang sukar dibaca adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Gambar 11.6** hingga **Gambar 11.9**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampong Bako, Kuching  
Tarikh: 19 November 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampong Bako, Kuching  
Tarikh: 19 November 2010

**Gambar 11.8**  
**Meter Air Dalam Debris**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Wisma Hasil, Kuching  
Tarikh: 21 Mac 2011

**Gambar 11.9**  
**Meter Air Dalam Jeriji Besi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Repok, Sarikei  
Tarikh: 26 November 2010


11.4.3.3. Selain itu, lawatan Audit ke beberapa lokasi juga telah menemui beberapa penggunaan air secara haram. Pengguna menyambung bekalan air ke premis mereka tanpa melalui meter air. Antara contoh yang ditemui adalah seperti **Gambar 11.10** hingga **Gambar 11.13**.

**Gambar 11.10**  
**Penyambungan Tanpa Melalui Meter Air**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Muara Tabuan Kuching  
Tarikh: 8 Oktober 2010

**Gambar 11.11**  
**Penyambungan Tanpa Melalui Meter Air**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuching  
Tarikh: 8 Oktober 2010

**Gambar 11.12**  
**Penyambungan Tanpa Melalui Meter Air**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sibu Jaya, Sibu  
Tarikh: 30 November 2010

**Gambar 11.13**  
**Penyambungan Tanpa Melalui Meter Air**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LAKU Kawasan Miri  
Tarikh: 12 Disember 2010

Pada pendapat Audit, pengurusan meter pengguna adalah memuaskan kecuali bagi kedudukan meter dalam semak yang perlu dialihkan untuk memudahkan Pembaca Meter membuat bacaan penggunaan air.

#### 11.4.4. Pengurusan Kutipan

##### 11.4.4.1. Prestasi Pencapaian Hasil

Pengurusan kutipan yang baik boleh memastikan pembayaran bil air dibuat oleh pengguna tanpa mengalami kesulitan. Penyediaan kaunter bayaran yang mudah dikunjungi oleh pengguna boleh menyenangkan proses pembayaran bil air. Bil air LAK, LAS dan LAKU boleh dibayar di kaunter agensi itu sendiri dan juga di kaunter Sistem Bayaran Bil Setempat yang disediakan oleh Sarawak Energy Berhad, Telekom Malaysia, Pejabat Pihak Berkua Tempatan dan Agensi Bekalan Air itu sendiri. JKR tidak menerima bayaran bil yang dikeluarkan dan bayaran dibuat di Pejabat Pos atau kaunter Bayaran Perbendaharaan Negeri. JKR hanya menerima laporan pembayaran dan salinan resit bayaran. Semakan Audit mendapati hasil jualan air bagi Entiti Bekalan Air menunjukkan trend meningkat kecuali LAK pada tahun 2010 menunjukkan penurunan disebabkan pertukaran sistem pembilan pada hujung tahun berkenaan. Manakala di JKR Kuching, kutipan jualan air menunjukkan penurunan mendadak pada tahun 2010 iaitu 66.3% daripada jumlah keseluruhan bil dikeluarkan. Ini adalah disebabkan perluasan kawasan bekalan air luar bandar Kuching. Bayaran bil air yang dikeluarkan oleh JKR Kuching dan Sarikei boleh dibayar di Pejabat Pos, bagaimanapun didapati tidak ada penyesuaian dibuat di peringkat JKR untuk memastikan jumlah sebenar dikutip telah diserah kepada Perbendaharaan Negeri. Pihak JKR memaklumkan bahawa penyesuaian hasil dibuat di peringkat Ibu Pejabat JKR Sarawak. Prestasi kutipan hasil Agensi Bekalan Air dan JKR Kuching dan Sarikei adalah seperti di Jadual 11.5.

**Jadual 11.5**  
**Peratusan Nilai Bil Kutipan Berbanding Bil Dikeluarkan**

Bil.	Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
<b>Lembaga Air Kuching</b>					
1.	Nilai Bil Dikeluarkan	80.33	81.47	85.54	98.06
2.	Nilai Bil Kutipan	73.98	81.52	87.71	84.51
3.	Perbezaan Nilai	6.35	0.05	2.22	12.55
4.	Peratus Kutipan	92.09%	100.06%	102.54%	86.18%
<b>Lembaga Air Sibu</b>					
1.	Nilai Bil Dikeluarkan	20.58	21.02	21.40	22.42
2.	Nilai Bil Kutipan	20.66	21.17	21.07	21.71
3.	Perbezaan Nilai	(0.08)	(0.15)	0.33	0.71
4.	Peratus Kutipan	100.4%	100.7%	98.5%	96.83%
<b>LAKU Management Sdn. Bhd. Kawasan Miri</b>					
1.	Nilai Bil Dikeluarkan	22.50	23.80	25.60	27.30
2.	Nilai Bil Kutipan	21.10	24.32	27.09	27.17
3.	Perbezaan Nilai	1.40	(0.52)	(1.49)	0.13
4.	Peratus Kutipan	93.7%	106.1%	105.8%	99.5%
<b>JKR Kuching</b>					
1.	Nilai Bil Dikeluarkan	2.94	3.14	3.34	3.06
2.	Nilai Bil Kutipan	2.86	2.98	2.97	2.03
3.	Perbezaan Nilai	0.08	0.16	0.37	1.03
4.	Peratus Kutipan	97.3%	94.7%	88.9%	66.3%
<b>JKR Sarikei</b>					
1.	Nilai Bil Dikeluarkan	2.67	3.20	3.50	3.50
2.	Nilai Bil Kutipan	2.62	3.17	3.45	3.28
3.	Perbezaan Nilai	0.05	0.03	0.05	0.22
4.	Peratus Kutipan	98.2%	99.1%	98.6%	93.7%

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd. Dan Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Sarikei

#### 11.4.4.2. Pengurusan Cagaran Penyambungan Air

Seksyen 37 (1) Ordinan Air 1994 menyatakan bahawa adalah sah bagi pihak berkuasa bekalan air, setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Air Negeri, untuk menetapkan amaunnya dan untuk menuntut terlebih dahulu, wang cagaran daripada pengguna untuk meliputi amaun yang genap atau genap masa kena bayar bagi sewaan meter dan bagi air yang boleh dicajikan di mana-mana premis, dan untuk kerja yang hendak dijalankan oleh pihak berkuasa bekalan air atas perbelanjaan pengguna. Semakan Audit mendapati JKR Kuching dan JKR Sarikei tidak mengenakan cagaran bagi setiap penyambungan air kecuali bagi penyambungan sementara di mana cagaran sejumlah RM1,000 dikenakan. Sementara itu, Agensi Bekalan Air mengenakan cagaran mengikut kadar yang ditetapkan bagi setiap penyambungan bekalan air. Cagaran berkenaan diakaunkan di bawah akaun deposit pengguna. Cagaran berkenaan akan dikembalikan apabila penyambungan tidak diperlukan lagi dan setelah semua bil air dibayar sepenuhnya. Sekiranya masih ada tunggakan bil air, cagaran berkenaan tidak akan dikembalikan. Selain itu, Agensi Bekalan Air juga mengenakan bayaran sewa bagi setiap meter air yang disambung ke premis pengguna. Butiran mengenai kadar cagaran yang dikenakan dan bayaran sewa meter air adalah seperti di **Jadual 11.6** dan **Jadual 11.7**.

**Jadual 11.6**  
**Kadar Deposit Yang Dikenakan**

Bil.	Jenis Pengguna	Kadar (RM)				
		Lembaga Air Kuching	Lembaga Air Sibu	LAKU Miri		JKR Kuching
1.	<i>Domestic</i>	60	60	60	-	-
2.	<i>Domestic/ Commercial</i>	150	150	150	-	-
3.	<i>Commercial</i>	360	360	360	-	-
4.	<i>Industrial</i>	-	-	450 atau 3 months consumption whichever is higher	-	-
5.	<i>Penyambungan Sementara</i>	1,000	1,000 – 2,500	1,000	1,000	1,000
6.	<i>Standpipe</i>	350	-	-	-	-
7.	<i>Water processed For Sale</i>	3,900	-	-	-	-

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd.  
Dan Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Sarikei

**Jadual 11.7**  
**Kadar Sewa Meter**

Bil.	Saiz Meter (mm)	Kadar (RM)				
		Lembaga Air Kuching	Lembaga Air Sibu	LAKU Miri	JKR Kuching	JKR Sarikei
1.	15	0.55	0.55	0.55	-	-
2.	20	1.65	1.65	1.65	-	-
3.	25	2.20	2.20	2.20	-	-
4.	30	2.75	2.75	2.75	-	-
5.	40	3.30	3.30	3.30	-	-
6.	50	4.40	4.40	4.40	-	-
7.	80	8.80	8.80	8.80	-	-
8.	100	11.00	11.00	11.00	-	-
9.	150	16.50	16.50	16.50	-	-

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd.  
Dan Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Sarikei Dan Ordinan Air 1995

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan adalah memuaskan. Namun begitu, di JKR Kuching dan Sarikei, sistem pembilan perlu dinaik taraf supaya data pembayaran dapat dipindah secara atas talian. Selain itu, JKR Kuching dan Sarikei perlu menimbangkan untuk mengenakan cagaran bagi setiap penyambungan baru bekalan air.

#### 11.4.5. Pengurusan Tunggakan Hasil

11.4.5.1. Seksyen 34 Ordinan Air 1994 menetapkan bahawa adalah sah bagi pihak berkuasa bekalan air untuk memotong bekalan dari kerja air ke mana-mana premis, tanpa menjaskan apa-apa kadaran air, sewa meter atau jumlah wang lain yang genap masa atau genap masa kena dibayar di bawah ordinan ini atau mana-mana peraturan perkadaran yang dibuat di bawahnya. Selain itu, LAKU menetapkan bahawa bil air hendaklah dilunaskan dalam tempoh 2 minggu selepas bil dikeluarkan dan sekiranya bil berkenaan masih tidak dibayar dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh genap, satu notis peringatan dikeluarkan untuk mengingati pelanggan bahawa bil air tertunggak dan sekiranya bil berkenaan masih tidak dibayar dalam tempoh 7 hari dari tarikh notis

berkenaan, bekalan air akan dipotong. LAS dan LAKU juga mengamalkan prosedur yang sama. Bagi JKR Kuching, tidak ada pemotongan bekalan air dibuat walaupun tunggakan bil air banyak. JKR Kuching menyediakan opsyen kepada pengguna untuk membuat bayaran bagi tunggakan secara beransur-ansur. Bagi JKR Sarikei, pemotongan dijalankan sekiranya tunggakan bil air tidak dibayar secara berterusan selama 5 bulan, senarai pemotongan dikeluarkan dan pemotongan bekalan dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Penyambungan semula dibuat selepas bil tertunggak dibayar.

11.4.5.2. Semakan Audit mendapati LAK, LAS dan LAKU Miri ada menyediakan *ageing analysis* setiap bulan bagi memantau tunggakan bil air pengguna pelanggannya. Sekiranya bil berkenaan tidak dibayar dalam tempoh 3 bulan, satu notis pemotongan dikeluarkan dan pengguna dikehendaki untuk membuat bayaran dalam tempoh 7 hari dan sekiranya amaun tertunggak masih tidak dibayar selepas tamat tempoh 7 hari, pemotongan bekalan air dijalankan tanpa memberi notis lanjut. Dalam keadaan tertentu seperti pengguna berjanji untuk membayar secara ansuran, bekalan air tidak dipotong walaupun selepas tamat tempoh 7 hari. Pihak Agensi Bekalan Air menyatakan bahawa tunggakan bil air kebanyakannya terdiri daripada Jabatan Kerajaan. Untuk mengatasi masalah ini, pihak Agensi Bekalan Air telah cuba untuk menyertai sistem bayaran pukal tetapi disebabkan jumlah akaun yang melibatkan Kerajaan Persekutuan tidak mencapai jumlah yang diperlukan untuk membolehkan sistem bayaran pukal diguna pakai, maka keadaan masih tidak berubah dan tunggakan bil air oleh Jabatan Persekutuan masih berlaku. Butiran lanjut mengenai jumlah tunggakan bagi setiap entiti bekalan air adalah seperti di **Jadual 11.8**.

**Jadual 11.8**  
**Tunggakan Bil Air Pada Tahun 2007 Hingga 2010**

Bil.	Entiti Bekalan Air	Tunggakan Bil Air (RM juta)			
		2007	2008	2009	2010
1.	Lembaga Air Kuching	15.81	15.44	10.14	15.86
2.	Lembaga Air Sibu	2.29	2.15	2.48	3.19
3.	LAKU Kawasan Miri	4.35	3.84	3.09	3.81
4.	JKR Kuching	TM	TM	TM	1.22
5.	JKR Sarikei	0.18	0.03	0.07	0.17

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd.

Dan Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Sarikei

Nota: TM – Tiada Maklumat

11.4.5.3. Semakan Audit mendapati semua Agensi Bekalan Air ada mengeluarkan notis bagi memaklumkan pengguna air berkenaan tunggakan bil air dan bil berkenaan hendaklah dibayar dalam tempoh 7 hari dari notis berkenaan. Bagi JKR Sarikei, senarai pemotongan dikeluarkan bagi pengguna yang tidak membuat bayaran bagi bil air sehingga 5 bulan. Di JKR Kuching, tidak ada notis pemotongan dikeluarkan.

11.4.5.4. Semakan Audit terhadap pelanggan Cawangan Bekalan Air JKR Kuching mendapati ada pengguna yang mempunyai tunggakan bil air dari 6 bulan hingga 50 bulan yang melibat amaun daripada RM309 hingga RM83,933. Semakan Audit terhadap 34 akaun pelanggan yang mempunyai tunggakan melebihi RM300 dan tertunggak melebihi 6

bulan mendapati pelanggan berkenaan masih dibekalkan dengan air malah mendapati seorang pelanggan mempunyai tunggakan bil air sejumlah RM83,933 sehingga bulan Oktober 2010 dan akaun berkenaan masih berstatus aktif. Pihak Audit dimaklumkan bahawa perkara ini terjadi disebabkan Pembaca Meter hanya membuat bacaan anggaran meter air berkenaan dan apabila bacaan sebenar dibuat, kegunaan air meningkat mendadak menyebabkan pelanggan berkenaan enggan membayar bil air tersebut. Selain itu, JKR Kuching juga tidak mempunyai cawangan penguatkuasaan bagi memantau tunggakan dan membuat pemotongan bekalan air. Butiran lanjut mengenai pengguna yang dilawati dan mempunyai tunggakan bil air masih mendapat bekalan air adalah seperti di **Jadual 11.9**.

**Jadual 11.9**  
**Pengguna Air Yang Dilawati Audit Dan Tertunggak**  
**Bagi JKR Kuching**

Bil.	Nombor Akaun	Tempoh Tunggakan (Bulan)	Jumlah (RM)
1.	01-0307-12892	30	83,933
2.	01-0305-4137	12	7,205
3.	01-0307-1163	29	2,356
4.	01-0307-808	7	2,270
5.	01-0307-4738	50	1,603
6.	01-0307-820	17	1,488
7.	01-0307-2486	28	1,479
8.	01-0307-9500	43	1,411
9.	01-0307-2501	20	1,333
10.	01-0307-2039	14	1,249
11.	01-0307-1237	38	997
12.	01-0307-8195	28	963
13.	01-0307-1044	30	908
14.	01-0307-1183	34	892
15.	01-0307-1071	42	848
16.	01-0307-4725	35	813
17.	01-0307-2455	18	782
18.	01-0307-13461	15	729
19.	01-0307-813	28	706
20.	01-0307-818	23	624
21.	01-0307-6548	19	551
22.	01-0307-832	14	539
23.	01-0307-4728	35	519
24.	01-0307-2452	24	518
25.	01-0307-830	10	513
26.	01-0307-1130	18	475
27.	01-0307-2494	27	429
28.	01-0307-875	6	428
29.	01-0307-1299	26	419
30.	01-0307-1010	28	371
31.	01-0307-6183	14	365
32.	01-0307-1012	28	353
33.	01-0307-2458	12	328
34.	01-0307-1118	22	309
<b>Jumlah</b>			<b>118,706</b>

Sumber: Cawangan Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya Kuching

**Pada pendapat Audit, pengurusan tunggakan adalah memuaskan bagi semua Agensi bekalan Air dan JKR Sarikei tetapi perlu dipertingkatkan di JKR Kuching. Tindakan pemotongan hendaklah dijalankan terhadap pengguna yang gagal membuat bayaran bil air.**

#### 11.4.6. Pelupusan Meter Air

11.4.6.1. Semakan Audit terhadap pemotongan bekalan air di LAK mendapati meter air pengguna yang dipotong bekalan air disimpan di pejabat Penguatkuasa LAK selama 3 hari dan sekiranya pelanggan berkenaan tidak membuat bayaran dalam tempoh berkenaan, meter berkenaan akan dihantar ke stor meter untuk dilupuskan. Ujian untuk memastikan sama ada meter berkenaan dalam keadaan baik atau sebaliknya tidak dijalankan kerana *test bench* rosak. Perkara ini telah mengakibatkan meter air yang berusia kurang daripada 5 tahun dilupuskan tanpa disahkan sama ada rosak atau sebaliknya dan menyebabkan kerugian sejumlah RM91,478 kepada LAK. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 11.10**.

**Jadual 11.10**  
**Meter Air Berusia Kurang Daripada**  
**Lima Tahun Dilupuskan Di Lembaga Air Kuching**

Tahun	Bilangan Meter Air Dilupuskan	Kos Se Unit (RM)	Jumlah (RM)
2005	238	49.99	11,897
2006	471	49.99	23,545
2007	744	49.99	37,192
2008	245	49.99	12,247
2009	130	49.99	6,498
2010	2	49.99	99
<b>Jumlah</b>	<b>1,830</b>		<b>91,478</b>

Sumber: Lembaga Air Kuching

11.4.6.2. Maklum balas LAK menyatakan bahawa laporan/keterangan berkenaan dengan pemotongan meter air yang tidak diuji kerana *test bench* rosak dan ini menyebabkan meter air yang berusia 5 tahun ke bawah dilupuskan adalah tidak tepat/lengkap dan memerlukan keterangan yang lebih jelas/tepat. Walaupun *test bench* pihak LAK telah berusia, ujian yang ringkas terhadap meter air masih dapat dijalankan untuk memastikan meter air yang berkenaan di dalam kesalahan yang minima serta berada dalam keadaan yang baik. Ujian secara fizikal juga dijalankan bagi memastikan meter air berada dalam keadaan baik sebelum diguna semula. Meter air yang tidak berfungsi akan diperiksa, diasingkan dan disimpan di tempat yang berasingan untuk kerja pelupusan. Sejak pelaksanaan *Computer Reading And Billing System* pada Januari 2011, LAK telah melaksanakan *meter tracking system* untuk mengawal selia dan mengurus prestasi meter air. Berbanding dengan sistem pengebilan terdahulu, sistem pengebilan yang baru telah membenarkan meter air yang telah dipotong dan masih berfungsi dengan baik digunakan semula tanpa perlu mengembalikan bacaan meter air kepada asal atau pun '0'. Jumlah kerugian yang direkodkan dalam tahun 2005 sehingga 2010 adalah RM91,478 ataupun bersamaan dengan RM18,296 pada setiap tahun. Untuk makluman, pelupusan meter air yang berusia di bawah 5 tahun telah disahkan sebagai meter air yang tidak dapat berfungsi lagi. LAK sebelum ini iaitu dalam tempoh tahun 2005 sehingga 2009 pernah mengalami kejadian di mana kualiti meter air yang kurang memuaskan di mana meter air tersebut dikilangkan di China dan kemudiannya dipasang serta diuji di Malaysia. Meter air tersebut telah dibekalkan menerusi Stor Pusat JKR. Sejak tahun 2010, meter air yang

berkualiti telah dibekalkan oleh pihak JKR dan cuma beberapa kes berkenaan dengan meter air berusia 5 tahun ke bawah telah dilaporkan, diperbaharui serta dilupus.

11.4.6.3. Di JKR Sarikei, meter air yang rosak dan tidak diguna belum dilupuskan sebaliknya disimpan di dalam stor. Meter air berkenaan tidak direkod dalam daftar untuk pelupusan. Keadaan stor dan penyimpanan meter yang tidak digunakan adalah seperti **Gambar 11.14** dan **Gambar 11.15**. Bagaimanapun, setelah mendapat teguran Audit, pihak JKR Sarikei telah merekod meter air yang rosak untuk dilupuskan.

**Gambar 11.14**  
Stor Menyimpan Meter Air Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Cawangan Bekalan Air, JKR Sarikei  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 11.15**  
Meter Air Di Dalam Stor



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Cawangan Bekalan Air, JKR Sarikei  
Tarikh: 25 November 2010

11.4.6.4. Di LAS, meter air yang rosak disimpan di dalam tong yang disediakan dan belum didaftar. LAS memaklumkan bahawa LAS sedang dalam proses untuk mengatur pemeriksaan untuk melupuskan meter yang rosak. Tempat menyimpan meter air untuk dilupuskan dan penyimpanan dalam tong adalah seperti **Gambar 11.16** dan **Gambar 11.17**.

**Gambar 11.16**  
Tong Tempat Menyimpan Meter Air Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lembaga Air Sibu  
Tarikh: 30 November 2010

**Gambar 11.17**  
Meter Air Di Dalam Tong



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lembaga Air Sibu  
Tarikh: 30 November 2010

**Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan meter air yang rosak di LAS dan JKR Sarikei adalah memuaskan kerana daftar sudah disediakan tetapi pelupusan belum dijalankan.**

#### **11.4.7. Pengurusan Aduan/Pusat Khidmat Pelanggan**

Pusat Aduan Pelanggan hendaklah disediakan bagi memberi perkhidmatan kepada penggunanya untuk membuat aduan berkenaan pembilang seperti bil tinggi, bil tidak diserahkan, tunggakan dan perkara lain yang berkaitan. Semakan Audit mendapati semua Agensi Bekalan Air ada menyediakan kaunter bagi menangani aduan pengguna. Aduan pengguna diselesaikan dalam satu hingga 3 hari. Di JKR Sarikei, kaunter aduan disediakan dan semua aduan yang diterima dicatat dalam borang yang disediakan. Di JKR Kuching tidak mempunyai kaunter aduan Pelanggan dan semua aduan diterima diselesaikan pada masa yang berkenaan atau dimaklumkan ke Bahagian yang berkenaan secara lisan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa maklumat bil yang dapat ditangani segera diselesaikan pada masa aduan dibuat. Namun begitu, tidak ada rekod disimpan bagi merekodkan setiap aduan yang diterima dan tidak dapat dipastikan sama ada semua aduan telah diambil tindakan atau sebaliknya. Adalah dicadangkan supaya JKR Kuching mengadakan Pusat Perkhidmatan Pelanggan atau Kaunter Perkhidmatan Pelanggan supaya semua aduan ditangani dengan berkesan dan direkodkan supaya aduan yang paling kerap diterima diketahui dan tindakan pembetulan dapat diambil untuk mengelak aduan berkenaan daripada berulang. Antara aduan yang diterima oleh Agensi Bekalan Air berkenaan pengebilan ialah masalah bil air, masalah meter air, meter hilang dan sambung meter bocor. Pusat Perkhidmatan Pelanggan JKR Sarikei dan LAKU Kawasan Miri adalah seperti **Gambar 11.18** dan **Gambar 11.19**.

**Gambar 11.18  
Kaunter Khidmat Pelanggan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR Sarikei  
Tarikh: 26 November 2010

**Gambar 11.19  
Kaunter Khidmat Pelanggan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LAKU Kawasan Miri  
Tarikh: 12 Disember 2010

**Pada pendapat Audit, Agensi Bekalan Air telah menyedia Pusat Khidmat Pelanggan dengan baik sementara di JKR Sarikei adalah memuaskan kerana rekod aduan tidak diselenggara. Di JKR Kuching adalah kurang memuaskan.**

#### 11.4.8. Struktur Organisasi Dan Modal Insan

Struktur organisasi yang bersesuaian dengan aktiviti perlu diadakan bagi menjamin objektif organisasi tercapai. Selain itu, kakitangan yang mencukupi dan terlatih dapat memastikan kelincinan perjalanan dan pencapaian kerja. Semakan Audit mendapati semua agensi bekalan air telah menyediakan struktur organisasi yang sesuai bagi urusan pengebilan yang merangkumi penjanaan bil penggunaan air, pembayaran bil air, pembacaan meter air, kaunter khidmat pelanggan dan penguatkuasaan. Cawangan Bekalan Air JKR Kuching dan Sarikei tidak menuju ke Cawangan penguatkuasaan dan Cawangan Bekalan Air JKR Kuching tidak mempunyai Kaunter Khidmat Pelanggan. Semakan lanjut Audit terhadap jumlah akaun bagi seorang Pembaca Meter mendapati normanya adalah melebihi purata norma kebangsaan bagi Agensi Bekalan Air kecuali LAK pada tahun 2009. Sementara bagi Cawangan Bekalan Air JKR Kuching dan Sarikei adalah di bawah purata kebangsaan. Ini adalah disebabkan JKR Kuching dan Sarikei masih menggunakan sistem manual bagi pembacaan meter dan penjanaan bilnya serta kedudukan pengguna di kawasan luar bandar. Butiran lanjut berkenaan Bilangan Akaun Bagi Seorang Pembaca Meter adalah seperti di **Jadual 11.11**. Jumlah Pembaca Meter bagi setiap Agensi Bekalan Air serta JKR Kuching dan Sarikei adalah seperti di **Jadual 11.12**.

**Jadual 11.11**  
**Bilangan Akaun Bagi Seorang Pembaca Meter**

Bil.	Entiti Pembekal Air	Jumlah Akaun Bagi Seorang Pembaca Meter			
		2007	2008	2009	2010
1.	Lembaga Air Kuching	2,986	3,115	3,226	3,421
2.	Lembaga Air Sibu	4,231	4,368	3,898	4,059
3.	LAKU Management Sdn. Bhd. Miri	3,366	3,509	3,650	3,547
4.	JKR Kuching	1,344	1,402	1,449	1,583
5.	JKR Sarikei	1,482	1,505	1,520	1,583
6.	Purata Kebangsaan	-	3,089	3,465	-

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd. Dan Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Sarikei

**Jadual 11.12**  
**Jumlah Pembaca Meter Air Berbanding Jumlah Akaun Pada Tahun 2010**

Bil.	Entiti Pembekal Air	Jumlah Akaun Pada 2010	Pembaca Meter Yang Diluluskan		Pegawai Lain Yang Ditugaskan Sebagai Pembaca Meter
			Diluluskan	Diisi	
1.	Lembaga Air Kuching	140,270	41	41	-
2.	Lembaga Air Sibu	56,831	14	14	-
3.	LAKU Management Sdn. Bhd. Miri	53,211	15	15	-
4.	JKR Kuching	13,428	9	7	5
5.	JKR Sarikei	14,287	12	12	-

Sumber: Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd. Dan Jabatan Kerja Raya Kuching Dan Sarikei

**Pada pendapat Audit, struktur organisasi yang disediakan adalah selaras dengan aktivitinya kecuali JKR Kuching dan Sarikei perlu menuju ke Cawangan penguatkuasaan.**

## **11.5. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan perkhidmatan pembilan air, adalah disyorkan supaya entiti bekalan air mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 11.5.1. Mempertingkatkan sistem Jabatan Kerja Raya *Water Billing System* supaya semua transaksi dijalankan secara atas talian.
- 11.5.2. Mempertingkatkan penguatkuasaan termasuk menjalankan pemotongan bekalan air bagi pengguna yang ingkar membayar bil air di kawasan bekalan air Jabatan Kerja Raya.
- 11.5.3. Jabatan Kerja Raya hendaklah mengkaji dan memantau bil tertunggak, menyiasat punca berlaku supaya tindakan pembetulan dapat dijalankan dan mengambil tindakan terhadap pegawai yang menjalankan tugas sambil lewa sahaja.
- 11.5.4. Kaedah baru pemotongan bekalan air perlu diperkenalkan seperti penggunaan *ballofix valve* dan *clamp*.



## **BAHAGIAN II**

# **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**



## **BAHAGIAN II** **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **12. PENDAHULUAN**

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agenzi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat tersebut. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan syarikat Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

### **PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK**

### **13. HORNBILL SKYWAYS SDN. BHD.**

#### **13.1. LATAR BELAKANG**

13.1.1. Hornbill Skyways Sdn. Bhd. (Hornbill) adalah sebuah syarikat penerbangan yang ditubuhkan pada tahun 1977. Modal berbayar Hornbill adalah berjumlah RM40 juta dan sejumlah RM26.88 juta atau 67.2% daripadanya dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak manakala selebihnya iaitu sejumlah RM13.12 juta atau 32.8% dimiliki oleh Yayasan Sarawak. Visi Hornbill ialah untuk menyumbang kepada pembangunan perkhidmatan udara bersepadu di peringkat tempatan dan wilayah bagi mempromosikan industri pelancongan di Negeri Sarawak khasnya dan Negara Malaysia amnya.

13.1.2. Operasi utama Hornbill adalah menyediakan kemudahan pengangkutan udara untuk membawa penumpang, perkhidmatan ukur, fotografi udara, pemetaan, tinjauan udara dan penguatkuasaan hutan. Pusat operasi dan hangar utama Hornbill terletak di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Hornbill juga mempunyai hangar di Lapangan Terbang Miri. Setakat akhir tahun 2010, Hornbill mempunyai 14 buah pesawat iaitu 3 buah kapal terbang dan 11 buah helikopter.

13.1.3. Pengurusan operasi harian Hornbill diketuai oleh Pengerusi Eksekutif dan dibantu oleh seramai 29 kakitangan profesional dan 104 kakitangan sokongan. Struktur Organisasi dibahagikan mengikut 4 aktiviti utama iaitu Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia, Operasi, Kejuruteraan dan Kewangan. Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia juga merangkumi Bahagian Pemasaran dan Bahagian Teknologi Maklumat. Setiap Bahagian diketuai oleh seorang Pengurus. Lembaga Pengarah Hornbill dipengerusikan oleh Pengerusi

Eksekutif Hornbill dan dianggotai oleh 5 ahli lain iaitu wakil daripada Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, Yayasan Sarawak dan Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber serta 2 orang awam.

### **13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

### **13.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan adalah meliputi aspek pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 dan prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Hornbill, Kuching. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2007 hingga 2009. Temu bual juga ada dibuat dengan pegawai Hornbill di samping melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat.

### **13.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan dari bulan Ogos hingga Disember 2010. Secara keseluruhannya prestasi pengurusan Hornbill adalah memuaskan. Hornbill mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM91.93 juta bagi tahun kewangan 2009 walaupun mencatatkan kerugian selepas cukai pada tahun 2009. Prestasi aktiviti Hornbill boleh ditambah baik dari segi pengurusan kutipan caj penerbangan, penyenggaraan pesawat, kos operasi dan strategi pemasaran. Tadbir urus korporat Hornbill boleh dipertingkatkan lagi dengan menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan teratur, menyediakan rancangan korporat dan mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya. Isu berbangkit hasil pengauditan terhadap Hornbill berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

#### **13.4.1. Prestasi Kewangan**

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan Penyata Kewangan Hornbill bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 yang telah diaudit. Perbandingan dibuat secara dalaman dengan item yang sama dalam syarikat mengikut tahun berbeza. Analisis trend dan analisis nisbah telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

##### **13.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati Hornbill telah mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM0.35 juta pada tahun 2009 berbanding keuntungan selepas cukai sejumlah RM3.50 juta pada tahun 2007 dan RM10.08 juta pada tahun 2008. Kerugian pada tahun 2009 disebabkan penurunan pendapatan

langsung dan pendapatan operasi lain syarikat di samping peningkatan perbelanjaan langsung yang ketara berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun Hornbill mencatatkan keuntungan terkumpul selepas cukai sejumlah RM82.59 juta bagi tahun 2007, RM92.68 juta bagi tahun 2008 dan RM91.93 juta bagi tahun 2009.

- b. Pendapatan langsung Hornbill adalah daripada perkhidmatan penerbangan yang meliputi caj tetap bulanan, caj penerbangan berdasarkan jam dan perkhidmatan penerbangan pedalaman. Analisis Audit mendapati pendapatan langsung Hornbill adalah berjumlah RM40.26 juta, RM60.76 juta dan RM44.75 juta bagi tahun 2007, 2008 dan 2009. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM20.50 juta atau 50.9% pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 dan kurang sejumlah RM16.01 juta atau 26.3% pada tahun 2009 berbanding tahun 2008. Caj tetap bulanan dan caj penerbangan berdasarkan jam merupakan 2 jenis operasi utama yang menjana pendapatan Hornbill bagi tempoh 3 tahun tersebut. Bagi tahun kewangan 2007 sehingga 2009 sumber utama pendapatan langsung Hornbill adalah daripada kontrak Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM115.69 juta atau 79.4%. Ini diikuti oleh perkhidmatan persendirian berjumlah RM21.91 juta (15.0%), Jabatan Kesihatan berjumlah RM4.08 juta (2.8%), Jabatan Tanah Dan Survei berjumlah RM3.80 juta (2.6%), perkhidmatan kawasan pedalaman berjumlah RM0.19 juta (0.1%) dan Jabatan Ukur Dan Pemetaan berjumlah RM0.11 juta (0.1%).
- c. Pengurangan pendapatan langsung pada tahun 2009 adalah disebabkan Hornbill tidak berjaya mendapatkan tender untuk Perkhidmatan Doktor Udara daripada Kementerian Kesihatan. Mengikut rekod Hornbill, Perkhidmatan Doktor Udara ini bermula sejak tahun 1978 hingga tahun 1998, disambung dari tahun 2004 hingga 2006 dan kontrak terakhir ialah bagi tempoh bulan Februari 2008 hingga Disember 2008. Pendapatan daripada perkhidmatan persendirian meningkat pada tahun 2008 kerana pilihan raya diadakan pada tahun tersebut. Hornbill tidak lagi memberikan perkhidmatan membawa penumpang ke kawasan pedalaman mulai tahun 2009 kerana 2 unit kapal terbang jenis Dornier yang disewa daripada Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak pada kadar RM250,000 sebulan telah dijual oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak pada bulan April 2008 setelah tempoh sewaan bagi tahun 2005 hingga 2007 berakhir.
- d. Perbelanjaan langsung Hornbill terdiri daripada perbelanjaan operasi dan perbelanjaan kejuruteraan. Pada tahun 2009, perbelanjaan langsung Hornbill berjumlah RM40.11 juta berbanding RM42.18 juta pada tahun 2008 dan RM33.77 juta pada tahun 2007. Butiran lanjut perbelanjaan langsung adalah seperti di **Jadual 13.1**.

**Jadual 13.1**  
**Perbelanjaan Langsung Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009**

Butiran	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Perbelanjaan Operasi	25.07	34.37	31.46
Perbelanjaan Kejuruteraan	8.70	7.81	8.65
<b>Jumlah</b>	<b>33.77</b>	<b>42.18</b>	<b>40.11</b>

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

- e. Analisis Audit mendapati peningkatan perbelanjaan langsung berjumlah RM8.41 juta atau 24.9% pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 adalah disebabkan oleh pertambahan perbelanjaan operasi seperti yuran krew udara, oksigen dan bahan api pesawat, insurans pesawat, sewaan pesawat, susut nilai dan latihan. Perbelanjaan langsung Hornbill masih tinggi walaupun pendapatan langsung syarikat berkang bagi tahun 2009. Perbelanjaan kejuruteraan juga menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 terutamanya disebabkan peningkatan penyenggaraan kapal terbang dan latihan jurutera.
- f. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan Hornbill bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.2**.


**Jadual 13.2**  
**Keuntungan/(Kerugian) Bersih Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009**

Butiran	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	40.26	60.76	44.75
Perbelanjaan Langsung	(33.77)	(42.18)	(40.11)
Untung Kasar	6.49	18.58	4.64
Pendapatan Operasi Lain	3.35	1.05	0.45
Perbelanjaan Pemasaran	(0.38)	(0.43)	(0.24)
Perbelanjaan Pentadbiran	(3.72)	(3.89)	(3.41)
Kos Kewangan	(1.60)	(1.98)	(1.93)
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	4.14	13.33	(0.49)
Cukai	(0.64)	(3.25)	0.14
<b>Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai</b>	<b>3.50</b>	<b>10.08</b>	<b>(0.35)</b>
<b>Dividen</b>	-	-	<b>(0.40)</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul</b>	<b>82.59</b>	<b>92.68</b>	<b>91.93</b>

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.


- g. Butiran sumber pendapatan langsung Hornbill bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Carta 13.1** dan **Carta 13.2**.

**Carta 13.1**  
**Analisis Pendapatan Langsung Dari Tahun 2007 Hingga 2009**



Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

**Carta 13.2**  
**Sumber Pendapatan Langsung Hornbill**  
**Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009**



Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

#### 13.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin keuntungan, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun

kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 13.3**.

**Jadual 13.3**  
**Analisis Nisbah Kewangan Syarikat Hornbill Skyways**  
**Sendirian Berhad Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009**

Butiran	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Nisbah Semasa	3.52: 1	2.20: 1	1.03: 1
Margin Keuntungan/(Kerugian) Bersih	10.3%	21.9%	(1.1%)
Pulangan Atas Ekuiti	0.03: 1	0.08: 1	(0.003): 1
Pulangan Atas Aset	0.02: 1	0.06: 1	(0.002): 1

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

#### a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa Hornbill bagi tahun kewangan 2007 hingga 2008 adalah 3.52:1 dan 2.20:1. Ini menunjukkan Hornbill berupaya menjelaskan tanggungan semasanya dalam tempoh tersebut. Bagaimanapun, nisbah semasa bagi tahun 2009 telah menurun kepada 1.03:1. Sekiranya keadaan ini berterusan, Hornbill berkemungkinan akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya terutamanya untuk membayar balik pinjaman syarikat.

#### b. Margin Keuntungan

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah, lebih baik. Semakin tinggi margin bermakna syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati Hornbill berjaya mencatatkan margin keuntungan sebanyak 10.3% dan 21.9% pada tahun 2007 dan 2008. Bagaimanapun, syarikat telah mengalami margin kerugian sebanyak 1.1% pada tahun 2009.

#### c. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya. Semakan Audit mendapati nisbah pulangan atas ekuiti adalah positif pada tahun 2007 dan 2008 tetapi telah menjadi negatif pada tahun 2009.

#### d. Pulangan Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat

semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Berdasarkan kepada pengiraan, nisbah pulangan atas aset syarikat adalah positif bagi tahun 2007 dan 2008 iaitu sejumlah 2 sen dan 6 sen. Pada tahun 2009, Hornbill mengalami kerugian sebelum cukai berbanding dengan asetnya sejumlah 0.002 sen.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Hornbill adalah baik kerana berjaya mencatatkan keuntungan terkumpul sehingga tahun 2009. Bagaimanapun, nisbah semasa, margin keuntungan dan nisbah pulangan atas ekuiti serta pulangan atas aset Hornbill bagi tahun kewangan 2009 merosot berbanding tahun sebelumnya.**

#### 13.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama Hornbill adalah menyediakan kemudahan pengangkutan udara untuk membawa penumpang, perkhidmatan ukur, fotografi udara, pemetaan, tinjauan udara dan penguatkuasaan hutan sama ada secara kontrak ataupun tempahan persendirian. Setakat akhir tahun 2010, Hornbill memiliki 3 buah kapal terbang dan 11 buah helikopter yang dibeli dengan harga RM225.98 juta. Kawasan operasi Hornbill ialah di sekitar Negara Asia. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti Hornbill mendapati perkara berikut:

##### 13.4.2.1. Penyenggaraan Tidak Berjadual

- Mengikut Seksyen 28 Akta Penerbangan Awam 1996, penyenggaraan pesawat dibuat mengikut jadual penyenggaraan yang diluluskan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Semakan Audit terhadap rekod kewangan Hornbill mendapati 2 jenis penyenggaraan dijalankan terhadap pesawat iaitu Penyenggaraan Berjadual dan Penyenggaraan Tidak Berjadual yang melibatkan 5 komponen utama iaitu *airframe, dynamic assembly, engine, avionics* dan *electrical and instruments*. Penyenggaraan terhadap pesawat Hornbill dilakukan sendiri oleh kakitangan Hornbill di *hangar* seperti **Gambar 13.1** dan **Gambar 13.2**.

**Gambar 13.1**

**Hangar Hornbill Di Kuching**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hornbill Skyways Sdn. Bhd, Kuching

Tarikh: 12 Januari 2011

**Gambar 13.2**

**Kerja Penyenggaraan Sedang Dijalankan**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hornbill Skyways Sdn. Bhd, Kuching

Tarikh: 12 Januari 2011

- b. Bagi tempoh tahun 2008 hingga Disember 2010, sejumlah RM10.86 juta telah dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan 14 pesawat Hornbill. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.67 juta atau 52.2% adalah kos penyenggaraan berjadual. Bakinya sejumlah RM5.19 juta atau 47.8% adalah merupakan kos penyenggaraan tidak berjadual. Antara kerja penyenggaraan berjadual yang dibuat adalah seperti penyenggaraan bateri, *annual compass swing*, *hartzell propeller*, *clean pneumatic filter*, *lubricants*, *ignition/spark ignition*, *engine oil*, *emergency locator transmitter* dan *rotor brake system*.
- c. Semakan lanjut Audit mendapati kos penyenggaraan tidak berjadual bagi 10 buah helikopter dan sebuah kapal terbang jenis King Air 200GT 9M-WSK adalah lebih tinggi daripada kos penyenggaraan berjadual. Contohnya bagi helikopter jenis Bell B430 9M-HRM, kos penyenggaraan tidak berjadual melebihi kos penyenggaraan berjadual sebanyak 415.9%, 87.3% dan 9.7% bagi tahun 2008, 2009 dan 2010. Antara kerja penyenggaraan tidak berjadual yang dilakukan adalah seperti *Computer Flight Control*, *Triple Indicator RPM*, *Brake Assy*, *Hydraulic Pump* dan membaiki enjin. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 13.4**.

**Jadual 13.4**  
**Kos Penyenggaraan Pesawat Bagi Tempoh 2008 Hingga 2010**

Jenis Pesawat	Tahun 2008			Tahun 2009			Tahun 2010		
	Berjadual (RM)	Tidak Berjadual (RM)	Jumlah (RM)	Berjadual (RM)	Tidak Berjadual (RM)	Jumlah (RM)	Berjadual (RM)	Tidak Berjadual (RM)	Jumlah (RM)
B206 L4 (9M-BCU)	97,452	38,507	135,959	63,194	*184,464	247,658	789,877	47,357	837,234
B206 L4 (9M-HSM)	67,762	58,525	126,287	80,477	*80,723	161,200	83,312	*107,697	191,009
B206 L4 (9M-HSS)	91,951	65,584	157,535	173,025	105,850	278,875	58,560	*133,259	191,819
B206 B3 (9M-SGH)	54,077	74,101	128,178	45,451	*87,927	133,378	84,727	*107,796	192,523
B206 B3 (9M-SGJ)	34,171	*67,244	101,415	246,864	37,278	284,142	43,482	42,680	86,162
Citation X (9M – ATM)	957,175	356,047	1,313,222	966,483	332,312	1,298,795	494,708	208,914	703,622
KING AIR 200GT-9M -WSK	-	*16,111	16,111	61,273	*165,593	226,866	40,228	*136,938	177,166
KING AIR 200GT-9M -WSB	-	-	-	-	-	-	-	9,918	*112,704
B430 9M-HRM	43,642	*225,159	268,801	74,610	*139,755	214,365	284,778	*312,271	597,049
EUROCOPTER 9M-WSA	55,613	*151,976	207,589	68,192	*136,952	205,144	33,912	*139,021	172,933
EUROCOPTER 9M - WSG	35,375	*104,228	139,603	44,651	*104,478	149,129	59,671	*549,203	608,874
EUROCOPTER 9M-WSM	7,657	*35,684	43,341	70,558	*128,084	198,642	270,467	179,203	449,670
EUROCOPTER 9M-AZZ	-	4,191	4,191	15,095	*60,711	75,806	33,375	*205,151	238,526
EUROCOPTER 9M-AVM	-	-	-	8,698	*39,988	48,686	23,946	*105,074	129,020
<b>Jumlah</b>	<b>1,444,876</b>	<b>1,197,357</b>	<b>2,642,232</b>	<b>1,918,571</b>	<b>1,604,115</b>	<b>3,522,686</b>	<b>2,310,961</b>	<b>2,387,268</b>	<b>4,698,229</b>

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

Nota: \*- Kos Penyenggaraan Tidak Berjadual Melebihi Kos Penyenggaraan Berjadual.

- d. Mengikut maklum balas Hornbill, kerja penyenggaraan berjadual dilakukan mengikut faktor pengukur yang ditetapkan oleh pembuat/pereka pesawat. Biasanya ia bergantung kepada jangka masa penerbangan atau hari, bulan dan tahun. Ini berbeza dengan penyenggaraan tidak berjadual yang tidak mengikut apa-apa faktor

dan bergantung kepada jenis kerosakan dan peralatan/komponen pesawat. Kos penyenggaraan tidak berjadual bergantung kepada peralatan dan jenis kerosakan serta kekerapan kerosakan itu berlaku.

#### 13.4.2.2. Helikopter Jenis Bell (*Single Engine*) Kurang Menjana Pendapatan

- a. Setiap pesawat yang dimiliki oleh Hornbill hendaklah berfungsi dengan baik supaya dapat menjana pendapatan syarikat. Hornbill mempunyai 5 buah helikopter jenis Bell (*Single Engine*) yang dibeli antara tahun 1985 hingga 2005 dengan kos berjumlah RM19.20 juta. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 helikopter tersebut kurang menjana pendapatan kepada Hornbill. Mengikut maklum balas pihak Hornbill, helikopter tersebut jarang digunakan kerana kekurangan juruterbang walaupun terdapat banyak permintaan perkhidmatannya. Contoh helikopter jenis Bell (*Single Engine*) yang jarang digunakan adalah seperti **Gambar 13.3** dan **Gambar 13.4**.

**Gambar 13.3**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hornbill Skyways Sdn. Bhd, Kuching

Tarikh: 8 Disember 2010

**Gambar 13.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hornbill Skyways Sdn. Bhd, Kuching

Tarikh: 12 Januari 2011

- b. Mengikut rekod penerbangan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sebanyak 3,059.40 jam penerbangan telah dilakukan oleh helikopter jenis Bell (*Single Engine*). Purata penggunaan bagi setiap helikopter jenis Bell tersebut adalah sebanyak 203.96 jam setahun atau 17 jam sebulan. Ini menunjukkan helikopter tersebut jarang diguna dan ditempah sekaligus mengakibatkan kerugian kerana terpaksa menampung kos operasi helikopter tersebut. Analisis Audit seterusnya mendapati bagi tempoh tersebut kos operasi bagi helikopter tersebut berjumlah RM21.36 juta iaitu melebihi hasil yang diperolehi berjumlah RM11 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 13.5**.

**Jadual 13.5**  
**Kos Operasi Helikopter Bell (Single Engine)**  
**Berbanding Hasil Bagi Tempoh 2008 Hingga 2010**

No. Pendaftaran Helikopter	Tahun 2008			Tahun 2009			Tahun 2010		
	Hasil (RM)	Kos Operasi (RM)	Rugi (RM)	Hasil (RM)	Kos Operasi (RM)	Rugi (RM)	Hasil (RM)	Kos Operasi (RM)	Rugi (RM)
B206 L4 9M-BCU	951,331	(1,089,577)	(138,246)	597,558	(1,087,020)	(489,462)	494,220	(1,749,602)	(1,255,382)
B206 L4 9M-HSM	1,273,690	(1,984,093)	(710,403)	946,399	(1,892,575)	(946,176)	826,222	(1,995,786)	(1,169,564)
B206 L4 9M-HSS	1,337,177	(1,944,164)	(606,988)	567,011	(1,944,149)	(1,377,137)	945,432	(1,959,134)	(1,013,702)
B206 B3 9M-SGH	742,155	(858,151)	(115,996)	316,413	(909,147)	(592,734)	422,946	(1,025,401)	(602,455)
B206 B3 9M-SGJ	694,395	(959,119)	(264,725)	319,600	(1,039,853)	(720,253)	566,029	(926,988)	(360,959)
<b>Jumlah</b>	<b>4,998,748</b>	<b>(6,835,104)</b>	<b>(1,836,358)</b>	<b>2,746,981</b>	<b>(6,872,744)</b>	<b>(4,125,762)</b>	<b>3,254,849</b>	<b>(7,656,911)</b>	<b>(4,402,062)</b>

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

#### 13.4.2.3. Pengurusan Kutipan Caj Penerbangan

Prosedur dan peraturan berhubung kawalan pendapatan ada dinyatakan di *Financial Instructions And Procedures Manual* (FIAPM). Ini merangkumi kawalan penempahan penerbangan persendirian, kawalan kredit pelanggan, kawalan jualan dan inbois serta pengurusan terhadap penghutang. Semakan Audit terhadap rekod penghutang Hornbill mendapati penghutang dagangan terkumpul berjumlah RM13.30 juta, RM5.41 juta dan RM6.59 juta bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009. Adalah didapati tunggakan hutang ini disebabkan Hornbill tidak mematuhi prosedur berhubung kawalan pendapatan seperti pembayaran pendahuluan tidak dikutip sebelum penerbangan, inbois kepada pelanggan tidak dikeluarkan segera selepas penerbangan dan surat peringatan tidak dikeluarkan kepada semua penghutang. Mengikut maklum balas Hornbill, pihak syarikat akan mengkaji semula polisi pemasaran dan menguatkuasakan berdasarkan prosedur kewangan yang ditetapkan bagi mengurangkan jumlah penghutang dagangan agar tidak melebihi tempoh 30 hari.

#### 13.4.2.4. Strategi Pemasaran

##### a. Iklan dan Promosi

- i. Strategi pemasaran yang sesuai dan berkesan serta berterusan hendaklah dilaksanakan bagi mendapatkan lebih banyak peluang pasaran dan sekaligus dapat menambah pendapatan syarikat. Ia adalah bertujuan bagi mengekalkan prestasi kewangan syarikat yang stabil dan kukuh. Semakan Audit mendapati Hornbill belum menyediakan rancangan strategik pemasaran. Hornbill membelanjakan sejumlah RM15,885 pada tahun 2007, RM65,198 pada tahun 2008 dan RM6,200 pada tahun 2009 untuk perbelanjaan iklan dan promosi pemasaran perkhidmatannya. Butiran perbelanjaan iklan dan promosi berbanding perbelanjaan keseluruhan Bahagian Pemasaran bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 13.6**.

**Jadual 13.6**

**Perbelanjaan Iklan Dan Promosi Hornbill Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

Butiran Perbelanjaan Tidak Langsung	Tahun 2007 (RM Juta)	Tahun 2008 (RM Juta)	Tahun 2009 (RM Juta)
Perbelanjaan iklan dan promosi	15,885	65,198	6,200
Perbelanjaan Bahagian Pemasaran	384,344	435,518	241,883
<b>Peratus (%)</b>	<b>4.1</b>	<b>14.9</b>	<b>2.6</b>

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

- ii. Antara aktiviti promosi yang dijalankan adalah seperti menyertai ekspo, mencetak risalah, cenderahati korporat dan iklan. Promosi ada dibuat di majalah *Meeting & Incentive Planner's Guide* terbitan Sarawak Convention Bureau, majalah *Happenings In Sarawak* terbitan Sarawak Tourism Board, majalah *Kuching Talk* terbitan Bumi Serasi dan Warta Pekerja Jabatan Kerja Raya Sarawak. Hornbill juga menyertai ekspo anjuran Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak dan pameran pendidikan anjuran Yayasan Sarawak.
- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati jawatan Ketua Unit (Penolong Pengurus) bagi Unit Pembangunan Perniagaan telah diluluskan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bilangan 4 Tahun 2008 pada 30 April 2008. Peranan unit tersebut adalah bagi merangka strategi perniagaan dan seterusnya memajukan syarikat. Bagaimanapun setakat tarikh pengauditan, jawatan tersebut masih belum diisi. Mengikut maklum balas, pihak Hornbill akan mengkaji untuk melaksanakan fungsi pembangunan perniagaan secara *outsourcing*.

**b. Potensi Bagi Meningkatkan Pendapatan Dari Perkhidmatan Persendirian**

- i. Visi Hornbill ialah untuk menyumbang kepada pembangunan perkhidmatan udara bersepadu di peringkat tempatan dan wilayah bagi mempromosikan industri pelancongan di Negeri Sarawak khasnya dan Negara Malaysia amnya. Berdasarkan analisis Audit, pelanggan utama Hornbill adalah daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak iaitu sejumlah RM115.69 juta atau 79.4% daripada keseluruhan pendapatan Hornbill berjumlah RM145.77 juta bagi tahun 2007 hingga 2009. Manakala perkhidmatan kepada pihak lain hanya menyumbang sejumlah RM30.08 juta atau 20.6% daripada keseluruhan pendapatan Hornbill bagi tempoh tersebut.
- ii. Mengikut rekod Kementerian Pelancongan Dan Warisan Sarawak pada tahun 2007 hingga 2009, seramai 10.34 juta pelancong datang ke Sarawak manakala rekod Perbadanan Perhutanan Sarawak pula menunjukkan seramai 353,434 pelancong tempatan dan luar negara mengunjungi 12 Taman Negara di seluruh Negeri Sarawak. Hornbill boleh mengambil peluang untuk mempromosi dan memperkenalkan pakej penerbangan eko-pelancongan ke kawasan pedalaman menggunakan pesawat Hornbill kepada pelancong yang datang ke Sarawak. Hornbill juga boleh menggunakan 5 buah helikopter jenis Bell (*Single Engine*) yang kurang digunakan atau pesawat lain untuk tujuan ini.
- iii. Semakan Audit mendapati Hornbill belum menjalinkan program usahasama strategik dengan pengusaha hotel dan agensi pelancongan bagi mempromosi

dan memperkenalkan Hornbill kepada pelancong yang datang ke Sarawak serta menawarkan pakej penerbangan ke destinasi pelancongan yang menarik di pedalaman Sarawak dengan menggunakan pesawat Hornbill. Di samping itu, Hornbill juga belum mengadakan kerjasama dengan syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines (MAS) dan Air Asia untuk membawa penumpang ke destinasi pelancongan di Sarawak yang hanya boleh diakses melalui perkhidmatan helikopter.

- iv. Mengikut maklum balas Hornbill, pihak syarikat mempunyai perancangan untuk meluaskan perkhidmatan melalui pelbagai cara dan promosi agresif. Memandangkan kebanyakan pelancong yang ingin menggunakan pesawat tidak mempunyai bajet yang cukup dan lebih cenderung untuk menggunakan penerbangan komersial sedia ada seperti MAS, Air Asia, MASwings dan Fire Fly dan juga menggunakan pengangkutan darat untuk ke kawasan pedalaman yang mana kedua-dua kemudahan ini biasanya menawarkan harga yang lebih murah. Kerjasama daripada Agensi Pelancongan juga sukar untuk diusahakan disebabkan faktor kos yang agak tinggi. Bagaimanapun pihak Hornbill akan mengusahakan sesuatu untuk meningkatkan jumlah penggunaan pesawat bagi pelancong yang berkunjung ke Sarawak khususnya.

#### **13.4.2.5. Program Kolaborasi Dengan Yayasan Sarawak**

Hornbill telah mengadakan program kolaborasi dengan Yayasan Sarawak bagi Program *Aircraft Maintenance* di Malaysia Institute of Aviation Technology, Sepang, Selangor dan *Helicopter Pilot Training* di Integrated Aviation Academy, Ipoh, Perak. Melalui program kolaborasi ini, Yayasan Sarawak akan memberikan pinjaman bagi membiayai yuran pengajian pelajar manakala Hornbill akan menyediakan *On-Job-Training* dan memberi elaun bulanan kepada pelajar. Dua pelajar program *Helicopter Pilot Training* telah menamatkan pengajian dan telah dilantik sebagai *Co-Pilot (Rotary Wing)* mulai 15 November 2010. Butiran program kolaborasi di antara Yayasan Sarawak dan Hornbill adalah seperti di **Jadual 13.7**.

**Jadual 13.7**  
**Program Kolaborasi Di Antara Yayasan Sarawak Dan Hornbill**

Bil.	Bidang Pengajian	Tempat Pengajian	Tarikh Mula Pengajian	Tarikh Tamat Pengajian	Bilangan Pelajar	Yuran Pengajian Dibayar Yayasan Sarawak Kepada Setiap Pelajar (RM)	Elaun Bulanan Dibayar Hornbill Kepada Setiap Pelajar Setiap Bulan (RM)
1.	<i>Helicopter Pilot Training</i>	<i>Integrated Aviation Academy</i>	Julai 2008	September 2010	2	305,000	750
2.	<i>Helicopter Pilot Training</i>	<i>Integrated Aviation Academy</i>	Julai 2009	September 2011	2	305,000	750
3.	<i>Diploma In Aircraft Maintenance Engineering</i>	<i>Malaysia Institute of Aviation Technology</i>	Julai 2008	Jun 2011	4	59,130	800
4.	<i>Diploma In Aircraft Maintenance Engineering</i>	<i>Malaysia Institute of Aviation Technology</i>	Julai 2009	Jun 2012	3	59,130	800

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Hornbill adalah memuaskan dan boleh ditambah baik dengan memantapkan pengurusan kutipan caj penerbangan, penyenggaraan pesawat, kos operasi dan strategi pemasaran.

#### 13.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat adalah penting bagi mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan meningkatkan integriti syarikat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, Hornbill tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan dan peraturan dalaman syarikat.

##### 13.4.3.1. Pengerusi Eksekutif Dilantik Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam *Malaysian Code On Corporate Governance* dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, adalah digalakkan wujud pengasingan tugas yang jelas antara Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat/Ketua Syarikat agar wujud amalan tadbir urus korporat yang baik. Pengerusi Lembaga Pengarah juga digalakkan agar tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak terlibat dalam operasi harian syarikat. Semakan Audit mendapati Pengerusi Eksekutif Hornbill sekarang telah juga dilantik pada bulan September 2006 sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Hornbill.

##### 13.4.3.2 Polisi/Prosedur Kerja Dan Peraturan Syarikat

Hornbill telah mewujudkan *General Terms and Conditions of Service* sebagai panduan berhubung polisi dan prosedur pentadbiran serta *Financial Instructions And Procedures*

*Manual* sebagai panduan berhubung polisi dan prosedur pengurusan kewangan. Bagi pengurusan aktiviti pula, Hornbill mempunyai *Operating Manual* dan *Maintenance Program* yang diluluskan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia. Semakan Audit mendapati *Financial Instructions And Procedures Manual* tersebut masih belum lengkap dan teratur iaitu dari segi peraturan berhubung kawalan pendapatan, perbelanjaan dan pengurusan aset.

#### **13.4.3.3. Rancangan Korporat**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 dan untuk tadbir urus korporat yang baik, syarikat Kerajaan dikehendaki menyediakan rancangan korporat dan strategi bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan tersebut hendaklah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati Hornbill belum menyediakan rancangan korporat dan strategi jangka pendek dan jangka panjang beserta indeks petunjuk prestasi (*key performance indicators – KPI*) bagi melaksanakan aktivitinya.

#### **13.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan hendaklah ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada 3 orang ahli dan tidak melebihi 5 orang ahli. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan tersebut, untuk tujuan audit yang lebih berkesan, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di peringkat Syarikat Induk perlu mempunyai ahli maksimum seramai 5 orang. Tiga ahli termasuk Pengerusinya mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif syarikat tersebut. Dua ahli yang lain perlu terdiri daripada orang luar iaitu bukan pengarah dan bukan daripada pengurusan Syarikat. Jumlah keahlian minimum adalah seramai 3 orang. Dua ahli termasuk Pengerusinya mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif syarikat tersebut manakala seorang ahli lagi terdiri daripada orang luar iaitu bukan pengarah dan bukan daripada pengurusan Syarikat Induk berkenaan atau Syarikat Subsidiari dan Bersekutunya.
- b. Semakan Audit mendapati Hornbill telah menubuhkan Jawatankuasa Audit yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Hornbill dan dianggotai oleh 3 ahli Lembaga Pengarah Hornbill yang lain. Bagaimanapun tiada orang luar dilantik sebagai ahli Jawatankuasa. Setiausaha Jawatankuasa ialah Setiausaha Syarikat. Mengikut *Financial Instructions And Procedures Manual*, Jawatankuasa Audit hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Semakan Audit seterusnya terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Audit mendapati Jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat sekali sahaja pada setiap tahun bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa ini adalah berkaitan Sistem Kawalan Dalaman, Penyata

#### 13.4.3.5. Audit Dalam

Bahagian Audit Dalam Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak yang diketuai oleh Pengurus Audit Dalaman telah dilantik sebagai Juruaudit Dalaman Hornbill pada hujung Januari tahun 2005. Semakan Audit mendapati Rancangan Audit Tahunan untuk Bahagian Audit Dalam telah dibentang dan diluluskan pada mesyuarat Jawatankuasa Audit. Bagi tahun 2007 sehingga 2009, Bahagian Audit Dalam telah melaksanakan pengauditan dan menyediakan laporan audit untuk dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Hornbill seperti di **Jadual 13.8**.

**Jadual 13.8**

**Pengauditan Yang Dilaksanakan Bahagian Audit Dalam Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

Bil.	Tarikh pengauditan	Skop Audit
1.	21.05.2007 - 30.05.2007	<i>Fixed Assets and Stationery Store</i>
2.	21.05.2007 - 30.05.2007	<i>Cash management, investment, debtors and creditors</i>
3.	13.08.2007 - 17.08.2007	<i>Security compliance in the building, safety and hazards in the workplace</i>
4.	13.08.2007 - 17.08.2007	<i>Marketing</i>
5.	14.08.2008 - 20.08.2008	<i>Fixed Assets and Stationery Store</i>
6.	11.11.2008 - 15.11.2008	<i>Marketing</i>
7.	06.01.2009 - 16.01.2009	<i>Stock Count 2008</i>
8.	05.10.2009 - 16.10.2009	<i>Cash management, investment, debtors and creditors</i>
9.	12.10.2009 - 16.10.2009	<i>Fixed Assets and Stationery Store</i>
10.	12.10.2009 - 16.10.2009	<i>Security system in the building, safety and hazards in the workplace</i>
11.	12.10.2009 - 16.10.2009	<i>Marketing Policy Compliance</i>

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

#### 13.4.3.6. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Sesebuah syarikat perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dengan melaksanakan amalan terbaik seperti membayar dividen kepada pemegang saham sekiranya mencatat keuntungan. Semakan Audit mendapati Hornbill ada membayar dividen kepada pemegang saham sebanyak 9 kali dari tahun 1983 sehingga 2009. Hornbill tidak membayar dividen secara konsisten bagi tahun kewangan di mana Hornbill mencatatkan keuntungan selepas cukai. Butiran keuntungan dan kerugian selepas cukai serta pembayaran dividen oleh Hornbill adalah seperti di **Jadual 13.9**.

**Jadual 13.9**  
**Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai Dan Pembayaran Dividen**

Bil.	Tahun Kewangan	Keuntungan/(Kerugian) Bersih Selepas Cukai (RM Juta)	Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul (RM Juta)	Pembayaran Dividen (RM Juta)
1.	1983	1.13	(0.42)	-
2.	1984	1.78	1.36	-
3.	1985	(1.38)	(0.53)	0.51
4.	1986	(0.85)	(1.38)	-
5.	1987	2.44	1.06	-
6.	1988	0.28	1.34	-
7.	1989	1.50	2.42	0.42
8.	1990	4.29	6.33	0.38
9.	1991	1.36	6.42	1.27
10.	1992	1.71	6.81	1.32
11.	1993	4.45	28.30	1.36
12.	1994	0.75	29.05	-
13.	1995	2.99	32.04	-
14.	1996	3.10	35.14	-
15.	1997	2.79	37.93	-
16.	1998	2.67	40.61	-
17.	1999	15.85	53.26	3.20
18.	2000	(2.14)	51.12	-
19.	2001	4.11	55.23	-
20.	2002	(3.37)	51.86	-
21.	2003	0.71	52.57	-
22.	2004	6.51	59.08	-
23.	2005	1.27	60.35	-
24.	2006	18.95	79.10	0.20
25.	2007	3.50	82.60	-
26.	2008	10.08	92.68	-
27.	2009	(0.35)	91.93	0.40

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

#### 13.4.3.7. Pengurusan Kewangan

- Peraturan berhubung pengurusan kewangan Hornbill ada dinyatakan pada *Financial Instructions And Procedures Manual* dan peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Semakan Audit yang dijalankan meliputi kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan, pelaburan, pengurusan sumber manusia dan aset. Bagi tahun 2008 hingga 2010, Hornbill mencatatkan pendapatan sejumlah RM165.23 juta, perbelanjaan sejumlah RM146 juta dan memiliki aset tetap bernilai RM243.46 juta.
- Semakan Audit terhadap sampel dokumen dan rekod kewangan Hornbill bagi tahun 2010 mendapati Hornbill tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berhubung kawalan pendapatan seperti caj penerbangan tidak mengikut kadar yang ditetapkan, *aircraft charter contract* tidak ditandatangani sebelum penerbangan, tiada rekod disimpan untuk tujuan penilaian kredit pelanggan, *charge sheet* tidak ditandatangani selepas

penerbangan, pembayaran pendahuluan tidak dikutip sebelum penerbangan, inbois kepada pelanggan tidak dikeluarkan segera selepas penerbangan dan surat peringatan tidak dikeluarkan kepada semua penghutang.

- c. Selain itu, didapati perolehan aset tidak dibuat secara sebut harga, perolehan aset melebihi RM500,000 tidak mendapat kelulusan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 1 Tahun 2006, daftar aset tetap tidak kemas kini dan pemeriksaan terhadap aset tidak dijalankan 2 kali setahun.

#### **13.4.3.8. Pemantauan**

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, Lembaga Pengarah Syarikat perlu mengawal rapi dan teliti prestasi semua lapisan syarikat seperti pembentangan laporan prestasi dan analisis kewangan sekurang-kurangnya 4 kali setahun dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Ini adalah bertujuan untuk kawalan dalaman serta pemantauan yang berkesan. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Hornbill telah bermesyuarat 3 kali pada tahun 2010. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan polisi dan prosedur syarikat, aktiviti, kewangan serta isu pentadbiran dan sumber manusia. Selain itu, Mesyuarat Agung Tahunan dibuat setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 143 Akta Syarikat 1965 bagi membincangkan Laporan Pengarah, Penyata Kewangan Yang Diaudit, Pengisytiharaan Dividen, Pemilihan Semula Ahli Lembaga Pengarah, Elaun Lembaga Pengarah dan Pelantikan Juruaudit Luar.
- b. Hornbill juga telah mewujudkan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Perjawatan Dan Disiplin, Jawatankuasa Kewangan Dan Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan dan Jawatankuasa Keselamatan bagi memantau dan memastikan operasi syarikat berjalan lancar dan teratur. Jawatankuasa Keselamatan ditubuhkan selaras dengan kehendak *Article 44 International Civil Aviation Organizations (ICAO)*. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Keselamatan ada menyediakan *Safety Management System (SMS) Manual* tetapi belum diluluskan oleh Jabatan Penerbangan Awam. *SMS Manual* merupakan garis panduan bagi menguruskan keselamatan merangkumi polisi, prosedur, tanggungjawab, struktur organisasi dan aktiviti keselamatan. Bilangan mesyuarat jawatankuasa yang diadakan berbanding jadual bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 13.10**.

**Jadual 13.10**  
**Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa**  
**Ditubuhkan Oleh Hornbill Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Jawatankuasa	Bilangan Ahli	Kekerapan Mesyuarat Setahun			
			Jadual	Bilangan Sebenar 2008	Bilangan Sebenar 2009	Bilangan Sebenar 2010
1.	Lembaga Pengarah	6	4	1	1	3
2.	Jawatankuasa Kewangan Dan Pelaburan	4	2	-	-	2
3.	Jawatankuasa Audit	4	2	1	1	1
4.	Jawatankuasa Pengurusan	5	-	6	6	6
5.	Jawatankuasa Perjawatan Dan Disiplin	4	2	1	1	2
6.	Jawatankuasa Keselamatan	9	-	1	-	1

Sumber: Hornbill Skyways Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, Hornbill mempunyai tadbir urus korporat yang memuaskan. Bagaimanapun, Hornbill perlu menyediakan Rancangan Korporat jangka pendek dan jangka panjang agar segala perancangan Hornbill diatur selari dengan matlamatnya dan hala tuju Syarikat serta pencapaiannya boleh diukur. Selain itu, untuk amalan tadbir urus korporat yang baik adalah digalakkan jawatan Pengerusi Eksekutif Hornbill dan Pengerusi Lembaga Pengarah Hornbill diasingkan.

### 13.5. SYOR AUDIT

Sebagai usaha menambah baik pengurusan syarikat, Hornbill Skyways Sdn. Bhd. disyorkan:

- 13.5.1. Mewujudkan Rancangan Korporat berserta indeks petunjuk prestasi sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.
- 13.5.2. Mempertimbangkan pengasingan tugas antara Pengerusi Eksekutif Hornbill dan Pengerusi Lembaga Pengarah untuk tadbir urus yang baik.
- 13.5.3. Meningkatkan pendapatan langsung untuk memperbaiki aliran tunai dan prestasi kewangan syarikat.
- 13.5.4. Mengkaji semula penggunaan helikopter jenis Bell (*Single Engine*) memandangkan helikopter tersebut kurang menjana pendapatan sebab jarang digunakan dan melibatkan kos operasi yang tinggi.
- 13.5.5. Merangka strategi pemasaran bagi mempromosi perkhidmatan yang disediakan oleh Hornbill Skyways Sdn. Bhd. seperti mengadakan usaha sama strategik dengan pihak yang terlibat dalam industri pelancongan dan seterusnya mempelbagaikan pendapatan syarikat.
- 13.5.6. Menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan teratur serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.



## **BAHAGIAN III PERKARA AM**

#### **14. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian ini** di bawah tajuk berikut:

- 14.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009
- 14.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
- 14.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

#### **15. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009**

Bagi membantu Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009, sejumlah 52 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan berterusan bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor-syor Audit. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapat setakat 30 April 2011, Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 36 syor bagi tahun 2009. Bagi 16 syor lagi, Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan telah mengambil tindakan susulan, bagaimanapun isu berkaitan masih belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

##### **15.1. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN - Pengurusan Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya**

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Pembangunan Tanah Industri Di SJFIZ</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kementerian tidak menyediakan perancangan strategik dan petunjuk prestasi utama sebagai panduan serta mewujudkan satu sistem pengukuran prestasi yang lebih teratur, lengkap dan menyeluruh. Antaranya adalah didapati lot industri yang telah dijual kepada syarikat pelabur tidak dimajukan dan syarikat pelabur tidak beroperasi walaupun kilang telah dibina.</li><li>• Secara keseluruhannya, daripada jumlah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kementerian tidak menyediakan petunjuk prestasi utama yang spesifik untuk menilai prestasi pembangunan yang dilaksanakan di SJFIZ.</li><li>• Kementerian telah menetapkan petunjuk prestasi utama untuk projek pembangunan estet perindustrian yang akan dilaksanakan.</li><li>• Untuk kawasan yang belum dibangunkan, Kementerian telah mengambil kira untuk</li></ul>

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	<p>370.14 hektar yang dibangunkan, hanya 161.17 hektar atau 43.5% adalah produktif termasuk 51.39 hektar yang dibangunkan dengan infrastruktur asas manakala 208.97 hektar atau 56.5% adalah tidak produktif merangkumi kawasan seluas 53.44 hektar yang dibangunkan tetapi belum dilengkapi dengan infrastruktur asas.</p>	<p>mendapatkan peruntukan di RMKe-10 daripada Kerajaan Persekutuan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian telah berbincang dengan Jabatan Tanah dan Survei mengenai syarikat yang tidak beroperasi dan syarikat yang tidak membina kilang dan masih dalam proses untuk mengambil tindakan susulan.</li> </ul>
2.	<p><b>Tempoh Masa Untuk Memulakan Operasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Adalah didapati permohonan lot industri untuk 3 daripada 17 syarikat pelabur bagi tahun 1992 hingga 2009 yang telah diagihkan lot industri di SJFIZ adalah dimohon secara terus kepada KPPS dan tidak melalui norma yang sepatutnya iaitu dimohon kepada Kementerian.</li> <li>Kementerian tidak menetapkan norma bagi menentu tempoh yang diperlukan oleh syarikat pelabur untuk memulakan operasi di SJFIZ. Tempoh yang diambil oleh Kementerian sebagai pusat sehenti (<i>one-stop centre</i>) untuk memproses setiap permohonan syarikat pelabur mulai tarikh penerimaan borang permohonan sehingga beroperasi di SJFIZ adalah berbeza bagi setiap syarikat pelabur iaitu antara 10 bulan hingga 11 tahun.</li> </ul>	<p>Kementerian dengan kerjasama daripada Jabatan Tanah dan Survei dan Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sumber sedang dalam proses mengenal pasti tempoh masa bagi setiap peringkat yang terlibat bermula dari syarikat ditawarkan tanah perindustrian sehingga beroperasi.</p>
3.	<p><b>Syarikat Pelabur Tidak Beroperasi Dan Tidak Memenuhi Syarat Serta Kriteria Pemilikan Lot Industri Yang Ditetapkan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian selaku PBZ perlu bertanggungjawab mentadbir SJFIZ selaras dengan peruntukan Seksyen 3 (2), Akta Zon Bebas 1990 seperti memastikan syarikat pelabur yang dilulus dan diagih lot industri di SJFIZ memenuhi syarat serta kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian dan Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak.</li> <li>Analisis Audit terhadap 17 syarikat pelabur yang diagih lot industri di SJFIZ mendapati 10 syarikat pelabur memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan manakala baki 7 syarikat pelabur tidak memenuhi syarat dan kriteria tersebut. Semakan Audit mendapati 4 syarikat pelabur belum membina kilang di lot industri yang diagih walaupun telah melebihi tempoh yang telah disyaratkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Tanah dan Survei telah dimaklumkan mengenai syarikat yang tidak beroperasi dan tidak memenuhi syarat. Tindakan seterusnya adalah di bawah bidangkuasa Jabatan tersebut.</li> <li>Jabatan Tanah dan Survei masih dalam proses untuk pengambilan balik tanah.</li> </ul>
4.	<p><b>Kawalan Keselamatan Di SJFIZ Lemah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Zon bebas dianggap sebagai satu kawasan di luar Malaysia di bawah Seksyen 2 (1A) Akta Kastam 1967. Bahagian III Seksyen 15 (1) Akta Zon Bebas 1990 memperuntukkan bahawa tidak ada orang boleh masuk atau menetap di zon perindustrian bebas tanpa kebenaran PBZ. Bahagian II Seksyen 4 (1) (a) dan (b) Peraturan Zon Bebas 1991 pula menghendaki PBZ mengawal pergerakan orang dan barang yang keluar masuk ke zon.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemasangan boom gate di kedua-dua pintu masuk adalah di peringkat memohon waiver.</li> <li>Bagi pemasangan CCTV, Kementerian telah memohon dana daripada MIDA.</li> </ul>

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan Audit mendapati sebanyak 8 laporan mengenai isu keselamatan di SJFIZ telah dikemukakan kepada Kementerian bagi tahun 2005 hingga 2009. Antaranya adalah surat aduan bertarikh 26 November 2008 daripada salah sebuah syarikat pelabur mengenai berlakunya kes kecurian 115 tiang besi pagar syarikat berkenaan. Kegiatan vandalisme lampu jalan juga telah dilaporkan oleh Syarikat SESCO Bhd. melalui surat bertarikh 23 Februari 2009.</li> <li>Pergerakan keluar masuk pekerja kilang dan orang awam dengan bebas dan berlakunya kes kecurian serta vandalisme antara lainnya adalah disebabkan kawalan keselamatan yang lemah. Ini boleh memberi persepsi negatif mengenai keselamatan di SJFIZ kepada syarikat pelabur sedia ada dan pelabur berpotensi.</li> </ul>	

## 15.2. PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

### - Pengurusan Projek Dan Program Pembangunan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p><b>Dana Terikat Dalam Hartanah Yang Tidak Dibangunkan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Medan Niaga Mukah (RM133,136)</li> <li>Ladang Bersepadu Ternakan Ayam Pedaging (RM72,000)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini ditangguhkan atas arahan Kerajaan Negeri memandangkan ketika itu masih banyak rumah kedai yang dibangunkan pihak LCDA. PPES akan meneruskan projek ini sekiranya ada keperluan, khususnya dengan pembangunan SCORE.</li> <li>Projek Ladang Bersepadu Ayam Pedaging masih ditangguh. Tapak di Kampung Empila telah disenaraikan sebagai hartanah PPES untuk projek selanjutnya.</li> </ul>
2.	<p><b>Modal Tidak Dibayar Balik Oleh Anak Syarikat/Syarikat Swasta</b></p> <p>Kompleks Perikanan Tanjung Manis (RM224,492)</p>	PPES akan membuat pelarasan ke atas amaun ini di dalam penyata kewangan PPES tahun 2010 melalui dana Kompleks Perikanan Tanjung Manis kerana aktiviti yang dijalankan oleh Sarapine Sdn. Bhd. (tunggakan amaun kerana syarikat tidak lagi beroperasi) adalah bagi tujuan projek Kompleks Perikanan Tanjung Manis.
3.	<p><b>Geran Tidak Dimanfaat/ Diguna Untuk Tujuannya Diberi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kompleks Perikanan Tanjung Manis (RM4.98 juta)</li> <li>Akuakultur Estet Perikanan (RM4.97 juta)</li> <li>Ladang Nanas (RM2.81 juta)</li> <li>Ladang Kelapa Matag (RM5.8 juta)</li> <li>Skim Pinjaman Persekutuan (RM79,337)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dana ini akan digunakan untuk projek <i>Halal Hub</i> di Tg. Manis termasuk <i>halal abattoir, cattle breeding and feedlotting</i>. Permohonan untuk tanah seluas 700 hektar di Serdeng, Tanjung Manis telah dihantar kepada SPA untuk kelulusan tetapi tidak dapat diluluskan</li> </ul>

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Usahawan (RM6.5 juta)</li> <li>• Dana Modal Putra (RM12.5 juta)</li> </ul>	<p>buat masa ini memandangkan Pelan Induk Tanjung Manis belum lagi dimuktamadkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dana ini akan digunakan bagi <i>expansion</i> projek Akuakultur di Santubong, Kuching (pada pertengahan 2011 dan 2012).</li> <li>• PPES sedang dalam proses permohonan untuk pindahan dana ini bagi kegunaan penambahbaikan dan peningkatan Ladang lembu di Sungai Karabungan, Miri.</li> <li>• PPES sedang dalam proses memohon untuk pindahan dana bagi tujuan industri penternakan lembu termasuk pembangunan <i>halal abattoir</i> di Siburan dan juga pembangunan ternakan lembu di Sg. Karabungan, Miri. PPES sedang dalam proses membuat pelan, susunatur untuk pusat penyembelihan bagi tujuan mendapat kelulusan SPA.</li> <li>• Permohonan untuk kelulusan pindahan semula peruntukan dari Skim Pembiayaan bersama Usahawan Menengah Bumiputera Pusat Negeri (SSPN) kepada Projek Desa – Pelbagai, sedang dalam proses permohonan kepada Pejabat Kewangan Negeri.</li> <li>• Pelan Pembangunan untuk Pusat Usahawan di tapak bersebelahan projek Kubah Ria yang baru siap telah dikemukakan kepada SPA untuk kelulusan pada 22 Oktober 2010.</li> <li>• PPES belum lagi dapat memberi persetujuan untuk pihak bank mendebit/menolak dana yang disandarkan oleh PPES kerana SFS juga belum memberi persetujuan.</li> </ul>

### 15.3. PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN SARAWAK

#### - Pengurusan Program Pembangunan Rumah Mampu Milik

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<b>Kajian Kemungkinan</b> Tiada bukti menunjukkan kajian kemungkinan secara khusus bagi setiap projek pembangunan perumahan yang telah dilakukan. Terdapat 31 projek di dalam RMKe-7 hingga RMKe-8 dilaksanakan tanpa kajian kemungkinan.	Perkara ini sedang diambil kira dalam pembangunan projek baru.
2.	<b>Rumah Tidak Selamat Dihuni</b> Empat daripada 24 blok rumah pangsa telah dirobohkan pada tahun 2007. Tidak ada bukti Jawatankuasa Teknikal ditubuhkan oleh Perbadanan untuk mengkaji masalah pergerakan bawah tanah yang menyebabkan kerosakan pada bangunan tersebut. Tidak ada permohonan dibuat oleh Perbadanan kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri Sarawak untuk melulus pelupusan blok tersebut.	Perancangan pembangunan baru sedang diljalankan.
3.	<b>Baki Rumah Tidak Dapat Dijual</b> Sebanyak 2,216 unit rumah bernilai RM128.42 juta tidak dijual.	Tindakan proses jualan berterusan diambil oleh HDC. Pemantauan terhadap jualan

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RMM Tanjung Manis 'B', Sarikei</li> <li>• RMM Rangau III, Limbang</li> <li>• RMM Marudi, Miri</li> <li>• RMM Town Villa, Sibujaya, Sibu</li> <li>• RMM Taman Kenanga, Betong</li> </ul>	sedang diambil.

#### 15.4. SACOFA SDN. BHD.

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p><b>Analisis Penghutang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Audit terhadap rekod mendapati penghutang dagangan SACOFA berjumlah RM10.87 juta pada tahun 2006, RM15.79 juta pada tahun 2007 dan RM14.65 juta pada tahun 2008. Analisis Audit mendapati tempoh hutang dagangan melebihi 30 hari adalah sejumlah RM7.93 juta atau 73% pada tahun 2006, RM11.75 juta atau 74.4% pada tahun 2007 dan sejumlah RM9.44 juta atau 64.4% pada tahun 2008.</li> <li>• Lain-lain penghutang juga mencatatkan peningkatan iaitu sejumlah RM2.28 juta pada tahun 2006, RM3.46 juta pada tahun 2007 dan RM5.37 juta pada tahun 2008.</li> <li>• Mengikut maklum balas SACOFA, kutipan yang perlahan ini disebabkan oleh isu berkaitan dokumentasi, proses dan lain-lain. Jawatankuasa <i>Debtors Ageing &amp; Late Payment</i> yang ditubuhkan pada bulan Julai 2009 akan memastikan tindakan yang lebih tegas dikenakan terhadap penghutang yang lambat membayar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod penghutang dagangan SACOFA pada tarikh 28 Februari 2011 berjumlah RM30.13 juta. Jumlah hutang dagangan yang melebihi tempoh 30 hari adalah 88% (RM26.37 juta) pada tarikh terkini.</li> <li>• Ini adalah disebabkan oleh isu Purchase Order dengan salah satu penghutang (bernilai RM14.70 juta). Isu ini telah diselesaikan dan pihak penghutang telah membuat pembayaran dalam bulan Mac 2011.</li> </ul>
2.	<p><b>Pengurusan Kontrak</b></p> <p><b>Dokumen Kontrak Tidak Lengkap</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 3 daripada 20 kontrak perjanjian tidak dilengkapi dengan skop kerja, harga kontrak, tempoh kontrak, senarai harga serta kuantiti dan pelan lukisan kontrak yang lengkap. Surat setuju terima tender juga didapati tidak ditandatangani oleh SACOFA. Surat setuju terima tender yang lengkap hanya dikeluarkan setelah kontrak siap ditandatangani. Ini adalah disebabkan kontrak perjanjian tersebut dibuat secara umum mengikut kontraktor yang berkenaan dan tidak mengikut setiap projek yang dilaksanakan.</p> <p>Menurut maklum balas, SACOFA telah menghantar surat kepada Peguam Besar Negeri pada bulan Mac 2010 untuk mendapatkan pandangan sama ada kontrak perjanjian yang disediakan oleh SACOFA adalah sah diguna pakai. Setakat ini, pihak SACOFA belum menerima maklum balas dari pihak Peguam Besar Negeri berhubung perkara tersebut.</p>	Susulan kepada surat – surat daripada SACOFA kepada Pejabat Peguam Negeri, pihak pengurusan telah menghubungi Pejabat Peguam Negeri untuk mengadakan mesyuarat perbincangan mengenai perkara-perkara tersebut. Beberapa tarikh telah dipersetujui oleh Pejabat Peguam Negeri untuk mesyuarat tersebut pada bulan Julai 2010, Disember 2010 dan Februari 2011 tetapi terpaksa dibatalkan oleh Pejabat Peguam Negeri kerana perkara-perkara penting di saat-saat akhir yang melibatkan kes-kes mahkamah. Pihak pengurusan SACOFA dimaklumkan jadual Yang Arif Peguam Besar sentiasa sibuk dan selalunya hanya akan dapat tarikh mesyuarat dalam berbulan berikutnya.

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	<p><b>Kontrak Perjanjian Tidak Disemak Dan Tidak Diluluskan Oleh Peguam Besar Negeri</b></p> <p>Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan bahawa kontrak perjanjian pembinaan yang disediakan oleh SACOFA telah disemak oleh Peguam Besar Negeri sebelum ianya digunakan. Adalah tidak dapat dipastikan sama ada semua syarat kontrak, klausa, peraturan dan dokumen dalam kontrak perjanjian tersebut telah disediakan dengan lengkap dan teratur serta dapat menjamin kepentingan SACOFA.</p> <p>Menurut maklum balas SACOFA, draf kontrak perjanjian tidak dikemukakan kepada Peguam Besar Negeri kerana tidak ada arahan dari Kerajaan Negeri supaya kontrak perjanjian disemak dan diluluskan terlebih dahulu sebelum ianya digunakan.</p> <p>Bagaimanapun, SACOFA ada mengemukakan surat kepada Peguam Besar Negeri pada bulan Februari 2010 bagi mendapatkan pandangan dan komen terhadap keperluan semakan dan kelulusan kontrak perjanjian sebelum digunakan. Pada bulan Mac 2010, Peguam Besar Negeri telah memaklumkan kepada SACOFA untuk merujuk perkara tersebut kepada Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.</p>	
3.	<p><b>Pemindahan/ Pengambilalihan Menara Telekomunikasi Belum Dibuat Sepenuhnya</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2009, tindakan pemindahan dan pengambilalihan menara syarikat telekomunikasi adalah perlana. Adalah didapati sebanyak 440 buah menara milik syarikat telekomunikasi di seluruh Sarawak belum dipindah dan diambil alih oleh SACOFA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 293 buah menara dibina atas bumbung bangunan dan baki 147 dibina atas tanah.</p> <p>Menurut maklum balas SACOFA, setakat ini lebih kurang 70% daripada struktur yang berada di bumbung bangunan telah dipindahkan ke menara telekomunikasi SACOFA. Proses pemindahan bergantung kepada adanya tapak alternatif yang perlu memenuhi Garispanduan Perancangan Negeri dan objektif liputan Celcos. Kebanyakan struktur atas bumbung bangunan yang belum dipindahkan belum lagi mendapat tapak alternatif yang sesuai mengikut kehendak di atas dan masih lagi dalam proses survei. Proses ini dijangka mengambil masa yang panjang disebabkan struktur yang tertinggal berada di kawasan yang mana tapak alternatif kebanyakannya tidak menenuhi kehendak di atas. Bagi menara atas tanah, SACOFA sudahpun mengambil alih 103 menara milik TM</p>	<p>Proses Pemindahan atau Pengambilahan 114 Menara Telekomunikasi (selepas verifikasi) daripada TELCO masih dalam perbincangan. Proses ini dijadualkan akan siap pada penghujung bulan Jun 2011. Buat ketika ini proses ini didalam rundingan peringkat akhir perkara komersial.</p>

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	dan sekarang dalam proses mengambil alih 119 menara milik Celcos. Kelambatan proses pengambilalihan adalah disebabkan oleh faktor yang tidak dapat dielakkan.	

## 15.5. PIHAK BERKUASA TEMPATAN

### - Pengurusan Projek Pembangunan Prasarana Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p><b>Pencapaian Fizikal Projek Pembangunan</b></p> <p>a) Projek Belum Mula</p> <p><b>MD Subis</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Cadangan Pembinaan Pasar Serbaguna Bekenu/Pusat Penjaja</li> <li>Cadangan Membina Perpustakaan Desa Suai</li> <li>Perpustakaan Awam Bekenu</li> </ul>	<p><b>MD Subis</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Projek masih dalam proses tender semula.</li> <li>Kos pampasan, survey dan perkhidmatan telah dibayar kepada Ibu Pejabat Tanah dan Survei Kuching pada 9 Mac 2011. Survey job akan dibuat oleh Jabatan Tanah dan Survei Miri setelah menerima bayaran pengambilan tanah. Majlis telah mendapat kelulusan Rekabentuk Bangunan kepada JPRBK setelah mendapat kelulusan/keputusan survey job yang dibuat oleh Jabatan Tanah dan Survey.</li> <li>Majlis hanya mempunyai peruntukan RM200,000 untuk projek ini. Majlis memutuskan untuk hanya menggunakan tanah seluas 0.5 hektar dan bernilai RM100,000. Baki peruntukan RM100,000 akan digunakan untuk menembok dan membina jalan masuk. Surat permohonan untuk mengecilkan tapak projek telah dihantar kepada Jabatan Tanah dan Survei, Miri pada 9 Mac 2011 tetapi belum mendapat maklum balas.</li> </ul>

## 15.6. JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK

### - Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Pendahuluan Royalti Tidak Dibayar Oleh MFSB	JTS masih menunggu arahan dan keputusan lanjut daripada KPPS.
	<b>PUSAKA Mengenakan Caj RM2.50 Satu Meter Padu Tanpa Kelulusan Menteri KPPS</b>	JTS masih menunggu arahan dan keputusan lanjut daripada KPPS.
	<b>Pasir Dari Tanjung Manis Dibawa Keluar Tanpa Kelulusan Menteri</b>	JTS masih menunggu arahan dan keputusan lanjut daripada KPPS.

**16. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2009 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2008 dan Tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 1 November 2010.

**17. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

17.1. Sepanjang tahun 2010, tiada mesyuarat diadakan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak untuk membincang Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Bagaimanapun, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak telah mengadakan satu sesi perbincangan pada 26 November 2010 untuk mengenal pasti isu-isu dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 dan tahun 2009 yang akan dibincangkan oleh Jawatankuasa dalam mesyuarat seterusnya.

17.2. Jawatankuasa Kira-kira Awam telah bermesyuarat sekali sahaja pada Januari 2011 untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2008 dan 2009. Semasa membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan telah diminta hadir untuk menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa seperti di **Jadual 17.1**

**Jadual 17.1**  
**Isu-isu Yang Dibangkitkan Oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri**

Tarikh	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat		Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat
Januari 2011	2.5.1(c)(ii)	Tempoh Tuggakan	Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Samarahan
	2.5.3	Hapus Kira Hutang Lapuk	
	3.5.1(a)	Pewartaan Kawasan Tadahan Air	
	3.5.1(b)	Perlindungan Kawasan Tadahan Air	Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak, Jabatan Kimia Sarawak dan Jabatan Kesihatan Sarawak
	3.5.2(b)	Kaedah Makmal Yang Diamalkan	
	3.5.4(b)	Penyenggaraan Stesen Persampelan	
	3.5.5(d)	Pemasangan Saluran Paip Di Kawasan Pembetungan	
	5.5.1(a)	Pencemaran Sungai (i) Turbidity Air Sungai Di Sarawak (ii) Total Suspended Solid(TSS) Di Sungai Utama Sarawak	

Tarikh	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat	Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat	
	(iii) Kandungan Oksigen Laut( <i>Dissolved Oxygen</i> ) Di Sungai Utama Sarawak		
5.5.1(c)	Tanah Runtuh Dan Hakisan Tebingan Sungai	Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber Sarawak	
5.5.1(d)	Flora Dan Fauna	Jabatan Hutan Sarawak	
5.5.1(e)	Laporan Kesan Alam Sekitar (Environmental Impacts Assesment-EIA)		
5.5.1(f)	Pelanggaran Syarat Lesen		
5.5.2(a)	Kawasan Hutan Simpan Kekal Yang Dimansuhkan		
5.5.2(b)	Hutan Lindungan Sepenuhnya Yang Belum Diwartakan		
5.5.3	Kawalan Dan Penguatkuasaan Yang Kurang Berkesan		
5.5.3(a)	Pembalakan Haram		
5.5.3(b)	Pencerobohan Dan Pembalakan Haram Di HLS		
5.5.4	Kawasan Pembalakan Tahunan Melebihi Catuan Tebangan Tahunan		
9.5.16	Penyenggaraan Sistem	Yayasan Sarawak	
11.5.4	Pengurusan Kewangan		
11.5.5(a)(i)	Projek Pembinaan Hotel Seri Malaysia Di Daerah Lawas	Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.	
11.5.7(b)(i)	Analisis Trend Kerugian Syarikat		
11.5.10	Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham		
19 Januari 2011	4.6.3(a)(ii)	Akaun Amanah Khas-Akaun Dana Boya Dan Api (Buoys And Light Fund)	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak
	4.6.3(a)(iii)	Akaun Amanah Khas-The Forest Concession Area (Rehabilitation And Development Fund)	Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber Sarawak
	8.3.3	Pengesahan Penyata Kewangan	Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak
	8.4.2	Pembentangan Penyata Kewangan	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah
	3.4.1	Pencapaian Fizikal Projek Pembangunan (a) Projek Belum Bermula	Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak
	3.4.4	Prestasi Kewangan	
	5.4.5	Perolehan Kereta Terpakai Dari Luar Negara (b) Dokumen Pengagihan Dan Penerimaan Kenderaan Tidak Dikemukakan	Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri
	5.4.6(a)(i)	Jabatan Ketua Menteri	Jabatan Kerja Raya Sarawak
	5.4.6(a)(ii)	Jabatan Ketua Menteri	
	5.4.6(b)	Jabatan Kerja Raya	
	8.4.1(a)(ii)	Projek Yang Ditender Semula	Jabatan Kerja Raya Sarawak
	8.4.3(a)	Pasukan Pemantau	
	8.4.3(e)	Lanjutan Masa	

Tarikh	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat		Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat
	8.4.4	Strategi Jangka Panjang Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) Tidak Disediakan	
	9.4.3	Projek Dan Program Yang Dibatalkan Dan Ditangguhkan	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
	9.4.4	Matlamat Projek Belum Tercapai Sepenuhnya	
	9.4.6	Pemantauan Kurang Berkesan	
20 Januari 2011	7.4.1(a)	Impak Kepada Kualiti Air	Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak
	7.4.1(b)(i)	Runtuhan Di Kawasan Tebing Sungai	
	7.4.1(b)(ii)	Kestabilan Tebing Sungai Terjejas	
	7.4.1(c)(i)	Lot Tanah Di Kampung Paroh Telah Menjadi Lagun	
	7.4.1(c)(ii)	Impak Kepada Kestabilan Tanah Dan Tebing Sungai	
	7.4.1(c)(iii)	Pembentukan Kolam Buatan Di Tanjung Sari, Lawas Dan Sungai Telekat Kuala Balingian,Mukah	
	7.4.2	Laporan EIA Tidak Disediakan	
	7.4.3	Pengecualian Laporan EIA Kepada MFSB Bercanggah Dengan Peruntukan Perundangan	
	7.4.4(a)	Syarat Khas Lesen Tidak Menetapkan Secara Khusus Salinan Laporan EIA Dikemukakan Kepada JTS	
	7.4.4(b)	Penentuan Had Tempoh Tidak Dijelaskan Secara Khusus Dalam KTS 1958	
	7.4.4(c)	MFSB Tidak Mempunyai Kuasa Untuk Mengeluarkan Permit	
	7.4.5(a)(i)	Sungai Nolan, Bau Lesen 1D/01/2009	
	7.4.6(a)	Pendahuluan Royalti Tidak Dibayar Oleh MFSB	
	7.4.6(b)(i)	PUSAKA Mengenakan Caj RM2.50 Satu Meter Padu Tanpa Kelulusan Menteri	
	7.4.6(b)(ii)	Pasir Dari Tanjung Manis Dibawa Keluar Tanpa Kelulusan Menteri	
	7.4.7(b)	Denda Kompaun Tidak Dikenakan	
	7.4.7(b)(i)	Pengambilan Pasir Tanpa Lesen Di Batang Igan Dan Jalan Lanang Sibu	
	7.4.7(b)(ii)	Pengambilan Pasir Tanpa Lesen Di Tanjung Jol Matu,Mukah	
	11.4.1(a)	Pemasaran	Lembaga Pelancongan Sarawak
	11.4.2	Maklumat Pelancong	
	11.4.4	Penjenamaan Produk	
	11.4.5	Kurang Kerjasama Dalam Industri Pelancongan	
	10.4.1	Kajian Kemungkinan	Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak
	10.4.2	Pelaksanaan Kontrak Secara Turnkey	
	10.4.3(a)	Rumah Tidak Selamat Untuk Dihuni	

Tarikh	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat		Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat
	10.4.3(b)	Kerja Naik Taraf Tanpa Perancangan Yang Teliti	
	10.4.3(c)	Harga Jualan Tanpa Kelulusan	
	10.4.3(d)	Rumah Dijual Kepada Kontraktor	
	10.4.3(e)	Projek Terbengkalai (RMM Pusa)	
	10.4.4	Baki Rumah Tidak Dapat Dijual	
	10.4.5	Tunggakan Oleh Pembeli	
	13.4.1(d)(vii)	Analisis Penghutang	SACOFA
	13.4.2(a)(ii)	Pembinaan Menara Di Kawasan Bukit	
	13.4.2(a)(v)	Menara Telekomunikasi Telah Siap Dibina Tetapi Belum Digunakan	
	13.4.3(d)	Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham	

Sumber: Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak Ke-44 Dan Ke-45



## PENUTUP

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

### JABATAN AUDIT NEGARA

**Putrajaya**  
**1 Julai 2011**